

**PERANAN KOMISI PEMBERANTASAN KORUPSI DALAM
MEREALISASIKAN URUS TADBIR BAIK DALAM ISLAM
DI INDONESIA**

AFRIADI BIN SANUSI

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

**PERANAN KOMISI PEMBERANTASAN
KORUPSI DALAM MEREALISASIKAN
URUS TADBIR BAIK DALAM ISLAM
DI INDONESIA**

AFRIADI BIN SANUSI

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

**PERANAN KOMISI PEMBERANTASAN
KORUPSI DALAM MEREALISASIKAN
URUS TADBIR BAIK DALAM ISLAM
DI INDONESIA**

AFRIADI BIN SANUSI

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR
FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

**UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama : Afriadi Bin Sanusi
No. Matrik : IHA080072
Nama Ijazah : Doktor Falsafah / PhD
Tajuk Tesis : PERANAN KOMISI PEMBERANTASAN KORUPSI DALAM
MEREALISASIKAN URUS TADBIR BAIK DALAM ISLAM DI
INDONESIA
Bidang Penyelidikan: Pentadbiran Awam Perbandingan

Saya dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja Ini;
- (2) Hasil Kerja Ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja Ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja Ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja Ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam hasil kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam penghasilan Hasil Kerja Ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan

Tandatangan Saksi

Tarikh

Abstrak

Tesis ini mengkaji tentang **Peranan Komisi Pemberantasan Korupsi Dalam Merealisasikan Urus Tadbir Baik Dalam Islam di Indonesia**. Ia meneliti sejauh mana usaha dan peranan KPK dalam membanteras korupsi serta kesannya terhadap pembangunan dan amalan urus tadbir baik di Indonesia. Kajian ini adalah penting kerana isu korupsi adalah masalah yang menimpa semua negara saat ini. Tesis ini secara amnya adalah kajian bersifat kualitatif. Berdasarkan tajuk kajian ini, ia cuba untuk meletakkan dasar pemikiran tentang bagaimana pemberantasan korupsi dapat mewujudkan urus tadbir baik dalam perspektif Islam. Pengkaji menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan dan dokumentasi yang mengumpulkan bahan dari buku, jurnal, majalah, surat khabar, laman web rasmi terutama data yang dikeluarkan oleh KPK seperti laporan tahunan, jurnal Integrito, laporan akauntabiliti tahun 2013 hingga 2014 dan sebagainya. Untuk membina sebuah asas tesis yang kuat dari perspektif sains politik Islam, pengkaji dahulukan kajian ini dengan korupsi dalam pandangan Islam, diikuti dengan pembahasan tentang kaitannya dengan urus tadbir baik dalam perspektif sains sosial. Isu yang dibangkitkan ialah apa kaitan antara korupsi dengan urus tadbir baik di Indonesia, apa pendekatan KPK dalam pemberantasan korupsi, dan bagaimana strategi KPK dalam pemberantasan korupsi tahun 2013 dan 2014. Kekuatan, kelemahan KPK, langkah-langkah penambahbaikan oleh KPK Tahun 2013-2014 juga termasuk dalam pembahasan ini. Dapatan kajian ini mendapati, usaha KPK dalam membanteras korupsi mempunyai pengaruh yang positif terhadap pembangunan urus tadbir baik di Indonesia. Keberhasilan ini dapat diukur melalui indeks persepsi korupsi, indeks demokrasi, indeks sumber manusia di Indonesia. Kesimpulan daripada kajian ini menyarankan agar institusi KPK haruslah dipertahankan kerana ia memberi manfaat yang banyak kepada bangsa dan negara. Namun, pimpinan dan anggota KPK yang bermasalah dan tidak produktif haruslah ditukar ganti demi kualiti, kredibiliti dan integriti KPK di masa akan datang.

Abstract

This research examines the role of the Commission on Combating Corruption to Realize Good Governance from Islamic Perspective in Indonesia. It examines the extent to which the effort and the role of the Commission in fighting corruption and its impact on development and good governance practices in Indonesia. This research is important because the issue of corruption is a problem affecting all countries nowadays. This research is a qualitative research. This researches trying to show how the fighting of corruption can establish good governance from Islamic perspective. The researcher uses library research methodology and documentation in conducting this research. All the data and materials gathered from books, journals, magazines, newspapers, websites, information provided by the Commission, such as annual reports, Journals Integrito, 2013 and 2014 reports of accountability and so on. In building a theoretical framework for this research, status of corruption from Islamic perspectives was discussed followed by a discussion of its' relation with good governance from Social Science perspective. The issue which was raised is the link between corruption and good governance in Indonesia, KPK's approaches in fighting corruption, and KPK's strategies in fighting corruption in 2013 and 2014. The KPK's strengths and weaknesses as well as its' improvement efforts in 2014 and 2015 were included in this discussion. This research found that the KPK's corruption fighting has a positive influence on the development of good governance in Indonesia. This achievement can be measured by through the index of perception of corruption, democracy index, and the index of human resources in Indonesia. The conclusion from this research suggests that the Commission Institution should be maintained because it provides many benefits to the nation. However, the problematic and unproductive leadership and members of the Commission should be transformed for better quality, credibility and integrity of the Commission in the future.

Penghargaan

Segala puji bagi Allah SWT. yang mencipta, menguasai dan mengatur alam semesta berserta isinya. Tuhan yang menurunkan permulaan al-Qur`an di bulan Ramadan sebagai petunjuk bagi manusia, penjelasan dan pembeza antara yang hak dengan yang batil. Tuhan yang dekat dengan hamba-Nya serta Tuhan yang mengabulkan doa hambahambanya yang berdoa. Sholawat dan Salam semoga dilimpahkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Sebagai pemimpin dan contoh teladan yang sesuai kata dengan perbuatannya.

Alhamdulillah berkat rahmat dan inayat dari Allah saya dapat menyiapkan tesis ini. Ibarat kata pepatah, tiada gading yang tak retak dan tiada manusia yang tak bersalah, begitu jugalah adanya tesis ini. Ini bukanlah sebuah karya akhir, tetapi waze kompas yang menunjukkan ke arah perbincangan, kajian dan pembahasan yang amat luas lagi setelah ini. Namun begitu semua ini hanyalah ilmu pemberian Allah yang amat sedikit sekali bila dibandingkan dengan ilmu Allah SWT.

Dalam kesempatan ini penulis ingin mengucapkan doa semoga Allah SWT menempatkan ayahanda Almarhum Haji Sanusi Sutan Saripado di tempat orang-orang yang beriman, para syuhada dan solihin serta para anbiya wal mursalin. Yang telah bersusah payah berjuang dengan gigih dalam mendidik dan membesarkan penulis selama ini. Terima kasih kepada Ibunda Hajah Nursaan Datuk Paduko yang dengan ikhlas membesarkan anaknya dengan pelbagai suka duka dan air mata. Kepada adik-beradik dan keluarga di Indonesia dan Malaysia saya ucapkan terima kasih

Terima kasih yang tidak terhingga kepada ayah mertua penulis Dato` Haji Wan Mohammad dan Datin Hajah Sa`adah yang sudi menerima penulis menjadi menantu di saat penulis belum memiliki pendapatan tetap dengan kos pendidikan yang tinggi. Kepada isteri Wan Zafirah Hanim yang banyak membantu penulis dari segi kewangan, semangat dan pengertian untuk memberi peluang penulis melakukan kajian selama ini. Kepada ananda Aishah dan Humairaa` senyuman dan tangisan kalian memberi semangat juang bagi ayah selama ini.

Kepada penyelia Prof. Madya Dr Sharifah Hayaati yang dengan tekun dan sabar membimbing penulis sehingga sampai ke tahap ini. Kepada para pensyarah Jabatan Siasah Syariah yang sudi memberi tunjuk ajar dan bantuan seperti Dr Zaidi Abdul Rahman, Dr Siti Arni, Dr Raja Hishamuddin, Dr Osman Rasip, Dr Lukman Taib dan pegawai siasah lainnya. Secara personel terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr Bharuddin Che Pa yang memberi kepercayaan kepada penulis untuk menjadi Research Assistant (RA) dan akhirnya menjadi team penyelidik beberapa tahun dalam pelbagai projek penyelidikan di Jabatan Siasah yang sangat membantu penulis dalam bidang pengalaman penyelidikan dan sumber kewangan.

Terima kasih kepada semua yang telah membantu selama ini tanpa menyebutkan nama satu persatu. Semoga kebaikan yang diberi dibalas Allah dengan berjuta kebaikan dan dibalas Syurga oleh Allah SWT. Amin

Kuala Lumpur, April 2016

Afriadi Sanusi

DAFTAR ISI

Perakuan Keaslian Penulisan	i
Abstrak	iii
Abstrac	v
Penghargaan	vi
Daftar Isi.....	vii
Daftar Singkatan.....	xi
Panduan Transliterasi	xiii

BAB I PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan	1
1.2. Latar Belakang Masalah Kajian	7
1.3. Objektif Kajian.....	11
1.4. Kepentingan Kajian.....	12
1.5. Skop Kajian.....	13
1.6. Pengertian Tajuk	14
1.7. Kajian Terdahulu.....	16
1.8. Metodologi Kajian	28
1.9. Analisis Data	36
1.10. Kaedah Penentuan Subjek.....	37
1.11. Sistematika Penulisan.....	40

BAB II KORUPSI DALAM PANDANGAN ISLAM

2.1. Pengertian Korupsi Menurut Islam	41
2.2. Rasuah Adalah Sebahagian Dari korupsi	43

2.3. Pembahasan Korupsi Dalam al-Quran	46
2.4. Korupsi Menurut al-Sunah	54
2.5. Korupsi Sebagai Perbuatan Mungkar	58
2.6. Pemberantasan Korupsi Pada Zaman Awal Islam	63
2.7. Pemberantasan Korupsi Menurut Analisis Islam	67
2.8. Analisis dan Kesimpulan	78

BAB III KORUPSI DAN KAITANNYA DENGAN URUS TADBIR BAIK

3.1 Pendahuluan	81
3.2. Definisi Korupsi	81
3.3. Urus Tadbir Baik Menurut Beberapa Sumber	92
3.4. Konsep dan Pelaksanaan Urus Tadbir Baik Menurut Islam	104
3.5. Urus Tadbir Baik Menurut Beberapa Tokoh Indonesia	116
3.6. Kesan Korupsi Terhadap Urus Tadbir	120
3.7. Institusi Pendukung Urus Tadbir Baik di Indonesia	124
3.8. Analisis dan Kesimpulan	126

BAB IV KORUPSI DAN URUS TADBIR BAIK DI INDONESIA

4.1. Pendahuluan	129
4.2. Gambaran Korupsi di Indonesia	130
4.3. Korupsi dan Pemberantasan Korupsi Sebuah Pengamatan	138
4.4. Akibat Dari Korupsi di Indonesia	140
4.5. Sejarah Pemberantasan Korupsi di Indonesia	146
4.6. Beberapa Organisasi Gerakan Anti Korupsi di Indonesia	157
4.7. Perjalanan Urus Tadbir Baik di Indonesia	160
4.8. Cabaran Urus Tadbir Baik Dalam Sejarah Indonesia	169

4.9. Demokrasi dan urus tadbir baik di Indonesia.....	174
4.10. Kesederhanaan dan Kepimpinan Contoh Anti Korupsi Indonesia	176
4.11. Masalah Kepimpinan di Indonesia Sebuah Analisis.....	181
4.12. Analisa Masalah Kepimpinan Pemberantasan Korupsi di Indonesia	186
4.13. Analisa Kepimpinan KPK Ditinjau Dari Perspektif Politik Islam	191
4.14. Solusi Islam Terhadap Kepimpinan di Indonesia	195
4.15. Analisis dan Kesimpulan.....	198

BAB V PENDEKATAN KPK DALAM PEMBERANTASAN KORUPSI

5.1. Pendahuluan	201
5.2. Latar Belakang Kelahiran KPK	201
5.3. Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK).....	210
5.4. Cabaran Pemberantasan Korupsi Yang Dilalui KPK.....	213
5.5. Pendekatan KPK Dalam Membanteras Korupsi Menurut Analisis Islam	213
5.6. Strategi Pemberantasan Korupsi Menurut Beberapa Literatur di Indonesia	249
5.7. Analisis dan Kesimpulan.....	251

BAB VI STRATEGI KPK MEREALISASIKAN URUS TADBIR BAIK

6.1. Pendahuluan	253
6.2. Strategi KPK Tahun 2013 dan 2014	253
6.3. Pendekatan KPK Dalam Merealisasikan Urus tadbir baik Menurut Islam Tahun 2013 Hingga 2014.....	263

6.4. Kekuatan Komisi Pemberantasan Korupsi	288
6.5. Kelemahan Komisi Pemberantasan Korupsi.....	290
6.6. Langkah-Langkah Penambahbaikan Oleh KPK Tahun 2013-2014.....	295
6.7. Perkembangan Urus Tadbir Baik Dalam Pengamatan.....	298
6.7. Analisis dan Kesimpulan.....	299

BAB VII ANALISIS DAN KESIMPULAN

7.1. Kesimpulan	301
7.2. Cadangan.....	304
7.3. Penutup	307
Bibliografi	310

Daftar Singkatan

ABRI: Angkatan Bersenjata Republik Indonesia

APBD: Anggaran Pendapatan Belanja Daerah

APBN: Anggaran Pendapatan Belanja Negara

BBM: Bahan Bakar Minyak

BLBI: Bantuan Likuiditas Bank Indonesia

CPI : Corruption Perception Index

DKI: Daerah Khusus Ibu Kota

DPR: Dewan Perwakilan Rakyat

DPRD: Dewan Perwakilan Rakyat Daerah

GBHN: Garis Garis Besar Haluan Negara

Gratifikasi: Hadiah Kepada Penjabat Awam yang dapat menyebabkan konflik kepentingan

HAM: Hak Asasi Manusia

ICW: Indonesian Corruption Watch

Inpres: Instruksi Presiden

Kapolri: Kepala Kepolisian Republik Indonesia

Keppres: Keputusan Presiden

KKN: Korupsi Kolusi Nepotisme

KPK: Komisi Pemberantasan Korupsi

MPR: Majelis Permusyawaratan Rakyat

MUI: Majelis Ulama Indonesia

NGO : Non-Government Organization

NKRI: Negara Kesatuan Republik Indonesia

Pemilu: Pemilihan Umum

Perda: Peraturan Daerah

Polri : Polisi Republik Indonesia

PP: Peraturan Pemerintah

Rekening Gendut: adalah istilah bagi penjawat awam seperti Polis yang memiliki kekayaan yang tidak masuk akal dengan jumlah gaji yang mereka terima.

Remisi: Pengurangan Masa Hukuman

Repelita: Rencana Pembangunan Lima Tahun

SDM: Sumber Daya Manusia

TAP MPR: Ketetapan MPR

TI : Transparency International

Tipikor: Tindak Pidana Korupsi

TNI: Tentera Nasional Indonesia

UNDP: United Nations Development Programme

UU: Undang-undang

UUD 1945: Undang-Undang Dasar Republik Indonesia Tahun 1945

WHO : World Health Organization

PANDUAN TRANSLITERASI

1. Konsonan

Arab	Rumi	Arab	Rumi
ا, ء	a, ' Hamzah	ط	t
ب	B	ظ	z
ت	T	ع	'
ث	Th	غ	gh
ج	J	ف	f
ح	H	ق	q
خ	Kh	ك	k
د	D	ل	l
ذ	Dh	م	m
ر	R	ن	n
ز	Z	ه	h
س	S	و	w
ش	Sh	ي	y
ص	S	ة	h
ض	D		

2. Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Latin
_____	a
_____	i
_____	u

3. Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin
آ	a
ي	i
و	u

4. Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin
أَوْ	aw
أَيَّ	ay
يَّ	Iyy/i
وَّ	Uww/u

5. Ta` Marbutah

EJAAN DAN TRANSLITERASI

Pengecualian daripada menggunakan pedoman itu bagi kes-kes berikut :-

1. Bagi akhir perkataan asal yang ditulis dengan “ m” (Ta’ marbutah) dibunyikan mengikut sebutan “ m”.
2. Beberapa perkataan Arab yang telah di Melayukan tidak ditransliterasikan seperti hadith, sunnah.

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Indonesia adalah sebuah negara bekas jajahan Belanda yang merdeka pada 17 Agustus tahun 1945. Setelah merdeka, Indonesia dipimpin oleh dua buah regim; Orde Lama di bawah Presiden Soekarno yang memimpin selama 21 Tahun dan Orde Baru di bawah Presiden Soeharto yang berkuasa selama 32 Tahun. Kedua-dua regim memimpin dengan sangat lama, diktator tanpa adanya kekuatan parti pembangkang yang kuat sebagai kekuatan penyeimbang.¹ Ini menyebabkan lahirnya kekuasaan mutlak yang membuka ruang terhadap penyalahgunaan kuasa. Soekarno dikenal sebagai pendukung blok Timur sementara Soeharto berusaha untuk menggerakkan non blok. Namun keduanya bukanlah dari pihak Islamis bahkan mereka cenderung melakukan diskriminasi terhadap gerakan Islamis yang menjadi satu-satunya pesaing kuat mereka ketika itu setelah komunis.

Di antara ciri-ciri kediktatoran kedua regim iaitu; demokrasi palsu, prinsip pimpinan, parti, ideologi, penindasan, totalitarian dan politik luar negeri yang agresif.² Kedua-dua regim juga didapati berusaha melemahkan kekuatan legislatif dan kehakiman yang berfungsi sebagai pengimbang kekuasaan dalam konsep *trias political*³ sebagaimana dalam teori politik pembahagian kuasa yang diperkenalkan oleh Montesquieu.⁴ Seperti kuasa legislatif sebagai pembuat undang-undang yang akan

¹ Pramono U. Tanthowi, *Islam dan Reformasi: oposisi Islam terhadap orde baru dasawarsa 1990-an* h.1-2. Jauhar, jurnal Pemikiran Islam Kontekstual. Volume 3, no.1 Juni 2002, Program Pasca Sarjana UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta.

² Sukarna, *Kekuasaan, kediktatoran dan Demokrasi*. (Bandung: Alumni, 1981), 15.

³ *Trias political* adalah teori pemisahan kuasa antara kuasa legislatif, eksekutif dan kehakiman agar tidak berlaku penyalahgunaan kuasa dan kuasa negara tidak berada pada seorang individu yang akan menyebabkan hilangnya kemerdekaan di negara tersebut. Lihat, Budi Winarno, *Sistem Politik Indonesia Era Reformasi*, (Yogyakarta: MedPress, 2008), 90.

⁴ Deliar Noer. *Pemikiran Politik Negeri Barat*. (Bandung: Penerbit Mizan, 1997), 135.

dilaksanakan oleh eksekutif. Sekiranya berlaku konflik dan kekeliruan, penyelesaian akan dibuat melalui badan kehakiman.⁵

Dominasi kuasa individu pemimpin mampu mengeneipkan kuasa legislatif, eksekutif dan Judikatif. Kekuasaan yang dimiliki oleh lembaga legislatif dilemahkan dan di rekayasa sedemikian rupa untuk mendukung dan mengabdikan bagi kepentingan pemimpin.⁶ Padahal dalam konsep demokrasi, yang berkuasa sebenarnya bukan orang tetapi perundangan itu sendiri.⁷ Penyalahgunaan kuasa di atas telah menyebabkan munculnya pelbagai macam isu politik seperti korupsi, kolusi (pakatan sulit) dan kronisme berlaku di Indonesia yang disebabkan oleh otoritarian birokratik.⁸

Di samping penyalahgunaan kuasa, menurut Syed Hussein Al-atas, faktor penjajahan yang berjalan ratusan tahun, sangat mempengaruhi berlakunya perilaku korupsi di sesebuah negara.⁹ Penjajah mendidik bakal pemimpin Indonesia ke arah pemikiran sekular dan menyerahkan kepemimpinan negara kepada mereka yang sekular sahaja. Sampai kepada petugas keamanan, penjajah menyerahkan tampuk kepemimpinan kepada tentera bekas didikannya.¹⁰ Padahal Indonesia adalah negara majoriti beragama Islam yang dimerdekakan oleh kalimat takbir dan tahlil dan para pejuang Indonesia juga terdiri dari tentara rakyat yang berasal dari pelajar dan guru pondok agama Islam.

Orde lama dan orde baru yang akhirnya dijatuhkan oleh para tokoh Islam juga ternyata tidak mampu diambil alih oleh kekuatan Islam seperti gagalny gerakan M. Natsir di orde lama dan Amin Rais juga gagal mengambil alih kekuasaan negara dari pihak sekular kepada pihak Islamis.

⁵ Abdul Aziz Bari, *Perlembagaan Malaysia Suatu Pengenalan*, (Selangor: PTS Akademia, 2014), 11.

⁶ AM. Fatwa. *Melanjutkan Reformasi Membangun Demokrasi. Jejak Ringkas Parlimen Indonesia Periode 1999-2004*. (Jakarta: Penerbit Raja Grafindo Persada, 2004), 84.

⁷ Achmad Ruslan, *Pelaksanaan Prinsip-Prinsip Tata Kelola Pemerintahan Yang Baik (Good Governance)* Jurnal Ilmu Hukum Amanna Gappa, vol 21 Nombor 1 Mart 2013, Fakulti Hukum Universitas Hasanuddin, 49.

⁸ Mansyur Semma, *Negara dan Korupsi, Pemikiran Mochtar Lubis atas Negara, manusia Indonesia dan perilaku politik*, (Jakarta: Penerbit Yayasan Obor Indonesia, 2008), 134.

⁹ Syed Hussein Al atas. *Korupsi Sifat, Sebab dan Fungsi*. (Kuala Lumpur: Penerbit DBP, 2009), 114.

¹⁰ Irfan S. Awwas. *Trilogi Kepemimpinan Negara Islam Indonesia*. (Yogyakarta: Penerbit Uswah, 2008), 222.

Namun selepas reformasi pun tokoh politik Islam masih kalah dalam menguasai pentadbiran negara, padahal sebahagian mereka memiliki pendidikan tinggi Master, PhD dibandingkan tokoh politik sekuler yang rata-rata hanya belajar setingkat sekolah menengah sahaja. Dalam pemilihan Presiden menunjukkan fenomena yang menyedihkan di mana tokoh politik Islam bernama Prof. Dr. Amien Rais dikalahkan oleh tokoh sekuler seorang tentera bernama SBY dan juga tokoh politik Islam lain bernama Prof. Dr. Yusril Ihza Mahendra kalah suara dengan tokoh sekuler lain seorang ibu rumah tangga yang tidak memiliki kelulusan Degree bernama Megawati.

Sejarah Indonesia mengalami 32 tahun kerajaan tentera selama orde baru Soeharto. Dasar Islam tidak diterima bahkan umat Islam dimusuhi dan diperangi dengan dasar Pancasila yang ada.¹¹ Akibatnya menurut Prof. Dr. Din Syamsuddin, walaupun umat Islam majoriti berjumlah sekitar 215 juta atau 88.4 peratus beragama Islam, namun Indonesia belum menunjukkan ciri-ciri negara Islam sejati; ke arah *baldatun Thaibah Wa robbun Ghafur*.¹²

Pun demikian, menurut Bahtiar Effendy, bermula pada tahun 1988 Islam mendapat tempat yang sewajarnya di Indonesia dengan ditetapkan undang-undang pendidikan yang mewajibkan pelajaran agama pada setiap sekolah, terbentuknya mahkamah Syariah, lahirnya Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI), Kompilasi Hukum Islam (KHI) disahkan, pengurusan Zakat dikelola oleh negara, kebenaran memakai tudung di sekolah setelah sebelumnya ia dilarang, diadakannya Festival Istiqlal sebagai bentuk Islamisasi Indonesia, penubuhan Bank Muamalat, nombor ekor judi rasmi pemerintah Sumbangan Dana Sosial Berhadiah (SDSB) ditutup tahun 1993.¹³

¹¹ Hamka. *Dari Hati Ke Hati, Tentang Agama, Sosial-Budaya, Politik*. (Jakarta: Penerbit Panjimas, 2002), 302.

¹² Khairul Azhar Idris, ed., *Keadilan Sosial Dari Perspektif Islam*. (Kuala Lumpur: Penerbit MPH, 2007), 49.

¹³ Bahtiar Effendy, *Teologi Baru Politik Islam, Pertautan Agama, Negara dan Demokrasi*, (Yogyakarta: Galang Press, 2001), 148.

Walaupun bagaimanapun, penghayatan Islam dalam pemerintahan orde baru masih menunjukkan tanda negatif apabila monopoli perlindungan kroni dan sumber ekonomi negara yang penting diberikan kepada kroni atas nama kepentingan nasional.¹⁴ Korupsi oleh golongan elit sekuler disebabkan oleh adanya sentralisasi kekuasaan politik dan ekonomi di tangan Presiden tanpa adanya ketelusan dan kebertanggungjawaban terhadap masyarakat awam.¹⁵ Padahal Islam menganjurkan supaya sistem ekonomi hendaklah berasaskan keadilan dan ihsan.¹⁶

Selama 53 tahun, Indonesia ditadbir dengan sistem sentralisasi iaitu berpusat di Jakarta yang dilaporkan telah berhadapan dengan pelbagai bentuk masalah politik dan urus tadbir termasuk yang menjadi tumpuan kajian ini iaitu korupsi. Bentuk bumi Indonesia yang terdiri lebih dari 13.466 pulau,¹⁷ sekitar 14 kali Malaysia dan jumlah rakyat yang lebih 10 kali rakyat Malaysia itu juga dikatakan sebagai antara faktor yang menyebabkan urus tadbir tidak berkesan dengan sistem sentralisasi yang telah memudahkan lagi amalan korupsi berkembang di negara ini.¹⁸

Selain itu, faktor pembangunan yang lebih tertumpu di Pulau Jawa¹⁹ yang dikatakan juga telah menjadi salah satu faktor penyebab berlakunya kemiskinan.²⁰ Ini kerana pembangunan infrastruktur dan pendidikan yang berkualiti terdapat perbezaan yang nyata antara Pulau Jawa dengan bukan Pulau Jawa. Menurut data daripada badan pusat statistik Indonesia terdapat sejumlah 11.66% masyarakat Indonesia berada pada tahap kemiskinan pada September 2012.²¹

¹⁴ Mohtar Mas'ood et.al. "*Lembaga Kepresidenan dan Resep Pengendalian Politik orde baru*" Dalam *Demokrasi Indonesia Kontemporer*. Riza Noer Arfani (ed). Jakarta: Raja Grafindo Persada (1996), h.105-107.

¹⁵ Mansyur Semma, *Negara dan Korupsi, Pemikiran Mochtar Lubis atas Negara, manusia Indonesia dan perilaku politik*, 82.

¹⁶ Abdul Monir Yaacob (peny.), *Kriteria Negara Berteraskan Prinsip Islam*, (Kuala Lumpur: IKIM, 2002), 64.

¹⁷ Departemen Dalam Negeri Republik Indonesia, dicapai 9 Januari 2013, www.indonesia.go.id

¹⁸ Tujuan perbandingan ini hanyalah untuk membayangkan bagaimana Indonesia yang begitu luas ditadbir secara terpusat berbandingkan dengan Malaysia yang ditadbir dengan sistem Federal.

¹⁹ Sentralisasi adalah akibat dari peninggalan budaya Jawa yang ditandai dengan kepemimpinan Jawa di Indonesia. Lihat, Priyo Budi Santoso. *Birokrasi Pemerintah Orde Baru, Perspektif Kultural dan Struktural*. (Jakarta: Penerbit Raja Grafindo Persada), 74.

²⁰ Titik Djumiarti, "*Strategi Pengentasan Kemiskinan: Potret Keberhasilan Pembangunan*. Jurnal Dialogue JIAKP, vol, 2 nombor 3, (September 2005), 884.

²¹ Badan Pusat Statistik Republik Indonesia, dicapai 8 Januari 2013 http://www.bps.go.id/tab_sub/view.php?kat=1&tabel=1&daftar=1&id_subyek=23¬ab=1

Selepas reformasi sentralisasi telah dirobah dengan autonomi daerah melalui Ketetapan MPR RI Nomor XV/MPR1998 Tentang Penyelenggaraan Autonomi Daerah, Pengaturan, Pembagian, Pemanfaatan Sumber Daya Nasional Yang Berkeadilan Serta Perimbangan Kewangan Pusat dan Daerah Dalam Kerangka NKRI. Ketetapan MPR RI Nomor IV/MPR /2000 Tentang Rekomendasi Kebijakan dan Penyelenggaraan Autonomi Daerah. UU No 32/2004 Tentang Pemerintahan Daerah. UU No 33/2004 Tentang Perimbangan Kewangan Antara Pemerintahan Pusat dengan Pemerintahan Daerah. UU No 23/2014 Tentang Pemerintahan Daerah revisi UU UU No 33/2004. Namun usaha membentuk semacam negara bagian yang mampu membentuk kekuatan ekonomi dan pembangunan sendiri tidak tercapai kerana autonomi hanya diberi di tingkat Kabupaten bukan tingkat Propinsi.²² Ini kerana sumber manusia di Kabupaten belum mampu menghadapi persaingan global yang mencabar.

Walaupun Indonesia memiliki kekayaan alam yang melimpah, tetapi ianya tidak begitu mempengaruhi kesejahteraan rakyat secara menyeluruh. Tambang emas Freeport memiliki cadangan emas 52, 1 juta tons atau pengeluaran 300 ton setiap tahun.²³ Perjanjian antara pemerintah dengan pihak Freeport diperpanjang sampai 2041 yang hanya meninggalkan kerosakan alam sekitar dan hilangnya kekayaan alam untuk warisan generasi akan datang.²⁴ Semua itu menjadi bukti buruknya urustadbir di Indonesia selama ini. Padahal menurut Pasal 33 Undang-Undang Dasar 1945 menyatakan bahawa bumi, air dan kekayaan alam yang terkandung di dalamnya dikuasai oleh negara dan dipergunakan untuk sebesar-besarnya bagi kemakmuran rakyat.²⁵

Chevron, Caltex, Harun dan sebagainya di kuasai oleh pelabur asing dengan pembahagian keuntungan yang tidak seimbang antara pemilik modal dengan

²² Moira Moeliono, et.al., *Desentralisasi Tata Kelola Hutan, Politik Ekonomi dan Perjuangan Menguasai Hutan di Kalimantan Indonesia*, (Jakarta: Cifor, 2009), 16.

²³ Sofie Beatrix et. al, *Quick Win Indonesia Berdaya*, (Bandung: Mizania, 2014), 52.

²⁴ Mohammad Amien Rais, *Agenda Mendesak Bangsa Selamatkan Indonesia*, (Yogyakarta: PPSK, 2008), 52.

²⁵ Fasal 33 UUD 1945.

negara.²⁶ “sebahagian besar penduduk masih tertinggal, sehingga mengakibatkan meluasnya kesenjangan sosial-ekonomi, dan semakin banyaknya orang yang kurang beruntung”.²⁷ Akibatnya segolongan kecil masyarakat menikmati sebahagian besar kekayaan negara. Maka terdapatlah orang yang teramat sangat kaya dan orang yang sangat miskin di Indonesia.²⁸ Walaupun terkadang kerajaan mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang bererti namun kesannya tidak begitu dirasakan oleh rakyat.²⁹ Masyarakat masih mudah dipermainkan oleh ahli politik yang jahat. Kesedaran politik, ekonomi, sosial, budaya dan pembangunan masyarakat masih lemah yang disebabkan oleh lemahnya tahap pendidikan masyarakat.³⁰ Semua ini memperkuat hipotesis bahawa apabila banyak dijumpai perusahaan asing di suatu negara maka korupsi akan meningkat dan tentu sahaja korupsi sangat melemahkan ekonomi suatu negara.³¹ Aceh, Riau, Kalimantan, Papua dan sebagainya antara contoh daerah yang memiliki kekayaan alam yang banyak tetapi memiliki sumber manusia yang lemah. Mereka dilemahkan dan dimiskinkan secara sistematis agar tidak mampu menuntut hak-hak mereka dengan jalan diskriminasi sosial, ekonomi, pembangunan infrastruktur pendidikan dan sebagainya.

Kelahiran Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) adalah hasil dari gerakan pelajar 1998 yang menyuarakan ketidakpuasan hati terhadap amalan korupsi yang berleluasa. Usaha ini telah berjaya menjatuhkan regim diktator Orde Baru Soeharto yang dikritik kerana amalan korupsi dan urus tadbir yang buruk.³²

Salah satu tugas utama KPK adalah pemberantasan korupsi yang berlaku di Indonesia. Korupsi adalah sebahagian dari ciri urus tadbir buruk yang bertentangan

²⁶ Andrea Ariefanno, *Polisi Migas di Indonesia Milik Bangsa atau Asing?* Dicapai 2 Mac 2014 <http://suma.ui.ac.id/2012/01/26/polisi-migas-di-indonesia-milik-bangsa-atau-asing/>

²⁷ United Nations Children's Fund (UNICEF) Dicapai 5 Februari 2014 Ch http://www.unicef.org/indonesia/id/A1_-_B_Ringkasan_Kajian_MDG.pdf

²⁸ Lihat, Sekretaris Negara Republik Indonesia, Dicapai 5 Februari 2014 <http://www.setneg.go.id/images/stories/image-news/kontributor/dujak/020713grafik1.jpg>

²⁹ Laman Sesawang Rasmi Presiden Republik Indonesia, dicapai 3 Februari 2014, <http://www.presidentri.go.id/index.php/indikator/>
³⁰ Data Badan Pusat Statistik Negara Indonesia menyatakan bahawa pada tahun 2012 daftar buta huruf rakyat Indonesia adalah 17,20 %, Dicapai 7 Februari 2014

http://bps.go.id/tab_sub/view.php?kat=1&tabel=1&daftar=1&id_subyek=28¬ab=2

³¹ Robert Klitgaard, *Membasmi Korupsi*, (Jakarta: Yayasan Obor, 2005), 88.

³² Laode Ida, *Negara Mafia*, (Yogyakarta: Galang Press, 2010), 121.

dengan ciri urus tadbir baik seperti integriti, kejujuran, amanah, adil dan jujur. Justeru, dalam kajian ini penulis menganalisis pelaksanaan urus tadbir baik yang dilakukan KPK dalam usaha pemberantasan korupsi. Kajian ini meliputi; kepastian hukum yang telah dibuktikan KPK dengan mengambil tindakan terhadap semua orang yang bersalah tanpa melihat siapa pelakunya tetapi memandang apa yang dia lakukan. Ini termasuk mendakwa pemimpin KPK sendiri yang didapati bersalah menurut undang-undang.³³

Dengan demikian, secara teorinya, pemerintah, masyarakat dan swasta haruslah mendukung KPK yang membanteras korupsi dan menyumbang ke arah terlaksananya urus tadbir baik di Indonesia. Kepimpinan dalam KPK yang kurang berintegriti boleh sahaja ditukar ganti, namun kewujudan KPK haruslah dipertahankan.

1.2. Latar Belakang Masalah Kajian

KPK tercatat sebagai institusi yang paling patuh menjalankan undang-undang yang dibentuk untuknya dibandingkan dengan institusi kerajaan lainnya di Indonesia. KPK mendapat nilai tertinggi dalam pandangan opini penegakan hukum yang dilakukan oleh media Kompas iaitu; 81.4% dibandingkan institusi kehakiman yang hanya mendapat 34.1%, institusi kepolisan hanya mendapat 27.1% dan institusi peguam negara (Kejaksaan) yang hanya mendapat 25.9%.³⁴

Namun kepatuhan mengikuti Undang-Undang (kekuasaan undang-undang) oleh KPK ternyata tidak begitu disukai oleh beberapa individu dan institusi. Antasari Azhar sebagai Ketua KPK dipenjarakan³⁵ kerana kes pembunuhan Nasrudin Zulkarnaen yang menurut banyak pihak adalah sebuah rekayasa.³⁶ Banyak yang menyebut penangkapan

³³ Febri Diansya et. al. *Penguatan Pemberantasan Korupsi Melalui Penguatan Fungsi Koordinasi, dan Supervisi, KPK*. (Jakarta: Penerbit ICW, 2011), 31.

³⁴ Bambang Widjojanto Wakil Ketua KPK. *Pemberantasan Korupsi dan Penegakan Hukum; Analisis Reformasi dan Konstitusionalitas*. Disampaikan dalam Pertemuan Forum Anti Korupsi 2014, di Jakarta 9-12 June 2014, 24.

³⁵ "Praperadilan Polisi", *Kedaulatan Rakyat* Khamis 30 Mei 2013, 8.

³⁶ Rahmat Haryadi, *Chandra-Bibit Membongkar Perseteruan KPK, Polri, Kejaksaan*, (Jakarta Hikmah 2009), 37.

Antasari sebagai bentuk pelanggaran proses hukum dan konspirasi hitam untuk menghambat jalannya pemberantasan korupsi dan bahagian dari strategi penghancuran lembaga KPK.³⁷ Banyak kejanggalan dalam kes ini di antaranya ketidakhadiran Polis di Mahkamah dan kurangnya kerjasama institusi itu juga banyak menimbulkan pertanyaan.³⁸

Ia juga dibuktikan dengan pengakuan seorang polis bernama Wiliardi Wizard yang membuat pengakuan di hadapan sidang dengan menyatakan bahawa pimpinan Polis telah membuat senario untuk menjebak ketua KPK. Edy Nathan menulis, Nasaruddin dikatakan telah memberi maklumat kepada KPK bahawa ketua KPK Antasari akan dijadikan mangsa perangkap senario mafia itu.³⁹

Cabaran lain juga berkaitan dengan pertemuan pimpinan KPK Chandra M Hamzah, M Jasin dan Ade Raharja dengan Nazaruddin Bendahara Parti Demokrat yang menjadi tertuduh dalam kes Wisma Atlet. Nazaruddin telah dihukum penjara tujuh tahun penjara dalam kes ini.⁴⁰ Isu bahawa KPK akan dibubarkan seperti yang diungkapkan oleh Marzuki Ali dari Parti Demokrat yang banyak mendapat kecaman dari pelbagai-bagai pihak.⁴¹ Isu yang menyangkut orang dekat presiden yang dikenal dengan Bunda Putri. Sampai akhir pemerintahannya kes ini masih misteri dan belum selesai lagi.⁴² Gerakan perlawanan yang dialami oleh KPK cukup berat dari pelbagai Institusi dan Individu.

Di era pemerintahan Jokowi pula, Bambang Widjajanto sebagai Timbalan Ketua KPK ditangkap dengan cara yang tidak sesuai dengan SOP oleh polis. (Ia menunjukkan betapa beratnya perjuangan KPK dalam menjalankan tugasnya) Abraham Samad juga dizalimi di era Jokowi yang bertujuan melemahkan institusi KPK. Novel Baswedan sebagai penyidik senior KPK juga menurut Pusat Studi Hukum dan Polisi (PSHK)

³⁷ Edy Nathan, *Antasari Azhar Dalang Atau Korban? Konspirasi Penghancuran KPK*, (Yogyakarta: Best Publisher, 2009), 134.

³⁸ "Polri Mangkir Dari Sidang Antasari Azhar Kecewa", <http://video.liputan6.com/news/polri-mangkir-dari-sidang-praperadilan-antasari-azhar-kecewa-613086>, dicapai 23 Julai 2015

³⁹ Edy Nathan, *Antasari Azhar Dalang Atau Korban? Konspirasi penghancuran KPK!*, 84.

⁴⁰ "KPK Bantah Hanya Garap Dua Kasus Nazar", Berita Koran Tempo, Selasa 9 Julai 2013, A6.

⁴¹ "KPK Tak Perlu Ada Lagi" Metronews. www.metrotv.com 29 Julai 2011.

⁴² "Misteri Bunda Puteri", Media Indonesia, Isnin 14 Oktober 2013, 14.

dikriminalisasikan⁴³. Semua itu menjadi bukti bahawa KPK yang bertugas membanteras korupsi dan menjalankan urustadbir baik memiliki banyak musuh di kalangan pemimpin tanah air sendiri.

Gerakan elit politik yang mahu melemahkan undang-undang KPK atau bahkan membubarkan KPK juga marak dilakukan dan akhirnya gagal kerana kuatnya pembelaan dan dukungan dari masyarakat yang ingin agar Undang-Undang tentang KPK tidak dirobah dan agar KPK tetap dipertahankan. Hal ini seperti yang diungkapkan oleh Saldi Isra yang mengatakan bahawa muncul upaya menjinakkan hingga melumpuhkan KPK melalui uji materi (judicial review) terhadap UU nombor 30 tahun 2002, hingga perubahan pasal-pasal yang ada antara lain dengan menonjolkan figure calon ketua KPK yang tidak memiliki keberanian dan kemahuan yang kuat dalam membanteras korupsi.⁴⁴

Revisi UU KPK sampai kepada isu pembubaran KPK erat kaitannya kerana institusi ini telah berjaya membuktikan kesalahan korupsi di kalangan elit politik seperti Menteri hingga besan Susilo Bambang Yudhoyono (SBY) Aulia Pohan dan orang-orang dekat Presiden yang juga orang kuat partinya Susilo Bambang Yudhoyono iaitu Demokrat seperti Nazaruddin, Anggelina Sondak,⁴⁵ Andi Malaranggeng, Hartati dan sebagainya⁴⁶. Fenomena penanganan kes korupsi oleh KPK di Indonesia juga menimpa kader parti selain Demokrat seperti Partai Golongan Karya (Golkar), Partai Demokrasi Indonesia Perjuangan (PDIP), Parti Keadilan Sejahtera (PKS), Partai Kebangkitan Bangsa (PKB), Partai Amanat Nasional (PAN) dan sebagainya.

Dalam pidato anti korupsi dan hari Hak Asasi Manusia (HAM) sedunia bertarikh 10 Disember 2012, SBY mengatakan;

⁴³ "PSHK: Penahanan Novel Baswedan Adalah Kriminalisasi KPK", www.republika.com. Di unduh 1 Mei 2015.

⁴⁴ Saldi Isra, *Kekuasaan dan Perilaku Korupsi*, (Jakarta: Kompas, 2009), 99.

⁴⁵ "Sondakh di penjara empat tahun enam bulan dan denda Rp. 250 juta, Tantangan Indonesia 2014", Kompas, Jumaat 25 Oktober 2013, 40.

⁴⁶ Kementerian Riset dan Teknologi, <http://www.ristek.go.id/index.php/module/News+News/id/12865>

“Negara wajib menyelamatkan mereka-mereka yang tidak punya niat melakukan korupsi, tetapi bisa salah dalam mengemban tugasnya. Kadang-kadang, diperlukan kecepatan mengambil keputusan dan memerlukan polisi yang cepat. Jangan dia dinyatakan bersalah dalam tindak pidana korupsi”.⁴⁷

Kenyataan Susilo Bambang Yudhoyono ini dikritik oleh Abraham Samad ketua KPK, Indra politisi PKS dan pelbagai-bagai tokoh lainnya. Bagi mereka tidak ada alasan pegawai kerajaan tidak tahu undang-undang bahkan menurut Abraham Samad, jangan jadi pegawai kerajaan kalau tidak tahu undang-undang.⁴⁸

Walaupun pemberantasan korupsi adalah sebuah program agenda kerajaan Indonesia yang memiliki kekuatan hukum berdasarkan Undang-Undang No 30 Tahun 2002, namun ianya tidak begitu mendapat sokongan dari semua pihak yang terlibat dalam pemerintahan. Perilaku ini disebabkan oleh kerana dasar yang dilakukan oleh KPK sangat bertentangan dengan kepentingan mereka dan sangat merugikan diri, kelompok, keluarga dan anggota beberapa individu pegawai yang secara kebetulan terlibat dalam kes korupsi di Indonesia.⁴⁹

Pemberantasan korupsi menjadi dasar, agenda dan matlamat kerajaan Indonesia kerana ianya telah ditetapkan oleh Undang-Undang Indonesia dan untuk menarik kembali dasar ini tidak mudah. Di antara tujuan asas pemberantasan korupsi adalah untuk menciptakan urus tadbir baik yang menjadi amanah rakyat kepada pemerintahnya, kerana korupsi adalah termasuk perbuatan pengkhianatan penyelenggara negara.

Kritikan, dan serangan yang dilakukan oleh mereka yang tidak menyukai KPK, perlu diimbangi dengan mengkaji sejauh mana kepentingan institusi KPK pada kebaikan negara. Antara lain peranan KPK dalam merealisasikan urus tadbir baik

⁴⁷“Pernyataan SBY membela pelaku korupsi“, Kompas, dicapai 12, Disember 2013 <http://nasional.kompas.com/read/2012/12/12/10133323/Pernyataan.SBY.Membela.Pelaku.korupsi>.

⁴⁸“Pernyataan SBY membela pelaku korupsi “, Kompas, dicapai 12, Disember 2013 www.kompas.com

⁴⁹ Saldi Isra, *Kekuasaan dan Perilaku Korupsi*, 99.

menurut Islam di Indonesia yang menjadi fokus dalam kajian ini. Tindakan KPK dalam membanteras korupsi adalah selari dengan kehendak Islam yang sememangnya menggalakkan kerajaan yang adil, jujur, amanah dan bertanggungjawab. Justeru, dengan latarbelakang berkaitan korupsi dan isu KPK di Indonesia, maka kajian ini telah menggariskan beberapa objektif untuk dicapai sebagaimana di bawah.

1.3. Objektif Kajian

Urus tadbir baik adalah matlamat setiap kerajaan demokrasi. Asas demokrasi iaitu kerajaan rakyat, oleh rakyat dan untuk warganegara. Ia dengan sendirinya mengikutsertakan masyarakat dalam hampir setiap keputusan dan dasar yang dibuat dan dilaksanakan.⁵⁰ Sementara pemberantasan korupsi adalah termasuk dari urus tadbir baik dalam menjalankan kerajaan yang bersih, jujur, amanah dan telus. Kajian ini bertujuan;

1. Menganalisis konsep korupsi dan urus tadbir baik dalam Islam dan Sains Sosial.
2. Meneliti fenomena korupsi dan perjalanan urus tadbir di Indonesia.
3. Menganalisis pendekatan KPK dalam pemberantasan korupsi di Indonesia.
4. Mengenalpasti sumbangan KPK ke arah terlaksananya urus tadbir baik.
5. Merumuskan dan mencadangkan penambahbaikan menurut konsep urus tadbir baik dalam Islam.

Bab 2 dan bab 3 dalam kajian ini adalah landasan teori yang bermaksud mendudukan apa dan bagaimana korupsi dan urus tadbir baik. Sementara bab IV adalah latar belakang masalah yang akan dicarikan jalan penyelesaiannya pada bab V, VI dan VIII.

⁵⁰ Syed Ahmad Hussein, *Pengantar Sains Politik*, 43.

1.4 Kepentingan Kajian

Dalam pelbagai diskusi umat Islam menghadapi cabaran yang cukup getir dan disudutkan. Ini kerana walaupun ajaran Islam yang terdapat dalam al-Qur`an dan Sunnah melarang semua bentuk korupsi dan menganjurkan kepada urus tadbir baik, namun kenyataannya negara-negara yang majoriti penduduknya beragama Islam mengalami tingkat korupsi yang tinggi, termasuk Indonesia yang mempunyai jumlah penduduk Islam seramai 88.4%, sedangkan kedudukan dalam indeks persepsi korupsi antarabangsa adalah tinggi. Namun demikian tentu sahaja banyak terdapat kepemimpinan contoh dalam kerajaan Islam yang anti korupsi seperti kepemimpinan Khilafah yang empat, dan juga di masa khalifah Umar Bin Abdul Aziz.⁵¹ Dalam konteks Indonesia pula, terdapat ramai tokoh Muslim yang menjadi contoh anti korupsi Indonesia yang diberikan oleh KPK sebagaimana yang akan dijelaskan seperti Mohamad Hatta, Mohammad Natsir, Baharuddin Lopa, Hamka, Agus Salim dan sebagainya.

Korupsi adalah sebuah fenomena yang hangat diperbincangkan di pelbagai negara hingga saat ini. Korupsi menjadi sebuah dilema kerana menurut data Transparency International korupsi menimpa semua negara. 10 negara paling bersih dari korupsi seperti Denmark, New Zealand, Finland, Sweden, Norway, Singapore, Switzerland, Netherlands, Australia, Canada dan Luxembourg. Paling bersih hanya mendapat poin 91/100 indeks persepsi korupsi tahun 2014.⁵² Ini ertinya di negara tersebut pun juga terdapat korupsi. Sementara menurut data yang dikumpulkan oleh KPK banyak negara yang maju disebabkan oleh keberhasilan mereka dalam membanteras korupsi⁵³ dan banyak negara yang runtuh juga disebabkan oleh korupsi.

⁵¹ Abdullah Bin Abdul Hakam, *Umar Bin Abdul Aziz Peribadi Zuhud Penegak Keadilan* (Kuala Lumpur: Penerbit Alam Raya, 2009).

⁵² <https://www.transparency.org/cpi2014/results>, dicapai 23 Julai 2015.

⁵³ KPK. *Integrato* edisi September 2009, (Jakarta: KPK, 2009), 29.

Kajian tentang bagaimana cara dan pendekatan KPK dalam membantaras korupsi dan apa hubung kaitnya dengan merealisasikan urus tadbir baik, di mana letak kelemahan dan bagaimana cara memperbaikinya adalah sangat penting sebagai acuan dalam pemberantasan korupsi bagi setiap negara dan juga berguna sebagai rujukan dalam kajian akademik.

Sejauh pengamatan penulis dengan menilai pelbagai kajian tentang Peranan Komisi Pemberantasan Korupsi Dalam Merealisasikan Urus tadbir baik menurut Islam di Indonesia, masih belum dikaji lagi sebagaimana matlamat kajian ini.

1.5. Skop Kajian

Kajian tentang KPK ini akan difokuskan kepada usaha-usaha pemberantasan korupsi dari tahun 2013 hingga 2014. Pertimbangannya adalah untuk memberi fokus yang mendalam dan saksama. Ini juga kerana KPK sebelum itu masih dinilai oleh banyak pihak sebagai alat kepentingan politik kekuasaan dan bukan sebagai kepentingan membentaras korupsi. Pemilihan kajian bermula pada tahun 2013 juga kerana terdapat beberapa peristiwa penting seperti pilihan raya tahun 2014, perkembangan kes keluarga Cikeas, BLBI dan mega korupsi lainnya.⁵⁴ kajian juga dijuruskan kepada;

1. Konsep dan tuntutan urus tadbir baik dan pemberantasan korupsi di Indonesia.
2. Hubungkait pembentaras korupsi dengan urus tadbir baik yang dilakukan oleh KPK di Indonesia dari tahun 2013 hingga 2014.

⁵⁴ KPK, *Integriti* Vol 12/III Disember 2009, h. 8.

1.6. Pengertian Tajuk

Pengkaji menghadapi beberapa masalah di sini antara lain kalimat yang dianggap sama tetapi memiliki makna yang agak berbeza seperti antara rasuah yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak sama dengan definisi korupsi yang dinyatakan oleh KPK. Untuk itu pengkaji lebih selesa menggunakan kalimat korupsi berbanding perkataan rasuah dalam beberapa kalimat kerana kajian disertasi ini adalah kajian kes di Indonesia iaitu tentang KPK. Istilah-istilah baku yang terdapat dalam Undang-undang dan nama, tajuk buku, penulis pertahankan keasliannya seperti Komisi Pemberantasan Korupsi untuk KPK, Ada beberapa istilah yang perlu di jelaskan di sini untuk tidak menimbulkan kekeliruan, dan keraguan antara lain;

Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK): adalah badan kerajaan Indonesia yang dibentuk untuk melakukan tugas pemberantasan tindak pidana korupsi sebagaimana di maksud dalam Undang-undang nombor 30 tahun 2002 tentang komisi pemberantasan tindak pidana korupsi. KPK dibentuk dengan tujuan meningkatkan daya guna dan hasil guna terhadap upaya pemberantasan tindak pidana korupsi.⁵⁵

Pemberantasan: Dalam kamus dewan edisi keempat pemberantasan berasal dari kalimat berantas Id; membanteras membanteras; pemberantasan perihal (tindakan, usaha dsb) membanteras – buta huruf.⁵⁶ Namun kalimat yang banyak disarankan oleh pembaca di Malaysia adalah pambanteras. Dalam kajian ini penulis menggunakan istilah pemberantasan kerana mengikut kepada istilah yang terdapat dalam Kamus Dewan edisi keempat.

Korupsi: amalan atau perbuatan yang salah atau tidak amanah (seperti pecah amanah, menerima korupsi, dll) Pelaku korupsi; orang yang korup. Korup; keji (sifat,

⁵⁵ Undang-undang Republik Indonesia Nombor 30 Tahun 2002 Tentang Komisi Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi (Fasal 4 ayat 3 & 4).

⁵⁶ Lihat *Kamus Dewan* edisi keempat. (Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka 2005).

kelakuannya) buruk (kelakuan) suka menerima korupsi, makan suap. Dikorup; diambil secara haram, digelapkan.⁵⁷

Korupsi telah mengandung makna yang luas menurut undang-undang no 30 tahun 2002. Definisi korupsi menurut KPK telah mengalami transformasi. Iaitu; perbuatan yang menyebabkan kerugian terhadap kewangan negara, suap menyuap, penggelapan dalam jabatan, pemerasan, perbuatan curang, benturan kepentingan, pengadaan dan gratifikasi. Perbuatan-perbuatan seperti; merintang proses perkara korupsi, tidak memberi keterangan atau memberi keterangan yang tidak benar, bank yang tidak memberikan keterangan rekening tersangka, saksi atau ahli yang tidak memberi keterangan atau memberi keterangan palsu, orang yang memegang rahsia jabatan tidak memberikan keterangan atau memberikan keterangan palsu, saksi yang membuka identiti pelapor juga dianggap sebagai sebahagian dari jenayah (tindak pidana) korupsi.⁵⁸

Ini agak berbeza dengan konsep rasuah yang didefinisikan oleh SPRM sebagai; penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah, diskaun. Berdasarkan akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009) Akta 694 terdapat empat kesalahan korupsi yang utama iaitu; meminta atau menerima korupsi, menerima suapan, mengemukakan tuntutan palsu, salah guna kuasa.⁵⁹

Rasuah; pemberian untuk menumbuk rusuk (menyogok, menyuap, sogok, suap. Mengkorupsi; memberi rasuah kepada. merasuahi; orang yang memberi rasuah.⁶⁰ Istilah

⁵⁷ *Kamus Dewan* edisi keempat. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 2005), 824.

⁵⁸ Komisi Pemberantasan Korupsi. *memahami untuk membasmi (Buku Panduan Untuk Memahami Tindak Pidana Korupsi*. (Jakarta: Penerbit KPK 2006), 16-17.

⁵⁹ Suruhanjaya Pencegahan Korupsi Malaysia <http://www.sprm.gov.my/apa-itu-korupsi.html> dicapai 3 Mar 2013.

⁶⁰ *Kamus Dewan*, 1292.

dan definisi rasuah dan korupsi memiliki perkembangan tersendiri sesuai dengan keperluan semasa.

Dari definisi yang dikemukakan oleh KPK dengan SPRM, maka jelas sekali bahawa kedua institusi ini telah memiliki pengertian dan pemahaman yang berbeza tentang korupsi. Kerana konteks kajian ini adalah kajian kes KPK, maka penulis akan menggunakan istilah korupsi sebagaimana yang dikemukakan oleh KPK, bukan istilah rasuah. Namun demikian dalam pengertian awam penulis akan menggunakan kalimat rasuah untuk tesis yang dibuat di Malaysia. Dan penulis akan menyertakan keterangan dalam catatan kaki bila dianggap perlu.

Urus tadbir Baik; ialah terdiri dari sembilan ciri yang dikemukakan oleh UNDP iaitu; penyertaan, kekuasaan hukum, ketelusan, pertanggungjawaban, orientasi konsensus, persamaan, efektif dan efisien, akauntabiliti dan strategik.⁶¹ Kalimat yang dipakai oleh Dewan Bahasa adalah tadbir urus baik, namun istilah yang sering dipakai dalam rujukan ilmiah iaitu urus tadbir baik. Ia berasal dari bahasa Inggeris *good governance*.

Urus tadbir Islam memiliki ciri-ciri seperti; amanah, keadilan yang mengarah kepada *accountability* dan *transparency*, syura, moral dan sebagainya.⁶²

1.7. Kajian Terdahulu

Menurut Sulaiman Masri, kajian lepas bertujuan untuk membantu penyelidik dalam mengkhususkan isu, mengenal pasti permasalahan kajian, strategi penyelidikan, data yang patut dikumpul dan jenis analisa yang perlu dipilih. Ia juga bertujuan

⁶¹ United Nations Development Programme. *Governance For Sustainable Human Developmen*, A UNDP Policy Document. (Newyork: UNDP 1997).

⁶² Abdullah Al-Hasan & Sthephen B. Young (ed.). *Guidance For Good Governance Explorations in Qur`anic, Scientific and Cross-Cultural Approaches*. (Gombak: IIUM Press 2008), 30.

mengelak pengulangan kajian yang sama dan menyedarkan pengkaji tentang kelemahan yang lalu selain membantu penulis mencari pendekatan terbaik.⁶³

Berdasarkan pemerhatian penulis, ada beberapa kajian ilmiah yang dilakukan oleh pengkaji sebelum penulis yang berkaitan dengan Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) dan *urus tadbir baik*. Namun demikian belum ada kajian yang serupa bertajuk; **Peranan Komisi Pemberantasan Korupsi Dalam Merealisasikan *Urus tadbir Baik Dalam Islam Di Indonesia***, iaitu dari sudut KPK dan *urus tadbir baik* menurut Islam. Untuk keperluan kajian ini, penulis akan mengemukakan beberapa kajian terdahulu. Kajian terdahulu ini akan pengkaji kategorikan ke dalam klasifikasi Buku, Jurnal, Tesis;

i. Tesis

Nadirsah Hawari dalam tesis PhDnya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Tahun 2009 berjudul **“Peranan Parti-Parti Islam Dalam Membanteras Rasuah di Indonesia”** menerangkan bahawa parti Islam memiliki peranan yang penting dalam membanteras korupsi di Indonesia melalui bimbingan agama, nasehat dan melalui pendekatan hukum lainnya. Untuk itu Nadirsah menyarankan, pertama, agar materi Undang-Undang tentang pemberantasan korupsi harus diperkuat jika perlu hukuman mati perlulah diterapkan, kedua, KPK harus diberi kebebasan dalam menjalankan tugasnya menangani kes korupsi termasuk yang melibatkan pimpinan tertinggi negara, ketiga, taraf hidup pegawai haruslah ditingkatkan serta keempat, melakukan bimbingan agama kepada masyarakat. KPK juga harus bersedia jika dipanggil komisi III DPR dalam rangka penilaian dan memberikan laporan.⁶⁴

Kelebihan kajian ini adalah menyarankan kerjasama yang baik antara parti politik Islam dengan KPK dalam pemberantasan korupsi yang sering kali terkeluar dari

⁶³Sulaiman Masri. *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan Esei, Proposal, Tesis*. (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor 2003), 44.

⁶⁴ Nadirsah Hawari, *“Peranan Parti-Parti Islam Dalam Membanteras Rasuah di Indonesia”*. Tesis PhD Fakulti Pengajian Islam UKM tahun 2009, 190.

wewenang dan bidang tugas masing-masing. Ini juga disebabkan antara DPR dengan KPK selalu berlaku konflik dan ego sektoral yang harus didamaikan dengan cara mengajak parti Islam bekerjasama dalam hal ini. Namun ia tidak menyinggung bagaimana peranan KPK dalam merealisasikan urus tadbir baik menurut Islam di Indonesia.

Nor Najdah Binti Ab Rahman dalam tesis MA nya di Fakulti Pengajian Islam UKM tahun 2008 berjudul **“Khalifah Umar Bin Abd al-Aziz dan Mekanisme Yang dilaksanakan dalam pencegahan rasuah”** menerangkan bahawa Khalifah Umar Bin Abdul Aziz melakukan mekanisme integrasi antara konsep dakwah bi al-hal dengan dakwah bi al-hikmah, menjalankan institusi hisbah dan secara musyawarat dalam membanteras korupsi. Untuk itu menurutnya pencegahan korupsi dapat dilakukan dengan melakukan pelbagai program, melalui pendekatan institusi keluarga yang berintegriti, mencontoh keperibadian Umar Bin Abdul Aziz yang sederhana dan tidak mengutamakan kroni, melalui pendekatan akta, menanamkan nilai-nilai agama, menyebarkan risalah dan iklan anti korupsi setiap waktu.⁶⁵

Kelebihan kajian ini adalah ia memberikan gambaran tentang bagaimana mekanisme pemberantasan korupsi yang dilakukan oleh Umar Bin Abdul Aziz. Kajian menjadi sebuah antitesis yang mengaitkan negara Islam dengan korupsi. Prestasi negara Islam pimpinan Umar Bin Abdul Aziz juga belum mampu ditandingi oleh kerajaan modern saat ini walaupun oleh negara yang paling bersih dari korupsi sekalipun. Namun tentu sahaja kajian ini tidak menyinggung bagaimana peranan KPK dalam merealisasikan urus tadbir baik menurut Islam di Indonesia.

Muhammad Adriani Yulizar dalam tesis MA nya di Fakulti Pengajian Islam UKM tahun 2007 berjudul **“Kesan Amalan Korupsi Terhadap Inflasi dan**

⁶⁵ Nor Najdah Binti Ab Raman, Khalifah Umar Bin Abd al-Aziz dan Mekanisme Yang dilaksanakan dalam pencegahan rasuah, Tesis MA Fakulti pengajian Islam UKM tahun 2008, 131.

Penyelesaiannya Menurut Perspektif Ekonomi Islam”. Ia menyatakan bahawa kesan amalan korupsi ialah menyebabkan tingkat inflasi yang tinggi, menyebabkan tingginya biaya produksi, menurunkan daya saing, bocornya kewangan negara, melambatkan tahap pertumbuhan ekonomi, berlakunya efisiensi sumber daya ekonomi, menghambat pelaburan, meningkatnya kos ekonomi, meluaskan jurang antara si kaya dengan si miskin, merosak tatanan masyarakat, merusak kehidupan. Untuk itu Adrian memandang perlunya penguatkuasaan lembaga hisbah dalam mengatasi korupsi.⁶⁶

Kajian ini membantu penulis dalam mengenal kesan negatif korupsi yang berlaku secara umum untuk semua negara dan bangsa. Pengkaji juga mengemukakan jalan penyelesaian secara Islam sebagaimana yang terdapat dalam Quran dan Sunah. Namun kajian ini juga tidak menyinggung bagaimana peranan KPK dalam merealisasikan urus tadbir baik menurut Islam di Indonesia

Dengan penerapan nilai dan etika kerja Islam seperti yang ditulis oleh Mohd Nazim Bin Latif dalam tesis MA nya muka surat 27 di Jabatan Siasah Syar`iyyah tahun 2007 yang berjudul; **Keberkesanan Penerapan Nilai dan Etika Kerja Islam Dalam Pentadbiran Awam: Kajian di Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia**. Ia dapat membantu mengurangi korupsi. Menurut dapatan kajian beliau bahawa penerapan konsep nilai kerja Islam dapat mengurangi gejala tidak sihat seperti korupsi, menyalahgunakan kuasa dan penyelewengan yang akan melemahkan dan meruntuhkan pentadbiran negara. Kesimpulan ini dia kemukakan pada muka surat 203.⁶⁷

Pengkaji juga mengemukakan solusi Islam iaitu dengan menerapkan nilai-nilai etika akhlak terhadap penjawat awam. Kajian ini dapat membantu memberikan jalan keluar dalam menghadapi masalah korupsi di Indonesia. Namun ia tidak menyinggung

⁶⁶ Muhammad Adriani Yulizar, *Kesan Amalan Korupsi Terhadap Inflasi dan Penyelesaiannya Menurut Perspektif Ekonomi Islam*, Tesis MA Fakulti Pengajian Islam UKM tahun 2007, 843.

⁶⁷ Mohd Nazim Bin Latif, *Keberkesanan Penerapan Nilai dan Etika Kerja Islam Dalam Pentadbiran Awam; Kajian di Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia*. Tesis Master di jabatan Siasah Syar`iyyah, University Malaya, tahun 2007.

bagaimana peranan KPK dalam merealisasikan urus tadbir baik menurut Islam di Indonesia.

Keberkesanan pelaksanaan nilai Islam juga dapat dilihat dari hasil kajian yang dilakukan oleh Sufri bin Kurus dalam kajian MA nya di jabatan Siasah Syar`iyah tahun 2008 yang bertajuk; **Pelaksanaan Nilai-Nilai Islam di Kementerian Hal Ehwal Agama Brunei Darussalam** Kajian Terhadap Keberkesanannya Dalam Pembangunan Pentadbiran. Ianya cukup berkesan dan seterusnya beliau menyarankan beberapa tindakan; mengatur program penerapan nilai kerja Islam sendiri, menubuhkan unit yang khusus melaksanakan tugas-tugas membangunkan tingkah laku, mempromosikan nilai kerja Islam, penyampaian program-program penerapan nilai kerja Islam yang efisien, mengemas kini perancangan program latihan, menyediakan kantin untuk kakitangan mendapatkan keperluan makanan dan minuman. Secara ringkasnya dapat dilihat di muka surat 196 tesis beliau.⁶⁸

Kajian ini juga dapat memberikan solusi terhadap masalah korupsi melalui pendekatan Islam dan sejauh mana ia berkesan dalam mengurangkan peratusan korupsi. Namun ia adalah bersifat umum dan tidak ada kekhususan seperti yang penulis lakukan iaitu bagaimana peranan KPK dalam merealisasikan urus tadbir baik menurut Islam di Indonesia.

ii. Jurnal

Sjahrudin Rasul sebagai seorang bekas wakil ketua KPK menulis dalam sebuah artikelnya di mimbar hukum Volume 21, Nombor 3, Oktober 2009, Halaman 409-628, berjudul; **Penerapan Good Governance di Indonesia Dalam Upaya Pencegahan**

⁶⁸ Sufri bin kurus, *Pelaksanaan Nilai-Nilai Islam di Kementerian Hal Ehwal Agama Brunei Darussalam Kajian Terhadap Keberkesanannya Dalam Pembangunan Pentadbiran*. tesis Master di Jabatan Siasah Syar`iyah tahun 2008.

Tindak Pidana Korupsi. Menurut beliau dengan penerapan *good governance* dapat mengurangi kesempatan melakukan tindak pidana korupsi. Strategi pemberantasan korupsi menurut beliau adalah dengan cara mengikut sertakan pihak pemerintah, swasta dan masyarakat melalui pendekatan pencegahan dan tindakan undang-undang. Artikel ini lebih berbentuk gagasan dan ide yang tidak menyetujui data statistik yang jelas tentang sejauh mana penerapan *good governance* dapat mengurangi perilaku jenayah korupsi, sehingga tidak diketahui dengan pasti apakah penerapan *good governance* dapat mengurangi perilaku jenayah korupsi atau tindakan pencegahan korupsi dapat menyebabkan berlakunya *good governance* dalam sesebuah kerajaan. Walau demikian artikel ini sangat membantu kajian penulis di keranakan yang bersangkutan adalah mantan ketua KPK yang bergelut langsung dalam bidang pemberantasan⁶⁹ korupsi.⁷⁰

M. Syamsudin dalam makalah nya di Universitas Islam Indonesia, Yogyakarta bertajuk; **Korupsi Dalam Perspektif Budaya Hukum** berpendapat bahawa Indonesia memerlukan tindakan yang luar biasa (*extra ordinary*) dalam menangani korupsi. Kerana berpandangan banyaknya keputusan mahkamah yang dinilai sebagai berpihak pada pelaku korupsi di Indonesia.⁷¹ Karya ini memberi masukan terhadap budaya hukum sebagai salah satu ciri *good governance* belum terlaksana sepenuhnya di Indonesia.

Sam`un dalam sebuah makalahnya yang bertajuk; **Pemberantasan Korupsi di Indonesia** (Pengembangan Wacana Keagamaan Anti Korupsi di Kalangan Muhammadiyah). Yang dimuat dalam Jurnal al-Qanun, Vol. 11, No. 1, Juni 2008

⁶⁹ Dalam kamus dewan edisi keempat pemberantasan berasal dari kalimat berantas Id; *membanteras membanteras*; pemberantasan perihal (tindakan, usaha dsb) *membanteras* – buta huruf. Lihat *Kamus Dewan* edisi keempat. (Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka 2005).

⁷⁰ Sjahrudin Rasul, *Penerapan Good Governance di Indonesia Dalam Upaya Pencegahan Tindak Pidana Korupsi*. Jurnal Mimbar Hukum Volume 21, Nombor (3 Oktober 2009), 409-628.

⁷¹ M. Syamsuddin, *Korupsi Dalam Perspektif Budaya Hukum*, Jurnal Unsia, (June 2007).

menemukan bahwa istilah korupsi dalam Islam adalah sebuah kemungkaran seperti; *ghulul, riswah, khianat, mukabarah* dan *ghasab, saraqah, intikab dan akl suht*.⁷²

Kajian ini mengemukakan terdapat lapan ciri yang dimasukkan dalam kategori korupsi dan rasuah adalah salah satu bahagian dari korupsi. Secara umumnya setiap rasuah adalah korupsi namun bukan semua korupsi dapat dikategorikan sebagai rasuah. Namun ia bukan kajian tentang bagaimana peranan KPK dalam merealisasikan urus tadbir baik menurut Islam di Indonesia.

Perlunya tindakan tegas dan nyata dalam mencegah kemungkaran dan menyuruh kepada kebaikan yang diikuti dengan pelaksanaan urus tadbir baik untuk supaya dapat membanteras korupsi dengan berkesan. Itulah setidaknya yang ditulis oleh Ahmad Fawaid dalam makalahnya yang bertajuk; **Islam, Budaya Korupsi dan Good Governance** di dalam Jurnal Karsa, Vol. XVII No. 1 April 2010.⁷³

Artikel ini mengemukakan tentang bagaimana hubung kait ketiga entiti iaitu Islam, budaya korupsi dan governance. Namun ia bukan kajian tentang bagaimana peranan KPK dalam merealisasikan urus tadbir baik menurut Islam di Indonesia.

Dengan menjalankan sistem pelayanan awam yang baik, good governance dan mengikutsertakan pihak-pihak yang berkepentingan termasuk masyarakat, swasta dan pemerintah dapat mencegah perilaku korupsi menurut makalah Vita Marwinda Retnaningsih dan Ali Rokhman yang bertajuk; **Pengelolaan Potensi Daerah Berdasar Good Governance** Demi Mencegah Praktik Korupsi Daerah yang disampaikan pada simposium nasional asosiasi ilmuwan pentadbiran negara (SIMNAS ASIAN) ke-2 di Universitas Slamet Riyadi Surakarta pada 10 February 2012.⁷⁴ Artikel ini dapat

⁷² Sam'un, *Pemberantasan Korupsi di Indonesia* (Pengembangan Wacana Keagamaan Anti Korupsi Dikalangan Muhammadiyah) Jurnal al-Qanun, vol. 11, No. 1, (June 2008).

⁷³ Ahmad Fawaid. *Islam, Budaya Korupsi dan Good Governance*, Jurnal Karsa (April 2010).

⁷⁴ Vita Marwinda Retnaningsih dan Ali Rokhman, *Pengelolaan Potensi Daerah Berdasar Good Governance Demi Mencegah Praktik Korupsi Daerah*. Disampaikan pada Simposium Nasional Asosiasi Ilmuan Pentadbiran Negara (SIMNAS ASIAN) ke-2 di Universitas Slamet Riyadi Surakarta pada 10 February 2012.

membantu penulis dalam memberi solusi good governance sebagai jalan penyelesaian korupsi di daerah yang dengan sendirinya adalah kajian good governance dengan pemberantasan korupsi.

Ahmad Khairul Umam menulis tentang **Islam, Korupsi dan Good Governance di Negara-Negara Islam** dalam Jurnal al-Ahkam Jurnal Pemikiran Hukum Islam volume 24, Nomor 2, Oktober 2014. Menurutnya nilai keagamaan negara umat Islam tidak mampu mengekang lajunya korupsi di negara tersebut. Kajian ini bersifat kurang objektif kerana tidak melihat perbandingan di negara Umat Kristen seumpama Philipina, Afrika, atau negara Budha seperti Cina, Thailand dan negara Hindu seperti India dan sebagainya yang memiliki peratusan korupsi yang tinggi di negara tersebut walaupun nilai keagamaan mereka sangat tinggi. Kajian juga tidak mengkaji aspek sejarah negara orang Islam seumpama Indonesia yang boleh dikatakan tidak pernah dikuasai oleh orang yang Islamik melainkan sentiasa dikuasai oleh mereka yang berfikiran sekular sahaja. Kajian juga terlalu bergantung pada data yang dikeluarkan oleh Transparency International sementara negara yang mereka anggap bersih dari korupsi seperti Singapore di sisi lain mereka melindungi pelaku korupsi yang membawa lari wang ke negara mereka dan tidak memberi kerjasama dalam menangkap pelaku korupsi yang lari ke negara mereka.

Rudi Salam Sinaga menulis tentang Eksistensi Hingga Eksitasi Oleh Sivil Society Dalam Menciptakan Good Governance di Indonesia (Analisis Pendekatan Behavioural Pada Wacana KPK VS Polri dalam Jurnal Perspektif Vol. 6 No. 2 Oktober 2013. Artikel ini menyimpulkan bahawa konflik antara penegak hukum telah menyebabkan lambatnya perjalanan good governance seperti unsur kepastian hukum di Indonesia. Untuk itu penulis menyarankan agar dikembalikan fungsi dalam sistem trias politica seperti KPK, Hakim, DPR, Polis agar masing-masing menjalankan tugas dan

wewenangnya sendiri. Namun ia tidak menyinggung bagaimana peranan KPK dalam merealisasikan urus tadbir baik menurut Islam di Indonesia.

iii. Buku

Majelis Tarjih dan Tajdid Pimpinan Pusat Muhammadiyah mengeluarkan sebuah buku berjudul; **Fikih Anti Korupsi Perspektif Ulama Muhammadiyah**. Buku ini menceritakan tentang penyakit korupsi di Indonesia, dampak korupsi, korupsi dalam perspektif Islam, strategi pemberantasan korupsi dalam perspektif Islam.⁷⁵ Buku ini antara rujukan utama penulis mengingat ia ditulis oleh mereka yang pakar dibidangnya dan ia dikeluarkan oleh majelis tarjih yang berfungsi menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dikalangan umat Islam Indonesia.

Sebuah buku tentang gambaran kes korupsi di Indonesia berjudul **Jihad Melawan Korupsi** yang diterbitkan oleh Kompas. Buku ini berisi kumpulan artikel beberapa tokoh yang berkaitan korupsi di media massa. Buku ini menjelaskan bagaimana bentuk sebenar korupsi di Indonesia dan bagaimana melawan korupsi.⁷⁶ Buku ini berisi wacana dan gambaran korupsi di Indonesia yang ditulis oleh mereka yang aktif dalam melawan korupsi melalui pelbagai sarana termasuk NGO dan sebagainya.

Institute For Democracy and Economic Affairs IDEAS mengeluarkan buku bertajuk **Memerangi Rasuah di Malaysia: Cukupkah Usaha Kita?** Adalah sebuah buku ilmiah yang menceritakan rentetan sejarah usaha memerangi rasuah pada zaman British, era Tun Mahathir, Tun Abdullah Ahmad Badawi, dan Dato Sri Najib. Ia juga mengemukakan pengaruh rasuah terhadap ekonomi, politik dan sosial. Buku ini memberi masukan bagi pengkaji tentang reka bentuk dan sistematika penulisan dalam

⁷⁵ Syamsul Anwar et. al, *Fikih Anti Korupsi Perspektif Ulama Muhammadiyah*, (Jakarta: Majelis Tarjih dan Tajdid PP Muhammadiyah, 2006).

⁷⁶ Dharmawan (editor) *Jihad Melawan Korupsi*, (Jakarta: Kompas, 2005).

tesis dan apa yang perlu dilakukan.⁷⁷ Namun ia bukanlah menceritakan tentang KPK dan good governance.

Dr. Muhammad Ray Akbar dalam bukunya bertajuk **Korupsi Bagaimana Islam Menanganinya** yang melakukan kajian tentang korupsi selama lebih dari sepuluh tahun memperhatikan perilaku korupsi dan bagaimana penyelesaiannya menurut Islam. Beliau mencadangkan pendekatan muhasabah, sentiasa berbuat baik dan melalui kaedah melakukan solat yang khusyuk dapat mencegah perilaku korupsi.⁷⁸ Pengkaji berkesimpulan bahawa perbaikan individu sangat menentukan kejayaan dalam melawan korupsi. Pembahasan dalam kajian ini tidak menyentuh tentang KPK tetapi berkenan dengan sebuah pendekatan pemberantasan korupsi yang dapat membantu pengkaji dalam Bab II yang berisi tentang pendekatan Islam membanteras korupsi.

Abu Abdul Halim Ahmad, dalam bukunya bertajuk '**Bahaya Korupsi Kepada Masyarakat Menurut Islam**'. Dia menulis dengan jelas tentang korupsi secara nyata dan bagaimana pendekatan Islam menanganinya. Antara solusi yang diberikan ialah melakukan terapi secara Islam untuk mengurangi perilaku korupsi. Buku ini juga menyarankan pendekatan berbentuk individu dan bukan pendekatan perundangan dalam membanteras korupsi.⁷⁹ Kajian yang mendalam tentang korupsi dalam Islam namun kurang rujukan kitab-kitab tafsir sebagaimana yang pengkaji lakukan.

Buku bertajuk '**Haramkah Korupsi**' yang ditulis oleh Mohammad Zaini Yahya dan Mohd. Sukki Othman juga menulis korupsi dalam pandangan Islam dan bagaimana pendekatan Islam untuk mengatasinya. Buku ini sangat membantu penulis dalam melihat korupsi dalam perspektif Islam, kerana ianya berisi tentang dalil-dalil al-Qur`an

⁷⁷ Anis Yusal Yusoff et. al, *Memerangi Rasuah di Malaysia: Cukupkah Usaha Kita?*, (Kuala Lumpur: Ideas, 2014).

⁷⁸ Muhammad Ray Akbar, *Korupsi Bagaimana Islam Menanganinya*. (Kuala Lumpur: Penerbit Ilham Baru 2010), 195.

⁷⁹ Abu Abdul Halim Ahmad, *Bahaya Korupsi Kepada Masyarakat Menurut Islam*. (Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Syuhada Kuala Lumpur 1998), 71.

dan Hadis yang cukup banyak.⁸⁰ Namun ia kurang analisa kerana tidak memberikan pandangan para mufasir berkaitan korupsi.

Syed Hussein Al-Atas menulis sebuah buku bertajuk ***Korupsi Sifat, Sebab dan Fungsi***. Buku ini menjadi semacam ensiklopedia ringkas tentang korupsi yang berisi pelbagai macam aspek tentang korupsi. Kandungannya ialah tentang apa dan bagaimana korupsi yang telah menjadi sebahagian dari sejarah peradaban manusia berabad lamanya.⁸¹ Ini juga antara buku yang banyak dijadikan rujukan oleh pengkaji berkaitan korupsi, namun ia bersifat universal dan umum. Penulis tidak memberi data dan gambaran korupsi terkini di Indonesia mengingat ia adalah sebuah buku lama.

Mengenai seluk belok bentuk korupsi di Indonesia telah ditulis oleh Robert Klitgaard dan lain-lain. Ianya telah diterbitkan dalam bentuk buku yang bertajuk '**Penuntutan Pemberantasan Korupsi Dalam Pemerintahan Daerah**'. Apa yang menarik dari kajian ini adalah penulis menunjukkan bentuk kejayaan beberapa negara maju dalam pemberantasan korupsi dan menyarankan melaksanakannya dalam kes Indonesia seperti kaedah transparency.⁸² Buku ini tidak menyinggung tentang KPK dan hanya bercerita tentang korupsi sahaja.

Mohd Zaidi Ismail dan Mohd Sani Badron menjelaskan tentang urus tadbir baik dan Islam dalam bukunya bertajuk, '**Good Governance Adab-Oriented Tadbir In Islam**' yang diterbitkan oleh Institute Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Kuala Lumpur tahun 2012. Buku ini menjelaskan tentang adab, akhlak, siddiq, niat yang baik dan sifat mulia lainnya dalam merealisasikan urus tadbir baik.⁸³

Sebuah buku yang diterbitkan oleh Universiti Islam Antarabangsa (UIA) pada tahun 2008 berjudul '**Guidance For Good Governance Explorations In Qur`anic**,

⁸⁰ Mohammad Zaini Yahya dan Mohd. Sukki Othman, *Haramkah Korupsi*. (Kuala Lumpur: Pustaka Yamin, 2009).

⁸¹ Syed Hussein Alatas, *Korupsi Sifat, Sebab dan Fungsi*. (Kuala Lumpur: penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka 2009).

⁸² Robert Klitgaard et. all, *Penuntutan Pemberantasan Korupsi dalam Pemerintahan Daerah*. (Jakarta: Yayasan Obor 2005) terj. Masri Maris.

⁸³ Mohd Zaidi Ismail dan Mohd Sani Badron, *Good Governance Adab-Oriented Tadbir In Islam*. (Kuala Lumpur: penerbit IKIM, 2012).

Scientific and Cross-Cultural Approaches juga cukup membantu pengkaji tentang bagaimana urus tadbir baik menurut Islam, sains sosial dan pendekatan lintas budaya sukses dalam membanteras korupsi.⁸⁴

Buku bertajuk **Indonesia Democracy and the promise of Good Governance in Indonesia** (2007) diterbitkan oleh Institute Of Southeast Asian Studies Singapore mengupas tentang bagaimana proses demokrasi di Indonesia yang dimulai dengan menjatuhkan orde baru hingga membawa kepada urus tadbir baik.⁸⁵

Menurut kajian yang dilakukan oleh Team Taufik Rinaldi, Marini Purnomo, Dewi Damayanti yang berjudul; **memerangi korupsi di Indonesia yang sentralisasi**. Studi kasus penanganan korupsi pemerintahan daerah tahun 2007 yang dibiayai oleh Bank Dunia menyatakan bahawa autonomi daerah telah menyebabkan pertambahan pelaku pelaku korupsi yang dulunya dilakukan oleh kerajaan pusat, sekarang juga dilakukan oleh kerajaan negeri. Ini dikeranakan dengan adanya sistem pembahagian hasil pendapatan daerah yang menyebabkan wang tidak hanya beredar di Jakarta sahaja, tetapi telah mengalir di daerah. Dikeranakan korupsi akan menghambat perjalanan urus tadbir baik, maka penulis menyimpulkan perlunya pemberantasan korupsi yang berlaku di daerah. Namun penulis tidak mengatakan bahawa autonomi daerah telah menyebabkan peningkatan perilaku korupsi di daerah kerana tidak ada tolak ukur dan data kajian statistik yang mendukung tuduhan itu.⁸⁶

Mohamad Ezam dan Sapto Waluyo menulis sebuah buku yang bertajuk **Islam and The Issue Of Corruption**. Sebuah studi perbandingan antara korupsi dan pemberantasannya di Indonesia dan Malaysia. Ia juga membahas tentang korupsi

⁸⁴ Abdullah al-Hasan dan Stephen Young, *Guidance For Good Governance Explorations In Qur`anic, Scientific and Cross-Cultural Approaches*. (Kuala Lumpur: penerbit IIUM, 2008).

⁸⁵ H. Ross McLeod & Andrew Macintyre ed., *Indonesia Democracy and the promise of Good Governance*. (Singapore: Institute Of Southeast Asian Studies Singapore, 2007).

⁸⁶ Taufik Rinaldi, Marini Purnomo, Dewi Damayanti, *Memerangi korupsi di Indonesia yang sentralisasi. Studi kasus penanganan korupsi pemerintahan daerah*, (Jakarta: Bank Dunia, 2007).

menurut perspektif Islam. Namun data yang ada di buku ini kurang lengkap dan hanya mengungkap kes yang kecil sahaja.

1.8 Metodologi Kajian⁸⁷

Kajian ini menganalisis tentang Peranan Komisi Pemberantasan Korupsi Dalam Merealisasikan Urus Tadbir Baik Menurut Islam di Indonesia. Untuk mencapai objektif kajian ini, pengkaji telah memilih untuk menggunakan beberapa metode penyelidikan seperti kaedah pengumpulan data. Kaedah pengumpulan data dalam penyelidikan ini dilakukan dengan enam cara iaitu; perpustakaan, pemerhatian observers, wawancara, dokumentasi, sejarah dan hukum.

i. Perpustakaan

Kajian Perpustakaan ialah penyelidikan yang dilakukan untuk mendapatkan dan menghimpun data-data dalam bentuk dokumen berhubung topik kajian. Data kajian perpustakaan diperoleh melalui buku-buku rujukan, akhbar, jurnal, kertas kerja, majalah, ensiklopedia, laporan bertulis, laman web dan lain-lain.⁸⁸ Penyelidikan perpustakaan ini menjadi maklumat asas kepada landasan hasil kajian. Kaedah perpustakaan ini banyak digunakan dalam menghuraikan landasan teori tentang hal-hal yang berkaitan dengan urus tadbir baik dan korupsi dalam pandangan Islam.

Setakat ini penulis telah mencari data yang ada di perpustakaan Universiti Malaya Kuala Lumpur, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Pusat Islam. Dari sana penulis juga telah meninjau bahan-bahan yang berkaitan di perpustakaan lain melalui jaringan internet. Penulis kesulitan mendapatkan tesis yang berkaitan dengan

⁸⁷ Beberapa point dalam metodologi kajian ini penulis ambil dari tesis Master penulis di Jabatan Siasah Syar'iyah yang bertajuk Perkembangan Hak Asasi Manusia Dari Tahun 1945 hingga 2003.

⁸⁸ J. Francis Rummel, *An Introduction to Research in Education*. C. 2, (New York: Harper & Row Publishers 1964), 59.

KPK di pelbagai universiti Indonesia, Malaysia, dan negara lain kemungkinan disebabkan oleh kerana kurangnya publishiti karya mereka di media online.

Disaat ramai kawan lain bertanya “*bila nak habis?*”, guru merangkap sahabat baik penulis pakar astronomi ilmu Falak Prof. Dr. H. Susiknan Azhari tanpa diminta telah bermurah hati dan bersusah payah mengumpulkan dan membawa dari Yogyakarta ke Kuala Lumpur berkilo-kilo surat khabar tahun 2013-2014 yang berisi berita dan isu semasa tentang korupsi dan pemberantasan korupsi oleh KPK. Beliau juga mencarikan bahan-bahan lain untuk tesis ini dan mencarikan contact number pimpinan dan mantan pimpinan KPK untuk tujuan wawancara.

Dari jaringan internet pengkaji juga telah mengunduh data-data KPK yang sememangnya terbuka untuk diunduh oleh semua orang di laman web www.kpk.go.id. KPK mengamalkan sistem ketelusan yang mengharuskan mereka membuka data-datanya pada masyarakat awam melalui media cetak, radio, televisi, media online dan sebagainya. Dari data yang telah penulis seleksi, penulis telah mencetak lebih daripada 6000 halaman untuk kepentingan kajian ini.

ii. Wawancara

Kajian ini menggunakan wawancara dengan pimpinan dan mantan pimpinan Komisi Pemberantasan Korupsi. Wawancara juga dilakukan dengan sejumlah tokoh yang berwenang dan terlibat dalam gerakan anti korupsi.

Di keranakan hampir semua data tentang KPK dan pimpinan KPK dengan mudah diperoleh melalui pelbagai media cetak dan online, maka penulis hanya menjadikan wawancara untuk tujuan memastikan kebenaran data yang sedia ada. Penguatan data ini tentu sahaja hanya sebagai penguat dan pengakuan dalam beberapa isu yang dianggap penting sahaja. Menurut Lexi, pertanyaan yang perlu di utarakan ialah yang berkaitan dengan; pengalaman atau perilaku, pendapat dan nilai, perasaan,

pengetahuan, indera, yang berkaitan dengan latar belakang atau demografi.⁸⁹ Pengkaji juga melakukan wawancara pada pimpinan KPK yang bergerak bidang dokumentasi atau media melalui email, di mana ia dikelola oleh staf KPK bidang maklumat.

Panduan asas wawancara disiapkan sebelum penulis menuju ke tempat kajian penyelidikan. Individu yang diwawancara pula telah dijangka terlebih dahulu. Pola asas adalah panduan dalam wawancara yang mengandungi sejumlah daftar soalan yang perlu ditanyakan dan dicari jawapannya daripada para responden. Langkah pertama yang penulis tempuh ialah dengan cara memilih responden yang layak dan patut diwawancara. Ianya tentu sahaja adalah pimpinan dan kaki tangan KPK itu sendiri. Penulis juga memanfaatkan beberapa kawan di organisasi Muhammadiyah untuk menghubungkan penulis dengan tokoh yang patut diwawancarai seperti mantan ketua KPK Busro Muqodas yang juga merupakan mantan pimpinan dalam organisasi Muhammadiyah.

Dikeranakan kawasan Indonesia yang luas dan para pimpinan KPK berasal dari pelbagai daerah dan wilayah yang susah ditemui satu persatu, maka penulis menggunakan method wawancara email dan telefon dalam rangka penjimatan kos dikeranakan penulis tidak mendapat biasiswa.

Dalam wawancara berjadual penulis menanyakan beberapa soalan seperti;

1. Sejauhmana amalan dan budaya good governance diamalkan di KPK
2. Bagaimana peranan KPK dalam merealisasikan good governance di Indonesia,
3. Apa langkah-langkah yang perlu dilakukan KPK untuk mempergiatkan pemberantasan korupsi di Indonesia,
4. Apa kelebihan serta kekurangan KPK

⁸⁹ Lexi J. Moleong. *Metodologi Penelitian Kualitatif*. (Bandung: Penerbit Remaja Rosda Jaya 2010), 193.

5. Apa idea dan saran Bapak terhadap KPK untuk meningkatkan good governance di Indonesia.

Pertanyaan bukan hanya ditujukan pada pegawai, pimpinan atau mantan pimpinan KPK tetapi juga pada tokoh masyarakat, dan NGO yang bergerak bidang anti korupsi lainnya. Wawancara juga dapat penulis lakukan di saat mengikuti seminar, ceramah dan program-program yang berkaitan dengan anti korupsi. Kesempatan itu penulis manfaatkan untuk menanyakan beberapa soalan yang berkaitan dengan tesis atau yang berkaitan dengan ceramah, pidato dan seminar yang dia sampaikan. Ini terutama kepada para akademis, aktivis, dan pegawai serta mantan pegawai KPK. Penulis telah mengikuti seminar bersama mantan penasihat KPK Abdullah Hehamahuwa di Fakultas Sastra Universiti Malaya dan juga seminar yang penulis ikuti bersama barisan pimpinan KPK di Kedutaan Besar Indonesia Kuala Lumpur.

Dalam Forum 16th International Anti Corruption Conference 2015 di PICC Putrajaya penulis berjaya mewawancarai beberapa orang dari Indonesia Corruption Watch (ICW), Transoarency International (TI), Masyarakat Pemantau Peradilan Indonesia (MaPPI), dan GIZ iaitu sebuah badan anti korupsi yang bekerjasama dengan German.

Hampir semua pimpinan dan mantan pimpinan KPK tidak mahu penulis wawancara melalui media seperti email, whatsapp, telefon dan sebagainya. Barangkali mereka berpegang teguh pada kerahsiaan data serta kode etika dan data yang mereka keluarkan melalui laman sesawang www.kpk.go.id sudah dianggap mencukupi.

iii. Pemerhatian

Dalam kajian kualitatif, pemerhatian (*observasi*) merupakan kaedah yang asas dan mustahak yang mampu membuka secara kritis terhadap masalah-masalah yang

dikaji. Ianya digunakan untuk menyelidiki hubungan yang kompleks dan asas dalam penelitian ilmu sosial.⁹⁰

Kaedah ini penting dalam menilai dan menganalisis apa sahaja peranan dan usaha yang dilakukan oleh KPK dalam usaha merealisasikan urus tadbir baik dalam bentuk pemberantasan korupsi. Selain itu juga kaedah ini digunakan untuk mengamati tentang keadaan sebenar di lapangan secara rambang tentang fenomena yang berlaku mengenai korupsi dan urus tadbir baik, terutama apa yang di liput melalui media semasa.

Secara lebih mendalam kaedah penelitian ini digunakan untuk memperoleh data tentang apa dan bagaimana peranan KPK dalam merealisasikan urus tadbir baik dalam hal pemberantasan korupsi oleh KPK. Apa yang pengkaji lakukan antara lain adalah dengan mengamati perubahan yang berlaku pada pelayanan awam di tempat-tempat yang pengkaji kunjungi baik dengan sengaja mahupun tidak sengaja seperti dengan memerhati apa yang dilakukan oleh KPK contohnya dengan meletakkan logo KPK, moto dan kempen-kempen anti korupsi dalam bentuk banner, pelekat, pin dan sebagainya. Dan membandingkan dengan perilaku penjawat awam semasa sebelum keberadaan KPK.

Pemerhatian dilakukan dengan dua cara, iaitu pemerhatian secara langsung (*participant observation*) dan pemerhatian secara tidak langsung (*non participant observation*).

Pemerhatian secara langsung bermaksud bahawa peneliti terlibat secara langsung dan intensif dalam kegiatan penyelidikan dan mengadakan hubungan secara langsung dengan institusi yang diselidiki.⁹¹ Untuk itu peneliti memanfaatkan semua data

⁹⁰ Kathrine Marshal & Rosman. *Design Qualitative Research*. (California: Sage Publication 1995), 80.

⁹¹ Sulaiman Masri. *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan Esei, Proposal, Tesis*. (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor 2003), 61.

dan fakta yang ada dalam membuat analisa. Khusus dalam hal ini KPK telah membuat program *Island of Integrity* yang bertujuan memberikan contoh institusi kerajaan dan wilayah yang mendapat nilai terbaik dalam pemberantasan korupsi.⁹² Menerusi pengamatan secara langsung terhadap pelbagai-bagai aspek diharapkan penulis memperoleh gambaran luas tentang apa dan bagaimana sebenarnya yang berlaku. Jika kewangan mencukupi, penulis akan mengunjungi pejabat KPK di Jakarta dan jika diberi kebenaran penulis akan mengikuti kegiatan KPK dari dalam untuk beberapa lama. Namun ini tentu sahaja tidak mudah, sebab dalam KPK terdapat unsur kerahsiaan dan tertutup dalam beberapa kes penting.

Apa yang penulis amati secara langsung adalah; 1. Melihat apa sahaja usaha yang dilakukan KPK dalam pemberantasan korupsi. 2. Bagaimana strategi KPK dalam pemberantasan korupsi di institusi terkait dan 3. Berapa tingkat keberhasilan KPK dalam pemberantasan korupsi.

Penulis memandang perlu untuk melakukan pemerhatian secara tidak langsung. Pemerhatian ini dilakukan ketika berlangsungnya kegiatan pemantauan oleh pihak kerajaan. Pemerhatian seperti ini dilakukan daripada jarak yang agak jauh, oleh itu kemungkinan data yang diperoleh tidak lagi memuaskan sepenuhnya. Kaedah ini banyak digunakan dalam menghuraikan pembahasan kajian penyelidikan. Pemerhatian tidak langsung penulis lakukan dengan mengamati media hampir setiap hari.

iv. Kaedah Dokumentasi

Kaedah dokumentasi adalah kaedah mencari data atau maklumat yang sedia ada mengenai perkara-perkara atau variable yang berupa catatan, transkrip, buletin, majalah dan lain-lain.⁹³ Teknik ini digunakan untuk memperoleh data yang bersifat dokumentar yang terdapat di pelbagai tempat. Data yang diperoleh di pelbagai-bagai perpustakaan

⁹² KPK, *Integrito* Vol. 13/IV (Januari-Februari 2012), 21.

⁹³ Suharsimi Arikunto. *Prosedur Penelitian*. (Jakarta: Penerbit Bina Aksara 1985), 132.

adalah seperti konsep pengentasan jinayah korupsi (tindak pidana). Semua data itu kemudian ditelaah secara cermat dan akurat. Dokumen-dokumen tersebut menjadi sumber yang sangat mustahak dalam kajian ini.

Dokumen yang berhasil penulis dapatkan antara lain adalah keratan surat khabar media mainstream yang berkaitan dengan korupsi.

v. Kajian Sejarah

Kaedah kajian sejarah adalah suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kajian. Ianya pula bermaksud sebagai proses pengumpulan data dan pemecahan ilmiah melalui perspektif sejarah mengenai masalah yang dibahaskan dalam kajian ini. Penggunaan kaedah ini bertujuan untuk mendapatkan data-data yang mempunyai nilai sejarah.⁹⁴ Sejarah yang diteliti dalam kajian ini adalah catatan-catatan tentang sejarah perjalanan pemberantasan korupsi di Indonesia.

Sejarah pemberantasan korupsi di masa Orde Lama masa kepimpinan Soekarno, Orde Baru masa kepimpinan Presiden Soeharto dan selepas gerakan pelajar 1998. Ia menjelaskan tentang bagaimana pendekatan yang dilakukan oleh setiap era dalam pemberantasan korupsi. Apa yang menyebabkan pemberantasan korupsi selama ini gagal dan bagaimana cara KPK dalam mengatasi kegagalan itu.

Melalui pendekatan sejarah, maka diharapkan sebuah pertanyaan yang ada dalam pendahuluan akan terjawab iaitu; mengapa negara di mana umat Islam nya terbesar di dunia dengan 88.4 % atau 215 juta beragama Islam tapi korupsi bermaharajalela. Apakah kerana salah Islam atau kerana kepimpinan sekular dan dasar yang anti Islam.

⁹⁴ Imam Barnabib. *Erti dan Metode Sejarah Pendidikan*. (Yogyakarta: Penerbit Yayasan Penerbit FIP-IKIP, 1982), 52.

Tesis MA penulis tentang perkembangan hak asasi manusia di Indonesia banyak membantu tentang kajian sejarah ini. Ini kerana ia dapat mengungkap latar belakang sejarah, budaya dan sosial masyarakat Indonesia selama ini. Sejarah itu diringkaskan ke dalam orde lama, orde baru dan era reformasi.

vi. Kajian Hukum

Tesis ini menggunakan pendekatan kajian hukum yang menerangkan bagaimana kedudukan hukum KPK dalam konstitusi Indonesia. Kajian hukum ini juga bertujuan untuk menilai sejauh mana korupsi dalam pandangan hukum perlembagaan Indonesia. Antara lain; undang-undang nomor 3 tahun 1971 tentang pemberantasan tindak pidana korupsi, Undang-undang nombor 7 Tahun 2006 tentang konvensi PBB anti korupsi 2003, Undang-undang nombor 46 tahun 2009 tentang pengadilan tindak pidana korupsi, Undang-undang nombor 8 tahun 2010 tentang pencegahan dan pemberantasan tindak pidana pencucian wang. Undang-undang nombor 28 tahun 1999 tentang penyelenggaraan negara yang bersih dan bebas dari korupsi, pakatan sulit dan nepotisme, undang-undang nombor 31 tahun 1999 tentang pemberantasan tindak pidana korupsi, undang-undang nombor 30 tahun 2002 tentang komisi pemberantasan tindak pidana korupsi, ketetapan MPR nomor XI tahun 1998 tentang penyelenggaraan negara yang bersih dan bebas dari korupsi, pakatan sulit dan nepotisme, instruksi Presiden nomor 5 tahun 2004 tentang percepatan pemberantasan korupsi, undang-undang nomor 20 tahun 2001 tentang perubahan UU nomor 31 tahun 1999 tentang pemberantasan tindak pidana korupsi, peraturan presiden nomor 55 tahun 2012 tentang strategi nasional pencegahan dan pemberantasan korupsi jangka panjang tahun 2012-2025 dan jangka menengah tahun 2012-2014, peraturan pemerintah nomor 71 tahun 2000 tentang tata cara pelaksanaan peran serta masyarakat dan pemberian penghargaan dalam pencegahan dan pemberantasan tindak pidana korupsi. Instruksi presiden nomor 9 tahun 2011 tentang rencana aksi pencegahan dan pemberantasan korupsi.

1.9. Analisis Data

Analisa data dalam kajian ini penulis lakukan di akhir setiap bab kerana ia memerlukan data yang lengkap untuk di analisis. Analisis data ini menggunakan metode kritis dan pemahaman data. Dalam penganalisan data, penulis telah menggunakan olahan-olahan berdasarkan metode induktif, deduktif dan komparatif.

i. Metode Induktif

Melalui metode ini penulis menganalisis data-data yang ada melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dan kesimpulan dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum. Dalam bahasa Arab metode ini dikenali sebagai *Al-manhaj Al-istidlali*. Metode ini pengkaji gunakan untuk menjelaskan melalui gerakan pemberantasan korupsi akan menghasilkan sebuah kerajaan yang menjalankan urus tadbir baik kerana urus tadbir buruk berpunca dari perilaku, sikap, integriti dan mentaliti yang buruk termasuk korupsi. Ini terbukti jika dilihat dari data CPI, ianya menunjukkan bahawa sebuah kerajaan yang bersih dari korupsi biasanya mengamalkan urus tadbir baik yang berakibat baiknya pembangunan infrastruktur, kesejahteraan rakyat melalui terbukanya lapangan pekerjaan dan berkurangnya kemiskinan. Dengan kajian ini penulis ingin menyatakan bahawa KPK telah melakukan pelbagai usaha ke arah merealisasikan urus tadbir baik melalui pemberantasan korupsi.

ii. Metode Deduktif

Melalui metode ini penulis menganalisis data-data yang ada melalui cara menganalisis dan melakukan penulisan berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil umum terhadap perkara-perkara yang bersifat khusus. Metode deduktif juga disebut dengan *Manhaj Al-istiqrā`i*. Metode jenis ini

penulis gunakan untuk membuktikan kebenaran sebuah analisa Induktif. Sejauh manakah peranan KPK dalam usaha merealisasikan urus tadbir baik. Apakah benar usaha pemberantasan korupsi dapat membantu ke arah merealisasikan urus tadbir yang baik.

iii. Metode Komparatif

Metode komparatif ini ialah dengan cara membandingkan pemberantasan korupsi yang dilakukan di era orde lama, orde baru dan era reformasi. Namun ia hanya sebagai pembeda sahaja kerana kajian mendalam hanyalah dilakukan pada tahun 2013 dan 2014 sahaja.

1.10. Kaedah Penentuan Subjek

Disertasi ini secara amnya adalah kajian bersifat kualitatif dan bukan kuantitatif. Berdasarkan tajuk kajian ini, ia adalah praktikal dan realiti yang cuba untuk meletakkan dasar pemikiran tentang bagaimana pemberantasan korupsi dapat mewujudkan ke arah terbentuknya urus tadbir baik. Untuk itu diperlukan usaha pengumpulan data yang bersungguh-sungguh.

Untuk mengumpulkan data yang diperlukan maka dalam pembahasan thesis ini penulis menggunakan kaedah *library research*. Penulis mengumpulkan semua bahan-bahan tertulis yang berkaitan dengan tajuk kajian. Bahan bacaan itu dapat berupa buku, jurnal, majalah, surat khabar, laman web rasmi dan sebagainya.

1.11. Sistematika Penulisan

Disertasi ini bertajuk; **Peranan Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) Dalam Merealisasikan Urus Tadbir Baik Menurut Islam di Indonesia**. Maka Berdasarkan kepada keperluannya dan untuk menjawab pertanyaan tentang *what, who,*

when, where, why and how (5w 1h) yang berkaitan dengan kajian ini, maka dibahagi menjadi tujuh bab utama iaitu;

Bab I Pendahuluan

Bab I adalah bab Pendahuluan yang lebih kepada membincangkan tentang teori dan rangka bentuk kajian. Ianya terdiri dari; Pengenalan, Latar Belakang Kajian, Objektif Kajian, Kepentingan Kajian, Skop Kajian, Pengertian Tajuk, Kajian Terdahulu, Metodologi Kajian, Kaedah Pengumpulan Data, Kaedah Penentuan Subjek, dan Sistematika Penulisan.

Bab II. Korupsi Dalam Pandangan Islam

Bab ini terdiri dari pengenalan ringkas yang diikuti dengan latar belakang dan isu yang berkaitan dengan korupsi dalam pandangan Islam. Ia merangkumi pengertian korupsi menurut Islam, rasuah adalah sebahagian dari korupsi, pembahasan korupsi dalam al-Quran, korupsi menurut al-Sunah, korupsi sebagai perbuatan Munkar, pemberantasan korupsi pada zaman awal Islam, Pemberantasan Korupsi Menurut Analisa Islam yang ditutup dengan analisa dan kesimpulan.

Bab III Korupsi dan Kaitannya Dengan Urus Tadbir Baik

Bab ini dimulai dengan pendahuluan ringkas yang diikuti tentang definisi korupsi menurut pelbagai sumber, konsep dan pelaksanaan urus tadbir baik menurut Islam, urus tadbir baik menurut beberapa literatur, urus tadbir baik menurut beberapa tokoh Indonesia, kaitan korupsi dengan urus tadbir baik, Institusi Pendukung Good Governance di Indonesia, yang di akhiri dengan analisa dan kesimpulan.

Bab IV Korupsi dan Urus Tadbir Baik di Indonesia

Seperti biasa bab ini didahului dengan Pendahuluan yang akan diikuti dengan analisa akar masalah korupsi di Indonesia, sejarah pemberantasan korupsi di orde lama, orde baru dan era reformasi, beberapa organisasi gerakan anti korupsi di Indonesia, gambaran urus tadbir baik di Indonesia, cabaran urus tadbir baik dalam sejarah Indonesia, demokrasi dan urus tadbir baik di Indonesia, kesederhanaan dan kepemimpinan contoh anti korupsi di Indonesia, Masalah Kepimpinan di Indonesia Sebuah Analisis, Analisa Masalah Kepimpinan Pemberantasan Korupsi di Indonesia, Analisa Kepimpinan KPK Ditinjau Dari Perspektif Politik Islam, Solusi Islam Terhadap Kepimpinan di Indonesiadan di akhiri dengan analisa dan kesimpulan.

Bab V Pendekatan KPK Dalam Pemberantasan Korupsi

Bab ini dimulai dengan pendahuluan, diikuti dengan latar belakang kelahiran KPK, tentang esensi KPK, cabaran pemberantasan korupsi yang dilalui KPK, pendekatan KPK dalam membanteras korupsi menurut analisa Islam, strategi pemberantasan korupsi menurut beberapa literatur di Indonesia, yang ditutup dengan analisa dan kesimpulan.

Bab VI Strategi KPK Dalam Merealisasikan Urus Tadbir Baik Tahun 2013-2014 Menurut Perspektif Politik Islam.

Ia dimulai dengan Strategi KPK Dalam Pemberantasan Korupsi Tahun 2013 dan 2014, Pendekatan KPK Dalam Merealisasikan Urus tadbir baik Menurut Islam Tahun 2013 Hingga 2014, kekuatan KPK, kelemahan KPK, Langkah-Langkah

Penambahbaikan Oleh KPK Tahun 2013-2015, dan di akhiri dengan analisa dan kesimpulan.

Bab VII Analisa dan Kesimpulan

Ianya sebuah analisa, kesimpulan dan penemuan ilmiah yang ringkas semua kajian yang telah dilakukan. Bab ini hanya memuat sekitar 10 muka surat sahaja. Ianya semacam perbincangan ringan yang merangkumi bab satu hingga bab lima di atas.

University of Malaya

BAB 2: KORUPSI DALAM PANDANGAN ISLAM

2.1 Pengertian Korupsi Menurut Islam

Korupsi dalam Islam tidak memiliki makna yang tunggal. Ia di fahami melalui banyak maksud, pengertian dan istilah dalam Islam sebagaimana yang akan dijelaskan di bawah ini;

Dalam Ensiklopedia Hukum Islam, korupsi bererti perbuatan buruk atau tindakan menyelewengkan dana, wewenang, waktu, dan sebagainya demi kepentingan pribadi sehingga menyebabkan kerugian bagi pihak lain.¹ Prof. Dr. Hamka memahami korupsi berasal dari kalimat *yaghulla* dan *yaghlul* yang bererti curang. Iaitu seseorang yang mengambil barang sesuatu lalu memasukkan dengan sembunyi ke dalam kumpulan barang-barangnya yang lain.²

Menurut al-Sya`rawī, *Suht* memiliki makna yang sangat luas iaitu setiap harta yang bersumber dari yang haram seperti korupsi, riba, mencuri, penggelapan (harta awam), meragut, merompak.³ Termasuk dari korupsi adalah *syaraqah* (pencurian), *ghazab* (penggunaan hak orang lain tanpa izin), *ghulul* (penyelewengan harta negara dalam ghanimah), *rasyuah* (suapan), *khianah* (khianat) dan *harobah* (perampasan). Jika korupsi mengarah kepada kerosakan makro ekonomi dan sosial negara, maka layak dikategorikan sebagai *hirobah* iaitu perompakan yang hukumannya boleh hukuman mati.⁴

Para *Fuqoha* dan ulama Muslim menetapkan bahawa jikalau seluruh pelaku kejahatan suap dikenakan hukuman yang berat sesuai dengan ketetapan syariah Islam,

¹ *Ensiklopedi Hukum Islam*. (Jakarta: Penerbit Ichtiar Baru Van Hoeve jilid 2, 1999), 974.

² Hamka, *Tafsir al-Azhar*. (Singapura: penerbit Pustaka Nasional, 1990), 977.

³ Muhammad Mutawaly al-Sya`rawy. *Tafsir al-Sya`rawy. Akhbar yaum* juz 6 (Kaherah: Al-Azhar, 1961), 3258.

⁴ Amru Muzan, Korupsi, Suap dan Hadiah Dalam Islam, *Jurnal Hukum Islam*, (Disember 2007), 624.

maka hal itu akan memudahkan realisasi pencapaian kemaslahatan masyarakat. Masyarakat akan menjadi stabil dan pembangunan yang menyeluruh pun akan tercapai.⁵

Korupsi menurut keputusan Majlis Tarjih Ulama Muhammadiyah dimasukkan dalam kategori sebagai berikut; *Ghulul*, iaitu menggelapkan harta rampasan perang dengan tujuan memperkaya diri sendiri, merugikan orang lain bangsa dan negara, penyalahgunaan kuasa, melawan hukum, norma dan moral dalam masyarakat. *Riswah*, (suap), *Khianat*, *Mukabarah*, *Ghasab*, *Saraqah* (pencurian), *Intikhab* (penyeluk saku atau mengutil), dan *Akl Suht* (makan hasil atau barang haram).⁶

Sementara setelah pengkaji mewawancarai beberapa orang yang lama tinggal di dunia Arab mengatakan bahawa kalimat yang paling tepat untuk korupsi yang biasa digunakan dalam bahasa Arab yang masyhur dipakai dalam dunia Arab saat ini adalah *Ikhtilash*.⁷ *Ikhtilash* dalam Kamus Bahasa Arab- Melayu diertikan dengan penyelewengan, sementara dalam bahasa Indonesia difahami dengan penggelapan. *Khalasha*, *yakhlisu*, *ikhtilasan* juga bermaksud mengambil dengan sembunyi.⁸ Inilah hasil wawancara penulis dengan beberapa bekas penuntut di Arab, mahasiswa Pengajian Islam Indonesia di Universiti Malaya.

Dari definisi yang dikemukakan oleh para ulama, para tokoh, maka jelas sekali bahawa antara KPK dan SPRM telah memiliki pengertian dan pemahaman yang berbeza tentang korupsi dan rasuah. Korupsi memiliki makna yang luas, sementara rasuah atau sogokan adalah sebahagian dari korupsi. Untuk itu penggunaan kalimat korupsi menurut penulis lebih tepat digunakan dalam kajian ini daripada rasuah kerana ianya memiliki makna yang dalam dan tidak sempit sebagaimana istilah rasuah.

⁵ Dr. Husain Syahatah, *Suap dan Korupsi Dalam Perspektif Syariah*, terjemahan Kamran As`ad Irsyady, (Jakarta: Sinar Grafika Offset, 2005), 23.

⁶ Syamsul Anwar et. al, *Fikih Anti Korupsi Perspektif Ulama Muhammadiyah*, (Jakarta: Majelis Tarjih dan Tajdid PP Muhammadiyah, 2006), 54.

⁷ Wawancara dengan Suhaili bekas pelajar di Mesir.

⁸ Idris Marbawi. *Kamus Idris al-Marbawi* (Indonesia: Penerbit Dar Ihya Kitab al-Arabiyyah, tt), 183 & 12.

2.2 Rasuah Adalah Sebahagian Dari Korupsi

Dalam Kamus Dewan edisi keempat, Rasuah bermaksud; pemberian untuk menumbuk rusuk (menyogok, menyuap, sogok, suap).⁹ Manakala kalimat rasuah dalam kamus al-Mukhtar berasal daripada kalimat *Rasya* yang bererti tali timba yang digunakan untuk mengambil air perigi.¹⁰ Menurut Salim, rusyan dan Risyan adalah jama`nya Rasuah.¹¹ Dalam Tafsir Munir disebutkan bahawa Rasya adalah jamaknya rasuah.¹² Rasuah juga bermakna, yang menghubungkan kepada hajat yang dilarang menurut Nawwar.¹³ Sedangkan *ar-Rasyi* orang yang memberikan sesuatu kepada pihak kedua yang menyokong perbuatan batil. Adapun *raisy* adalah perantara dari pemberi dan penerima korupsi dan *al-murtasy* adalah penerima rasuah.¹⁴ Dalam kamus bahasa Melayu, rasuah adalah penyakit masyarakat yang berbahaya dan sesungguhnya rasuah itu adalah haram hukumnya.¹⁵

Al-Rusyah, Risywah, atau *al-Rasywah* juga bermaksud habuan atau upah. Rasuah juga didefinisikan sebagai sesuatu yang diberikan kepada seseorang untuk membatilkan yang hak atau membenarkan yang batil. Atau sesuatu yang diberikan kepada hakim atau lainnya dengan harapan pemberi suap dimenangkan kesnya dengan memberi segala keinginan dan permintaannya. Rasuah ialah suatu yang diberikan kepada seseorang untuk menghidupkan kebatilan atau menghancurkan kebenaran. Rasuah ialah memberikan harta kepada seseorang sebagai imbalan pelaksanaan tugas atau kewajiban yang mana tugas itu harus dilaksanakan tanpa menunggu imbalan atau wang komisen. Rasuah ialah imbalan yang diambil seseorang atas perbuatannya yang menyalahkan kebenaran dan membenarkan kebatilan, dan balasan yang dinikmati seseorang atas usaha untuk menyampaikan hak orang lain yang berhak. Ertinya seseorang hakim tidak

⁹ *Kamus Dewan* edisi keempat. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 2005), 1292.

¹⁰ Abu Yazid al-Bustamami, *Kamus al-Mukhtar*, (Selangor: Crescent New, 2006), 324.

¹¹ Salim Hani Mansur, *ar-Rashwah*, (Beirut: Dar Basho`ir Islamiyah, 2009), 12.

¹² Wahbah Bin Muṣṭafā al-Zuhaylī. *Al-Tafsīr al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Sharī'ah wa al-Manhaj*. (Damsyik: Dār al-Fikr al-Mu'āshir, 1418 H.), 202.

¹³ Nawwar Bin al-Sally, *Ar-Rasywah, Adda` wa Addawa`*, (Kaherah: Dar Salam, 2015), 13.

¹⁴ Abu Abdul Halim Ahmad S, *Bahaya Korupsi Kepada Masyarakat Menurut Islam*. (Jakarta: penerbit Al-Kautsar, 1998), 1.

¹⁵ Abdul Rauf Dato` Haji Hassan, *Kamus Bahasa Melayu -Arab*, (Selangor: Oxford Fajar, 2005), 215.

akan memberikan hak kepada yang berhak dan tidak berusaha menyelesaikannya sehingga dia diberi rasuah.¹⁶

Menurut Prof. Dr. Yusuf al-Qardhawi, rasuah termasuk memakan harta orang lain dengan jalan batil. Rasuah iaitu memberikan wang kepada penguasa atau petugas, supaya penguasa atau petugas tersebut memenangkan hukum untuknya dengan mengalahkan pihak lawan, atau supaya mendahulukan urusannya atau melambatkan.¹⁷

Rasuah ialah sesuatu yang diambil tanpa sebarang pertukaran dan dicela orang yang melakukannya. Rasuah iaitu, setiap harta yang dibayar untuk membeli (mendapatkan) pertolongan daripada orang yang mempunyai kedudukan bagi membantu melakukan perkara yang tidak halal. Sesuatu yang diberikan bagi tujuan membatalkan sesuatu hak (kebenaran) atau menjadikan sesuatu yang batil sebagai hak.¹⁸

Menurut Deliar Noer, rasuah juga bermaksud mengambil harta secara tidak sah.¹⁹

Rasuah yang didefinisikan oleh SPRM adalah, penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah, diskaun. Berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009) Akta 694 terdapat empat kesalahan rasuah yang utama iaitu; meminta atau menerima korupsi, menerima suapan, mengemukakan tuntutan palsu dan salah guna kuasa.²⁰

Syed Hussein Al atas mengemukakan beberapa ciri-ciri rasuah antara lain; 1. Suatu pengkhianatan terhadap kepercayaan. 2. Penipuan terhadap badan kerajaan, institusi swasta atau masyarakat umumnya. 3. Dengan sengaja menyetepikan kepentingan umum berbanding kepentingan khusus. 4. Dilakukan secara berahsia,

¹⁶ Abu Abdul Halim Ahmad S, *Bahaya Korupsi Kepada Masyarakat Menurut Islam*, 5.

¹⁷ Yusuf Qardhawi, *Halal dan Haram*, terj. Abu Sa' id al-Falahi, (Jakarta: Robbani Press, 2007), 382.

¹⁸ Mohammad Zaini Yahya & mohd. Sukki Othman, *Haramkah Korupsi?*. (Kuala Lumpur: penerbit pustaka Yamien, 2009), 7.

¹⁹ Deliar Noer. *Islam dan Politik*. (Jakarta: Penerbit Yayasan Risalah, 2003), 206.

²⁰ *Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia*, <http://www.sprm.gov.my/apa-itu-rasuah.html> dicapai 3 Mar 2013.

kecuali dalam keadaan di mana orang-orang yang berkuasa atau bawahannya menganggap tidak perlu, 5. Melibatkan lebih daripada seorang atau pihak. 6. Adanya kewajiban dan keuntungan bersama, dalam bentuk wang atau ganjaran yang lain. 7. Terpusatnya kegiatan (rasuah) pada mereka yang menghendaki keputusan yang pasti dan mereka yang dapat mempengaruhinya. 8. Adanya usaha untuk melindungi perbuatan korupsi dalam bentuk-bentuk justifikasi undang-undang dan 9. Pernyataan dwifungsi yang bercanggah oleh mereka yang melakukan rasuah.²¹

Para ulama kebanyakannya membincangkan amalan korupsi dalam konteks rasuah. Namun, perkataan rasuah didapati tidak mewakili maksud korupsi sebenar dalam pemakaian semasa khasnya di Indonesia.

Korupsi telah memiliki makna yang luas menurut Undang-Undang no 30 tahun 2002. Definisi korupsi menurut Undang-Undang tentang KPK ini telah mengalami transformasi, iaitu, perbuatan yang menyebabkan kerugian terhadap kewangan negara, suap menyuap, penggelapan dalam jabatan, pemerasan, perbuatan curang, konflik kepentingan, pengadaan dan gratifikasi. Perbuatan-perbuatan seperti; merintang proses perkara korupsi, tidak memberi keterangan atau memberi keterangan yang tidak benar, bank yang tidak memberikan keterangan account bank tersangka, saksi atau ahli yang tidak memberi keterangan atau memberi keterangan palsu, orang yang memegang rahsia jabatan tidak memberikan keterangan atau memberikan keterangan palsu, saksi yang membuka identiti pelapor juga dianggap sebagai sebahagian dari jenayah (tindak pidana) korupsi menurut Undang-undang KPK.²² Namun demikian kelemahan undang-undang ini ia belum merangkumi rasuah yang melibatkan swasta.

²¹ Syed Hussein Alatas, *Korupsi Sifat, Sebab dan Fungsi*. (Kuala Lumpur: penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), xvi.

²² Komisi Pemberantasan Korupsi, *memahami untuk membasmi (Buku Panduan Untuk Memahami Tindak Pidana Korupsi*. (Jakarta: penerbit KPK, 2006), 16-17.

2.3 Pembahasan Korupsi Dalam al-Quran

Islam adalah jalan hidup manusia paling sempurna yang membimbing umatnya ke arah kesejahteraan dan kebahagiaan.²³ Tujuan hukum Islam adalah untuk kemaslahatan manusia. Antara kemaslahatan itu ialah dengan cara memelihara harta dari pemindahan hak milik dengan cara yang tidak mengikuti proses hukum Syarak`. Ulama fikah sependapat bahawa korupsi adalah haram kerana ianya bertentangan dengan Maqosid al-Syar`iyyah (tujuan hukum Islam).²⁴

Sebahagian dari perbuatan korupsi ialah dengan cara menyuap hakim dan peguam cara, agar memperjuangkan dan memenangkannya dalam sesuatu perkara yang sebenarnya bukan menjadi haknya. Akan tetapi disebabkan kerana bayaran dan kemahirannya dalam berhujah, seseorang itu dimenangkan perkaranya oleh mahkamah. Maka keputusan hakim tidak menghalalkan yang haram dan tidak pula mengharamkan yang halal. Hakim hanya menghukum yang zahir, sementara yang berdosa adalah pihak yang menipu. Demikianlah yang difahami oleh Sayid Qutb²⁵ sebagaimana yang diungkapkan dalam al-Quran Surah al-Baqarah Ayat 188;

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ
النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Dan janganlah kamu makan harta-harta sesama kamu dengan cara yang tidak benar dan janganlah kamu membawa kes-kes harta itu kepada hakim-hakim dengan tujuan supaya kamu dapat memakan sebahagian dari harta orang lain dengan cara yang berdosa, sedangkan kamu mengetahuinya.

²³ Sayyid Muhammad Husain Thabathaba'i. *Memahami Esensi al-Qur'an*. (Jakarta: penerbit Lentera, 2000), 13.

²⁴ Tim Penyusun, "Ensiklopedi Hukum Islam", 974.

²⁵ Sayyid Qutb, *Tafsir Fī Zilāli al-Qur'an*. (Kaheerah: Dār al-Shurūq, 1995), 176.

Sebab turunnya ayat ini ialah, telah berkata Sa`id bin Jubai. Suatu waktu Imril Qais Bin Abis bersengketa tanah dengan Abdan Bin Asywa` al-Hadharami. Keduanya datang meminta keadilan pada Nabi SAW. Lalu Qais hendak bersumpah di hadapan hakim untuk menguatkan pengakuannya atas hak milik tanah yang diperebutkan. Kemudian Allah menurunkan ayat di atas. Menurut Imam Sayuti, hak milik tanah itu akhirnya diserahkan kepada Abdan.²⁶ Ibn `Arabī menjelaskan ayat ini dengan tidak bolehnya mengambil dan memanfaatkan harta orang lain dengan jalan batil. Ini kerana saudara se Islam kamu adalah seperti diri kamu sendiri. Nabi juga mengatakan bahawa kaum Muslimin itu seperti jasad yang sama, apabila ada sebahagian lain yang terluka maka semua akan merasa kesakitannya.²⁷

Wahbah Zuhaylī memberi penjelasan ayat ini dengan memberi korupsi kepada hakim supaya hakim memberi keputusan yang berpihak kepada si pemberi korupsi.²⁸ Ayat ini menurutnya adalah semacam peringatan agar tidak memberi korupsi kepada hakim dengan tujuan untuk mengambil harta orang lain dengan jalan haram seperti sumpah palsu, saksi palsu.²⁹ Bahkan dalam fatwanya, Yusof al-Qaradhawi mengatakan haram hukumnya melakukan korupsi untuk membebaskan seorang tahanan penagih dadah walaupun memiliki alasan bahawa sang penagih dadah tersebut adalah satu-satunya yang menjadi sumber nafkah keluarga yang ramai di bawah tanggungannya.³⁰

Kemudian yang berkaitan dengan korupsi ialah berlaku curang dengan cara menyembunyikan harta yang bukan miliknya ke dalam miliknya. Perilaku ini adalah berdosa dan hukuman yang berat di akhirat menanti si pelaku. Hamka memahami pangkal ayat ini dengan kesatuan, persaudaraan dan kekeluargaan. Ertinya harta benda saudara yang dirugikan adalah bererti kerugian kita secara langsung mahupun tidak

²⁶ Imam Jalaluddin As-Sayuti, *Asbabun Nuzul*, terj. Q. Saleh et. al (Kuala Lumpur: Victor Agencie, 2002), 81.

²⁷ Ibn `Arabī, *Ahkām al-Qur`an* (Dār al-Fikr al-`Arabī), 97

²⁸ Wahbah Bin Muṣṭafā al-Zuhaylī. *Al-Tafsīr al-Munīr fī al-`Aqīdah wa al-Sharī`ah wa al-Manhaj*. (Damsyik: Dār al-Fikr al-Mu`āshir, 1418 H.), 202.

²⁹ Wahbah Bin Muṣṭafā al-Zuhaylī. *Al-Tafsīr al-Munīr*, 165.

³⁰ Yusof el-Qardhawi. *Fatwa-Fatwa Semasa*. Terj Sulaiman Ibrahim. (Kota Baru: Penerbit Pustaka Aman Press, 1994), 109.

langsung. Menganiaya harta orang lain samalah dengan menganiaya diri sendiri. Maksudnya ialah segala usaha mencari keuntungan dengan jalan yang tidak wajar dan merugikan sesama manusia. Ia akan merosak sistem ekonomi masyarakat kerana ada yang memperoleh kekayaan dengan cara membolot duit rakyat dan penipuan kepada sesama manusia.³¹

Menurut Hamka lagi, silaturahmi sesama manusia jauh lebih tinggi nilainya dibandingkan dengan harta benda yang sebentar dan akan punah. Apalagi harta yang didapat dari jalan yang salah itu amatlah panas di tangan atau tidak berakah. Membawa gelisah dan menghilangkan ketenteraman, keberkatan. Walaupun nampak di luarnya mampu, pada batinnya itulah orang yang amat miskin. Kosong dan selalu merasa tidak puas, ada yang hilang dari diri, tetapi tidak tahu apa yang hilang itu.³²

Para mufasirin mengemukakan banyak hal yang dilarang dalam lingkungan pertama ayat ini, antara lain memakan riba, menerima zakat bagi yang tidak berhak menerimanya dan agen yang melakukan penipuan terhadap penjual atau pembeli. Kesimpulan ayat ini ialah; tidak boleh memakan harta orang lain dengan jalan yang tidak sah. Tidak boleh menyogok dan menerima sogokan untuk memperoleh sesuatu yang tidak sah dan membuat sumpah palsu atau menjadi saksi palsu.³³

Dalam tafsir ayat hukum as-shabuni, *Yaminul ghamus* ialah Sumpah yang diucapkan orang yang dengan sumpahnya itu ia mengambil sebagian harta seorang Muslim, sedang ia berdusta dengan sumpahnya termasuk dosa besar selain Syirik dan derhaka pada orang tua.³⁴

Dalam Tafsir Ibn Katsir dinyatakan bahawa keputusan hakim yang memenangkan orang salah dan mengalahkan orang benar tidaklah membuatnya berhak

³¹ Hamka, "Tafsir al-Azhar", 439.

³² Hamka, "Tafsir al-Azhar", 439.

³³ Team Penyusun. *Al-Qur'an dan Tafsirnya*. (Jogjakarta: penerbit UII, 1995), 319.

³⁴ M. Ali As Shabuni, terj. Saleh Mahfoed, *Tafsir Ayat-Ayat Hukum Dalam al-Qur'an*, (Bandung: al-Ma'arif, 1994), 991.

menikmati harta itu, jika ia tahu bahawa itu bukan haknya. Ini kerana hakim adalah manusia biasa yang tidak luput dari tersalah dan silap dalam mengambil keputusan. Di akhirat nanti seseorang juga akan tahu siapa yang benar dan siapa yang salah untuk mendapatkan pengadilan Tuhan.³⁵ Untuk itu diperlukan peranan *Muhtasib* yang harus bertindak tegas pada hakim yang gagal memenuhi tanggungjawabnya.³⁶

Ayat kedua yang berkaitan dengan korupsi ialah Firman Allah SWT. Dalam Surah Ali Imran Ayat 161 iaitu;

وَمَا كَانَ لِنَبِيِّ أَنْ يَغْلِبَ وَمَنْ يَغْلِبْ يَأْتِ بِمَا عَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ثُمَّ تُوفَّى كُلُّ نَفْسٍ مَّا
كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ

Tidak mungkin bagi seorang Nabi menggelapkan harta rampasan perang (ghulul) dan barang siapa yang menggelapkan harta rampasan perang nescaya ia akan membawa bersamanya pada hari kiamat segala sesuatu yang digelapkan nya. Kemudian setiap orang dibalas dengan sempurna terhadap apa yang telah dilakukannya dan mereka tidak akan dianiaya.

Asbab nuzul ayat ini menurut Imam Sayuti adalah, telah menjelaskan Abbas bahawa setelah perang Badar kaum Muslim mendapat harta rampasan perang yang banyak. Pada saat itu ada sebuah permaidani merah yang hilang dari tempat penyimpanan. Ada yang mengatakan “Mungkin Rasulullah yang mengambilnya. Lalu turunlah ayat ini yang bertujuan menafikan tuduhan itu.³⁷

Nabi Muhammad SAW. dijamin oleh Allah bahawa dia seorang yang berlaku jujur, adil, amanah, lurus yang tidak mengenal kroni dalam memimpin, terutama membahagikan harta awam. Sementara seseorang yang berlaku curang dalam mengurus kewangan negara akan mendapat hukuman di akhirat walaupun kemungkinan mereka

³⁵ Jalil Imād al-dīn abī al-Fidā` Ismā`il bin umar bin katsīr, *Tafsīr Ibn Kathīr*. (Riyād: Dār al-Salām, 2004), 317

³⁶ Mardzelah Makhsin. *Hisbah Sistem Pengawasan dan Etika Pengurusan Islam*. (Kedah: Penerbit UUM, 2008), 88.

³⁷ Imam Jalaluddin As-Sayuti, *Asbabun Nuzul*, terjemahan Q. Saleh et. al (Kuala Lumpur: Victor Agencie, 2002), 175.

boleh terlepas dari hukuman dunia. Menurut Mahmud Yunus, ayat ini mengingatkan kepada pemegang kekuasaan untuk menyampaikan hak-hak rakyat dengan baik.³⁸

Berkaitan dengan ayat di atas, Prof. Dr. Hamka mengertikan *Ghalla, yaghullu, ghallan* dengan seseorang yang mengambil barang sesuatu lalu memasukkan dengan sembunyi ke dalam kumpulan barang-barangnya yang lain. Atau dalam bahasa Indonesia diertikan dengan curang.³⁹

Menurut Ibn Arabi, kalimat *Ghalla* ialah pengkhianatan dalam harta rampasan perang, iaitu dengan memasukkan harta benda yang diambilnya ke dalam barang-barangnya lalu ditutupnya dalam barang-barangnya.⁴⁰

Ghulul juga bererti mengambil secara sembunyi milik orang banyak.⁴¹ Dan orang yang berkhianat terhadap milik orang banyak, betapa pun kecil dan rendah harganya, kelak pada hari kiamat pasti akan diminta untuk mempertanggungjawabkan perbuatannya itu. Ayat ini menurut beliau dapat diambil iktibar dan sari patinya, jika kita mendapat kesempatan menduduki tempat yang mulia seperti ketua perang atau ketua pemerintahan bahawa jika ada kekayaan negara janganlah curang dan jangan berbuat korupsi dengan harta negara. Sebab di hari kiamat mereka akan didatangkan bersama apa yang pernah mereka curang itu.⁴²

Ayat ketiga yang selalu dikaitkan dengan perbuatan korupsi ialah surah al-Maidah ayat 42;

³⁸ Mahmud Yunus, *Al-Qur`an Terjemah dan tafsir Mukhtasar*. (Selangor: penerbit Darul Furqaan, 2013), 98.

³⁹ Hamka, "Tafsir al-Azhar", 439.

⁴⁰ Ibn Arabi Abu Bakar Muhammad Bin Abdullah, *Hukum-Hukum Dalam Qur`an* (terj. Mohd Ramli Omar). (Kuala Lumpur: penerbit JAKIM, 2006), 559.

⁴¹ Team Penyusun, *Al-Qur`an dan Tafsirnya*. (Jogjakarta: penerbit UII, 1995), 76.

⁴² Team Penyusun *Al-Qur`an dan Tafsirnya*, h. 79.

سَمْعُونَ لِلْكَذِبِ أَكْثَرُونَ لِلسُّحْتِ فَإِنْ جَاءُوكَ فَاحْكُم بَيْنَهُمْ أَوْ أَعْرِضْ عَنْهُمْ
وَإِنْ تَعْرِضْ عَنْهُمْ فَلَنْ يَضُرُّوكَ شَيْئًا وَإِنْ حَكَمْتَ فَاحْكُم بَيْنَهُم بِالْقِسْطِ إِنَّ اللَّهَ مُحِبُّ
الْمُقْسِطِينَ

Mereka amat gemar mendengar perkataan yang berdusta dan amat gemar memakan harta yang haram. Oleh itu jika mereka datang kepada mu (untuk meminta keputusan) maka adili di antara mereka atau berpaling lah dari mereka dan jika engkau berpaling dari mereka, maka mereka tidak akan dapat memudaratkan engkau sedikit pun dan jika engkau adili, maka adil lah di antara mereka dengan adil. Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang adil.

Sebab penurunan ayat ini ialah telah menjelaskan Ibnu Abbas bahawa zaman jahiliah Bani Nadhir lebih mulia dari Bani Quraizah. Pada saat Muhammad menjadi Rasul seorang lelaki Bani Nadhir membunuh seorang lelaki dari Bani Quraizah. Lalu mereka meminta fatwa pada Nabi tentang perkara ini.⁴³

Dalam tafsir al-Azhar Hamka disebutkan bahawa sokongan besar akan diberikan Tuhan kepada Nabi Muhammad lantaran menegakkan keadilan itu, sebab hanya dengan keteguhan menegakkan keadilan, ketenteraman dan kekuatan akan tercapai. Kedatangan Yahudi kepada Nabi Muhammad sebenarnya tidak ikhlas minta diadili menurut Qur`an, tetapi ingin supaya ditetapkan hukuman yang lebih ringan dari Taurat. Ini kerana isi Taurat tidak sesuai dengan keinginan mereka kerana terlalu banyak makan harta haram (suht).⁴⁴

Menurut Hamka lagi, ayat ini menceritakan tentang sifat orang Yahudi yang suka makan harta haram “Suht”. Kalimat *suht* membawa makna merosak dan membinasakan kerana ia merosak keberkatan.⁴⁵ Menurutya lagi, ayat ini diturunkan kerana mereka ingin membujuk Nabi sebagai hakim agar memenangkan kes mereka.

⁴³ Muhammad Hatta, *Tafsir Per kata Magfirah*. (Jakarta: penerbit Magfirah, 2010), 155.

⁴⁴ Hamka, “*Tafsir a-Azhar*”, 1739.

⁴⁵ Hamka, “*Tafsir a-Azhar*”, 1739.

Namun Nabi tidak mengabulkan permintaan itu kerana Beliau mendapat petunjuk dari Allah SWT.⁴⁶

Antara sifat orang Yahudi menurut Maraghi ialah suka menerima suap agar membenarkan yang salah atau menyalahkan yang benar. Ia menjadi salah satu mata pencarian mereka terutama jika berurusan dengan penguasa-penguasa. Hukum dapat dipermudah dan dipermudahkan dengan suapan yang menjadi kebiasaan Yahudi.⁴⁷ Para ulama Yahudi menurut Ibn Katsir akan memberi jawapan yang disukai kepada orang yang memberinya korupsi.⁴⁸ Mereka menjadikan yang haram itu halal dan sebaliknya. Menjadikan yang benar itu batil dan sebaliknya.⁴⁹

Sayid Qutb mengkategorikan korupsi kepada *akl suht* merujuk kepada firman Allah SWT. Surah al-Maidah ayat 62 dan 63.

وَتَرَىٰ كَثِيرًا مِّنْهُمْ يُسْرِعُونَ فِي الْآثِمِ وَالْعُدْوَانِ وَأَكَلِهِمُ السُّحْتَ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَعمَلُونَ ﴿٦٢﴾ لَوْلَا يَنْهَاهُمُ الرَّبَّانِيُّونَ وَالْأَحْبَارُ عَنِ قَوْلِهِمُ الْآثِمَ وَأَكَلِهِمُ السُّحْتَ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَصْنَعُونَ

Dan engkau dapat melihat kebanyakan dari mereka (kaum Yahudi) berlumba-lumba melakukan dosa dan pencerobohan dan memakan harta haram. Sesungguhnya amatlah keji perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka.

Mengapa rahib-rahib dan paderi-paderi tidak melarang mereka dari mengeluarkan perkataan-perkataan yang berdosa dan dari memakan harta haram. Sesungguhnya amatlah keji perbuatan yang telah dilakukan mereka.⁵⁰

⁴⁶ Hamka, "Tafsir a-Azhar", 1739.

⁴⁷ Ahmad Bin Muṣṭafā al-Marāghī. *Tafsir al-Marāghī* (Mesir: Al-bābī al ḥalabī) juz 6 h. 120.

⁴⁸ Jalīl Imād al-dīn abī al-Fidā` Ismā`il bin umar bin katsīr, *Tafsir Ibn Kathīr*, 152.

⁴⁹ Ibn katsīr "Tafsir", juz 1, 308.

⁵⁰ Sayyid Qutb, *Tafsir Fī Zilālī al-Qur`an*. (Kaherah: Dār al-Shurūq, 1995), 176.

Al-Marāghī mengertikan *akl-Suht* dengan usaha yang buruk dan diharamkan. Ia akan mendapatkan celaan dengan menyebabkan orang lain membincangkannya dengan cara kurang elok seperti memberi korupsi dalam urusan pengadilan.⁵¹

Hamka dalam Tafsir Al-Azhar mengertikan *Suht* ialah harta wang suap, wang sogok. Sementara erti harfiah Suhti ialah menekan sampai mati.⁵² Hamka mengatakan, sesuai diertikan dengan suap, sebab kalau sudah disuapkan mulut mereka terkatup mati tidak bicara lagi, sehingga mati bicara. Mereka tidak berani lagi menegur yang salah dan menegakkan hukum keadilan.⁵³ Sudah menjadi tabiat Yahudi suka memakan harta haram seperti riba, wang suap, korupsi. Allah mencela rahib-rahib Yahudi yang tidak melarang orang-orang Yahudi berbohong dan memakan yang haram dan membiarkan mereka karam dalam lautan kejahatan. Ayat ini mengingatkan agar para ulama umat Islam tidak melakukan kejahatan yang sama sebagaimana yang dilakukan oleh rahib Yahudi.⁵⁴

Menurut Mahmud Yunus, para rahib itu turut berdosa kerana membiarkan kejahatan berlaku tanpa melakukan Amar Makruf dan Nahi Munkar seperti mencegah korupsi yang menjadi bahagian dari tugas mereka. Hal ini juga berlaku pada umat Islam yang ramai melakukan korupsi, rasuah dan sebagainya kerana tidak dilarang oleh alim ulamanya, maka alim ulama Islam turut berdosa juga kerana membiarkan kejahatan tanpa melarang.⁵⁵

Adapun ayat “*dan Janganlah kamu jual ayat-Ku dengan harga murah*” dalam Surah al-Ma`idah ayat 44 itu ditafsirkan dengan menukarnya dengan jalan menerima korupsi sebagaimana yang ditulis dalam tafsir Wasith.⁵⁶ Sementara Tafsiran surah al-Anfal ayat 28 yang bermaksud “*sesungguhnya harta dan anak kamu adalah fitnah*”

⁵¹ Ahmad Bin Muṣṭafā al-Marāghī. *Tafsīr al-Marāghī*. 120.

⁵² Hamka, “*Tafsīr al-Azhar*”, h. 1738.

⁵³ Hamka, “*Tafsīr al-Azhar*”, h. 1789.

⁵⁴ Team Penyusun, *Al-Qur`an dan Tafsirnya*. (Jogjakarta: penerbit UII, 1995), 474.

⁵⁵ Mahmud Yunus “*tafsir*”, 166.

⁵⁶ Jamā`ah Ulama al-Azhar. *Tafsīr Wasīṭ* (Kaherah: Penerbit al-azhar, 1973), 1018.

ditafsirkan oleh Tafsir Wasith dengan jangan campur adukkan harta kamu dengan sesuatu yang haram/dosa. Jangan besarkan anak dengan rezeki yang didapat dari jalan maksiat seperti mencuri dan meminta korupsi.⁵⁷ Dalam Tafsir Jalalain dinyatakan bahawa pelaku korupsi akan diberi balasan neraka *weil* nanti di akhirat.⁵⁸

2.4 Korupsi Menurut al-Sunnah

Dalam Kitab al-Sittah Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abi Daud, Jami` al-Tarmizi, Sunan Nasa`I dan Sunan Ibn Majah tidak ditemukan Kitab dan bab khas yang membahas tentang korupsi. Pembahasan tentang korupsi dijumpai dalam pelbagai bab seperti bab sumpah, kitab Jihad, kitab Imarah dan sebagainya. Imam Al-Bukhari memasukkan Hadis berkenaan dengan ghulul (korupsi) di dalam kitab Sumpah dan Nazar dalam Bab *kayfa kanat yaminu*.⁵⁹

Rasulullah SAW. bersabda: “ Sesungguhnya Rasulullah SAW. mengangkat seorang pegawai. Ketika selesai dari pekerjaannya, dia mendatangi Rasulullah SAW. dan berkata: Wahai Rasulullah SAW., ini untukmu (untuk baitul mal) dan ini dihadiahkan untuk ku. Kemudian SAW. berkata kepadanya: tidakkah engkau duduk di rumah ayah ibu mu, lalu engkau tunggu apakah engkau diberi hadiah atau tidak? Rasulullah SAW. pun menyampaikan khutbah malam hari setelah solat. Beliau mengucapkan syahadat, memuji Allah dengan pujian yang layak bagi-Nya, lalu ia berkata: bagaimana perilaku seorang pegawai yang kami anggap baik lalu dia datang kepada ku kemudian dia mengucapkan: “Ini hasil dari pekerjaan yang engkau berikan dan dihadiahkan kepada ku”. Tidakkah dia duduk (saja) di rumah ayah-ibunya lalu ia tunggu apakah ia diberi hadiah atau tidak? Demi Allah, Zat yang jiwa Muhammad di dalam genggamannya, setiap orang yang melakukan ghulul (korupsi), pasti dia akan datang pada hari kiamat sambil mengalungkan barang yang ia korupsi di lehernya. Jika yang dikorup unta maka ia akan membawanya dengan bersuara, sungguh aku telah menyampaikan (peringatan ini). Abu Humaid berkata kemudian Rasulullah saw. mengangkat tangannya sampai kami melihat bulu ketiaknya. Abu Humaid mengatakan bahawa Zaid bin Tsabit mendengar pesan itu bersamaku, maka tanyakanlah kepadanya.⁶⁰

Ghulul termasuk bahagian dari korupsi kerana ia berkaitan dengan harta awam.

Harta rampasan perang adalah menjadi sumber pendapatan negara. Untuk itu

⁵⁷ Jamā'ah Ulama al-Azhar. *Tafsīr Wasīṭ*, 1608

⁵⁸ Jalāl al-dīn Muḥammad Bin Ahmad al-Maḥallī, *Sharḥ Minhāj al-Ṭālibīn* (Beyrūt: Dār al-Kitāb al-‘Ilmiyyah, juz , 2001), 1, h. 6.

⁵⁹ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Kutub al-Sittah*, (Makkah: Dār as-Salām, 2000), Hadis Nombor 6636, 555.

⁶⁰ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Kutub al-Sittah*, 2000.

penyelewengan terhadap harta awam adalah sebahagian dari korupsi. Abu Bakar juga pernah memerangi pihak yang tidak mahu membayar zakat. Sedangkan zakat adalah juga menjadi sumber pendapatan kewangan negara.

Imam al-Bukhori memasukkan pembahasan mengenai ghulul ke dalam kitab *Jihad wa al-Sair* dalam bab *Ghulul dan Golil Ghulul* yang berbunyi;

Sufyan telah menceritakan kepada kami. Dari Amr, dari Salim ibn Abi Al-Ja'di, dari Abdullah ibn Umar berkata: bahwa pada rombongan Rasulullah shalallahu alaihi wassalam ada seorang bernama Kirkirah yang mati di medan perang. Rasulullah shalallahu alaihi wassalam bersabda: "dia masuk neraka". Para sahabat pun bergegas pergi menyelidiki perbekalan perangnya. Mereka mendapatkan mantel yang ia korup dari harta rampasan perang. (H.R Bukhari).⁶¹

Imam Muslim memasukkan hadis berkaitan ghulul (korupsi) di dalam Kitab al-*Imarah* bab *Tahrim Hadiya al-Amal*. Ibn Lutbiyyah.⁶²

Diriwayatkan dari Abu Humaid as-Saaidi radhiyallahu 'anhu, ia berkata: Rasulullah SAW. telah memberi tugas kepada seorang lelaki dari Kaum al-Asad yang dikenali sebagai Ibnu Lutbiyyah. Ia melantik Amru dan Ibnu Abu Umar untuk urusan sedekah. Setelah kembali dari menjalankan tugasnya, lelaki tersebut berkata kepada Rasulullah SAW.: Ini untuk Anda dan ini untukku karena memang dihadiahkan kepada ku. Setelah mendengar kata-kata tersebut, lalu Rasulullah SAW. berdiri di atas mimbar. Setelah mengucapkan puji-pujian ke hadirat Allah, beliau bersabda: "Adakah patut seorang petugas yang aku kirim untuk mengurus suatu tugas berani berkata: Ini untuk Anda dan ini untukku karena memang dihadiahkan kepadaku? Kenapa dia tidak duduk di rumah bapak atau ibunya (tanpa memegang jabatan apa-apa) sehingga ia menunggu, apakah dia akan dihadiahi sesuatu atau tidak? Demi Dzat Muhammad yang berada di tangan-Nya, tidaklah salah seorang dari kalian mengambil sesuatu darinya kecuali pada Hari Kiamat kelak dia akan datang dengan memikul di atas lehernya (jika yang diambil itu seekor unta maka) seekor unta itu akan mengeluarkan suaranya, atau seekor lembu yang melenguh atau seekor kambing yang mengembek. " Kemudian beliau mengangkat kedua-dua tangannya tinggi-tinggi sehingga nampak kedua ketiakannya yang putih, dan beliau bersabda: "Ya Allah! Bukankah aku telah menyampaikannya," sebanyak dua kali

⁶¹ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Kutub al-Sittah*, 247.

⁶² Ṣaḥīḥ Muslim. *Kutub al-Sittah*, (Makkah: Dār as-Salām, 2000), Hadis Nombor 4738, 1007.

Dalam Sunan Baihaqi disebutkan bahawa Rasulullah melaknat orang yang memberi dan yang menerima rasuah.⁶³ Dalam Nailul Athar di jelaskan bahawa hukuman bagi pelaku korupsi bukanlah hudud tetapi ta`zir yang diserahkan kepada pertimbangan hakim untuk menghukumnya. Ia tidak dipotong tangannya. Namun ada juga ulama yang mengatakan bahawa mereka dipotong tangannya berdasarkan hadis seorang wanita yang meminjam barang kemas dan tidak mahu mengembalikan kepada pemiliknya dengan menganggap bahawa ia tidak pernah meminjam barang itu, lalu Nabi memerintahkan untuk memotong tangannya, setelah mendapati barang itu ada dalam simpanan perempuan tadi.⁶⁴

Zakat dan harta rampasan perang *Ghanimah* adalah antara sumber kewangan negara di masa Rasulullah SAW. Untuk itu mengambil wang zakat bagi mereka yang tidak berhak menerimanya adalah sebuah kecurangan kerana mengambil wang negara.

Imam Syafi`i memasukkan pembahasan mengenai rasuah ke dalam Kitab Zakat dalam bab *al-Hadiyah Lil Wali Bisabab al Wilayah*. Iaitu dengan mengambil kisah Ibnu Lutbiyyah yang di utus Nabi untuk mengutip zakat. Namun setelah kembali dia mengatakan ini kutipan zakat dan ini dihadiahkan untukku. Lalu Nabi menegurnya. kenapa dia tidak duduk sahaja di rumah bapaknya, atau rumah ibunya kemudian ia menunggu apakah ada yang memberinya zakat atau tidak. Menurut Imam Syafi`i dalam Kitab al-Umm, apabila seseorang memberi hadiah kepada pegawai dengan maksud agar orang tersebut mendapat sesuatu yang hak atau yang batil maka haram menerimanya.⁶⁵

Sayid Sabiq dalam fikh Sunnah tidak membahas bab korupsi atau rasuah secara khas. Beliau membahaskanya dalam bab rampasan perang dengan judul pengharaman ghulul. Menurut beliau, ijma` kaum Muslimin menghukum ghulul sebagai dosa besar. Menurutnya hakim berhak menentukan sikap yang sesuai dengan pendapatnya sama ada

⁶³Abū Bakr al-Bayhaqī. *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā* (Makkah: Maktabah Dār al-Bāz, 1994), juz 10, h. 1007.

⁶⁴Mu`ammal Hamidy et.al. *Terjemahan Nailul Athar, Himpunan Hadis-Hadis Hukum*. (Surabaya: penerbit Bina Ilmu, 1994), 2636.

⁶⁵Al-Imam Muhammad Bin Idris as-Syafi`i, *al-Umm*, jilid 2 (Damsik: Daral Nawader,2013h/1434h 50

melakukan pembakaran harta ghulul dan pemukulan terhadap pelakunya atau hukuman lain yang dianggap bermanfaat menurut hakim. Bahkan Rasulullah tidak bersedia mensolatkan seorang yang meninggal dalam perang Khaibar kerana ia mengambil harta rampasan perang yang bernilai dua dirham.⁶⁶

Konteks keputusan pesalah korupsi yang diserahkan kepada kebijaksanaan hakim tentu sahaja hakim yang masih menjalankan syariat Islam. Sementara di Indonesia kredibiliti, akauntabiliti dan integriti hakim sudah tercalar. Sebagaimana yang akan dijelaskan dalam Bab VI.

Al-Mawardi membahas korupsi dalam bab jabatan hakim dalam pembahasan meminta jabatan hakim dan hadiah untuk hakim. Bagi al-Mawardi adalah haram membayar sejumlah wang untuk mendapatkan kedudukan sebagai hakim. Dia juga mengharamkan hakim menerima hadiah dari yang berperkara atau dari masyarakat di daerah kerjanya. Al-Mawardi mengutip hadis, Allah melaknat pemberi korupsi, penerima korupsi dan perantara korupsi. Beliau juga mengutip hadis bahawa hadiah untuk pemimpin adalah korupsi.⁶⁷

Hamka telah mengumpulkan beberapa dalil akibat dari korupsi seperti akan dikutuk Allah pemberi dan penerimanya, mengkhianati Allah bagi yang bersikap kronisma, dan perlunya menjalankan kedaulatan Undang-Undang tanpa pandang bulu.⁶⁸

Ibn Rusyd menulis bahawa hukum bagi korupsi masih menjadi perbezaan pendapat di kalangan para ulama. Orang yang mencuri harta rampasan perang atau harta baitulmal menurut Imam Malik dipotong tangannya. Akan tetapi menurut yang lain tidak dipotong tangannya.⁶⁹

⁶⁶ Sayid Sabiq, *Fikh al-Sunnah*, jilid 2, (Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi, 1973), 682.

⁶⁷ Al-Mawardi. *Al-Ahkām al-Sulṭāniyyah*. (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 2006), 96.

⁶⁸ Hamka, *Hak Asasi Manusia Dalam Islam dan Deklarasi PBB*. (Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Dini, 2005). 203.

⁶⁹ Ibn Rusyd, *Hidayatul Mujtahid*. terj. Abdurrahman (Semarang: penerbit Asy-Syifa, 1990), 661.

Dalam Nailul Athar di jelaskan bahawa hukuman bagi pelaku korupsi bukanlah hudud tetapi ta`zir.⁷⁰ Walaupun korupsi merupakan satu kesalahan termasuk perkara yang ditegah dengan dalil yang jelas sebagaimana Surah al-Baqarah Ayat 188;

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْءُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ
النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Dan janganlah kamu makan harta-harta sesama kamu dengan cara yang tidak benar dan janganlah kamu membawa kes-kes harta itu kepada hakim-hakim dengan tujuan supaya kamu dapat memakan sebahagian dari harta orang lain dengan cara yang berdosa, sedangkan kamu mengetahui.

Menurut Ibn Taimiyah, korupsi dikenakan hukuman ta`zir yang diserahkan kepada kerajaan hukuman apa yang sesuai baginya. Adakalanya hukuman bunuh dikenakan jika jenayah itu tidak dapat dihentikan kecuali apabila pelakunya dibunuh.⁷¹ Menurut Hamka, sebanyak apa pun harta yang di korupsi, ia adalah teramat sangat sedikit bila dibandingkan dengan azab pedih yang akan menimpa pelakunya kerana sebab korupsi.⁷²

Dalam musyawarah ke VI pada 25-29 Julai 2000 Majelis Ulama Indonesia tentang Suap (Risywah), Ghulul, Korupsi (ghulul) dan hadiah kepada pegawai, MUI memfatwakan haram memberi dan menerima risywah dan hadiah yang menyebabkan konflik kepentingan.⁷³

2.5 Korupsi Sebagai Perbuatan Mungkar

Korupsi adalah termasuk perbuatan mungkar yang menjadi tugas bersama umat Islam menghentikannya. Untuk itu hendaklah tidak dilupakan tugas terbesar umat Islam

⁷⁰ Mu`ammal Hamidy et.al. *Terjemahan Nailul Athar, Himpunan Hadis-Hadis Hukum*. (Surabaya: penerbit Bina Ilmu, 1994), 2636.

⁷¹ Ibn Taimiyah, *al-Siasah al-Syariah fi islah al-raa'iy wa al-ra'yah*, (Riyadh: Dar Ilmu Fawaid, 728 H), 100.

⁷² Wahbah Bin Muṣṭafā al-Zuḥaylī. *Al-Tafsīr al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Sharī'ah wa al-Manhaj*. (Damsyik: Dār al-Fikr al-Mu'āshir, 1418 H.), 265, juz 3.

⁷³ Majelis Ulama Indonesia, *Suap (Risywah), Ghulul, Korupsi (ghulul) dan hadiah kepada pegawai* <http://mui.or.id/wp-content/uploads/2014/11/23.-Risywah-suap-Ghulul-korupsi-dan-hadiah-kepada-pejabl.pdf>, dicapai 17 Ogos 2015.

sebagai umat terbaik iaitu sebagaimana yang dicantumkan dalam Surah Ali Imran ayat 104 yang bermaksud;

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ
الْمُفْلِحُونَ

Dan hendaklah di antara kamu ada segolongan orang yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh (agar membuat) yang makruf dan mencegah daripada yang mungkar. Dan mereka itulah orang-orang yang berjaya

Dan surah ali Imran ayat 110 yang bermaksud;

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ
بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِمَّنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ
الْفَاسِقُونَ

Kamu (Wahai Umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah dengan sebenar-benar iman.

Hamka dalam Tafsir Al-Azhar mengatakan bahawa derajat “*khaira ummah*” atau umat terbaik bagi umat Islam bukanlah sesuatu yang percuma atau automatik. Ianya harus diikuti dengan dua syarat iaitu umat itu harus; 1. Menyuruh kepada kebaikan dan 2. Mencegah dari kemungkaran.

Tafsir Ibn Kathir mengutip hadis Nabi mengenai tata cara amar makruf Nahy munkar.

من رأى منكم منكرا فليغيره بيده ، فإن لم يستطع
فلسانه ، فإن لم يستطع فبقلمه و ذلك أضعف الإيمان⁷⁴

⁷⁴ Al-Imam al-Nawawi, *Mukhtasar Sahih Muslim*, (Damsik: Daral nawader, 2008), 109.

*Sesiapa yang melihat kemungkaran di antara kamu maka ubahlah dengan tangannya, jika ia tidak mampu maka ubahlah dengan lisannya dan jika tidak mampu maka bencilah dalam hati. Yang demikian itu adalah kelemahan iman.*⁷⁵

Dalam Kamus Marbawi dinyatakan bahawa Munkar bererti perkara-perkara yang dipandang keji oleh Syara'.⁷⁶ Dalam Kamus Dewan edisi keempat Mungkar diertikan ingkar atau menderhaka kepada Tuhan (Melanggar perintah Tuhan). Memungkiri tidak menurut (perintah Tuhan), memungkiri mengingkari. Kemungkaran perihal mungkar, penderhakaan.

Ibn Taimiyah menulis bahawa orang-orang mukmin mukalaf mempunyai komitmen bersama dalam melakukan amar makruf nahi Munkar. Ianya bukan keharusan untuk semua orang kerana ia bukan salah satu syarat penyampaian risalah.⁷⁷ Ianya disesuaikan dengan kemampuan masing-masing untuk merobahnya dengan kuasa, lidah dan dengan membencinya dalam hati bagi yang lemah imannya.

Korupsi telah membuat pegawai yang digaji dari wang masyarakat tidak menjalankan tugas dan wewangnya dengan amanah. Lebih berpihak pada siapa yang mampu daripada menjalankan tugas sebagai pelindung dan penjaga keamanan masyarakat.⁷⁸

Harta yang diperoleh dari mencuri, merompak, menipu atau korupsi bukanlah hak milik sah si pelaku. Harta itu harus dikembalikan pada pemilik atau orang-orang yang berhak dengannya. Korupsi adalah bentuk pengkhianatan yang menjadi ciri-ciri orang munafik iaitu; apabila bicara berbohong, apabila berjanji mungkir dan apabila diberi amanah dia khianat. Disumpah waktu pertama kali memangku suatu jawatan

⁷⁵ Jalil Imād al-dīn abī al-Fidā' Ismā'il bin umar bin katsīr, *Tafsīr Ibn Kathīr*, 534.

⁷⁶ Marbawi "Kamus Marbawi", 345.

⁷⁷ Ibn Taimiyah, *Tugas Negara Menurut Islam*, terj Moh. Akram Khan, (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2004), 96.

⁷⁸ Dwiyanto Indiahono, *Reformasi Birokrasi amplop Mungkinkah?*. (Yogyakarta: Gava Media, 2006), 80.

untuk bersikap jujur dan amanah, tapi berkhianat. Sementara orang munafik menurut al-Qur`an ditempatkan di kerak api neraka.⁷⁹

Menurut Al-Shāṭibī dalam bukunya al-Muwaḥḩāqāt ada dua tujuan syarak` dalam Islam iaitu; untuk menolak kebinasaan dan mencapai kemaslahatan, “*dafu al mafasid wa jalbu al-masalih.*” Metode ini beliau uraikan menjadi lima macam `Magasyid al-syariah` iaitu; Menjaga agama, Menjaga nyawa, Menjaga kehormatan, Menjaga akal dan menjaga harta. Lima Tujuan syarak` tersebut juga digunakan sesuai dengan tiga keadaan iaitu; Daruriyyah, Hajjiyyah dan Tahsiniyyah.⁸⁰ Disebabkan korupsi adalah bahagian dari kerosakan, maka menolak kerosakan yang akan timbul akibat dari perilaku korupsi juga sebahagian dari Maqosid as-Syariah.

Disebabkan korupsi adalah perbuatan Munkar, fasad, khianat, buruk dan sejenis dengannya, maka pendekatan pemberantasan korupsi juga harus dilakukan sebagaimana cara menghadapi kemungkaran sebagaimana hadis Nabi SAW di atas. Ini sesuai dengan teori moden yang mengemukakan perlunya kerjasama antara kerajaan, masyarakat dan dunia usaha dalam membanteras korupsi.

Pemberantasan korupsi adalah tanggungjawab bersama kerana azab dunia tidak hanya menimpa pelaku kejahatan itu sahaja tetapi juga akan menimpa orang yang tidak mencegah dosa itu daripada berlaku. Firman Allah Surah al-Anfal ayat 25;

وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً وَعَلَّمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Dan jagalah diri mu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum) dan ketahuilah bahawa Allah Maha berat azab seksa-Nya.

⁷⁹ Qur`an Surah an_Nisa`.

⁸⁰ Al-Shāṭibī, Ibrāhīm Ibn Mūsā, *al-Muwāḩāqāt*. (Mesir: Dar Ibn Affan, 1421 h, 20. Lihat juga Al-Shāṭibī, Ibrāhīm Ibn Mūsā, *al-Muwāḩāqāt Naḩariyyah al-Maqāṣid`inda al-Imām al-Shāṭibī*. (Riyāḩ: Al-Ma`had al-Islāmī li al-Fikr al-Islāmī, 1992), cet. Ke-2, h. 152--160.

Korupsi kebanyakannya adalah sebuah pengkhianatan jabatan dan amanah yang telah diberikan. Sementara al-Quran melarang kita mengkhianati amanah sebagaimana Firman Allah surah al-Anfal ayat 27

يٰٓأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu sedang kamu mengetahui (salahnya)

Orang yang hidupnya hanya diperuntukkan untuk mencari harta kekayaan sahaja ketahuilah manusia tidak akan puas dengan harta kekayaan yang banyak. Jika diberi sebuah gunung emas nescaya akan meminta satu lagi gunung emas dan seterusnya. Al-Qur`an surah al-Anfal ayat 28 menjelaskan sebagai berikut;

وَاعْلَمُوا أَنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ

Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar.

Dan salah satu nasihat Luqman kepada anaknya dalam surah Lugman ayat 17 iaitu;

يٰٓبُنَيَّ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْتَهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ ۗ إِنَّ ذٰلِكَ مِنْ عَزَمِ الْأُمُورِ

Wahai anak kesayangan ku, dirikan lah solat, dan suruh lah berbuat kebajikan, serta larang lah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpa mu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.

Surah an-Nisa ayat 135 untuk berlaku adil jika menjadi saksi;

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ
 وَالْأَقْرَبِينَ ۚ إِن يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا ۗ فَلَا تَتَّبِعُوا الْهَوَىٰ أَن تَعْدِلُوا ۗ وَإِن
 تَلَوْنَا أَوْ تَعَرَّضْنَا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا

Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar penegak keadilan, menjadi saksi Karena Allah biarpun terhadap diri mu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabat mu. jika ia Kaya ataupun miskin, Maka Allah lebih tahu kemaslahatannya. Maka janganlah kamu mengikuti hawa nafsu Karena ingin menyimpang dari kebenaran. dan jika kamu memutar balikkan (kata-kata) atau enggan menjadi saksi, Maka Sesungguhnya Allah adalah Maha mengetahui segala apa yang kamu kerjakan.

Surah Taubah ayat 71 tentang tugas manusia

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
 وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۗ أُولَٰئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ
 إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. mereka menyuruh (mengerjakan) yang makruf, mencegah dari yang Munkar, mendirikan salat, menunaikan zakat dan mereka taat pada Allah dan Rasul-Nya. mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

2.6 Pemberantasan Korupsi Pada zaman Awal Islam

Dari pelbagai ayat yang berkaitan dengan korupsi di atas dapat di analisis bahawa amalan korupsi boleh dikatakan belum lagi banyak berlaku pada zaman awal kerajaan Islam kepimpinan Rasulullah SAW. Untuk itu, tiada agensi khas pemberantasan korupsi yang dibentuk pada zaman Rasulullah SAW. Istilah yang tepat pada zaman Rasulullah adalah mengatasi korupsi dan bukan pemberantasan korupsi

kerana kalimat pemberantasan mengarah kepada sebuah penyakit kronik yang sangat parah.⁸¹

Rasulullah apabila pulang dari perang akan menyuruh bilal mengumumkan tiga kali supaya semua harta rampasan perang dikumpulkan. Setelah beberapa waktu seorang lelaki menyerahkan harta rampasan seutas tali unta kepada Nabi. Namun Nabi tidak mahu menerimanya dan mengatakan mengapa tidak dikumpulkan waktu pengumuman di buat. Lalu Rasulullah menyuruhnya agar menyerahkan kepadanya tali unta itu di Padang Mahsyar kelak. Melakukan ghulul adalah dosa besar kerana ia adalah harta hak milik awam kerana ia telah melakukan dosa kepada orang ramai yang tidak mudah meminta semua mereka menghalalkan apa yang telah di ambil. Rasulullah pernah menolak permintaan puteri kesayangannya Fatimah agar mendapatkan seorang tawanan perang untuk bekerja di rumahnya kerana itu adalah harta milik negara bukan milik Muhammad SAW.⁸²

Apa yang dikemukakan oleh al-Qur`an tentang ayat yang berkaitan dengan korupsi di atas, adalah sebuah peringatan tentang perandai orang Yahudi zaman sebelum kedatangan Nabi Muhammad SAW yang suka melakukan amalan rasuah. Ia berbentuk peringatan kepada Nabi Muhammad SAW agar sentiasa waspada terhadap golongan Yahudi ini dan sebagai iktibar bagi umat Islam agar tidak melakukan perbuatan terkutuk itu.⁸³

Untuk itu, apa yang dilakukan oleh Rasulullah dalam mengatasi korupsi adalah dengan memberikan contoh teladan bagi para sahabat ketika itu dengan kepimpinan yang hidup sederhana dan tidak bermewah-mewah. Kehidupan sederhana ini dengan sendirinya akan menafikan tuduhan bahawa bagaimana mungkin seorang pemimpin bernama Muhammad SAW. akan melakukan korupsi sedangkan ia hidup dengan sangat

⁸¹ *Kamus Dewan* edisi keempat. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 167.

⁸² Nik Abdul Aziz Nik Mat, *Nota Kepada Diri*, (Kuala Lumpur: Harakah, 2007), 69.

⁸³ Lihat Sayyid Qutb, *Tafsir Fī Zilāli al-Qur`an.*, 176.

sederhana. Ini sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Qur`an Surah Ali Imran ayat 161 di atas.⁸⁴

Bahkan menurut Aishah isteri Beliau, pernah sebulan lamanya dapur mereka tidak berasap pada zaman Madinah. Umar Bin Khattab pernah menangis melihat kehidupan Rasulullah yang miskin, lalu di jawab Rasulullah “*ini adalah Nubuwwat, ini bukan Kisra seperti di Persia dan bukan Kaisar seperti di Roma.*”⁸⁵

Dalam menghadapi kes perebutan tanah yang berlaku pada zaman Rasulullah sebagaimana yang diceritakan dalam al-Qur`an Surah Al-Baqarah ayat 188 di atas, Rasulullah tetap memenangkan si pemilik tanah, walaupun di pihak kedua bijak berhujah dan berdalih.⁸⁶

Sementara Surah al-Maidah ayat 42 menceritakan Rasulullah menghadapi korupsi dengan sikap profesionalisme dalam menghadapi dua pihak yang bersengketa dengan tetap mendahulukan kekuasaan hukum berada di atas kuasa orang. Beliau menegakkan kebenaran tanpa memandang suku bangsa, agama dan taraf sosial ekonomi masyarakat.⁸⁷ Ini disebut dengan *rule of law* dalam istilah modern yang menjadi sebahagian dari ciri urus tadbir baik.

Rasulullah sangat tegas dalam menghadapi korupsi agar ia tidak merebak dan menjadi kebiasaan penyakit dalam masyarakat. Bahkan korupsi yang nilainya tidak seberapa pun Beliau tidak mahu mensolatkan mayat orang yang mati syahid kerana dia mengambil harta rampasan perang yang hanya berjumlah dua dirham. Rasulullah juga menyatakan melihat orang tersebut di dalam neraka yang disebabkan oleh jumlah gholul yang sedikit.

⁸⁴ Imam Jalaluddin As-Sayuti, *Asbabun Nuzul*, terjemahan Q. Saleh et. al (Kuala Lumpur: Victor Agencie, 2002), 175.

⁸⁵ Hamka, *Tafsir al azhar* surat juz empat, 166 juz iv.

⁸⁶ Imam Jalaluddin As-Sayuti, *Asbabun Nuzul*, terj. Q. Saleh et. al (Kuala Lumpur: Victor Agencie, 2002), 81.

⁸⁷ Hamka, “*Tafsir a-Azhar*”, 1739.

Apa yang dilakukan oleh Rasulullah dalam mengatasi korupsi di atas telah ditiru oleh sahabat Beliau Khalifah Umar Bin Khatab, beliau sangat selektif dalam mengatasi segala macam kemungkinan berlakunya korupsi. Ini termasuk mengambil tindakan terhadap Abu Hurairah yang menganggap bahawa hadiah yang diterimanya dari si pembayar zakat semasa mengutip pembayaran zakat adalah haknya. Khalifah Umar Bin Khattab lalu meminta Abu Hurairah memasukkan hadiah itu ke dalam baitul mal. Ia juga dilakukan oleh Khalifah Umar Bin Abdul Aziz yang menyuruh anaknya mengembalikan hadiah gelang emas yang diberi oleh pengawas baitulmal kepadanya dengan kalimat *anna laki hadza?*.⁸⁸

Dengan demikian, selektif dalam menunjuk seseorang untuk menjalankan sesuatu amanah juga bahagian dari strategi pemberantasan korupsi pada zaman awal Islam. Konsep ini banyak dalam *turath* siasah syar'iyah yang sangat menitikberatkan tentang kualiti calon pemimpin. Bahkan Islam mensyariatkan umatnya untuk mentaati pemimpin kerana Allah bukan kerana keduniaan.⁸⁹

Umar Bin Khatab juga melarang isterinya daripada mengambil hak negara. Suatu hari isterinya menghadihkan satu botol minyak wangi kepada ratu Rom. Ratu Rom membalasnya dengan berlian, tetapi Umar menyuruhnya mengembalikan kepada negara kerana hadiah yang diberikan satu botol minyak wangi itu adalah berasal dari wang negara, balasannya juga menjadi hak negara.⁹⁰

Cara Umar Bin Abdul Aziz membanteras korupsi ialah dengan memulainya dari dirinya sendiri terlebih dahulu dalam mengembalikan hak orang lain dan dalam hidup dengan kesederhanaan.⁹¹ Umar juga melarang para pegawainya daripada menerima hadiah dari rakyat dan melarang rakyat memberikan hadiah kepada pegawai kerana

⁸⁸ Hamka, *Tafsir al-Azhar*. (Singapura: penerbit Pustaka Nasional, 1990), 980.

⁸⁹ Ibnu Taimiyah, *al-Hilafah wa al-Mulk*, (Urdun: al-Manar, 1994), 21.

⁹⁰ Moh Ezam Moh Nor & Sapto Waluyo, *Islam dan Perbendaharaan Kisah dan Teladan*, (Putrajaya: MOF, 2015), 64.

⁹¹ Ali Muhammad Muhammad As-Shallabi, *Amir al-Mukminin Umar Bin Abdul Aziz, Ma'alim al-Tajdid wa al-Ishlah al-Rasyidi Ala Minhaj al-Nubuwwah*, (Kaherah: Dar al-Tauzi` wa al-Nasyr al-Islamiyah, 2007), 45.

hadiah baginya adalah korupsi.⁹² Umar melakukan pengawasan langsung terhadap seluruh urusan negara dari penyelewengan yang mungkin sahaja dilakukan pegawainya.⁹³ Antara kekuatan Umar Bin Abdul Aziz ialah kerana konsistennya dalam mengamalkan ayat al-Qur`an tentang Amar Makruf dan Nahy Munkar dan menyuruh manusia yang lain juga untuk melaksanakan amar makruf nahyi munkar tersebut.⁹⁴

Nor Najdah Binti Ab Rahman telah mengkaji dengan panjang lebarnya tentang tata cara Umar Bin Abdul Aziz membanteras korupsi di zamannya dalam tesis MA nya di Fakulti Pengajian Islam UKM tahun 2008 berjudul “Khalifah Umar Bin Abd al-Aziz dan Mekanisme Yang dilaksanakan dalam pencegahan rasuah” antaranya dia menerangkan bahawa Khalifah Umar Bin Abdul Aziz melakukan mekanisme integrasi antara konsep dakwah *bil hal* dengan dakwah *bil hikmah* antara lain mulai dari diri sendiri. Menjalankan fungsi institusi hisbah dengan baik dan secara musyawarah dan muafakat dalam mengambil keputusan dalam membanteras korupsi. Untuk itu menurutnya pencegahan korupsi dapat dilakukan dengan melakukan pelbagai program, iaitu; melalui pendekatan institusi keluarga yang berintegriti, mencontoh keperibadian Umar Bin Abdul Aziz yang sederhana dan tidak mengutamakan kroni, melalui pendekatan akta, menanamkan nilai-nilai agama, menyebarkan risalah dan iklan anti korupsi setiap waktu.⁹⁵

2.7 Pemberantasan Korupsi Menurut Analisis Islam

Melihat dari pelbagai kes korupsi yang melibatkan wang dalam jumlah yang sangat banyak dan melihat dari pelaku korupsi yang rata-rata adalah pegawai tinggi

⁹² Ali Muhammad Muhammad As-Shallabi, *Amir al-Mukminin Umar Bin Abdul Aziz*, 292.

⁹³ Ali Muhammad Muhammad As-Shallabi, *Amir al-Mukminin Umar Bin Abdul Aziz*, 310.

⁹⁴ Wahbah Zuhaili, *Khalifah al-Rashid al- Adil Umar Bin Abdul Aziz*, (Beirut: Dar Kutaibah, 1998), 192.

⁹⁵ Nor Najdah Binti Ab Raman, *Khalifah Umar Bin Abd al-Aziz dan Mekanisme Yang dilaksanakan dalam pencegahan rasuah*, Tesis MA Fakulti pengajian Islam UKM tahun 2008, 131.

negara yang memiliki gaji yang banyak setiap bulannya, jelaslah bahawa korupsi di Indonesia dilakukan bukan kerana faktor kemiskinan atau untuk keperluan makan.

Korupsi dilakukan bukan kerana faktor *hajiyyah* atau *dharuriyyah* tetapi kerana faktor *Tahsiniyyah* ingin mencari kemewahan hidup hedonisme. Dalam Islam mengambil sesuatu yang bukan menjadi haknya (mencuri), yang dilakukan atas dasar *tahsiniyyah* layak dihukum potong tangan.⁹⁶ Ini tentu sahaja korupsi dalam jumlah kecil juga sangat berdosa dan berbahaya bagi kehidupan masyarakat. Namun kerana menurut Mokhtar kemungkinan korupsi kecil berlaku adalah disebabkan oleh adanya korupsi dalam jumlah besar yang memberi efek berlakunya korupsi skala kecil.⁹⁷

Kemewahan hidup pegawai kerajaan juga tidak menghentikan tingkat korupsi kerana korupsi berkaitan dengan serakah, loba dan tamak. Seperti meminum air laut yang semakin haus apabila diminum. Seandainya anak Adam diberi sebuah gunung emas, maka dia akan meminta gunung mas yang kedua dan seterusnya tidak akan ada kepuasan sampailah manusia itu masuk ke lubang kubur. Salah satu kemewahan pejabat Indonesia dapat dilihat dari facility kereta Menteri India seharga Rp. 100 Juta, Menteri Malaysia seharga Rp. 360 Juta dan kereta Menteri Indonesia Toyota Crown Saloon 2800 seharga Rp. 1,3 Milyar.⁹⁸

Penulis tidak setuju dengan pandangan yang mengatakan walaupun majoriti rakyat Indonesia beragama Islam, namun korupsi merajalela di Negara ini, sebagaimana pandangan kaum liberal lainnya. Menurut Ahmad, tidak ada kaitan ideology dengan perilaku anti korupsi.⁹⁹ Walaupun banyak pelaku korupsi di Indonesia adalah orang Islam, namun Islam kurang mendapat tempat yang selayaknya pada masyarakat. Islam dijauhkan dari masyarakat, gerakan Islam dimusuhi. Tetapi pendidikan penghayatan dan

⁹⁶ Şahîh Muslim. *Kutub al-Sittah*, (Makkah: Dâr as-Salâm, 2000), 566.

⁹⁷ Mokhtar Petah, *Perjuangan Yang Belum Selesai, DR Mahathir Menangis Demi Bangsaanya*, 70.

⁹⁸ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi*, Vol 25/V Januari-Februari 2012, h. 23.

⁹⁹ Ahmad Fawaid. *Islam, Budaya Korupsi dan Good Governance*, Jurnal Karsa (April 2010), 26.

pengamalan Pancasila (P4) menjadi sebahagian dari program wajib pemerintah. Korupsi majoritinya dilakukan oleh orang yang berfikiran sekular dan jauh dari nilai-nilai Islam sebenar. Walaupun ada korupsi dilakukan oleh ulama, namun dalam beberapa pengamatan penulis korupsi yang mereka lakukan lebih kepada ketidaktahuan mereka akan pengurusan kewangan yang baik.

Majoriti rakyat Indonesia adalah beragama Islam dan korupsi dikaitkan oleh sesetengah orang dengan Islam. Begitu juga dalam perdebatan di pelbagai seminar yang mengatakan bahawa hampir semua negara orang Islam memiliki indeks prestasi korupsi yang amat buruk bila dibandingkan dengan negara sekular yang tidak kuat memegang agamanya. Dilema ini sebenarnya pernah dijawab oleh Prof. Dr. Bustanuddin Agus yang mengatakan bahawa; Barat maju kerana meninggalkan agamanya dan begitu pula dunia Islam mundur kerana melupakan ajaran dan nilai-nilai yang terkandung dalam agamanya. Nilai-nilai pengamalan prinsip dan ajaran Islam seperti amanah, jujur, bersih, menghargai masa dan sebagainya lebih terserlah di dunia Barat daripada di negara umat Islam. Hal ini menimbulkan kalimat popular tokoh Islam Syeikh Mohammad Abduh yang mengatakan *“aku melihat Islam tapi tidak melihat Muslim dan aku melihat Muslim tetapi aku tidak melihat Islam”*.¹⁰⁰

Islam memang agama majoriti rakyat Indonesia, namun ajaran Islam kurang mendapat tempat dalam polisi negara ini kecuali setelah 1988 sebagaimana yang diungkapkan oleh Bahtiar Effendy. Menurutnya, bermula pada tahun 1988 Islam didapati mendapat tempat yang sewajarnya di Indonesia dengan ditetapkan nya undang-undang pendidikan yang mewajibkan pelajaran agama pada setiap sekolah, dibentuknya mahkamah Syariah, lahirnya Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI), disahkan nya Kompilasi Hukum Islam (KHI) pengurusan Zakat yang dikelola oleh negara, dibenarkan memakai tudung di sekolah setelah sebelumnya ia dilarang, diadakan nya

¹⁰⁰ Imam Feisal Abdul Rauf, *Seruan Azan Dari Puing WTC, Seruan Islam Dari Jantung Amerika Pasca 9/11*, (Bandung: Mizan, 2007), xiii.

Festival Istiqlal sebagai bentuk Islamisasi Indonesia, dibentuknya Bank Muamalat, ditutupnya nombor ekor judi rasmi pemerintah Sumbangan Dana Sosial Berhadiah (SDSB) tahun 1993.¹⁰¹

Di Indonesia tokoh-tokoh anti korupsi yang diangkat oleh KPK, media dan masyarakat adalah orang Islam. Semua mereka adalah Muslim dan anekdot yang mengatakan bahawa korupsi di Indonesia yang dikaitkan dengan Muslim yang majoriti di negeri ini adalah tidak benar sama sekali. Sampai akhir hayat hidup mereka tetap sederhana dan miskin walaupun pernah menjawat posisi yang tinggi di Indonesia. Mereka tidak memanfaatkan jabatan dan kedudukan mereka untuk memperkaya diri, kelompok dan keluarga. Nama mereka wangi dan harum di pandangan masyarakat. Masyarakat memuji kerana kebaikan mereka dan pujian itu akan menjelma menjadi do`a yang Insya Allah akan membantu mereka di alam barzakh.

Islam mengharamkan korupsi berlandaskan kepada al-Qur`an dan Sunah yang jelas. Aplikasi pemberantasan korupsi dalam Islam dilakukan melalui contoh teladan pemimpin yang sesuai kata-kata dengan perbuatan. Islam juga melakukan pendekatan tarbiah kepada masyarakat dan penguatkuasaan undang-undang dalam menghilangkan korupsi. Pemberantasan korupsi harus dilakukan melalui pelbagai pendekatan seperti perlunya kerjasama bahu membahu antara; 1. Kerajaan, 2. Masyarakat dan 3. Swasta yang dapat diterangkan sebagai berikut;

a. Kerajaan

Kerajaan merangkumi, Pemimpin, undang-undang dan penguatkuasaan

Menurut Siddiq Fadzil, ketauladanan pemimpin selamanya menjadi faktor utama kejayaan agenda perubahan, termasuk perubahan watak dan budaya bangsa. Gaya hidup mewah dan amalan suka mempamerkan kekayaan adalah punca utama pelbagai kejahatan moral, sosial, politik, ekonomi. Ia membuka ruang keleluasaan rasuah,

¹⁰¹ Bahtiar Effendy, *Teologi Baru Politik Islam, Pertautan Agama, Negara dan Demokrasi*, (Yogyakarta: Galang Press, 2001), 148.

penipuan, pecah amanah, penyalahgunaan harta awam dan pelbagai perbuatan keji lainnya. Rakyat akan berkhianat dengan mengelak dari tanggung jawab dan penguasa berkhianat dengan mengambil sesuatu yang bukan menjadi haknya. Matlamat tata kelola Islamik adalah untuk mencapai keredaan Allah dan kebaikan umat yang harus sesuai dengan syarak dan biasanya harus dijalankan oleh umara dan ulama yang sangat mempengaruhi kepemimpinan, pembentukan sikap, pemikiran dan budaya umat. Ini bererti bahawa pelaksanaan tata kelola yang baik sangat ditentukan oleh kualiti kepimpinan pemimpin yang dengan ilmu, teladan, pengaruh, kuasa dan wibawa nya dapat merubah manusia dan membangun budayanya.¹⁰²

Mengenai kepimpinan teladan, Zulkarnain wakil ketua KPK mengatakan bahawa pemberantasan korupsi akan efektif jika internal KPK sudah mampu menjadi role model dan memiliki karakter dan pembinaan kapasiti dan berintegriti.¹⁰³

Kunci keberhasilan pemimpin menurut Abdullah adalah kesederhanaan sebagaimana yang dicontohkan oleh Rasulullah, para sahabat yang tidak memanfaatkan kedudukan untuk kepentingan diri, keluarga dan kroninya.¹⁰⁴ Rasulullah menurut Sayid Ramadhan adalah tempat penduduk Makah mengamanahkan barang-barang mereka semasa sebelum hijrah lagi kerana kejujuran baginda yang beramanat.¹⁰⁵

Kesederhanaan pemimpin yang paling terkenal dalam Islam adalah apa yang dilakukan oleh Umar Bin Abdul Aziz yang menyerahkan harta, waktu, fikiran, tenaganya di jalan Allah.¹⁰⁶

Korupsi adalah sebahagian dari pengkhianatan dari sebuah sumpah jabatan dan amanah yang dipikul. Hadis Nabi SAW mengingatkan kepada manusia bahawa;

¹⁰² Sebuah pengantar dalam buku Abdullah Bin Abdul Hakam, *Umar Bin Abdul Aziz*, (Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise, 2009), xxiii.

¹⁰³ KPK, *Integriti* edisi Januari-Februari 2012, (Jakarta: KPK, 2012), 54.

¹⁰⁴ Abdullah Muhammad Zin, dalam *Keadilan Sosial Dari Perspektif Islam* (Kuala Lumpur: Penerbit IKIM, 2007), 27.

¹⁰⁵ Muhammad Sa'id Ramadhan. *Fiqh al-Sirah*, terj. Mohd Darus Sanawi (Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 1988), 253.

¹⁰⁶ Abdullah Bin Abdul Hakam, *Umar Bin Abdul Aziz Penegak Keadilan* (Jakarta: Gema Insani, 2002), 182.

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

*Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin ditanya tentang kepinpinannya.*¹⁰⁷

Islam melakukan pendekatan al-wa`id janji baik dan al-wa`du janji buruk dalam menghadapi setiap masalah termasuk kejahatan korupsi. Pemimpin yang amanah akan mendapat kebaikan dunia dan akhirat, sementara pemimpin yang khianat akan mendapat balasan dunia dan akhirat.

Pemimpin bertanggungjawab pada dirinya sendiri yang telah berjanji menjaga amanah. Pemimpin juga bertanggungjawab pada masyarakat yang memberinya amanah. Pada negara sesuai dengan sumpah dan janjinya tentang jabatan dan yang paling penting ialah bahawa pemimpin bertanggungjawab kepada Allah tentang amanah yang dia pikul.

Tugas pemimpin ialah sebagaimana pidato yang disampaikan Abu Bakar sewaktu mendapat amanah menjadi khalifah yang pertama;

*“saudara-saudara ku sekalian, di mata ku tak ada orang kuat bila ia bersalah dan tak ada orang yang lemah bila ia benar. Taat lah aku selama aku taat pada Allah bersama kalian dan jika aku berlaku maksiat kepada Allah, maka kalian tidak wajib taat padaku.”*¹⁰⁸

Dalam falsafah Melayu dikenal, gajah mati meninggalkan gading, harimau mati meninggalkan belang dan manusia mati meninggalkan budi. Manusia yang baik dijadikan tauladan dan manusia yang jahat dijadikan sempadan. Berbuat baik berpada-pada, berbuat jahat sekali jangan. Islam juga memandang bahawa sebaik-baik manusia adalah manusia yang bermanfaat bagi manusia lainnya.

¹⁰⁷ ʻAlġġ Muslim. *Kutub al-Sittah*, Hadis Nombor 4724 (Makkah: Dar as-Salam, 2000), 1006.

¹⁰⁸ Ibnu Taimiyah, *Tugas Negara Menurut Islam*. (terj. Arif Maftuhin Dzohir). (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 1989), 168.

Rakyat, wilayah dan pemerintah adalah ciri-ciri sesebuah Negara.¹⁰⁹ Disebabkan kualiti pemimpin sangat mempengaruhi maju mundurnya sesebuah kerajaan, maka diperlukan seorang pemimpin yang baik. Pemimpin yang baik dalam Islam adalah pemimpin yang bersikap siddiq, tabligh, amanah dan fathanah. Untuk itu Al-Māwardī memberi beberapa kriteria seorang calon pemimpin seperti adil, ilmu, sihat jasmani dan rohani, memiliki wawasan, berani, dan nasab.¹¹⁰

Jatuhnya kerajaan-kerajaan Islam silam menurut Hamka adalah disebabkan masalah kredibiliti pemimpin yang telah lari dari landasan syariah. Antaranya, rendahnya kredibiliti pemimpin (sultan) antara penyebab jatuhnya kerajaan Melaka yang besar.¹¹¹

Sikap kuku besi, dictator, korupsi, kroni antara penyebab keruntuhan itu, padahal Islam menggalakkan konsep syura. Menurut Zainal Azam, kewajipan melaksanakan sistem syura dalam pemerintahan menunjukkan bahawa Islam sangat menitik beratkan penglibatan awam dalam proses pentadbiran pemerintahan.¹¹²

Pemimpin adalah melayani bukan dilayani, pemimpin adalah susah menurut Agus Salim. Seorang pemimpin bertanggungjawab di hadapan Allah dan di hadapan manusia. Pemimpin adalah penggembala yang diupah oleh rakyat.¹¹³

b. Masyarakat

Masyarakat bermula dari keluarga dan keluarga berasal dari diri sendiri. Jika ingin mengubah dunia, maka ubahlah diri sendiri terlebih dahulu. Pemerintah seharusnya mendukung setiap gerakan yang mengarah kepada Amar Makruf Nahi Munkar. Kerana ia akan melahirkan masyarakat Madani yang taat kepada Allah SWT.

¹⁰⁹ Sidi Gazalba, *Masyarakat Islam*. (Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara, 1986), 226.

¹¹⁰ Al-Māwardī. *Al-Aḥkām al-Sultāniyyah*. (Kuwayt: Dār Ibn Qutaybah, 1989), 5

¹¹¹ Hamka, *Dari Perbendaharaan Lama*, (Kuala Lumpur: Penerbit Antara, 1981), 167.

¹¹² *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam* (Kuala Lumpur: Penerbit IKIM, 2005), 307.

¹¹³ M. Abdul Qadir Abu Faris, *Fiqh Politik Hasan al-Banna* (Kuala Lumpur: Mutiara Ilmu Selekt, 2011), 47.

Menurut Haryono Umar wakil ketua KPK, masyarakat perlu peka dan ikut memantau pembangunan infrastruktur. Ini kerana pembangunan itu menggunakan wang mereka dan masyarakat berhak mengetahuinya. Kontraktor perlu pula transparent dalam anggaran, di mana lokasi, bila jadual selesai dan sebagainya.¹¹⁴

Amar makruf nahi Munkar yang menjadi misi pewahyuan adalah bahagian dari agama Islam itu sendiri. Mengharamkan yang keji adalah sebahagian dari amar makruf nahi mungkar.¹¹⁵ Imam al-Ghazali mengatakan bahawa amar makruf nahi mungkar hukumnya adalah fadhu kifayah kerana fi`il amar di sana ada kalimat *waltakum minkum*. Hendaklah ada segolongan umat di antara kamu.¹¹⁶

Bagi Mohamed, adalah menjadi kewajiban bagi kaum Muslimin dalam undang-undang Islam untuk menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran. Tugas ini harus dianggap sebagai tauladan yang menyifatkan undang-undang Islam dalam kebebasan yang mana tiada sistem perundangan ciptaan manusia dapat mencapainya.¹¹⁷

Menurut Prof. Dr. Kuntowijoyo, Islam menghendaki amar makruf nahi mungkar untuk itu diperlukan transparansi yang membuat masyarakat berfikir jernih dan demokrasi yang mengharuskan musyawarah dalam mengambil keputusan.¹¹⁸

Said Hawa memandang perlunya manusia membersihkan diri dari sifat-sifat tercela seperti bermewah-mewah, hasad, ujub, takabbur, kedekut, sombong, mencintai dunia, mengikuti hawa nafsu dan sebagainya dan hendaklah menjadi manusia yang ikhlas, benar, zuhud, tawakal, mencintai Allah, khauf dan roja`, takwa dan wara`, bersyukur, sabar, redo, ihsan dan sifat mulia lainnya. Disebabkan majoriti penduduk Indonesia adalah beragama Islam, maka hak-hak mereka harus dijaga sebagaimana yang dinukilkan oleh Said Hawa antaranya ialah menjaga hak-hak mereka walaupun dalam

¹¹⁴ KPK, *Integriti edisi Mart-April 2011*, (Jakarta: KPK, 2011), 54.

¹¹⁵ Ibn Taimiyah, *Tugas Negara Menurut Islam*, terj Arif Maftuhin Dzifir. Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2004), 91.

¹¹⁶ Imam al-Ghazali, *Amar Makruf Nahi Mungkar*, (Kuala Lumpur: al-Ameen, 1988), 10.

¹¹⁷ Muhamed S.el-Awa, *Sistem Politik Negara Islam terj Mohd Isa*, (Kuala Lumpur: DBP, 1991), 119.

¹¹⁸ Kuntowijoyo, *Selamat Tinggal Mitos Selamat Datang Realitas, esei-esei budaya dan politik*, (Bandung: Mizan, 2002), 135.

keadaan mereka tiada, dan bertenggang rasa apa yang kita tidak suka dan apa yang kita tidak suka juga sama bagi mereka.¹¹⁹

Salah satu cara mengatasi korupsi adalah dengan menerapkan sifat Qanaah. Hamka menulis qanaah adalah; menerima dengan rela apa yang ada, memohonkan kepada Tuhan tambahan apa yang patut dan berusaha, menerima dengan sabar akan ketentuan Allah., bertawakal kepada Allah, tidak tertarik oleh tipu daya dunia.¹²⁰

Penyemaian nilai-nilai positif dan akhlak kerja yang baik serta menggalakkan prinsip pengendalian korporat yang baik dan bertanggungjawab, sivik yang tinggi di semua lapisan masyarakat. Sistem nilai yang baik akan dibentuk menerusi penekanan berterusan kepada aspek agama, tradisi, dan sivik melalui system pendidikan menurut Wan Mohd Noer Wan Daud.¹²¹

c. Swasta

Menurut Hamka, Islam mengamalkan konsep religious sosialisme dalam ke-pemilikan harta. Harta ialah milik peribadi, tetapi negara berhak menariknya jika digunakan ke arah yang dapat memudaratkan orang ramai. Konsep harta dalam Islam bukanlah berdasarkan kapitalisme dan tidak pula komunisme, tetapi religious sosialisme berdasarkan syura. Bukan diktator proletariat dan bukan pula oligarchy.¹²²

Bagi Qardhawi, Islam tidak melarang seseorang untuk menjadi kaya asal diperoleh dengan jalan halal dan sesuai dengan aturan syariah. Islam mengakui milik peribadi terhadap harta, maka Islam juga melindungi ke-pemilikan itu dengan undang-undang dan aturan. Ia juga memberikan pengarahannya agar harta tersebut tidak menjadi sasaran orang jahat daripada dirampas, dicuri, ditipu dan sebagainya.¹²³

¹¹⁹ Sa'īd Ḥawwā, *Tazkiyyah al-anfus*. (Kaherah: Dār al-Salām, 2008), 444.

¹²⁰ Hamka. *Tasawuf Modern*. (Jakarta: Panjimas, 2003), 219.

¹²¹ Wan Mohd Nor Wan Daud, *Pembangunan di Malaysia Ke arah satu kesefahaman baru yang lebih sempurna* (Kuala Lumpur: penerbit Istac, 2001), 59.

¹²² Hamka (1997) *Lembaga Hidup*. Jakarta: Pustaka Panjimas, h. 38.

¹²³ Yusuf Qaradhawi, *Fatwa-Fatwa Semasa*.

Di sektor swasta, tadbir urus yang buruk, penyelewengan, kronisma, tanpa adanya janji baik dan janji buruk dan kurangnya keterbukaan antara penyebab jatuhnya sektor swasta pada krisis ekonomi tahun 1997 menurut Ahmad Sarji.¹²⁴

Salah satu bukti ketidakadilan sosial ekonomi di Indonesia dapat dilihat dari penguasaan kekayaan negara. Orang Cina di Indonesia yang hanya mewakili 3% penduduk yang terpusat di pelbagai bandar, tetapi menguasai 1/3 kekayaan negara seperti yang ditulis oleh Fethi.¹²⁵

d. Penguatkuasaan Undang-undang

Tugas legislative membuat undang-undang, tugas legislative menjalankan undang-undang dan tugas yudikatif menetapkan hukum. Hukum dalam Islam haruslah bersifat kesamaan manusia di hadapan hukum sebagaimana Hadis Nabi SAW. Jika Fatimah Binti Muhammad saw mencuri aku akan potong tangannya.¹²⁶ Atau kes baju besi Ali Bin Abi Thalib, hukum tidak memandang pangkat, rupa, kekayaan, tetapi apa yang dia lakukan.¹²⁷

Status sosial, ekonomi, politik masyarakat tidak membezakan manusia. Semua manusia adalah sama di hadapan Allah kecuali takwanya. Ini kerana keadilan sosial lahir dari manusia yang berbeza-beza yang telah bersatu dan saling memerlukan dan telah membentuk satu kesatuan yang sempurna menurut Sabine.¹²⁸

Upaya melaksanakan hukum syarak dan prinsip keadilan diungkapkan dari ungkapan traditional yang ditulis Siddiq Fadzil berikut; yang syarak wajib ditegakkan, yang adat wajib dikukuhkan, yang lembaga wajib dijalankan. Supaya hukum boleh berjalan, supaya adil boleh ditegakkan, supaya hidup kekal beriman. Pantang

¹²⁴ Ahmad Sarji, *Sekadar Berpendapat* (Kuala Lumpur: Penerbit IKIM, 2005), 82.

¹²⁵ Fethi Ben Jomma Ahmed. *The Dilemma of Corruption in Southeast Asia*. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005), 228.

¹²⁶ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Misr: Maṭba'ah Mustafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1345) 199.

¹²⁷ Muhammad Alim, *Asas-Asas Negara Hukum Modern Dalam Islam Kajian Komprehensif Islam dan Ketatanegaraan*. (Yogyakarta: Penerbit LKIS, 2010), 405.

¹²⁸ GH. Sabine, *Teori-teori politik, sejarah pertumbuhan dan perkembangannya*. Terj soewano. (Jakarta: Binacipta, 1969), 57.

menghukum berpilih kasih, pantang menghukum membuang bijak, pantang menghukum membuang adil. Hukum adil benar terletak, yang salah dapat padahnya, yang benar nampak tuahnya.¹²⁹

Apa yang terpenting dalam keadaan dharurat, hajjiyah dan tahsiniyah menurut Jasser Auda keperluan-keperluan syarak perlulah dijaga seperti melindungi atau memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.¹³⁰ Semua ini selari dengan cita-cita politik modern tentang keadilan, kebebasan, pemerintahan yang memiliki undang-undang dasar dan kepatuhan terhadap hukum.¹³¹

Yang penting dari sebuah undang-undang adalah penguatkuasaan secara tegas, adil dan saksama. Kemunculan Hisbah telah ada di zaman Rasulullah yang sentiasa menyuruh umatnya menjalankan perniagaan dengan jujur dan ikhlas serta melarang penipuan, mengurangkan timbangan, boros, kedekut, membazir, mengambil keuntungan berlipat ganda, tidak beramanah dan sebagainya. Semua itu adalah sifat dan nilai buruk yang akan membawa kepada kemusnahan.¹³²

Korupsi adalah perbuatan jenayah yang sangat merugikan hak dan kepentingan orang ramai. Amalan korupsi amat berbahaya kepada masyarakat dan Negara. Sistem Negara mungkin akan musnah dan dikawal oleh pelaku korupsi. Bahayanya akan bertambah besar jika dilakukan kaki tangan kerajaan kerana dapat mengundang jenayah. Ia juga akan menyebabkan sistem keadilan menjadi rosak.¹³³

Dari pelbagai dalil al-Qur`an, Sunnah dan pandangan para ulama dapat disimpulkan bahawa korupsi adalah haram menurut Islam. Untuk itu sebarang usaha untuk mengatasi dan membanteras jenayah korupsi adalah wajib menurut Islam.

¹²⁹ Siddiq Fadzil. *Islam dan Melayu, Martabat Umat dan Daulat Rakyat*. (Kajang: Penerbit Kolej Dar al-Hikmah, 2012), 95.

¹³⁰ Jasser Auda, *Mudahnya Maqasid Syariah*. Marwan Bukhari Hamid terj (Kuala Lumpur: PTS Islamika, 2014), 103.

¹³¹ GH. Sabine, *Teori-Teori Politik Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya*, 7.

¹³² Mardzelah Makhsin. *Hisbah Sistem Pengawasan dan Etika Pengurusan Islam*. (Sintok: UUM, 2008), 22.

¹³³ Lukman Abdul Mutalib dll, *Tafsir Maudhu`iy Hudud, Qisas dan Ta`zir*. (Kuala Lumpur: DBP, 2014), 147.

Disebabkan korupsi adalah perbuatan mungkar, maka pendekatan yang dilakukan KPK dalam melawan kemungkaran adalah tepat dan bersesuaian dengan syariat Islam.

2.7 Analisa dan kesimpulan

Korupsi yang dimaksudkan di Indonesia sebagaimana yang terdapat dalam definisi KPK adalah; perbuatan yang menyebabkan kerugian terhadap keuangan negara, suap menyuap, penggelapan dalam jabatan, pemerasan, perbuatan curang, konflik kepentingan, pengadaan dan gratifikasi. Perbuatan-perbuatan seperti; merintang proses perkara korupsi, tidak memberi keterangan atau memberi keterangan yang tidak benar, bank yang tidak memberikan keterangan account bank tersangka, saksi atau ahli yang tidak memberi keterangan atau memberi keterangan palsu, orang yang memegang rahasia jabatan tidak memberikan keterangan atau memberikan keterangan palsu, saksi yang membuka identitas pelapor juga dianggap sebagai sebahagian dari jenayah (tindak pidana) korupsi menurut Undang-undang KPK.¹³⁴

Korupsi yang dimaksudkan oleh KPK adalah gabungan dari *Ghulul, Riswah, Khianat, Mukabarah, Ghasab, Syaraqah, Intikab*, ikhtilas dan *Akl Suht* sebagaimana yang dibahas dalam pelbagai kitab para ulama. Dengan demikian korupsi bersifat umum sementara rasuah bersifat khusus. Rasuah adalah bahagian dari korupsi, namun tidak semua korupsi dapat dikategorikan sebagai rasuah.

Rasuah dalam pelbagai kitab Tafsir sebagaimana yang dijelaskan di atas diertikan dengan sogokan. Ia erat kaitannya dengan seseorang yang ingin mendapatkan harta yang bukan haknya dengan jalan memberi sogokan kepada hakim agar memenangkannya dalam keputusan mahkamah. Inilah pandangan ahli Tafsir seperti Hamka dan Wahbah al-Zuhaili dan lainnya.

¹³⁴ Komisi Pemberantasan Korupsi, *memahami untuk membasmi (Buku Panduan Untuk Memahami Tindak Pidana Korupsi*. (Jakarta: penerbit KPK, 2006), 16-17.

Islam mengharamkan menggunakan dan memanfaatkan hasil korupsi.¹³⁵ Dan hukuman bagi pelaku korupsi ialah dengan menyerahkan kepada kebijakan hakim dengan mengambil kira keadaan dan tuntutan semasa. Namun demikian hakim mestilah seseorang yang memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan dalam Islam seperti lelaki, cerdas, merdeka, Islam, adil, sihat pendengaran dan penglihatan dan mengetahui hukum syariat. Dengan demikian tidak semua hakim di Indonesia memenuhi kriteria ini dan hampir semua kredibiliti hakim di Indonesia telah tercalar. Maka mereka tidak berhak lagi memutuskan hukuman untuk pelaku korupsi yang berdasarkan kepada kebijaksanaan mereka. Diperlukan hukum positif yang tetap mengenai hukuman bagi pelaku korupsi mengingat hampir semua hakim di Indonesia tidak memenuhi kriteria pensyaratan seperti yang ditetapkan oleh Islam.

Wang zakat dan harta rampasan perang adalah menjadi sumber kewangan negara. sebagai harta awam, ia bukan hak milik Nabi SAW dan bukan juga menjadi hak milik raja, sulthan, presiden, perdana menteri, pemimpin. Sesiapa yang mengambil wang zakat dan harta rampasan perang walaupun jumlahnya sedikit ia dianggap sebagai korupsi kerana akan merugikan seluruh rakyat. Dan untuk memohon kehalalan dari semua rakyat tentulah tidak mudah melakukannya.

Pengharaman korupsi berdasarkan beberapa hujah, iaitu; Korupsi ialah perbuatan curang dan penipuan yang merugikan masyarakat, Korupsi adalah pengkhianatan terhadap amanah yang diberikan masyarakat, Korupsi adalah perbuatan zalim, kerana harta yang dicuri juga berasal dari harta orang miskin yang susah dan menderita dan korupsi adalah dilarang dalam Nash al-Quran dan Sunah.¹³⁶ Namun demikian ulama berbeza pendapat mengenai hukuman bagi pelaku korupsi. Sebahagiannya adalah potong tangan dan hukuman bunuh. Namun yang terkuat adalah hukuman ta`zir yang diserahkan kepada kebijakan hakim untuk melaksanakannya.

¹³⁵ Tim Penyusun, "Ensiklopedi Hukum Islam", 975.

¹³⁶ Tim Penyusun, "Ensiklopedi Hukum Islam", 974.

Korupsi adalah perbuatan mungkar yang menuntut keterlibatan semua pihak untuk mengatasinya baik pemerintah, masyarakat mahupun swasta. Pemberantasan kemungkaran korupsi harus disesuaikan dengan kemampuan seseorang seperti dengan kuasa, dengan kata-kata dan dengan membenci dalam hati bagi yang lemah imannya. Rahsia pemberantasan korupsi pada zaman awal Islam adalah dengan cara mencegah korupsi pada saat ia menjadi benih lagi. Walaupun nilainya seringgit dua, namun perlu ketegasan dari pimpinan untuk melawan korupsi itu. Rahsia kedua terletak pada kepimpinan contoh yang serupa kata-kata dengan perbuatannya. Pemberantasan korupsi tidak perlu dengan pidato berapi-api, tetapi cukup dibuktikan dengan perbuatan. Kehidupan pemimpin yang sederhana adalah kata kunci pemberantasan korupsi di sesebuah negara. namun realitinya kehidupan pemimpin yang sederhana ini menjadi langka dan asing di negara umat Islam saat ini.

BAB 3: KORUPSI DAN KAITANNYA DENGAN URUS

TADBIR BAIK

3.1 Pendahuluan

Menurut Syed Husein al-Atas kajian tentang korupsi seperti kajian mengenai penyakit. Ia harus diketahui sifat, pembawa, penyebaran penyakit, sebab musabab, keadaan, akibatnya untuk kemudian dicarikan ubatnya.¹ Korupsi menurutnya adalah masalah gawat yang paling mewabak dalam kalangan masyarakat yang sedang membangun.² Antara penyebab korupsi menurut B. Soedarso adalah, kurangnya gaji pegawai, buruknya ekonomi, mentaliti pegawai yang kurang baik, pentadbiran dan management yang kacau, prosedur birokrasi yang berliku-liku.³ Sebagaimana dalam Islam, korupsi dalam konsep modern juga dipandang sebagai sesuatu kesalahan dan kejahatan yang harus diperangi. Bab ini membincangkan tentang definisi korupsi dan kaitannya dengan urus tadbir baik. Data bagi bab ini didapat melalui metode kajian literatur.

3.2 Definisi Korupsi

Korupsi merupakan satu jenayah berat yang mampu membinasakan sesebuah kerajaan seperti Empayar Rom, Empayar Uthmaniyah, Dinasti Ming, Kerajaan Melayu Islam Melaka, kerajaan Nasionalis Kai Shek di Cina, Pichard Nixon di Amerika, Marcos di Filipina dan Presiden Mubuto di Zaire juga tumbang kerana korupsi.⁴ Korupsi juga menyebabkan runtuhnya rejim Orde Baru Soeharto, Rejim Thaksin, Husni Mubarak, Khadafi, Ben Ali dan sebagainya.

¹ Syed Hussein Al atas, *Rasuah, Sebab dan Fungsi*, (Kuala Lumpur: DBP, 2009), xxxi.

² Syed Hussein Al atas, *Rasuah*, xv.

³ B. Soedarso, *Korupsi di Indonesia*. (Jakarta: Penerbit Bhartara, 1969), 10.

⁴ Rohaini Amin et.al, editor, *Integrasi dan Pencegahan Rasuah Pendidikan Integriti Dalam Pembangunan Modal Insan*, (Putrajaya: SPRM, 2015) 299.

Secara umumnya, korupsi ialah apabila seorang pegawai memindahkan manfaat kepada individu yang mungkin atau tidak mungkin berhak kepada manfaat itu, sebagai pertukaran untuk bayaran haram (sogokan). Dengan mengambil korupsi itu, pegawai melanggar janji yang mengikat secara hukum yang dia telah berikan kepada orang tertentu untuk memperuntukkan faedah kepada mereka yang berhak kepadanya. Korupsi bukan merupakan harta sesuatu sistem sosial atau institusi atau sifat yang bersifat perorangan tetapi lebih kepada pertukaran haram.⁵

Dalam buku *Comparative Political Corruption*, korupsi ialah, tingkah laku yang menyimpang dari tugas rasmi penjawat awam (yang dipilih atau yang dilantik) kerana adanya kepentingan (peribadi, keluarga dekat, kelompok dan swasta) kekayaan atau status keuntungan atau melanggar peraturan terhadap pelaksanaan beberapa jenis polisi yang berkaitan dengan hubungan atau pengaruh peribadi.⁶

Korupsi adalah perbuatan tidak jujur seperti amalan rasuah dan suapan.⁷ Dalam Kamus Dewan, korupsi ialah amalan atau perbuatan yang salah atau tidak amanah seperti pecah amanah, menerima sogokan. Sementara pelaku korupsi ialah orang yang korup. Korup pula adalah kata kerja yang bererti keji (sifat, kelakuannya) buruk (kelakuan) suka menerima korupsi, makan suap. Dikorup bermaksud diambil secara haram, digelapkan.⁸

Ringkasnya korupsi adalah pelbagai tindakan gelap dan tidak sah untuk mendapatkan keuntungan peribadi atau kelompok.⁹ Korupsi adalah menggunakan jabatan awam untuk kepentingan peribadi.¹⁰ Menurut Robert, korupsi adalah tingkah laku yang menyimpang dari tugas-tugas rasmi sebuah jawatan negara kerana

⁵ Edited by IAIN McLean and Alistair McMillan, *The Concise Oxford Dictionary Of Politics*, (New York: Oxford: Oxford University Press, 2009), 123.

⁶ James C. Scott, *Comparative Political Corruption*. (London: Prentice hall, 1972), 4.

⁷ *Federal – Chambers Advanced English Dictionary*. (Singapore: National University Of Singapore, 2000). h. 247.

⁸ *Kamus Dewan* edisi keempat. (Kuala Lumpur: DBP, 2005), 824.

⁹ Mansyur Semma, *Negara dan Korupsi, Pemikiran Mochtar Lubis Atas Negara, Manusia Indonesia dan Perilaku Politik*, (Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, 2008) 34.

¹⁰ Agata Stachowicz-Stanusch edited, *Organizational Immunity to Corruption Building Theoretical and Foundations*, (United State: Age Publishing Inc. 2010), 88.

keuntungan status atau wang yang menyangkut peribadi atau melanggar aturan-aturan pelaksanaan beberapa tingkah laku peribadi.¹¹

Definisi korupsi selalu dikaitkan dengan pejabat awam, dampak yang di akibatkan dari korupsi dan ia berpusat di pasar.¹² Bagi Devid, definisi korupsi akan meliputi jenayah ekonomi oleh tokoh-tokoh awam, mencuri hasil cukai atau menerima rasuah untuk mandat yang sah.¹³

Rasuah adalah memberikan sesuatu dengan tujuan membatalkan yang haq atau menganggap benar kebatilan. Rasuah diharamkan atas hakim dan atas yang lainnya secara mutlak kerana ia mencegah dari berhukum dengan yang hak dan daripada mencegah kezaliman menurut Salim.¹⁴ Munawwar pula memandang rasuah sebagai sesuatu yang diambil tanpa ganti dan menjadi aib bagi yang mengambilnya.¹⁵

Dalam buku *Encyclopedia Governance*, korupsi ditakrifkan sebagai membayar dan menerima sogokan untuk layanan istimewa. Di peringkat yang paling asas, yuran yang dituntut dan dibayar digunakan untuk menggulingkan proses biasa bagi perolehan dan penyediaan barangan dan perkhidmatan sektor awam. Pada tahap yang lebih canggih, bayaran digunakan untuk mendapat capaian yang tidak wajar kepada pihak tertentu, dan mempengaruhi dasar yang memberi kesan kepada keputusan hasil ekonomi. Tetapi garis yang memisahkan pengaruh yang tidak wajar dan sokongan dasar yang sah sering kabur. Wang boleh membeli nikmat, demi membiayai sokongan dasar yang sah.¹⁶

Korupsi adalah merosak, tidak jujur, kejahatan, kebusukan, tidak bermoral, kebejatan, perbuatan buruk. Tingkah laku yang menggunakan wewenang dan jawatan

¹¹ Robert Klitgard, *Membasmi Korupsi*, (Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, 2005), 31.

¹² Munawar Fuad Noeh, *Kyai di Republik Maling*, (Jakarta: Republika: 2005), 2.

¹³ David Kennedy, *The International Anti-Corruption Campaign*, Jurnal Heinonline.

¹⁴ Salim Hani Mansur, *Al-Raswah*, (Beirut: Darul Basya'ir al-Islamiyah, 2009), 12.

¹⁵ Nawwar Bin al-Sally, *Ar-Rasywah, Adda' wa Addawa'*, (Kaheerah: Dar Salam, 2015), 14

¹⁶ Mark Bevir et. al editor, *Encyclopedia Governance*, (London: Sage Publications, 2007), 173.

guna mencari keuntungan pribadi, merugikan kepentingan umum dan negara. Korupsi adalah menyalahgunakan kekuasaan atau kepercayaan untuk kepentingan pribadi. Menggunakan kekuasaan awam untuk mendapatkan keuntungan pribadi atau kemanfaatan politik. Menyalahgunakan amanah untuk kepentingan pribadi begitulah setidaknya yang dapat difahami dari buku *Fiqh Anti Korupsi Muhammadiyah*.¹⁷ Menurut Romli, korupsi termasuk pelanggaran hak asasi manusia bidang hak-hak ekonomi dan hak-hak sosial pembangunan seluruh rakyat Indonesia.¹⁸ Korupsi adalah akar dari semua masalah dan menurut Hidayat Nur Wahid korupsi adalah teror hakiki.¹⁹

Korupsi diartikan sebagai sesuatu yang diberikan kepada seseorang untuk memutarbelitkan fakta, yaitu untuk membatalkan yang hak atau membenarkan yang jelas-jelas batil atau sesuatu yang diberikan kepada hakim atau lainnya dengan harapan pemberi rasuah dimenangkan kesnya dengan mengabdikan keinginan dan permintaannya.²⁰ Korupsi adalah sesuatu yang diambil tanpa sebarang pertukaran dan dicela orang yang melakukannya. Setiap harta yang dibayar untuk mendapatkan pertolongan daripada orang yang mempunyai kedudukan bagi membantu melakukan perkara yang tidak halal. Sesuatu yang diberikan bagi tujuan membatalkan sesuatu hak atau menjadikan sesuatu yang batil sebagai hak.²¹

Ciri-ciri rasuah menurut Syed Hussein Alatas adalah, sesuatu pengkhianatan terhadap kepercayaan, penipuan terhadap badan kerajaan, institusi swasta atau masyarakat umum, dengan sengaja menyetepikan kepentingan umum berbanding khusus, dilakukan secara berahsia atau terbuka, melibatkan lebih dari seorang, adanya kewajipan dan keuntungan bersama dalam bentuk wang dan ganjaran, terpusatnya

¹⁷ Syamsul Anwar et.al, *Fiqh Anti Korupsi Perspektif Ulama Muhammadiyah*, (Jakarta: Majelis Tarjih dan Tajdid PP Muhammadiyah, 2006), 12.

¹⁸ Romli Atmasasmita, *Korupsi, Good Governance dan Komisi Anti Korupsi di Indonesia*, (Jakarta: Percetakan Negara, 2002), 3.

¹⁹ HCB Dharmawan et.al editor, *Jihad Melawan Korupsi*, Jakarta: Kompas, 2005), 95.

²⁰ Abu Abdul Halim Ahmad S. *Bahaya Rasuah Kepada Masyarakat Menurut Islam*, (Jakarta: Pustaka al-Kautsar, 1997), 2.

²¹ Mohammad Zaini Yahya, *Haramkah Rasuah*, (Kuala Lumpur: Pustaka Yamien, 2009), 8.

kegiatan rasuah, adanya usaha melindungi dalam bentuk undang-undang dan pernyataan yang bercanggah dari mereka yang melakukan rasuah.²²

Menurut Ketua SPRM Abu Kasim Bin Mohamed, rasuah merupakan suatu jenayah atau kesalahan Undang-undang di mana seseorang mendapat kebebasan, kontrak atau keistimewaan daripada pihak berkuasa atau sesebuah syarikat selepas memberi wang, hadiah, keraian kepada pihak tersebut.²³ Menurut Anwar Fazal pula, rasuah merupakan antara cabaran terbesar yang dihadapi umat manusia sepanjang zaman.²⁴

Dalam bahasa latin korupsi bererti perbuatan jahat, tidak jujur, mengambil rasuah, tidak bermoral, kotor, menimbulkan rasa benci dan fitnah. Sementara dalam bahasa Inggeris ia bermaksud tidak berakhlak, pencemaran, kejahatan, perangai buruk, menipu, sogokan.²⁵ Korupsi bererti memungut wang bagi layanan yang sudah seharusnya diberikan, atau menggunakan wewenang untuk mencapai tujuan yang tidak sah lanjut Robert.²⁶

Dalam pelbagai kamus korupsi hampir memiliki makna yang sama. Ia seperti; kelakuan buruk, haram, atau kelakuan tidak jujur, terutamanya oleh orang-orang yang dalam kedudukan ada kuasa.²⁷ Korupsi juga adalah bermakna tanpa kejujuran dan kelakuan haram yang dilakukan oleh orang-orang dalam kedudukan ada kuasa.²⁸ Perbuatan yang tercela dan negeri yang mengamalkan korupsi juga dibangsakan sebagai sesuatu yang merosakkan.²⁹ Perbuatan jahat, bejat kecurangan yang membawa kepada kehinaan atau tidak jujur.³⁰ Korupsi adalah kecurangan, penipuan, rasuah, sogokan, peras ugut, pecah amanah, kebengkakan, kebejatan, maksiat, kejahatan, kemusnahan,

²² Syed Hussein Alatas, *Rasuah, Sifat Sebab dan Fungsi*, (Kuala Lumpur: DBP, 2009), xvi.

²³ Muhammad Ray Akbar, *Rasuah, Bagaimana Islam Menanganinya*, (Kuala Lumpur: Ilham Baru, 2010), vii.

²⁴ Anis Yusal Yusoff et.al, *Memerangi Rasuah di Malaysia, Cukupkan Usaha Kita?*, (Kuala Lumpur: Ideas, 2014), 13.

²⁵ Mohamad Ezam Mohd Nor dan Sapto Waluyo, *Islam & The Issue Of Corruption*, Putrajaya: SPRM, 2010), 18.

²⁶ Robert Klitgaard, *Penuntun Pemberantasan Korupsi Dalam Pemerintahan Daerah*, (Jakarta: Yayasan Obor, 2005), 3.

²⁷ *Cambridge Advanced Learner's Dictionary*, (United Kingdom: Cambridge University, 2013), 339.

²⁸ Edited by IAIN McLean and Alistair McMillan, *The Concise Oxford*, 315.

²⁹ *Universal Dictionary readers Digest*, (Londong: The Readers, 1998), 356.

³⁰ *The world book dictionary*, (Chicago: World Book, 2001), 467.

penyelewengan, keruntuhan, kecemaran, kejahatan, dosa, keburukan, kehinaan, mengganggu.³¹ Korupsi diertikan dengan kelakuan tidak jujur atau tidak sah terutama oleh orang yang ada kuasa.³² Korupsi sebagai perbuatan atau hasil yang merosakkan. Apa-apa bentuk diubah atau dibenci dari apa-apa anugerah yang di korupsi.³³ Korupsi adalah haram, buruk atau tingkah laku yang tidak jujur, terutamanya oleh orang-orang dalam kedudukan ada kuasa.³⁴ Kecurangan korupsi untuk kepentingan peribadi, eksploitasi tidak jujur, kuasa untuk kepentingan peribadi.³⁵ Korupsi adalah jahat, berakhlak buruk mengambil korupsi adalah sebuah kesilapan.³⁶ Korupsi adalah perbuatan seseorang yang merosakkan atau sesuatu yang telah berubah dari yang asal dari kebiasaannya.³⁷ Korupsi diertikan sebagai kecurangan seseorang atau kelakuan yang haram oleh pegawai dalam kedudukan ada kuasa terutamanya apabila mereka menerima wang sebagai pertukaran untuk melakukan perkara-perkara untuk seseorang.³⁸ Atau dalam erti lain, korupsi adalah kecurangan dan kelakuan yang haram oleh orang-orang dalam kedudukan ada kuasa.³⁹ Korupsi adalah amalan atau perbuatan yang salah, tidak amanah seperti pecah amanah, hukuman yang berat dikenakan sebagai langkah menghapuskannya.⁴⁰ Korupsi adalah kerosakan akhlak di kalangan kelas atasan seperti perbuatan memberi korupsi, amalan korupsi menyogok, menghapuskan amalan korupsi adalah sesuatu yang terpuji.⁴¹

Membanteras korupsi bukan hanya bertujuan untuk membanteras korupsi. Membanteras korupsi adalah salah satu jalan untuk menyelamatkan negara dari kehancuran akibat dari korupsi. Membanteras korupsi juga bertujuan untuk

³¹ Carol Collins, *Collins The Taurus*, (Britain: Collins, 2006), 219.

³² *Oxford Advance Learners dictionary 8th*. (Clarton: Oxford University Press, 2010), 341.

³³ *Readers Digest Universes Dictionary*, (London: The reader's digest association limited, 1986), 356.

³⁴ *Cambridge Advance Learners Dictionary 3th*, (New York: Cambridge University Press, 2008), 315.

³⁵ *Encarta Word English Dictionary*, (London: Boombury, 1999), 426.

³⁶ *Webster's New World Large Print Dictionary*, (Canada: Wiley, 2004), 244.

³⁷ Meriam-Webster's, *English Dictionary*, (United States: Meriam Webster, 2008), 369.

³⁸ *MacMillan English Dictionary For Advance Learners*, (Malaysia: MACMillan, 2007), 332.

³⁹ *MacMillan English Dictionary For Advance*, 315.

⁴⁰ *Kamus Dewan 4th*, 824.

⁴¹ *Kamus English – Melayu Dewan*, (Kuala Lumpur: DBP, 1999), 312.

mewujudkan sebuah negara yang sejahtera, maju, adil dan makmur *baldatun thaiba wa robbun ghafur*.

Menurut Naunihal, kebanyakan definisi korupsi mengaitkan konsep persembahan kepada tugas-tugas yang berkaitan dengan jawatan awam dan penyimpangan dari norma atau peraturan tadbir urus dan tingkah laku penjawat awam. Beberapa kajian berhujah bahawa korupsi di negara-negara membangun berasal dari kelas di antara nilai-nilai tradisional dan norma-norma asing yang biasanya seperti pemodenan syarikat. Namun demikian korupsi adalah satu akibat yang tidak dapat dielakkan dalam proses pembangunan sosial dan ekonomi.⁴²

Korupsi mungkin mempunyai akar dalam budaya dan sejarah, tetapi bagaimanapun, pada masalah ekonomi dan politiknya menghasilkan ketidakcekapan dan ketidakadilan dalam pengagihan manfaat awam dan kos. Korupsi bukan masalah yang boleh dilampirkan secara berasingan. Ia tidak mencukupi bagi undang-undang jenayah untuk mencari akibat buruk dan menghukum mereka. Sudah tentu, kerajaan mungkin perlu membina kredibiliti dengan menghukum rasmi pelaku korupsi yang amat ketara, tetapi membawa kepada pendakwaan itu adalah untuk menarik notis dan sokongan orang ramai, tidak menyelesaikan masalah asas. Undang-undang anti-korupsi hanya boleh memberikan latar belakang untuk pembaharuan struktur yang lebih penting.⁴³

Menurut Muhammad Ray Akbar korupsi berlaku ialah kerana faktor peribadi iaitu; lemahnya iman dan takwa, kelemahan kepimpinan dan organisasi, sosial dan budaya, modenisasi dan faktor politik.⁴⁴ Dan cara membendung korupsi menurut Mohammad Zaini ialah dengan cara pendekatan individu, masyarakat dan negara.⁴⁵

⁴² Naunihal Sing, *Developing Countries, The Impact Of Corruption And Economic Growth*. (India: Authors Press, 2000), 205-206.

⁴³ Naunihal Sing, *Corruption and Good Governance*, (Delhi: Authors Press, 2001), 316-317.

⁴⁴ Muhammad Ray Akbar, *Korupsi Bagaimana Islam Menanganinya*, (Kuala Lumpur: penerbit Ilham Baru, 2010).

⁴⁵ Mohammad Zaini, *Haramkah Korupsi?*, (Kuala Lumpur: penerbit Yamin, 2009),70-78.

Menurut transparency International, korupsi ialah penyalahgunaan kuasa yang di amanahkan untuk keuntungan peribadi. Ia menyakitkan semua orang yang bergantung kepada integriti orang dalam kedudukan yang berkuasa.⁴⁶ Menurut transparency International Malaysia, Rasuah adalah penyalahgunaan kuasa untuk kepentingan peribadi.⁴⁷ Menurut Syed Hussein Al atas rasuah adalah penjawat awam yang menerima hadiah yang diberikan seseorang dengan tujuan mendorongnya untuk memberikan perlakuan istimewa yang menjadi pertimbangan si pemberi.⁴⁸

Menurut Robert Williams, korupsi adalah masalah klasik dan sejarah moden penuh dengan kes-kes korupsi dan nepotisme tetapi kajian akademik tadbir urus pada dasarnya merupakan suatu fenomena yang baru lahir pada abad kedua puluh ke atas.⁴⁹ Kimberly Ann juga mengatakan bahawa korupsi bukanlah isu baru, tetapi hanya baru-baru ini muncul sebagai isu global. Korupsi di hujung perang dingin kadar dan keluasan pendemokrasian dan integrasi ekonomi antarabangsa telah dipercepatkan dan diperluaskan lagi. Di beberapa tempat di dunia, korupsi mengancam untuk melambatkan atau bahkan membalikkan pertumbuhan ekonomi.⁵⁰

Senada dengan itu, Simon mengatakan bahawa korupsi sentiasa bersama dengan manusia, dan telah lama berlaku dalam masyarakat. Banyak perjuangan untuk mengawal dan membasminya. Korupsi adalah sebahagian daripada peperangan yang berterusan untuk kedua-dua wakilnya, iaitu pelaku dan pembanteras dalam perwakilan kuasa yang mencukupi untuk negeri dan juga untuk menyemak terhadap salah guna kuasa dan kepercayaan orang ramai.⁵¹

⁴⁶ Indeks prestasi korupsi, laman sesawang *transparency International*, dicapai 2 Februari 2014, www.transparency.org

⁴⁷ *Bersuara Menentang Rasuah, Buku Panduan Warganegara*, (Kuala Lumpur: Transparency International Malaysia, 2015), 6.

⁴⁸ Syed Hussein Alatas, *Corruption and the Destiny of Asia*, (Selangor: Prentice Hall, 1999), 6.

⁴⁹ Robert Williams Robin Theo bald Edited, *Corruption in The Developing world*, (Northampton: Edward Elgarm 2000), ix.

⁵⁰ Kimberly Ann Elliott, *Corruption and The Global Economy*, (Washington: Institute for the International Economic, 1997), vii.

⁵¹ Simon SC TAY & Maria Seda eds, *The Enemy Within Combating Corruption in Asia*, (Singapore: Times Media Private Limited, 2003), vii.

Korupsi berasal dari bahasa Latin yaitu *corruptio* bererti suapan dari kata kerja *Corrumpere* yang bererti merosakkan, menggoyahkan, memutar balik, menyogok.⁵² Dalam Kamus umum bahasa Indonesia, korupsi adalah perbuatan yang buruk (seperti penggelapan wang, penerimaan wang sogok dan sebagainya) misalnya; di kalangan kaki tangan kerajaan harus dibasmi hingga ke akar-akarnya sekali.⁵³ Korupsi juga diertikan dengan rasuah, pecah amanah dalam kamus Utusan.⁵⁴ Korupsi adalah; 1. amalan atau perbuatan yang salah atau tidak amanah seperti pecah amanah dan menerima rasuah (sogokan); hukuman yang keras dikenakan sebagai langkah menghapuskannya. 2. Penyelewengan atau penggelapan wang negara (perusahaan untuk keuntungan peribadi atau orang lain; waktu penggunaan waktu pegawai untuk (waktu kerja) untuk urusan peribadi.⁵⁵

Korupsi adalah perbuatan memberi atau menerima apa-apa suapan atau ganjaran dalam bentuk wang tunai atau barangan yang bernilai tinggi untuk melaksanakan tugas berhubung dengan urusan kerja. Antara bentuk korupsi menurut Badan Pencegahan Rasuah Brunei (BPR) adalah; permintaan penerimaan korupsi, 2 tawaran memberi korupsi, 3 mengemukakan tuntutan palsu, 4. pemilikan harta yang tak dapat dijelaskan sumbernya.⁵⁶

“Menurut corrupt practices Investigation Bureau (CPIB) Singapura, korupsi adalah menerima, meminta atau memberi apa-apa suapan untuk mendorong seseorang untuk berbuat baik dengan niat rasuah”.⁵⁷ Dalam laman sesawang CPIB dijelaskan bahawa korupsi ialah sesuatu tindakan yang dilakukan di dalam niat untuk memberi kelebihan yang tidak konsisten dengan tugas rasmi dan hak-hak orang lain. Perbuatan

⁵² Abdul Aziz Dahlan et.al, *Ensiklopedi Hukum Islam*. (Jakarta: penerbit Ichtiar Baru Van Hoeve, 1999), 974.

⁵³ W.J.S Poerwadarminta. *Kamus Umum Bahasa Indonesia*. (Jakarta: penerbit Kementerian PP & K, 1954), 360.

⁵⁴ Zainal Abidin Safarawan. *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. (Petaling Jaya: penerbit Utusan, 1995)

⁵⁵ *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. (Brunei Darussalam: DBP, 2003), 1421.

⁵⁶ Biro Mencegah Rasuah Brunei (BMR), dicapai 15 September 2015, <http://www.bmr.gov.bn/SitePages/What%20Is%20Corruption.aspx>

⁵⁷ Corruption Practices Investigation Bureau (CPIB), dicapai 4 Mac 2016, <https://www.cpiib.gov.sg/about-corruption/definition-of-corruption>

rasmi orang yang menyalahi undang-undang dan secara salah menggunakan status atau wataknya untuk mendapatkan beberapa manfaat untuk dirinya sendiri atau untuk orang lain yang bertentangan dengan tugas dan hak orang lain. Korupsi melibatkan penggunaan tidak jujur atau keutamaan kuasa atau kedudukan yang mempunyai hasil daripada satu orang atau organisasi yang bernasib atas yang lain. Korupsi adalah mencari pelanggan, menerima atau bersetuju untuk menerima, memberi, menjanjikan menawarkan apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah kepada seseorang supaya dilakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, dengan niat korupsi.⁵⁸

Lebih lanjut CPIB menjelaskan korupsi sebagai sesuatu perbuatan yang dilakukan dengan niat untuk memberi kelebihan yang tidak konsisten dengan tugas rasmi dan hak orang lain. Perbuatan rasmi atau yang menyalahi undang-undang dan secara salah menggunakan status atau wataknya untuk mendapatkan beberapa manfaat untuk dirinya sendiri atau untuk orang lain yang bertentangan dengan tugas dan hak orang lain. Korupsi melibatkan penggunaan tidak jujur atau keutamaan kuasa atau kedudukan yang mempunyai hasil daripada satu orang atau organisasi yang bernasib atas yang lain. Korupsi adalah permintaan yang menerima atau bersetuju untuk menerima, memberi, menjanjikan atau menawarkan apa-apa suapan sebagai dorongan atau upah kepada seseorang supaya dilakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, dengan niat korupsi.⁵⁹

Makna korupsi telah mengalami transformasi dan mengandungi makna yang luas menurut undang-undang Republik Indonesia nombor 30 tahun 2002 Tentang Komisi Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi, iaitu;

“perbuatan yang menyebabkan kerugian terhadap kewangan negara, suap menyuap, penggelapan dalam jabatan, pemerasan, perbuatan curang, konflik

⁵⁸ Corruption Practices Investigation Bureau (CPIB), dicapai 15 September 2015 <https://www.cpiib.gov.sg/education/what-corruption>

⁵⁹Corruption Practices Investigation Bureau (CPIB), dicapai 15 September 2015, <https://www.cpiib.gov.sg/education/what-corruption>

*kepentingan, pengadaan dan gratifikasi. Perbuatan-perbuatan seperti; merintang proses perkara korupsi, tidak memberi keterangan atau memberi keterangan yang tidak benar, bank yang tidak memberikan keterangan rekening tersangka, saksi atau ahli yang tidak memberi keterangan atau memberi keterangan palsu, orang yang memegang rahsia jabatan tidak memberikan keterangan atau memberikan keterangan palsu, saksi yang membuka identiti pelapor juga dianggap sebagai sebahagian dari jenayah (tindak jenayah) korupsi”.*⁶⁰

Sebuah logika korupsi tentang gratifikasi ditulis oleh Mohammad Jasin ketua KPK yang menilai bahawa aturan tentang gratifikasi tidak bertujuan untuk memutus hubungan silaturahmi. Pemberian hendaklah ditujukan kepada mereka yang memerlukan seperti fakir miskin, anak yatim dan orang lemah lainnya melalui infak, sedekah, zakat, hadiah, bukan kepada orang yang sudah berkecukupan dengan gaji pangkat dan jabatan yang tinggi.⁶¹

Definisi korupsi menurut “Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ialah; *Penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.*” Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah, diskaun. Berdasarkan akta Suruhanjaya Pencegahan Korupsi Malaysia 2009 (ASPRM 2009) akta 694 terdapat empat kesalahan korupsi yang utama iaitu; meminta atau menerima korupsi, menerima suapan, mengemukakan tuntutan palsu, salah guna kuasa.⁶²

Rasuah dalam Kamus Dewan diertikan sebagai pemberian untuk menumbuk rusuk (menyogok, menyuap, sogok, suap. Melakukan korupsi; memberi rasuah kepada. merasuahi; orang yang memberi rasuah.⁶³

Institute For Democracy and Economic Affairs (Ideas) mencatatkan kerugian yang besar di bidang ekonomi, politik, sosial yang di akibatkan oleh korupsi. Untuk itu

⁶⁰ KPK. *memahami untuk membasmi (Buku Panduan Untuk Memahami Tindak Jenayah Korupsi*. (Jakarta: Penerbit KPK 2006), 16-17.

⁶¹ KPK, *Integriti edisi Julai-Ogos 2010*, (Jakarta: KPK, 2010), 46.

⁶² Suruhanjaya Pencegahan Korupsi Malaysia <http://www.sprm.gov.my/apa-itu-korupsi.html> 3 Mar 2013

⁶³ *Kamus Dewan*, 1292.

Ideas menyarankan agar mewujudkan jawatankuasa induk pemberantasan korupsi. Agensi anti korupsi seharusnya menyalurkan sebahagian besar dananya 70% ke atas untuk meningkatkan keupayaan dan prestasi pengesanan, pemeriksaan dan penyiasatan, bukan pada kajian, kempen, dan usaha pemberantasan korupsi lainnya.⁶⁴

Menurut Muhamad Najib, Indonesia pernah mencatatkan 30 peratus bajet pembangunan tiris kerana korupsi. Ini kerana pemberantasan korupsi hanya dijadikan sebagai kosmetik sahaja dengan hanya menindak pelaku korupsi kelas rendah dan membiarkan korupsi skala besar.⁶⁵

3.3 Urus Tadbir Baik Menurut Beberapa Sumber

Dalam Kamus Politik Oxford, Governance diertikan sebagai Proses kolektif membuat keputusan dan pelaksanaan dasar. Ia digunakan dengan jelas daripada kerajaan untuk mencerminkan kebimbangan yang lebih luas dengan norma-norma dan proses yang berkaitan dengan penyerahan barang-barang awam. Politik penggunaannya dibangunkan di UK pada tahun 1990-an, mencerminkan program untuk menyekat peranan kerajaan, penswastaaan, kontrak dan keluar dari perkhidmatan awam. Kajian tadbir urus adalah untuk merangkumi rangka kerja kawal selia, kuasa yang diwakilkan dan peruntukan bukan kerajaan perkhidmatan-yang meliputi kawasan yang menjadi tumpuan tradisional terhadap peranan kuasa politik yang diabaikan. Perspektif tadbir urus telah digunakan untuk menggambarkan pada rangkaian bukan kerajaan yang mempengaruhi penghantaran barang-barang awam. Pendekatan ini melibatkan aspek masyarakat sivil, tindakan komuniti, modal sosial, kebajikan dan korupsi. Bank Dunia telah membangunkan langkah-langkah enam dimensi tadbir urus iaitu; kebebasan bersuara dan akauntabiliti, kestabilan politik dan ketiadaan kekerasan / keganasan,

⁶⁴ Anis Yusal Yusoff et.al, *Memerangi Rasuah di Malaysia: Cukup kah Usaha Kita*, (Kuala Lumpur: Ideas, 2014), 149.

⁶⁵ Muhammad Najib, *Suara Amien Rais Suara Rakyat*, (Jakarta: Gema Insani Press, 1999), 28.

keberkesanan kerajaan, kualiti pengawalseliaan, kedaulatan undang-undang, dan kawalan korupsi. Tadbir urus yang baik telah menjadi mantra untuk ahli-ahli politik, birokrat, pekerja dan NGO.⁶⁶

Ciri dan asas dalam urus tadbir baik yang dikemukakan oleh United Nations Development Program (UNDP) adalah; penyertaan, kekuasaan hukum, transparensi, kebertanggungjawaban, orientasi konsensus, persamaan, efektif dan efisien, akauntabiliti dan strategik.⁶⁷

Antara prinsip-prinsip yang dikemukakan oleh UNDP di atas telah disebutkan dalam Piagam Madinah seperti persamaan, kekuasaan hukum, penyertaan, kebertanggungjawaban dan sebagainya.⁶⁸ Accountability ialah bermaksud kebertanggungjawaban kerajaan atau kebertanggungjawaban pemerintah.⁶⁹

Menurut Fitra, perimbangan kewangan pusat dan daerah juga harus mengamalkan prinsip urus tadbir baik seperti; transparensi, akauntabiliti, penyertaan, kesetaraan, kewenangan daerah, sederhana, insentif, di insentif dan sebagainya.⁷⁰

Omardin menulis bahawa kekuasaan hukum adalah bahawa kuasa hukum berada di atas kuasa orang. Hukum yang tidak pandang bulu dan tidak mengenal pangkat dan kedudukan dalam masyarakat. Jika keadilan dalam persamaan hukum tidak dijalankan, maka perasaan taat setia kepada negara akan berkurangan dari masyarakat yang berakibat berlakunya kezaliman, negara akan kucar kacir atau bahkan roboh sama sekali.⁷¹ Akibat tidak menjalankan urus tadbir baik.

⁶⁶ Edited by IAIN McLean and Alistair McMillan, *The Concise Oxford Dictionary Of Politics*, New York: Oxford: Oxford University Press, 2009), 226.

⁶⁷ United Nations Development Programme. *Governance For Sustainable Human Development, A UNDP Policy Document*. (New York: UNDP 1997).

⁶⁸ Ahmad Ibrahim dan Dzafir El-Qasimy, *Piagam Madinah, Pandangan dan Ulasan*, (Kuala Lumpur: Penerbit Gelanggang Kreatif, 1985), 35.

⁶⁹ *Istilah Sains Politik*, (Kuala Lumpur: Penerbit DBP, 1989), 27.

⁷⁰ Fitra, *Kupas Tuntas Hubungan Kewangan Pusat Daerah*, (Jakarta: Fitra, tth.), 75.

⁷¹ Omardin Ashaari. *Sistem Politik Dalam Islam*. (Kuala Lumpur: YADIM, 2008), 35.

Negara yang baik menurut Mohammad Natsir adalah negara yang memiliki akar yang tertanam dalam masyarakat. Dasar negara harus sesuatu fahaman yang hidup, yang dijalankan sehari-hari, yang terang dan dapat dimengerti oleh masyarakat itu sendiri. Iaitu sebuah undang-undang dasar negara yang berurat berakar dalam kalbu, fikiran, alam perasaan dan alam kepercayaan serta falsafah hidup rakyat dalam masyarakat.⁷²

Mengutip Transparency International, Satya menulis setidaknya ada 21 petunjuk urus tadbir baik iaitu; legislatif, executive, judicative, Ombudsman, agensi anti korupsi, perkhidmatan awam, kerajaan tempatan, media, masyarakat sivil, undang-undang pentadbiran, perkhidmatan awam, anti konflik kepentingan, pemerolehan awam, pengurusan kewangan yang baik, sarana maklumat, suara rakyat, dasar persaingan dan pemberantasan korupsi.⁷³

Menurut Kamus Politik Oxford, kebimbangan urus tadbir yang Baik tentang tadbir urus demokratik pertama timbul dalam perbincangan pembangunan ekonomi. Ahli ekonomi mula mempercayai bahawa keberkesanan pembaharuan pasaran ialah bergantung kepada kewujudan institusi politik yang sesuai. Dalam beberapa cara, maka, kualiti tadbir urus mulanya menjadi topik hangat bukan kerana normatif, kebimbangan demokratik tetapi kerana ia berpengaruh pada kecekapan ekonomi, terutamanya keberkesanan bantuan kepada negara-negara membangun, agensi-agensi antarabangsa seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia yang membuat tadbir urus yang baik salah satu kriteria mereka memberikan bantuan dan pinjaman kepada penderma. Konsep tadbir urus yang baik dengan itu telah ditakrifkan sebagai halangan institusi dari melakukan korupsi dan dengan berfungsinya kehendak ekonomi pasaran. Ia ditakrifkan sebagai keadaan yang sah dengan mandat demokrasi, pentadbiran yang cekap dan terbuka, dan penggunaan persaingan dan pasaran dalam sektor awam dan swasta.

⁷² Mohammad Natsir, *Islam Sebagai Dasar Negara*, (Jakarta: Penerbit Media Dakwah, 2000), 54.

⁷³ Satya Arinanto, *Hak Asasi Manusia Dalam Transisi Politik di Indonesia*, (Jakarta: penerbit UI, 2005), 274.

Pelbagai agensi antarabangsa berusaha untuk mengamalkan ciri-ciri tadbir urus yang baik. Mereka mahu pemeriksaan terhadap kuasa eksekutif, badan perundangan yang berkesan dengan perwakilan wilayah. Begitu juga, dengan kedaulatan undang-undang yang tegas, badan kehakiman yang bebas, undang-undang berdasarkan kesaksamaan dan ekuiti, dan polis yang jujur. Termasuk perkhidmatan awam yang berwibawa dicirikan oleh garis-garis yang jelas ber akauntabiliti dan dengan telus dan responsif membuat keputusan. Mahukan sistem politik secara berkesan untuk menggalakkan konsensus, pengantara masyarakat pelbagai kepentingan. Menekankan kepentingan masyarakat awam yang kukuh ciri-ciri kebebasan bersuara, kebebasan bersuara, dan berkenaan dengan sivil dan hak politik. Beberapa agensi antarabangsa seperti Bank Dunia, juga berkaitan tadbir urus yang baik dengan pengurusan awam baru: mereka menggalakkan negara-negara membangun untuk mereformasi sektor awam mereka dengan menswastakan perusahaan awam, menggalakkan pasaran yang kompetitif, mengurangkan kakitangan, memperkukuhkan disiplin belanjawan, dan bukan menggunakan kerajaan organisasi. Pertubuhan-pertubuhan lain, seperti United Nations memberi lebih penekanan kepada matlamat sosial, termasuk merangkumi, keadilan, dan perlindungan alam sekitar.⁷⁴

Dalam Kamus Oxford, tadbir bererti aktiviti yang mentadbir negara atau mengawal syarikat atau organisasi cara di mana sesebuah negara yang ditadbir atau syarikat atau institusi itu dikawal.⁷⁵ Kamus Collins pula mengertikan tadbir Negara sebagai cara di mana ia ditadbir.⁷⁶ Sementara tadbir urus adalah cara di mana ia ditadbir menurut Collins.⁷⁷

⁷⁴ Edited by IAIN McLean and Alistair McMillan, *The Concise Oxford Dictionary Of Politics*, New York: Oxford: Oxford University Press, 2009), 378.

⁷⁵ *Oxford Advance Learners dictionary 8th*, 672.

⁷⁶ *Collins Cobuild Advance Learners English Dictionary*, (Britain: Harper Collins, 2006), 678.

⁷⁷ *Collins Cobuild Advanced Learners English Dictionary*, 627.

Menurut buku Pedoman Good Public Governance dinyatakan bahwa urus tadbir baik diperlukan untuk melindungi segenap bangsa Indonesia dan seluruh tumpah darah Indonesia, dan untuk memajukan kesejahteraan umum, mencerdaskan kehidupan bangsa, serta ikut memelihara ketertiban dunia berlandaskan kedaulatan negara, perdamaian abadi serta keadilan sosial. Untuk itu diperlukan negara yang memiliki daya saing sehat dan tinggi yang mampu menciptakan nilai tambah secara berkesinambungan melalui pengelolaan sumber daya secara bertanggungjawab terbangun kredibiliti di tingkat nasional dan Internasional.⁷⁸

Menurut Mustopadidjaja istilah *good public governance* mengandung makna tata ke pemerintahan yang baik, pengelolaan pemerintahan yang baik serta dapat juga diungkapkan sebagai penyelenggaraan pemerintahan yang baik ataupun pentadbiran negara yang baik.⁷⁹ Urus tadbir baik akan memberi dampak positif bagi dunia usaha dan masyarakat yang lebih baik. Untuk itu Jopinus menyarankan diperlukan sumber manusia yang profesional dan kepemimpinan yang amanah, bertanggungjawab, berakhlak.⁸⁰

Istilah tata urus tadbir yang baik (*good public governance*) merupakan suatu konsep tentang penyelenggaraan pemerintahan yang bersih, demokratik dan efektif. Selain itu, *governance* ialah suatu konsep yang menyatakan mengenai suatu gagasan dan nilai untuk mengatur pola hubungan antara pemerintah, pihak swasta dan masyarakat. Salah satu upaya untuk mewujudkan pelaksanaan pemerintahan yang baik (*urus tadbir baik*) adalah melalui reformasi sistem pentadbiran negara yang mencakupi tiga penggerak utama iaitu pemerintah di mana birokrasi termasuk di dalamnya, pihak swasta dan masyarakat. Keterlibatan masyarakat madani dalam hal

⁷⁸ *Pedoman Umum Good Public Governance*, 4.

⁷⁹ Mustopadidjaja Ar. *Reformasi Birokrasi Sebagai Syarat Pemberantasan Korupsi*. Makalah disampaikan dalam seminar pembangunan Nasional Departemen Kehakiman dan Hak Asasi Manusia pada 14-18 Julai 2003.

⁸⁰ Jopinus Saragih G, "Reformasi Aparatur Negara Untuk Melaksanakan Tata Kelola Pemerintahan yang baik dan benar (Urus tadbir baik)," *Jurnal Widya* (April 2012), 21.

pengawasan, sumber keahlian, sumber idea dan gagasan baru, serta memberikan pendidikan kepada masyarakat.⁸¹

Ketiga badan di atas yang berperanan dalam penyelenggaraan negara dan pembangunan bangsa tersebut memiliki jawatan, peranan, tanggungjawab dan kemampuan yang diperlukan untuk suatu proses pembangunan yang dinamis dan berterusan. Peranan negara dalam pembangunan perlu dikurangkan dengan memberi ruang yang luas kepada kuasa pasaran mengendalikan ekonomi secara efisien. Dalam hal ini tugas negara hanyalah untuk merangsang pertumbuhan ekonomi dan mengagihkan kekayaan negara dengan menumpukan pada soal tadbir urus baik dan ketelusan.⁸²

Menurut Suwarno, KKN adalah halangan utama pelaksanaan urus tadbir baik, untuk itu ia harus di berantas melalui transparensi kekayaan pegawai negara, meningkatkan jenjang birokrasi, menciptakan institusi pengawasan tanpa campur tangan, mencipta wadah pengaduan masyarakat, menerapkan sistem tender terbuka, sistem kewangan yang terbuka, dan menunjang birokrat yang profesional.⁸³

Menurut ICW reformasi birokrasi termasuk bahagian dari upaya pemberantasan korupsi untuk mewujudkan tatanan birokrasi yang bersih, profesional, efektif dan efisien. Salah satunya adalah melalui pengawasan terhadap proses pengambilan kaki tangan kerajaan yang baru.⁸⁴ ICW melakukan pelbagai upaya dalam rangka melawan keberadaan pelaku korupsi seperti menyarankan eksekusi dan wang pengganti oleh Kejaksanaan yang belum maksimal, perlawanan balik pelaku korupsi, penyertaan dalam pemilihan penjawat awam, kajian hukum dan pelaporan untuk mendukung

⁸¹ Tirta N. Mursitama, "Peran Masyarakat dan Dunia Usaha Dalam Mewujudkan Sistem Transparensi Nasional Pelayanan Umum", *Jurnal Rechts Vinding*, (Januari-April 2012), 90.

⁸² Sity Daud, "Globalisasi dan Negara Pembangunan", *Jurnal Akademika* (Januari 2004), 27.

⁸³ Suwarno Adiwijoyo, *Meniti Reformasi Politik*, (Jakarta: Pusat kajian reformasi, 2000), 112.

⁸⁴ ICW, *Annual Report 2014*, (Jakarta: ICW, 2014), 9.

pemberantasan korupsi, dukungan terhadap gerakan anti korupsi, dan bantahan judicial review atas kewenangan badan anggaran DPR.⁸⁵

KKN adalah antara ciri *bad governance* yang mengarah kepada kebangkrutan sesebuah negara. Ciri *bad governance* adalah; lambat dan reaktif, sombong, korup, birokratism, boros, bekerja secara naluriah, enggan berubah, kurang berorientasi pada kepentingan umum.⁸⁶

Dalam konsep efektif governance atau tadbir urus yang baik ketiga pihak kerajaan, swasta dan masyarakat adalah setara dari sudut kepentingan perannya. Ia juga boleh dibahagikan kepada tiga kategori governance iaitu politik (*political governance*), pentadbiran (*administrative governance*) dan ekonomi (*economic governance*). Oleh itu, salah satu penggerak utama ke arah efektif governance itu adalah perkhidmatan awam yang digerakkan oleh penjawat awamnya yang melaksanakan perkhidmatan secara profesional.⁸⁷

Mengutip Haedar Nashir, Biyanto mengatakan bahawa Muhammadiyah mengajukan beberapa syarat agar terciptanya urus tadbir baik iaitu; adanya penyertaan umum dalam penyelenggaraan negara dan pemerintahan, semua unsur masyarakat memiliki komitmen menegakkan hukum, adanya transparansi dan akauntabiliti dalam penyelenggaraan kehidupan bernegara, adanya kepekaan dan kepedulian dalam menanggapi cabaran dan masalah masyarakat, mengutamakan kepentingan umum yang diwujudkan dengan adanya orientasi kepada konsensus untuk menciptakan kemaslahatan masyarakat, setiap warganegara memiliki kedudukan yang sama dan sederajat di hadapan hukum, adanya efisien dan efektif dalam pengelolaan sumber daya alam dan manusia, adanya visi strategis tentang negara yang maju, berdaulat dan

⁸⁵ ICW, *Annual Report 2013*, (Jakarta: ICW, 2013), 26.

⁸⁶ KPK, *Kedudukan Peran dan Kelembagaan DPRD Dalam Konteks Urus tadbir baik*. (Jakarta: Penerbit KPK, 2008), 32.

⁸⁷ Sharifah Hayaati, "Etika Penjawat Awam Dari Perspektif Islam", *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 3 (2009), 559-592.

kekuasaan yang kuat untuk menentukan nasib sendiri serta tidak ditentukan kekuatan oleh kepentingan asing.⁸⁸

Pemerintahan yang baik menurut beberapa tokoh seperti; Socrates, Plato, Aristotle, Jean-Jacques Rousseau, Thomas Hobbes, John Stuart Mill seperti yang ditulis oleh Ahmad ialah pemerintahan yang menjalankan kebajikan rakyat dengan sebaik mungkin, sehingga mereka mendapatkan kebahagiaan jiwa. Mementingkan kebajikan sebagai dasar negara yang ideal.⁸⁹ Atau Negara yang penuh dengan kebajikan menurut Sabine.⁹⁰ Negara yang berusaha agar semua keperluan masyarakat dipenuhi sebaik-baiknya lanjutnya.⁹¹ Atau lembaga politik yang berdaulat guna menyejahterakan seluruh rakyatnya lanjutnya lagi.⁹²

Bagi Hamidullah, agama merupakan hak keyakinan individu dan campur tangan negara terhadap persoalan yang bercanggah dengan agama adalah bertentangan dengan hak-hak manusia yang paling dasar dan melanggar asas kebebasan keyakinan.⁹³ Pemerintah yang baik menjadikan kesejahteraan dan ketenteraman jiwa rakyat sebagai keutamaan. Kekuasaan penguasa meliputi bidang rohani jasmani. Keutamaan kebijaksanaan pemerintahan adalah untuk kesejahteraan dan ketenteraman dan kemudahan hidup roh dalam erti keseluruhan sebagaimana yang ditulis oleh Deliar Noer.⁹⁴ Iaitu pentingnya unsur kebaikan awam yang harus didukung oleh kekuatan umum dan kekuasaan tertinggi. Kepentingan masyarakat adalah jumlah kepentingan dari anggotanya. Kepentingan masyarakat bergantung pada kepentingan anggota dari masyarakat itu lanjutnya.⁹⁵

Dalam World Conference on Governance 1999 disebutkan bahawa ciri-ciri urus tadbir baik adalah pertanggungjawaban, keadilan, kesaksamaan, demokratik, peran dan

⁸⁸Biyanto, "Pemberantasan Korupsi dan Perwujudan Integritas Umum Dalam Perspektif Muhammadiyah dan NU", *Jurnal Penelitian Islam*, (Disember 2010), 41.

⁸⁹ Ahmad Suhelmi, *Pemikiran Politik Barat*, (Jakarta: Darul Falah, 1999), 30.

⁹⁰ George Sabine and Thonston, *A History of Political Theory*, (New York: Henry Holt and Co), 46.

⁹¹ George Sabine, *A History of Political Theory*, 50.

⁹² George Sabine, *A History of Political Theory*, 36.

⁹³ Muhammad Hamidullah, *The First Written Constitution in the World*, (Lahore: Ashraf, 1975), 32.

⁹⁴ Deliar Noer, *Islam dan Politik*, (Jakarta: Yayasan Risalah, 2003), 107.

⁹⁵ Deliar Noer, *Islam dan Politik*, 168.

peka terhadap keperluan masyarakat. Sementara Islam memandang pelaksanaan tata kelola yang baik sangat ditentukan oleh kualiti kepimpinan dan sebagai penyelesaiannya agama dapat memberi sumbangan yang mendasar terhadap gagasan tata kelola yang baik (urus tadbir baik).⁹⁶ Untuk itu perlu mencontoh kepimpinan Rasulullah yang bersandarkan pada akhlak yang terpuji, iman, Islam, Ihsan, sifat istiqamah pada kebenaran, adil, ukhuwah, satu kata dengan perbuatan serta amanah saran Deliar Noer.⁹⁷

Dalam buku pedoman umum Good Public Governance yang dikeluarkan oleh Komite Nasional Polisi Governance Indonesia memberikan asas Good Public Governance iaitu; Demokrasi, transparensi, akauntabiliti, budaya hukum serta kewajaran dan kesetaraan.⁹⁸

Untuk itu diperlukan pelbagai pendekatan untuk mengatasi penyelewengan berlaku antaranya ialah; 1. Kad laporan perkhidmatan awam, 2. Kaji selidik 'Big Mac' iaitu membandingkan barang yang sama tetapi memiliki harga yang berbeza di kerana kan perbezaan tempat, 3. Kaji selidik sebelum dan selepas iaitu dengan membandingkan hasil sebelum dengan selepas dilakukan nya pemberantasan korupsi melalui kempen siasatan *clean hand*. Hasilnya sangat memuaskan iaitu terdapat pertambahan sebanyak 400% pelaburan setahun, hutang kurang 10%, kos pembinaan dikurangkan lebih dari separuh dari jumlah kos yang dianggarkan, syarikat pemandaran yang biasanya rugi sekarang beruntung, cukai perbandaran dikurangkan kepada 5% berbanding 6-7% sebelumnya. 4. Setimpal dengan harga, ini adalah antithesis dari tesis yang mengatakan bahawa korupsi menaikkan harga dan menurunkan prestasi dan 5. Memantau projek besar, iaitu dengan meninjau secara terus dan serentak pihak yang terlibat dalam korupsi termasuk anggota keluarga, pengurus, pegawai awam.⁹⁹

⁹⁶ *Pengurusan Islami Menghayati Prinsip dan Nilai Qur'ani*, (Kuala Lumpur: YAPEIM, 2010) 173-177

⁹⁷ Deliar Noer, *Islam dan Politik*, (Jakarta: Yayasan Risalah, 2003), 65.

⁹⁸ KNKG, *Pedoman Umum Good Umum Governance*. (Jakarta: KNKG, 2010), 7.

⁹⁹ *Sistem Integriti Nasional Asas-Asas Panduan Integriti* (Kuala Lumpur: Institut Integriti Nasional, 2007), 151.

Menurut Hussein, tujuan pemerintah yang demokratis ialah pemerintahan yang berasal dari, oleh dan untuk kebaikan warganegara menjadi tercapai.¹⁰⁰ Antara ciri urus tadbir baik adalah Transparensi yang bermakna pengungkapan dan penyediaan maklumat yang memadai dan mudah di akses masyarakat. Keterbukaan dalam setiap polisi umum yang mana masyarakat wajib mengetahui pertanggungjawaban kerja dan laporan kewangan setiap tahun melalui media yang ada. Keterbukaan maklumat bertujuan untuk menimbulkan pengawasan sosial dan pengawasan dari masyarakat terhadap polisi negara. Ini tentunya tidak termasuk apa yang termasuk dalam kategori rahsia negara di mana masyarakat awam tidak boleh mengetahuinya.¹⁰¹ Urus tadbir baik diwujudkan melalui penerbitan, maklumat, biaya, waktu, persyaratan serta mekanisme prosedur yang harus dilalui.¹⁰²

Untuk mencapai urus tadbir baik menurut Amin Rais, perlu diterapkan konsep pembahagian kuasa dalam teori *trias politica*. Ini bertujuan agar tidak berlaku kesewenang-wenangan dan dominasi yang akan berujung pada kezaliman dan ketidakadilan. Pembahagian kuasa yang disalah erti dan disalah makna serta salah tafsirkan dalam konsep *trias politica* ini diselewengkan sebagaimana yang berlaku pada masa Orde Lama dan Orde Baru, di mana eksekutif boleh mempengaruhi legislatif dan yudikatif yang sebenarnya sejajar dan setaraf dengannya.¹⁰³

Bagi Amin Rais, pemimpin adalah faktor penentu pelaksanaan urus tadbir baik. Dalam pidato pemimpin selalu bicara tentang keadilan pembangunan, keadilan sosial, kesejahteraan, masyarakat yang adil dan makmur tetapi di pihak lain yang mereka lakukan adalah pelanggaran terhadap prinsip keadilan itu sendiri.¹⁰⁴

¹⁰⁰ Syed Ahmad Hussein (1996) *Pengantar Sains Politik*. (Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka 1996), 95.

¹⁰¹ Pasal 45 UU No 8 Tahun 2010 *Tentang Pencegahan dan Pemberantasan Tindak Jenayah Pencucian Uang*.

¹⁰² KPK, *Pelaksanaan Layanan Terpadu di Kabupaten/Kota*, (Jakarta: KPK, 2007) 74.

¹⁰³ Amin Rais, *Sukseksi Kepimpinan Nasional dalam Riza Noer Arfani, Demokrasi Indonesia Kontemporer*, (Jakarta: penerbit Raja Grafindo Persada, 1996), 250-261.

¹⁰⁴ M. Najib et.al, (editor), *Amien Rais Dari Yogya ke Graha*, (Jakarta: Gema Insani Press 1999), 34.

Hardjapamekas mengatakan memimpin perubahan perlu melakukan sikap teladan dengan memahami konsep dan teknik pelaksanaan dan harus dilakukan sendiri turun padang. Antara lain dengan membuat birokrasi yang panjang menjadi pendek, menjadikan ia beraturan, berstruktur dan dilakukan dalam waktu sesingkat-singkatnya.¹⁰⁵ Azyumardi Azra menilai bahawa pelaksanaan urus tadbir baik perlu kerjasama yang baik antara pemerintah, parti politik dan organisasi keislaman seperti di bidang pendidikan dan sosialisasi.¹⁰⁶

Menurut Thomas, lima dasar Good Corporate Governance adalah; keterbukaan maklumat, akauntabiliti, pertanggungjawaban, mandiri dan kewajaran atau kesetaraan.¹⁰⁷ Mengenai keterbukaan maklumat ini Indonesia telah mengeluarkan Undang-Undang Keterbukaan Maklumat Umum Nombor 14 tahun 2008.¹⁰⁸ Menurut Indria, urus tadbir baik telah menjadi agenda pemerintahan pasca orde baru sesuai prinsip demokrasi seperti kemajmukan, kesetaraan, akauntabiliti, taat asas dan transparent.¹⁰⁹

Transparency bertujuan agar masyarakat tahu akan hak-hak mereka serta agar masyarakat berperanan aktif mengawasi dalam setiap proses pembangunan yang ada. Untuk itu perlu dibuat undang-undang yang jelas dan pasti tentang transparency. Ini termasuk dalam pengelolaan sumber awam mulai proses dari pengambilan keputusan, pelaksanaan serta penilaian.¹¹⁰

Arifin berpandangan bahawa prinsip transparency masih setakat slogan untuk mendapatkan sokongan awam. Kenyataannya tidak ada satu pun pemimpin yang

¹⁰⁵ Erry Riyana Hardjapamekas, dalam Rusfi Yuniari dan Abdul Hakim (editor) *Pemimpin dan Reformasi Birokrasi*, (Jakarta: Kementerian Pendayagunaan Aparatur Negara dan Reformasi Birokrasi, 2013), 23

¹⁰⁶ A. Syafii Maarif et. al., *Islam, Urus tadbir baik dan Pengentasan Kemiskinan*, (Jakarta: Maarif Institute For Culture and Humanity, 2007), 12.

¹⁰⁷ Thomas S. Kaihatu, "Good Corporate Governance dan Penerapannya di Indonesia", *Jurnal Manajemen dan Kewirausahaan*, Vol 8 No. 1, Mart 2006.

¹⁰⁸ Undang-Undang Republik Indonesia Tentang Keterbukaan Maklumat Umum Nombor 14 tahun 2008.

¹⁰⁹ Indria Samego, "Urus tadbir baik dan Upaya Pemberantasan Korupsi", dalam *Integrito* vol 35/ TH V, September-Oktober 2013, 52.

¹¹⁰ Endang Retnowati, "Keterbukaan Maklumat Umum dan Goog Governance, Antara Das Sein dan Das Sollen, "Jurnal Perspektif" Volume XVII No 1 Jahun 2012 Edisi January, 56.

mengamalkannya secara berani. Di sisi lain menurutnya tradisi kritis semakin tabu kerana khawatir terhadap tahap dukungan pada pemimpin yang dianggap melemah.¹¹¹

Urus tadbir baik menurut Tafsir Maudhu'iy ditentukan oleh beberapa kriteria nilai yang bersifat universal. Salah satunya adalah akauntabiliti, iaitu kebertanggungjawaban seseorang individu atau organisasi yang dipilih atau dilantik dalam melaksanakan sesuatu tindakan khusus, kegiatan atau membuat keputusan untuk masyarakat awam yang menyerahkan kuasa kepada individu atau organisasi tersebut.¹¹²

Dalam soheh Muslim disebutkan bahawa setiap amanah akan dipertanggungjawabkan nanti di hadapan Allah SWT., Kerana setiap kita adalah pemimpin yang akan mempertanggungjawabkan kepemimpinan kita di hadapan Allah SWT nanti nya.¹¹³ Ahmad merumuskan bahawa amanah memerlukan ketakwaan dan ketakwaan adalah kunci utama kejayaan dalam pembangunan ekonomi di masa Rasulullah.¹¹⁴

Antara standard pengurusan Islam adalah berasaskan amanah akauntabiliti dan kebolehpercayaan. Menggalakkan musyawarah, harus ada audit dalaman, muhasabah dan pembaikan berterusan, harus ada ketelusan dan bukti-bukti nyata serta diuruskan atas dasar Ihsan menurut Ahmad Sarji.¹¹⁵

Bagi Basri, pemimpin yang beramanah akan membuat orang yang dipimpinnya merasa bahagia dan tenang kerana tahu bahawa hak-hak mereka akan dijaga dengan baik di bawah kepimpinannya.¹¹⁶

Tujuan mendirikan sebuah negara adalah bagaimana memudahkan anggotanya untuk mencapai tujuan bersama. Dan tujuan sebuah negara dalam Islam adalah negara

¹¹¹ Arifin Tahir, "Kepemimpinan Transparensi Dalam Mewujudkan Good Governances", *Pedagogika Jurnal Ilmu Pendidikan dan Penelitian*, Vol 5/ No 03 September 2014, 13.

¹¹² Arieff Salleh Rosman et. al, *Tafsir Maudhu'iy Politik dan Urus Tadbir*, (Kuala Lumpur: DBP, 2014), 137.

¹¹³ Şahîḥ Muslim. *Kutub al-Sittah*, (Makkah: Dār as-Salām, 2000), 1006.

¹¹⁴ Fadzila Azni Ahmad, *Konsep Pengurusan Institusi Pembangunan Berteraskan Islam*, (Kuala Lumpur: DBP, 2013), 13.

¹¹⁵ Ahmad Sarji, *Sekadar Berpendapat*, (Kuala Lumpur: IKIM, 2005), 89.

¹¹⁶ Basri Bin Ibrahim, *Sistem Pentadbiran dan Organisasi Dalam Islam*, (Johor: Penerbit Jahabesa, 2001), 49.

yang aman makmur dan diredai Allah SWT. Negara yang diredai oleh Allah SWT adalah negara yang menjalankan perintah dan meninggalkan larangan-Nya.¹¹⁷

3.4 Konsep dan Pelaksanaan Urus Tadbir Baik Menurut Islam

Urus tadbir baik dalam Islam ditandai dengan sifat kepemimpinan Nabi SAW yang Siddiq, Tabligh, Amanah dan Fatanah sebagai pemimpin tertinggi di Madinah dan Makah pasca Hijrah serta wilayah kekuasaan Islam lainnya di zaman Rasulullah. Sebaliknya, Islam mengecam sifat munafik yang akan ditempatkan di kerak api neraka. Antara sifat orang munafik iaitu; apabila bicara bohong, apabila berjanji mungkir dan apabila diberi amanah dia berkhianat.¹¹⁸

Konsep pentadbiran yang diasaskan oleh Rasulullah menurut Abu `Urwah adalah jalinan erat antara unsur ketakwaan Sahabat dengan tanggungjawab mereka terhadap Islam dan juga musyawarah muafakat serta keterlibatan umat dalam pentadbiran dan pembangunan negara. Urus tadbir yang baik adalah pengasasan yang kukuh terhadap teori organisasi yang meliputi penyelenggaraan, dinamik organisasi, dan pertumbuhannya, kepemimpinan, perancangan, ramalan masa hadapan, pengurusan peribadi, hala tuju, inovasi dan asas-asas pengambilan keputusan. Asas-asas sistem pentadbiran dalam Islam adalah; Takwa, Amanah, Cekap berkesan dan sesuai menurut peredaran zaman. Sementara konsep dasar pentadbiran ialah; objektif jangka panjang dan jangka pendek, dasar kepemimpinan, kemampuan petugas, struktur pentadbiran, persekitaran, pemimpin dan pentadbir yang berkemampuan.¹¹⁹ Ini kerana akibat dari pentadbiran yang buruk akan melahirkan ketidakcekapan dan kelambatan masa dalam segala hal menurut Fethi.¹²⁰

¹¹⁷ Al-Quran Surah: 7 Al-A`raf ayat 96.

¹¹⁸ Al-Amir Abdul Aziz Bin Jalwi. *Kitab al-Sittah*. (Riyadh: Dar Salam, 2000), 5.

¹¹⁹ Abu `Urwah. *Sistem Politik Islam*. (Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Salam, 1989), 226-231.

¹²⁰ Fethi Ben Jomma Ahmed, *The Dilemma Of Corruption In Southeast Asia*, (Kuala Lumpur: University Malaya, 2005), 108.

Menurut Bharuddin, dalam Islam, penyertaan memiliki sepuluh saluran iaitu; mematuhi pemerintah, memberi nasihat-teguran, membantu kerajaan, memuliakan pemerintah, memberi peringatan, menyedarkan pemimpin, memberi maklumat, meringankan beban kerajaan, mendamaikan, berkorban untuk bangsa dan negara.¹²¹

Bagi Zainal, penyertaan sesuai dengan konsep syura yang tidak membenarkan individu menjadi sumber kebenaran mutlak. Syura bererti permesyuaratan bagi mencapai sesuatu keputusan dalam menguruskan hal ehwal kehidupan yang di syari`atkan oleh Islam.¹²² Menurut Ibn Taimiyah terdapat beberapa ayat yang mensyariatkan syura antara lain Surah Ali Imran ayat 159 dan Surah Syura ayat 36 hingga 37.¹²³ Menurut Ibn Khaldun, antara tujuan musyawarah adalah untuk memudahkan dan mencari penyelesaian dalam sesuatu masalah. Dengan demikian, syura termasuk dalam kaedah hukum syariah.¹²⁴

Syura juga dikenal dengan sistem kepimpinan kolektif sebagaimana pandangan Ashshididiy yang memahami kalimat *ulul amri* yang terdapat dalam al-Qur`an sebagai *jamak* dan bukan *mufrad* atau individu.¹²⁵ Dengan adanya konsep syura menurut Shalih, maka tidak akan ada lagi timbul isu mendewakan pemimpin, menganggap pemimpin sebagai sumber kebenaran dan menganggap pemimpin sebagai insan yang maksum tanpa dosa. Pun demikian dalam syura al-Quran dan Sunah juga harus dijadikan sebagai rujukan dan setiap hasil syura haruslah tidak menyalahi Quran dan Sunah.¹²⁶ Jasser juga menyebutkan bahawa konsep syura akan menolak kediktatoran pemimpin.¹²⁷ Bahkan jika seorang pemimpin tidak mengajak ulama, ilmuwan bermusyawarah maka dia wajib di kudeta menurut Qardhawiy.¹²⁸

¹²¹ Bharuddin Che Pa et.al, dalam *Efektif Governance di Malaysia Menurut Perspektif Islam*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2007), 115.

¹²² Zainal Azam Abdul Rahman, *Konsep dan Peranan Ulil Amri di Malaysia*. (Kuala Lumpur: IKIM, 2004), 143.

¹²³ Ibn Taimiyah, *wa al-wilayah al-siasah al-kubra fi al-Islam*, (Riyadh: Dar Wathan, 1417 H.), 241.

¹²⁴ Ibn Khaldun, *Ibnu Khaldun warisalatuhu lilqhada`*, (Riyadh: Dar Wathan, 1417 H). 119.

¹²⁵ Hasbi Ashshididiy, *Dasar-Dasar Pemerintahan Islam*. (Kelantan: Aman Press, 1968), 28.

¹²⁶ Muhammad Bin Shalih al_Utsaimin, *Politik Islam Ta`liq Siyasa Syar`iyah Syaikhul Islam Ibnu Taimiyah*, terj. Ajmal Arif (Jakarta: Griya Ilmu, 2009), 334.

¹²⁷ Jasser Auda, *Mudahnya Maqasid Syariah*, terj. Marwan Bukhari, (Selangor: PTS, 2014), 137.

¹²⁸ Yusuf al-Qaradhawy, *Agama dan Politik*, terj. Ibnu Sham, (Kuala Lumpur: alam Raya, 2009), 171.

Deliar Noer mengutip Ibn Khaldun mengatakan bahawa pemerintah yang baik akan menjalankan roda pemerintahan dengan baik.¹²⁹ Kekuasaan hendaklah memperjuangkan keadilan, kewajaran, memenuhi kewajiban agama dan membela rakyat yang merupakan kewajiban bagi raja atau imam.¹³⁰ Ia harus di tadbir dengan politik yang berasaskan keadilan, baik di dalam mahupun ke luar menurut Abdul Wahab Kholaf.¹³¹ Sehingga dalam menjatuhkan hukuman sekalipun, Sultan tidak boleh semena-mena. Ia harus menerapkan prinsip-prinsip keadilan dan kebenaran menurut Ibn Qayim.¹³² Menurut Abdul Muin, Ia merangkumi dalam membuat dan menerapkan hukum itu sendiri.¹³³ Bagi Bustami, asas keadilan ini selari dengan manusia itu sendiri yang dikenal sebagai insan sosial, insan ekonomi, insan politik, insan budaya, di mana keadilan itu sesuai dengan diri setiap insan.¹³⁴

Islam menurut Hasan al-Banna juga menekankan kebertanggungjawaban. Seorang pemimpin bertanggungjawab di hadapan Allah dan rakyat. Seorang pemimpin adalah pekerja atau pelayan umat manusia.¹³⁵ Hal ini dikuatkan oleh sabda Rasulullah SAW.

“setiap kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin bertanggungjawab atas orang yang dipimpinnya.”¹³⁶

Hasbi Ashshiddiqy mengutip Qur`an surah An-Nisa ayat 61 dan 62 menyimpulkan bahawa dasar negara Islam ialah; 1. Menunaikan amanah, 2. Menegakkan keadilan, 3. Mentaati Allah dan Rasul-Nya, 4. Menegakkan kedaulatan rakyat dan 5. Menjalankan hukum dan undang-undang dengan sebaik-baiknya.¹³⁷ Ini kerana menurut Sukron, negara Islam adalah sebuah negara keadilan dan persamaan

¹²⁹ Deliar Noer, *Pemikiran Politik Di Negeri Barat*. (Jakarta: Mizan, 1999), 77.

¹³⁰ Deliar Noer, *pemikiran politik*, 84.

¹³¹ Abdul Wahab Kholaf. *Al-Siasah al-Syar`iyyah*. (Beirut: Muasasah Risalah, 1987), 21.

¹³² Ibn Qayyim al-Jauziyyah, *al-Thuruku al-Hukmiyyah, fi al-Siasah al-Syariah*, (Makkah: Dar Alim a-Fawaid, 1428 H.), 10.

¹³³ Abdul Muin Salim, *Fiqh Siasah Konsepsi Kekuasaan Politik Dalam al-Qur`an*, (Jakarta: Raja Grafindo, 2002), 206.

¹³⁴ Bustami R. Lintang, *Dokrin Politik Dalam Islam*, (Kuala Lumpur: Antara, 1990), 102.

¹³⁵ Hassan al-Banna, *Tanggungjawab pemimpin Islam*. (Kuala Lumpur: Karya Media, 1989), 11.

¹³⁶ Soheh Muslim. Hadis nombor 4724, *Kitab al-Sittah*, (Makkah: Dar as-Salam, 2000), 1006.

¹³⁷ Hasbi Ashshiddiqy, *Dasar-Dasar Pemerintahan Islam*. (Kelantan: Aman Press, 1968), 28.

manusia di hadapan hukum.¹³⁸ Ibn Taimiyah menulis bahawa persamaan di hadapan hukum ini juga pernah diterapkan oleh Rasulullah kepada bangsa Quraisy yang paling mulia iaitu Bani Mahzum dan bahkan mengatakan jika seandainya sekalipun Fatimah yang mencuri Rasulullah akan tetap memotong tangannya.¹³⁹ Persamaan di hadapan hukum ini juga adalah menjadi pembahasan yang mendalam dalam kajian tentang hak asasi manusia baik menurut Islam mahupun menurut Barat.¹⁴⁰

Hamka mengutip Hadis Rasulullah tentang sebaik-baik imam ialah yang kamu mencintai mereka dan mereka mencintai kamu. Dan sejahat-jahat imam ialah yang benci kepada kamu dan kamu pun membencinya. Mereka laknat kamu dan kamu pun melaknati mereka.¹⁴¹

Menurut Burhanuddin Hilmi, pelaksanaan kecintaan terhadap kemakmuran negeri dapat dilihat dari doa Nabi Ibrahim as. terhadap keamanan, kemakmuran, dan kesejahteraan bumi Makah ketika itu. Ia agar di anugerahkan Tuhan rezeki dan buah-buahan untuk ketenteraman ekonomi negeri itu.¹⁴²

Ibn Khaldun melukiskan tentang kehancuran negara yang diakibatkan oleh pemborosan yang beliau sifatkan ibarat menggali lubang sendiri. Untuk itu kerajaan mestilah memiliki kasih sayang akan rakyatnya, sederhana, terencana dalam soal belanjawan dan menghormati harta benda orang lain. Menghindarkan cukai yang berat sebelah, mengawasi kelicikan, bijaksana dalam soal mengutip wang dan mengamalkan sikap bertanggungjawab oleh para penjawat awam.¹⁴³

Antara asas tata kelola Islam menurut Mawardhi adalah keadilan, kasih sayang dan kebajikan rakyat, ia disokong oleh surah al-Ahzab ayat 43, al-Maidah ayat 34, alFatihah ayat 3, albaqarah ayat 163, at-Taubah ayat 128, al-Fath 29, Ali Imran ayat

¹³⁸ Sukron Kamil, *Islam dan Demokrasi, Telaah Konseptual dan Historis*, (Jakarta: Gaya Media Pratama, 2002), 55.

¹³⁹ Ibn Taimiyah, *al-Siasah al-Syariah fi islah al-raa'iy wa al-ra'yah*, (Riyadh: Dar Ilmu Fawaid, 728 H), 74.

¹⁴⁰ Abdullah Saeed -editor, *Islam and Human Rights*, (United Kingdom: Edward Elgar Publishing Limited, 2012), 1529.

¹⁴¹ Hamka, *Lembaga Hidup*. (Jakarta: Panjimas, 1997), 107.

¹⁴² Burhanuddin Hilmi, *Agama dan Politik*. (Singapore: Buana, 1947), 38.

¹⁴³ Ibn Khaldun, *Mukadimah Ibn Khaldun*. (Kuala Lumpur: DBP, 1993), 364.

159, an-Nahl ayat 90, al-Maidah ayat 8, An-Nisa` ayat 57 & 135, al-Anbiya` ayat 47, Fussilat ayat 46, an-Nahl ayat 33, ghafir ayat 31 dan sebagainya.¹⁴⁴

Dalam buku pengurusan Islam ditulis bahawa matlamat tata kelola Islam adalah untuk mencapai keredaan Allah dan kebaikan umat yang harus sesuai dengan syarak dan biasanya harus dijalankan oleh umara dan ulama yang sangat mempengaruhi kepemimpinan, pembentukan sikap, pemikiran dan budaya umat. Ini bererti bahawa pelaksanaan tata kelola yang baik sangat ditentukan oleh kualiti kepimpinan pemimpin yang dengan ilmu, teladan, pengaruh, kuasa dan wibawa dapat merubah manusia dan membangun budayanya.¹⁴⁵

Sebagai musuh dari urus tadbir baik, Imam Al-Qurtubī, mengkategorikan perilaku korupsi sebagai satu perbuatan jenayah seperti halnya mencuri.¹⁴⁶ Ini kerana menurutnya, korupsi akan merubah yang hak atau membatalkannya, atau mencegah orang yang berhak daripada memilikinya.¹⁴⁷

Untuk itu setiap penjawat awam harus memiliki etika kerja yang dalam Islam menurut Zakiah Omar adalah antara lain; Amanah, Tanggungjawab, Ikhlas dan Tekun. Ini juga kerana kerja adalah sebuah ibadah dalam Islam asalkan ianya dilakukan dengan niat kerana Allah, tidak melalaikan tugas asasi, sesuai dengan lunas-lunas Islam, bukan dengan melakukan pekerjaan yang haram dan harus dengan matlamat mencari keredaan Allah.¹⁴⁸

Salah satu contoh pekerja yang tidak beretika sebagaimana yang ditulis dalam buku Nila Setitik tentang seorang pegawai yang membeli sebuah kenderaan terpakai dengan harga di bawah harga pasaran dari sebuah syarikat yang mempunyai hubungan dalam urusan tugas rasmi kerajaan. Akhirnya setelah melalui proses yang panjang

¹⁴⁴ Al-Mawardhi, *Nasihah al-muluk*, (Kuwait: Maktabah al-Falah, 1983), 194.

¹⁴⁵ *Pengurusan Dalam Islam Menghayati Prinsip dan Nilai Qurani* (Kuala Lumpur: YPEIM, 2005), 187.

¹⁴⁶ Al-Qurtubī, *Al Jāmi` li Ahkām al-Qur'an*. (Riyād: Dār al-`Ālim al-kitāb, juz 4 h, 1989), 255.

¹⁴⁷ Al-Qurtubī, *Al Jāmi` li Ahkām al-Qur'an*, 334.

¹⁴⁸ Zakiah Omar, *Kualiti Menurut Perspektif Islam* (Kuala Lumpur: JAKIM, 1999), 66.

pegawai tersebut dikenakan hukuman amaran mengikut peraturan 38 (a), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) kerana menyalahgunakan kuasa.¹⁴⁹

Pendekatan yang dilakukan oleh Rasulullah dan Khulafah Rashidin yang mengutus orang yang amanah dan berkeelayakan seperti Muadz Bin Jabal dan juga dilakukan oleh Umar Bin Abdul Aziz sebagai pemimpin yang berintegriti adalah pendekatan terbaik dalam mengelakkan berlakunya korupsi dan salah urus.¹⁵⁰ Ini kerana bagi Sayid Ahmad, sesungguhnya orang yang menunaikan amanah akan diberi ganjaran pahala dan akan mendapat seksa yang pedih bagi mereka yang tidak menunaikan amanah.¹⁵¹ Dalil berkaitan dengan amanah sebagaimana yang ditulis oleh Ibn Taimiyah ialah surah al-Anfal ayat 27 dan 28 yang antara lain larangan mengkhianati amanah dan ingatan bahawa harta hanyalah cubaan yang terdapat pahala yang banyak jika dikelola dengan baik.¹⁵²

Dalam buku Tafsir Maudhu`i dijelaskan enam nilai urus tadbir baik dalam al-Qur`an iaitu; 1. Akauntabiliti yang diertikan dengan amanah yang banyak dituntut dalam Islam, 2. Ketelusan yang difahami dengan konsep syura di mana masyarakat mengetahui dasar kerajaan dalam melaksanakannya, 3. Keadilan sama ada pada individu, keluarga, masyarakat dan negara, 4. Integriti dengan konsep memerangi korupsi, 4. Persamaan yang tidak membezakan bangsa, warna kulit, keyakinan atau pegangan politik, 5. Kebebasan yang memberikan hak kebebasan berfikir dan bersuara kepada rakyat. Rakyat pula perlu berani menegur kesilapan pemimpin dan pemimpin pula bersedia menerima teguran.¹⁵³

Asas urus tadbir baik Islam menurut Mohd Zaidi Ismail adalah berkaitan dengan adab, akhlak, siddiq, niat yang baik dan sifat mulia lainnya dalam merealisasikan urus

¹⁴⁹ *Setitik Nila Himpunan Contoh Kes-Kes Tatatertib*. (Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Awam, 2009), 51.

¹⁵⁰ Yusuf al-Qaradawi, terj. Asril Ibrahim, *Kemiskinan dan Cara Islam Mengatasinya* (Kuala Lumpur: Yapeim, 2000), 275.

¹⁵¹ Sayid Ahmad Furoj al-sawodoy, *al-Sulthotu al-idariyyatu wa al-siasah al-syar`iyyah fi addaulati al-Islamiyyati*, (Misr: Dar Wafa`, 1993), 75.

¹⁵² Ibn Taimiyah, *al-Siasah ak-Syar`iyyah*, (Misr: Dar Wafa`, 2009), 35.

¹⁵³ Arief Sallah Rosman dan Yahaya Yusoh, *Tafsir Maudhu`iy*. (Kuala Lumpur: DBP, 2014), 176-177.

tadbir baik.¹⁵⁴ Urus tadbir baik bagi Abdullah adalah tadbir yang mengandungi unsur amanah, keadilan, yang berkaitan dengan akauntabiliti dan transparensi, syura yang bererti penyertaan dan sebagainya.¹⁵⁵ Disamping itu peranan Amar Makruf Nahy Munkar juga memiliki peran yang penting dalam menciptakan urus tadbir baik tersebut.¹⁵⁶ Islam menegah pembaziran dan menyifatkannya sebagai sebahagian dari perbuatan Syaitan. Untuk mencegah pembaziran, Islam mensyariatkan hadiah, infak, sedekah, wakaf, zakat dan sebagainya.¹⁵⁷

Musthafa Sibaie menulis, di waktu Khalifah Abdul Rahman Nasir menubuhkan Kota Zahra dengan membina bangunan yang begitu mewah, seorang Qadhi Munzir menegurnya kerana pembangunan mewah itu adalah sebuah pembaziran wang rakyat yang akhirnya Khalifah membatalkan pembangunan bermewah-mewah itu.¹⁵⁸

Omardin menulis bahawa transparensi atau keterbukaan dalam polisi negara seperti penetapan jawatan, kekayaan pegawai awam, pemberian penghargaan, penggunaan dan pembangunan infrastruktur, moraliti pegawai negara, keamanan dan ketertiban dan sebagainya agar tidak berlaku korupsi, pakatan sulit, nepotisme dan penyalahgunaan kuasa lainnya. Negara bertanggungjawab dalam menggunakan kekayaan rakyat dengan sebaik-baiknya dengan cara memungut dan mengagihkan kekayaan itu dengan cara benar dan adil kerana menurut Umar Ibn al-Khattab ia adalah milik Allah SWT. dan manusia adalah hamba-Nya.¹⁵⁹ Ini kerana Syura, keadilan, kebebasan, persamaan menurutnya adalah bahagian dari prinsip negara Islam.¹⁶⁰

Dalam Islam semua harta negara disimpan di dalam baitulmal yang telah memiliki senarai orang yang berhak menerimanya. Zakat untuk asnaf yang lapan, *ghanimah* dengan ketentuan tersendiri dan harta *fai* untuk keperluan yang lain. Dalam

¹⁵⁴ Mohd Zaidi Ismail dan Mohd Sani Badron, *Good Governance, Adab-Oriented Tadbir In Islam*. (Kuala Lumpur: penerbit IKIM, 2012).

¹⁵⁵ Abdullah al_Hasan dan Stephen B. Young, *Guidance For Good Governance Explorations in Qur'an, Scientific and Cross-Cultural Approaches*, (Kuala Lumpur: IIUM, 2008), 37.

¹⁵⁶ Syamsul Anwar et.al, *Fikih Antikorupsi Perspektif Ulama Muhammadiyah*, (Jakarta: PP Muhammadiyah, 2006), 48.

¹⁵⁷ Al-Quran Surah al-Isra` ayat 26-27.

¹⁵⁸ Mustafa As-Sibaie, *Agama dan Negara*. (Kuala Lumpur: ABIM, 2001), 72.

¹⁵⁹ Omardin Ashaari. *Sistem Politik Dalam Islam*. (Kuala Lumpur: YADIM, 2008), 264.

¹⁶⁰ Omardin Ashaari. *Sistem Politik*, 23.

pembahagian harta itu, dilarang berlaku curang kerana ianya menjadi sebuah pengkhianatan menurut Ibn Taimiyah.¹⁶¹

Pengadilan mahkamah pada zaman Rasulullah pula dilakukan dengan cara terbuka di hadapan awam dan ia dilakukan di masjid. Nabi menyelesaikan perkara dan pertikaian dalam masjid dengan menjadikan masjid sebagai tempat persidangan soal-soal hukum dan peradilan. Nabi memberikan pula kepada masjid tugas tempat penyelesaian persoalan-persoalan masyarakat dan negara sebagaimana yang ditulis oleh Muhammad Alim.¹⁶²

Menurut Hashim Kamali, al-Quran dan Sunnah secara umum dengan jelas mendukung akauntabiliti dalam pemerintahan. Prinsip Hisbah dalam al-Qur`an menyuruh kepada kebaikan dan melarang dari kemungkaran seperti surah Ali Imran ayat 104 dan surah Taubah ayat 71. Ianya mengandungi prinsip hukum agar tidak melakukan korupsi dan penyalahgunaan kuasa.¹⁶³

Untuk itu pemimpin harus bersikap jujur, ikhlas amanah. Diperlukan pemimpin yang berkualiti. Pemimpin itu hendaklah mendukung idealism yang luhur, berpegang pada kebenaran, berakhlak mulia, dan jujur. Pemimpin itu haruslah mempunyai gagasan ilmu dan pemikiran yang mantap, manusiawi, dinamik atas panduan Nash. Pemimpin itu haruslah seorang yang pintar dan berkemampuan. Harus menguasai kefahaman terhadap pandangan hidup Islam secara mendalam. Mampu menterjemahkan idealism Islam dalam realiti pengurusan dan kemasyarakatan. Mampu membentuk individu yang berilmu, terbuka, kritikal, adil, muafakat, toleransi dan pemimpin itu harus terbuka, ingin mendengar, dan sentiasa mendukung kebenaran menurut Nik Mustapha.¹⁶⁴ Ini selaras dengan Mawardhi yang menulis syarat yang jelas dalam melahirkan urus tadbir baik ialah melalui syarat yang ketat dalam mengangkat pemimpin, seperti harus seorang

¹⁶¹ Ibn Taymiyyah (2005) *Politik Syar`I dalam membaiki pemerintah dan rakyat*. terj. (Hamid Fahmi. Kuala Lumpur: iBook Publication, 2005), 39.

¹⁶² Muhammad Alim, *Asas-Asas Negara Hukum Modern Dalam Islam. Kajian Komprehensif Islam dan Ketatanegaraan*, (Yogyakarta: LKiS, 2010), 410.

¹⁶³ Mohammad Hashim Kamali, *The Dignity of Man: An Islamic Perspective*, (Cambridge: Islamic Texts Society, 2002), 55.

¹⁶⁴ Nik Mustapha Nik Hassan, *Pandangan Alam Islam dalam Peradaban Ekonomi*. (Kuala Lumpur: IKIM, 2014), 52.

yang adil, berilmu, sihat indera, sihat jasmani, berwawasan, berani, nasab dan sebagainya.¹⁶⁵ Ibn Taimiyah pula memandang wajib hukumnya menunaikan amanah kepada yang berhak menerimanya, menjatuhkan hukuman dengan adil kerana ia adalah bahagian dari siasah yang adil dan negara yang baik.¹⁶⁶ Keadilan menurut Abu Zahrah adalah tempat bergantung nya segala yang berkaitan dengan kemanusiaan dalam Islam. Keadilan juga menjadi faktor penentu baik atau buruknya perbuatan.¹⁶⁷

Bertanggungjawab (*responsiveness*), bagi Hamka iaitu peka dan cepat tanggap terhadap suara dan aspirasi rakyat serta membuat polisi berdasarkan asas nilai-nilai kemanusiaan. Dalam kes perang *Khandak*, Nabi lebih mendengarkan suara Salman al-Farisi dan dalam isu cara penanaman batang korma dan Nabi juga mendengar pandangan sahabat agar membuat kemah yang berdekatan dengan sumber air dalam perang Badar.¹⁶⁸ Nabi SAW lebih mengutamakan kemaslahatan ammah daripada kepentingan dan ego peribadi.

Persamaan (*equity*) atau kesamaan dalam hukum, kesempatan, pelayanan atas dasar sama-sama memiliki hak asasi manusia. Mengenai kesamaan ini telah dinukilkan dalam Piagam Madinah bahawa setiap warganegara baik Islam mahupun non Muslim memiliki kesamaan di hadapan hukum tanpa melihat siapa yang melakukannya tetapi hanya memandang apa yang dia lakukan.¹⁶⁹ Sama rata, *musawwah* atau equity dalam Piagam Madinah adalah melindungi yang lemah dan tolong menolong antara satu dengan lainnya.¹⁷⁰ Dalam praktik kehakiman Islam, Rasulullah pernah menghukum bunuh seorang lelaki Muslim kerana ia membunuh kafir zimmi.¹⁷¹ Islam mengenal sistem sama rata di sisi undang-undang adalah asas kehakiman Islam. Ini kerana Islam

¹⁶⁵ Al-Māwardī. *Al-Aḥkām al-Sultāniyyah*. (Beirut: Dar-Kitab, 450 H).

¹⁶⁶ Ibn Taimiyah, *al-Siasah al-Syariah fi islah al-raa'iy wa al-ra'yah*, (Riyadh: Dar Ilmu Fawaid, 728 H), 6.

¹⁶⁷ Muhammad Abu Zahroh, *al-Alaḥq addauliyah fi al-Islam*, (Kaḥerah: Dar Fikr al-Arabi, 1995), 36.

¹⁶⁸ Hamka, *Dari Hati Ke Hati, Tentang Agama, Sosial Budaya dan Politik*, (Jakarta: Panjimas, 2002), 251.

¹⁶⁹ Abu Bakar Hamzah (terj.). *Piagam Madinah*. (Kuala Lumpur: Yusan, 1985), 7.

¹⁷⁰ Ahmad Ibrahim & Dzafir el-Qasimy. *Piagam Madinah dan Ulasan*. (Kuala Lumpur: Gelanggang Kreatif, 1985), 26.

¹⁷¹ Arief Sallah Rosman, *Tafsir Maudhu'iy*, 37.

tidak mengenal sistem kasta seperti dalam agama Hindu.¹⁷² Ini selari dengan konsep meraikan massa yang perlu demokratik, mematuhi kedaulatan undang-undang, akauntabiliti dan telus menurut Aziz Bari.¹⁷³ Natsir juga mengakui akan adanya konsep *rule of law* dalam Islam di samping adanya keseimbangan antara hak dengan kewajipan antara penguasa dengan masyarakat, serta adanya keseimbangan.¹⁷⁴

Disamping prinsip musyawarah mufakat, Islam menurut Firdaus juga memiliki prinsip persamaan dasar manusia, menegakkan keadilan, menjunjung tinggi hak asasi manusia, kekuasaan bukan hukum tapi hukum adalah kekuasaan, pemerintah dengan yang diperintah memiliki persamaan derajat di hadapan hukum, pemerintah dengan persetujuan yang diperintah dan sebagainya.¹⁷⁵

Islam memandang manusia itu sama sahaja. Allah jadikan manusia itu bersuku-suku dan berbangsa-bangsa untuk saling mengenal satu sama lain dan orang yang paling mulia adalah orang yang paling bertakwa.¹⁷⁶ Tidak ada beza antara orang Arab dengan orang A`jam dan seterusnya.

Dalam hadis Nabi pernah bersabda; seandainya Fatimah Binti Muhammad mencuri pasti akan aku potong tangannya. Nabi Muhammad SAW juga meminta orang yang pernah beliau terpukul untuk menjalankan qisas pada diri beliau dengan memukul beliau kembali.¹⁷⁷ Menurut Hamka, Khalifah Ali Bin Abi Thalib juga pernah menerima kekalahan di hadapan hakim dalam kes baju besi. Umar Bin Abdul Aziz pernah mengembalikan hadiah seutas kalung emas yang diberikan bendahara negara kepada anaknya.¹⁷⁸ Semua itu dan banyak lagi adalah sebahagian dari kedaulatan undang-undang yang dicontohkan langsung oleh pemimpin. Mereka mengikut hukum yang berlaku walaupun memiliki kuasa untuk merobah ketentuan hukum itu.

¹⁷² Arief Salleh Rosman, *Tafsir Maudhu'iy*, 34.

¹⁷³ Abdul Aziz Bari, *Perlembagaan Malaysia Suatu Pengenalan*, (Selangor: PTS Akademia, 2014), 13.

¹⁷⁴ M. Natsir, *Agama dan Negara Dalam Perspektif Islam*, (Jakarta: Media Dakwah, 2001), 257.

¹⁷⁵ Firdaus Syam, *Pemikiran Politik Barat*, (Jakarta: Bumi Aksara, 2007), 299.

¹⁷⁶ Al-Qur'an Surah al-Hujuraat ayat 13.

¹⁷⁷ Abu al-Maati Abu al-Futuh. *Sistem Pemerintahan Dalam Islam*, terj Md Akhir Hj Yaacob (Kuala Lumpur: JPM, 1991) 30.

¹⁷⁸ Hamka, *Tafsir al-Azhar*. (Singapura: penerbit Pustaka Nasional, 1990), 980.

Asas kedaulatan undang-undang dalam Islam menurut Abu al-Maati iaitu kebebasan, keadilan, persamaan di hadapan undang-undang, keamanan diri, hak-hak politik masyarakat dan ekonomi.¹⁷⁹ Undang-undang itu hendaklah menepati perundangan Ilahi sebagai pemilik kekuasaan mutlak dalam sistem perundangan Islam. Persamaan di hadapan undang-undang, perundangan yang terang lagi jelas, perundangan yang sederhana dan adil serta perundangan yang praktikal lagi menepati kenyataan.¹⁸⁰

Menurut Muhammad Alim, antara asas hukum dalam Islam adalah kedaulatan undang-undang, asas sama rata di hadapan hukum, asas *rule of law* dan asas sidang terbuka untuk umum atau disebut dengan transparensi, asas keadilan, kepastian hukum, asas kemanfaatan, asas supremasi hukum.¹⁸¹

Ahmad Sarji memandang perlunya etika atau moral dalam setiap institusi. Kerana jika dengan ketiadaan moral apa yang berlaku adalah hukum rimba.¹⁸² Senada dengan itu menurut Syafruddin, pembangunan ekonomi sesungguhnya tidak akan pernah berlaku dalam masyarakat yang di dalamnya tidak terdapat kepastian hukum. Kepastian hukum bermula dari moral masyarakat yang bersumber dari ajaran agama.¹⁸³

Kewajaran dan keutamaan mengandung unsur keadilan dan kejujuran sehingga pelaksanaannya dapat diwujudkan dengan perlakuan secara setara. Ini bererti bahawa tidak boleh ada berlaku tindakan diskriminasi terhadap pelayanan umum dan tidak ada pembezaan antara darjah, warna kulit, suku bangsa dan bahasa antara satu dengan yang lainnya. Dalam Islam hanya ketakwaan yang membezakan kemuliaan seseorang itu di hadapan Allah SWT.¹⁸⁴

¹⁷⁹ Abu al-Maati Abu al-Futuh. *Sistem Pemerintahan Dalam Islam*, terj Md Akhir Hj Yaacob (Kuala Lumpur: JPM, 1991) 33.

¹⁸⁰ Kumpulan Kertas Kerja *Seminar Antarabangsa Siyasa Syar'iyah*, 17-19 September 1985 di Auditorium Pusat Islam Malaysia, Jalan Perdana Kuala Lumpur, (Kuala Lumpur: JPM, 1985), 5.

¹⁸¹ Muhammad Alim, *Asas Negara Hukum Modern Dalam Islam Kajian Komprehensif Islam dan Ketatanegaraan*, (Yogyakarta: penerbit LKiS, 2010), 410.

¹⁸² Mazilan Musa et. al. (editor) *Quality Standard From The Islamic Perspective*. (Kuala Lumpur: Penerbit IKIM, 2005), 184.

¹⁸³ Syafruddin Prawiranegara. *Islam Sebagai Pedoman Hidup*. (Jakarta: Indayu, 1986), 108.

¹⁸⁴ Al-Quran Surah Al-Hujurat ayat 13.

Akauntabiliti atau mempertanggungjawabkan kepada umum dan masyarakat akan polisi dan kerja kerajaan. Dalam Islam kita akan mempertanggungjawabkan setiap apa yang kita lakukan di hadapan Allah kelak sekecil apa pun ianya.¹⁸⁵

Dalam sistem Islam, pertanggungjawaban tidak hanya pada masyarakat sahaja. Akan tetapi pertanggungjawaban juga pada Allah, Manusia, makhluk lain dan alam sekitar. Pemimpin bukan pemilik negara, tetapi mereka hanya pentadbir sahaja. Ini sesuai dengan teori kontrak sosial, iaitu rakyat bersetuju memberi kuasa kepada pemerintah dengan syarat pemerintah melindungi dan mengawasi hak asasi mereka. jadi, penggubalan undang-undang tertakluk kepada kehendak majoriti rakyat kerana rakyat yang melantik pemerintah menurut Norraihan.¹⁸⁶

Lembaga Hisbah yang bertugas untuk *amar ma`ruf dan nahy anil munkar* memiliki peran yang penting dalam merealisasikan urusan tadbir baik. Ia sebagaimana yang ditulis oleh Ibn Taimiyah yang meletakkan tanggung jawab mencegah kemungkaran dengan kekuatan, kata-kata dan hati yang disesuaikan dengan kemampuan dan kewenangan masing-masing.¹⁸⁷

Bagi Abu Zahrah, menutup jalan-jalan kejahatan dalam Usul Fiqh disebut *sadd zharaa`i* ia adalah wajib agar kejahatan itu tidak berlaku.¹⁸⁸ Menurut Al-Shāṭibī dalam bukunya *al-Muafaqat* ada dua tujuan syarak` dalam Islam iaitu; untuk menolak kebinasaan lebih utama dari mencapai kemaslahatan, "*daf`u al mafasid wa jalbu al-masalih.*" Metode ini beliau uraikan menjadi lima macam kepentingan dharuriyah `Magasyid al-syariah` yang dharuriyah iaitu; Menjaga agama, Menjaga nyawa, Menjaga kehormatan, Menjaga akal dan menjaga harta. Lima Tujuan syarak` tersebut juga digunakan sesuai dengan tiga keadaan iaitu; Daruriyyah, Hajjiyyah dan

¹⁸⁵ Bahauddin et.al, *Al-Qur`an dan Tafsirnya*. (Jogjakarta: penerbit UII, 1995), 76.

¹⁸⁶ Norraihan Zakaria, *Konsep Hak Asasi Manusia*, (Kuala Lumpur: DBP, 2005), 10.

¹⁸⁷ Ibn Taimiyah, *al-Hisbatu fi al-Islam, aw washifatu al-hukumati al islamiyah*, (Beirut: Dar Kitab Ilmiyah, tt.), 11.

¹⁸⁸ Abu Zahrah. *Usul Fikh*. (Kaherah: Penerbit Dar al-Fikr al-Arabiyy, 2003).

Tahsiniah.¹⁸⁹ Disebabkan korupsi adalah bahagian dari kerosakan, maka menolak kerosakan yang akan timbul akibat dari perilaku korupsi juga sebahagian dari Maqosid as-Syariah.

Termasuk asas yang penting dalam menerapkan urus tadbir baik dalam Islam menurut Khalid ialah nasihat Ulama kepada para pemimpin agar memiliki akhlak, sifat terpuji, kebijaksanaan dalam melahirkan pemerintahan yang baik yang dicerminkan dari kerajaan dan penguasa.¹⁹⁰ Nasihat dan kritik dari ulama kepada pemimpin banyak dipraktikkan oleh Hamka terhadap kepemimpinan Soekarno. Ini kerana pemimpin adalah manusia biasa yang terdedah kepada salah dan silap serta negara bukanlah milik mutlak pemimpin. Kritik Hamka yang paling dalam dapat dilihat dari buku beliau berjudul *Dari Hati ke Hati*.¹⁹¹

Al-Quran dan Sunah bukanlah ensiklopedia tentang ilmu politik, ekonomi, sosial, budaya dan sebagainya. Namun Al-Quran dan Sunah memiliki konsep yang umum tentang urus tadbir baik seperti amanah, adil, syura sebagainya. Penekanan yang diberikan oleh Islam dalam melahirkan urus tadbir baik adalah dimulai dari proses untuk melahirkan kepimpinan yang baik dan berkualiti melalui pensyaran yang ketat sebelum melantik pemimpin. Dengan demikian, kredibiliti, integriti pemimpin adalah menjadi aspek penting dalam melahirkan urus tadbir baik.

3.5 Urus Tadbir Baik Menurut Beberapa Tokoh Indonesia

Walaupun prinsip dan asas urus tadbir baik yang dikemukakan oleh UNDP bersifat universal, namun Indonesia memiliki tuntutan urus tadbir tersendiri yang sering

¹⁸⁹ Al-Shāḥibī, Ibrāhīm Ibn Mūsā, *al-Muwāfaqāt*. (Mesir: Dar Ibn Affan, 1421 h, 20. Lihat juga Al-Shāḥibī, Ibrāhīm Ibn Mūsā, *al-Muwāfaqāt Naẓariyyah al-Maqāsid `inda al-Imām al-Shāḥibī*. (Riyād: Al-Ma`had al-Islāmī li al-Fikr al-Islāmī, 1992), cet. Ke-2, h. 152--160.

¹⁹⁰ Khalid Ali Muhammad al-Anbariy, *Sistem Politik Islam Menurut Al-Quran, al-Hadis dan Pendapat Ulama Salaf*, terj. Mat Taib Pa et.al. (Kuala Lumpur: Telaga Biru, 2008), 197.

¹⁹¹ Hamka, *Dari Hati Ke Hati*, (Jakarta: Panjimas, 2002), 259.

diperjuangkan oleh para tokoh yang sesuai dengan keperluan semasa Indonesia itu sendiri.

Di zaman awal kemerdekaan, pemerintahan yang adil dan pembangunan merata, anti kelompok elit darah biru, serta pembangunan yang tidak tertumpu di Pulau Jawa sahaja adalah antara tuntutan ke arah urus tadbir baik ketika itu. Demikianlah setidaknya yang ditulis oleh Prof. Mr. H. Muhammad Yamin seorang tokoh Indonesia di Orde Lama.¹⁹²

Menurut Sjafruddin Prawiranegara mantan Perdana Menteri Indonesia, pembangunan ekonomi tidak akan dapat dilaksanakan tanpa adanya kepastian hukum. Dan tidak mungkin dilaksanakan negara hukum jika rakyatnya tidak memelihara dan menegakkan moral yang bersumber pada agama yang mengajar manusia saling mencintai satu sama lain sebagai sesama saudara.¹⁹³

Urus tadbir baik menurut mantan Perdana Menteri Indonesia, Mohammad Natsir adalah negara yang dijalankan sesuai dengan keyakinan masyarakatnya. Dan sebagai negara yang majoriti rakyatnya beragama Islam, maka dasar-dasar ajaran Islam seperti tauhid, ibadah dan muamalah harus diterapkan dalam kehidupan masyarakatnya.¹⁹⁴ Negara haruslah berlandaskan kepada Ketuhanan Yang Maha Esa. Islam menurutnya adalah penghayatan dan pengamalan. Mengamalkan tauhid, syahadat, perikemanusiaan, keadilan sosial, kebangsaan, kerakyatan.¹⁹⁵

Profesor Dr. Eng Bacharuddin Jusuf Habibie adalah seorang mantan Presiden Indonesia yang pernah berkuasa selama 17 bulan dan banyak menjalankan prinsip urus tadbir baik seperti; melepaskan tahanan politik, pemberantasan korupsi, pakatan sulit

¹⁹² Muhammad Yamin, *Dewan Banteng Contra Neo Ningrat*, (Jakarta: LPPM Tan Malaka, 2009), 18.

¹⁹³ Sjafruddin Prawiranegara, *Islam Sebagai Pedoman Hidup*, (Jakarta: Inti Idayu, 1986), 108.

¹⁹⁴ Mohammad Natsir, *Islam Sebagai Dasar Negara*, (Jakarta: Penerbit Media Dakwah, 2000), 54.

¹⁹⁵ Mohammad Natsir, *Agama dan Negara Dalam Perspektif Islam*, (Jakarta: Media Dakwah, 2001), 267.

dan nepotisme, menghormati wakil rakyat sebagai institusi yang setara dengannya, kebebasan media dan bersuara.¹⁹⁶

Profesor Dr. Amin Rais adalah alumni doctoral dari Universitas Chicago Amerika Serikat bidang sains politik tahun 1984. Beliau menulis sebuah karya yang akhirnya menjadi penggerak pencetus inspirasi untuk masyarakat mendesak ke arah terwujudnya urus tadbir baik di Indonesia. Idea-idea Amin Rais itu antara lain; 1. Mewujudkan Negara yang demokratis yang ditandai dengan adanya kebebasan bersuara, kebebasan beragama, kebebasan dari rasa takut dan kebebasan untuk sejahtera. Inti pati demokrasi menurutnya adalah penyertaan rakyat untuk menentukan nasibnya sendiri, berjalan nya system *checks and balances* dan tegak nya *rule of law*. Negara demokratis adalah Negara yang terbebas dari corporatism autoriti, pluralis autoriti, birokratik autoriti dan sebagainya. 2. Pemerintahan yang bersih dari korupsi, pakatan sulit dan nepotisme. Amin mengemukakan empat jenis korupsi yang berlaku di Indonesia antara lain; korupsi extortive, korupsi manipulative, korupsi nepotistic, korupsi subversive. 3. Penegakan keadilan sosial antara lain minim nya upah, tentang hak-hak pekerja, hak-hak warganegara miskin dan lemah. Antara lain 30% GDP dikuasai oleh 10 orang konglomerat. Untuk itu menurut Amin pemerintah sebagai pelayan rakyat harus berlaku kaedah, rakyat mengawasi pemimpin dan bukan pemimpin yang mengawasi rakyat. Sehingga keadilan sosial hanya dapat menjadi kenyataan bilamana polisi pemerintah benar-benar komitmen pada kepentingan rakyat banyak. 4. Pembangunan sumber daya manusia. Menurut Amin majority rakyat Indonesia masih memiliki latar belakang pendidikan rendah, padahal kemajuan sebuah Negara ditentukan oleh sumber manusianya bukan oleh sumber alam nya yang kaya. 5. Persatuan dan kesatuan bangsa.

¹⁹⁶ Bacharuddin Jusuf Habibie, *Detik-Detik Yang Menentukan, Jalan Panjang Indonesia Menuju Demokrasi*, (Jakarta: THC Mandiri, 2006), 463.

Indonesia sebagai Negara multi etnik, ras dan agama. Tanpa persatuan dan kesatuan akan dapat mengancam kelestarian Negara Indonesia.¹⁹⁷

Prof. Dr. Emil Salim adalah alumni PhD dari university California tahun 1964 bidang ekonomi. Beliau mengemukakan beberapa syarat untuk menciptakan pemerintahan yang bebas korupsi antara lain; 1. Menumbuhkan demokrasi dalam ekonomi dan politik dengan lembaga perwakilan yang murni dipisahkan dari lembaga eksekutif dan yudikatif, 2. Mutlak memperjuangkan MPR harus bebas dari pegawai pemerintahan dan mencerminkan sepenuhnya kedaulatan rakyat sebagai lembaga tertinggi Negara yang menjadi tempat bagi presiden mempertanggungjawabkan perbuatannya, 3. Pegawai setingkat menteri mahupun pimpinan ABRI/Polri tidak ikut dalam pemeriksaan pertanggungjawaban presiden, 4. Menumbuhkan lembaga soko guru masyarakat madani (sivil society), membudayakan seluruh masyarakat untuk mengawasi jalannya pemerintahan, 5. Mendorong *deregulation* dan *debirocratisasi* dengan pola pemerintahan yang memiliki komitmen pada transparensi, akauntabiliti, pengawasan dan penghapusan konflik kepentingan, 6. Upaya mengkaji ulang berbagai peraturan yang merangsang timbulnya korupsi, pencarian maklumat tentang KKN di kalangan pegawai, 7. Menggalakkan usaha anti korupsi lainnya dari swadaya masyarakat sebagai gerakan moral, dengan meneruskan mengungkap kes-kes korupsi di semua tingkat .¹⁹⁸

Prof. Dr. Nurcholis Madjid adalah alumni doctor dari Universiti Chicago Amerika Syarikat bidang pemikiran Islam tahun 1984 menilai bahawa pemerintahan orde baru adalah salah satu contoh pemerintahan yang buruk. Untuk itu beliau mengemukakan lapan agenda perubahan demi menuju ke arah pemerintahan yang lebih baik, antara lain; 1. Penyertaan umum yang terbuka dan adil, 2. Transparensi dalam

¹⁹⁷ Amin Rais, *Sukses Kepimpinan Nasional dalam Riza Noer Arfani, Demokrasi Indonesia Kontemporer*, (Jakarta: penerbit Raja Grafindo Persada, 1996), 250-261.

¹⁹⁸ Sidarta Gautama dan Aries Budiono, *Moralitas Politik dan Pemerintahan Yang Bersih Menurut 4 Tokoh Reformasi*, Amin Rais, Emil Salim, Nurcholis Madjid, Yusril Ihza Mahendra, (Jakarta: penerbit Raja Grafindo Persada, 1999), 144.

struktur politik dan proses pengambilan keputusan pemerintah, 3. Tegaknya moral masyarakat, 4. Menegakkan Negara hukum dan menghentikan praktik Negara kekuasaan, 5. Pengawasan sosial secara efektif dengan menegakkan kebebasan asasi dan mengakui penuh peranan pembangkang, 6. Membahagi secara merata nikmat kaih pembangunan. 7. Mengubah orientasi pembangunan dari ketergantungan pada bantuan luar negeri dengan bertumpu pada potensi Negara sendiri, 8. Meneguhkan kembali harkat dan martabat Negara sendiri sebagai Negara merdeka dan berdaulat penuh.¹⁹⁹

Prof. Dr. Yusril Ihza Mahendra mendapat gelar Doctor Falsafah bidang politik dari Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang tahun 1993. Yusril pernah berada dalam jajaran pemerintahan Soeharto sebagai pembuat pidato yang juga menyumbang dalam mengkritik pemerintahan yang telah berkuasa selama 32 tahun itu. Di masa setelah gerakan pelajar Yusril juga pernah menduduki jawatan penting seperti sebagai Menteri Hukum dan Hak Asasi Manusia dan sebagainya. Sebagaimana tokoh perubahan lainnya, Yusril juga mengidamkan adanya pemerintahan yang bersih dan berwibawa. Cita-cita ini makin jelas didahulukan setelah melihat pelbagai penyimpangan yang dilakukan orde baru dalam praktik korupsi, pakatan sulit dan nepotisme (KKN) sebagai praktik pemerintahan di masa lalu yang paling menonjol.²⁰⁰

3.6 Kesan Korupsi Terhadap Urus tadbir

Pemberantasan korupsi adalah sebuah kata kunci komitmen ke arah mewujudkan urus tadbir baik menurut Sam.²⁰¹ Korupsi adalah sebahagian dari urus tadbir buruk kerana, akibat dari korupsi ialah; Penegakan hukum dan layanan masyarakat jadi kacau bilau, berlakunya kroni dan pakatan sulit, mengutamakan pelayanan kepada mereka

¹⁹⁹ Sidarta, *Moralitas Politik dan Pemerintahan*, 14.

²⁰⁰ Sidarta, *Moralitas Politik dan Pemerintahan*, 140.

²⁰¹ Sam Agere, *Promoting Good Governance, Principles, Practices and Perspectives*, (London: Commonwealth Secretariat, 2000), 8.

yang mampu membayar dan punya kaitan kekeluargaan, kelompok dan golongan saja. Pembangunan fizik akan menjadi terbengkalai, prestasi penjawat awam menjadi tidak menentu, demokrasi menjadi tidak berjalan dan ekonomi menjadi hancur.²⁰²

Kesan-kesan korupsi menurut Hussein Alatas ialah; berlakunya berbagai ketidakadilan, terjadinya tidak efisien yang menyeluruh dalam birokrasi. Korupsi adalah bentuk perompakan wang rakyat yang masuk ke dalam poket pelaku korupsi yang memberi akibat sangat dalam. Akibat demoralisasi, menguatkan penjenayah dalam masyarakat, melemahkan tatanan masyarakat, pengaruh ekonomi.²⁰³

Menurut Kementerian Rencana Pembangunan Nasional (Bapenas) kesan dari korupsi adalah; lesunya perekonomian, meningkatnya kemiskinan, maraknya jenayah, berlakunya perbuatan tidak bermoral, kehancuran birokrasi, terganggunya sistem politik dan pemerintahan serta suramnya masa hadapan demokrasi.²⁰⁴ Akibat ini dapat dilihat dari pengalaman pelbagai negara termasuk Indonesia.

Pegawai negara yang KKN akan mengakibatkan rendahnya produktiviti nasional, lemahnya daya saing di tengah kehidupan perekonomian global, menurunnya kepercayaan international, meluasnya pelanggaran hak asasi manusia, terabainya kedaulatan undang-undang dan prinsip-prinsip demokrasi.²⁰⁵

Mengenai pengaruh korupsi terhadap pertumbuhan ekonomi banyak ditulis oleh para ilmuwan. Antaranya Naunihal Sing menulis tentang *Developing Countries, The Impact Of Corruption And Economic Growth*. Mengutip dari beberapa pengkaji Naunihal menyatakan bahawa korupsi memberi impak yang buruk terhadap birokrasi

²⁰² KPK, *Integrasi edisi September 2009 Vol 09/III*, (Jakarta: KPK, 2009).

²⁰³ Syed Hussein Alatas (2009), *Rasuah*, 165-187.

²⁰⁴ Bapenas, *Konsep Sistem Integritas Nasional*, kertas kerja disampaikan dalam konferensi nasional pemberantasan korupsi, yang diselenggarakan oleh KPK di Jakarta 5 Disember 2012, 4.

²⁰⁵ Syahrin Harahap & Hasan Bakti, *Islam dan Reformasi TNI*, (Yogyakarta: Tiara Wacana, 2000), 68.

dan pertumbuhan ekonomi.²⁰⁶ Susan juga menulis bahaya korupsi terhadap birokrasi dan yang akan menimbulkan terjadinya pelanggaran hukum.²⁰⁷

Menurut Tun Dr. Mahathir rasuah akan menyebabkan orang yang tamak, yang tidak bermaruah dan tidak layak, dipilih menjadi pemimpin parti dan kerajaan. Orang seperti ini tetap akan menyalahgunakan kuasa untuk memperkaya diri semasa memegang jawatan dan untuk menentukan ia terus disokong. Wang rakyat yang semestinya digunakan untuk kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat digunakan untuk menyogok demi kekuasaan.²⁰⁸

Tanpa pemerintahan yang bersih menurut Edy, maka kerja pemerintah yang baik tidak akan terwujud. Pemerintah yang bersih menjadi prasyarat untuk menghasilkan kerja pemerintahan yang baik. Kerja pemerintah yang baik dapat terwujud jika ada pemerintahan yang bersih dan menjalankan cara-cara memerintah yang baik.²⁰⁹

Hal yang paling berbahaya dari korupsi ialah bahawa ia akan mengatur kekuasaan dan politik.²¹⁰ Ini juga dibenarkan oleh Naunihal yang mengatakan bahawa pertanggungjawaban awam akan tidak dapat lari dari pengawasan pelaku korupsi,²¹¹ juga mengontrol pembangunan projek yang hilang sekitar 20 % kerana korupsi.²¹² Korupsi juga sudah tentu merosak harta benda awam, dan pelayanan awam seperti menggunakan bahan yang murah dan kualiti yang rendah untuk pembangunan infrastruktur menurut Kimberly.²¹³

Bagi Syekh Ahmad, korupsi melumpuhkan sendi-sendi dan pilar masyarakat seperti sogokan yang diberikan untuk meraih kepimpinan, meningkatkan prestasi, agar

²⁰⁶ Naunihal Sing, *Developing Countries, The Impact Of Corruption And Economic Growth*. (India: Authors Press, 2000), 211.

²⁰⁷ Susan Rose-Ackerman, *Corruption A Study in Political Economy*. (London: Academic Press, 1978), 5

²⁰⁸ Mokhtar Petah, *Perjuangan Yang Belum Selesai, DR Mahathir Menangis Demi Bangsaanya*, Kuala Lumpur: Simfoni Gemilang, 1980), 71.

²⁰⁹ Edy Suandi Hamid, *Sistem Ekonomi, Utang Luar Negeri, dan Isu-Isu Ekonomi Politik Indonesia*, (Yogyakarta: penerbit Ekonisia), 53.

²¹⁰ Arvind K. Jain, *The Political Economy of Corruption*. (New York: Rotledge, 2001), 216.

²¹¹ Naunihal Sing, *Corruption and Good Governance*. (Delhi: Authors, 2001), 203.

²¹² Naunihal Sing, *Corruption*, 253.

²¹³ Kimberly Ann Elliott ed. *Corruption And The Global Economy*. (Washington DC. Institute for International Economics, 1997), 87.

bebas dari membayar cukai. Ketegasan pengharaman korupsi dalam Islam difahami dengan sikap pencegahan atau dar *al-Mafasid*.²¹⁴

Korupsi merosak sistem ekonomi sebuah negara menurut Hamka, jika pegawai tinggi melakukan korupsi, maka pegawai rendah pun akan melakukan korupsi kerana gaji yang mereka terima tidak cukup untuk makan yang membuat mereka harus mencari pekerjaan di luar jam kerja di tempat lain. Produktiviti kerja akan berkurang kerana pegawai datang lambat dan tidak melakukan pekerjaan semestinya dengan baik di pejabat kerana bebanan hidup yang begitu susah.²¹⁵

Romli menilai bahawa secara makro polisi perundang-undangan dalam pemberantasan korupsi di Indonesia sudah baik dan terarah kerana dimulai dengan upaya menciptakan *urus tadbir* baik dengan menetapkan undang-undang nombor 28 tahun 1999 tentang Penyelenggaraan negara yang bersih dan bebas dari korupsi, pakatan sulit dan nepotisme, pencabutan undang-undang nombor 3 tahun 1971 yang diganti dengan UU Nombor 31 tahun 1999 tentang pemberantasan tindak jenayah korupsi yang ditutup dengan UU nombor 15 tahun 2002 tentang tindak jenayah pencucian wang.²¹⁶

Korupsi menyebabkan penjawat awam tidak menjalankan tanggungjawab dengan beramanah. Bahkan lebih terdorong untuk berpihak kepada sesiapa yang mampu memberikan ganjaran atau imbuhan yang lebih lumayan.²¹⁷ Menurut wakil Peguam Negara (Kejaksaan Agung), korupsi dinilai menghambat cita-cita melahirkan *urus tadbir* yang baik dan bersih.²¹⁸ Justeru Yuddy mencadangkan supaya Indonesia memerangi 5

²¹⁴ Syeikh Ahmad Muhammad `Assaf , *Halal wa al-Haram fi al-Islam*. (Semarang: Asy-Syifa, 1993), 474.

²¹⁵ Hamka, *Tafsir al-Azhar*, 979.

²¹⁶ Romli Atmasasmita, *Korupsi, Urus tadbir baik dan Komisi Anti Korupsi di Indonesia*, (Jakarta: penerbit percetakan Negara, 2002), 48.

²¹⁷ Dwiyanto Indiahono. *Reformasi Birokrasi amplop Mungkin kah?*. (Yogyakarta: Penerbit Gava Media 2006), 80.

²¹⁸ Transparency International Indonesia, dicapai 2 Januari 2013 <http://www.ti.or.id/index.php/news/2013/02/07/korupsi-hambat-good-governance>

perkara iaitu kemiskinan, kejahilan, korupsi, ketidakadilan dan kebergantungan pada asing. Ia adalah tugas besar pemimpin negara.²¹⁹

Menurut Sjahrudin Rasul mantan ketua KPK, penyelenggaraan Negara yang bersih dari praktik korupsi adalah sebahagian dari pelaksanaan Urus tadbir Baik di setiap Negara. Dalam membentuk Negara yang bersih dari korupsi ini diperlukan kerjasama antara masyarakat, parti politik dan pelaku usaha dalam menghasilkan pengawasan sosial *-check and balance-*.²²⁰ Ini didukung oleh Juanda tentang perlunya kerjasama yang baik dan profesional antara ketiga komponen iaitu negara, swasta dan masyarakat.²²¹

KPK juga mendesak pelbagai institusi pemerintah untuk menerapkan prinsip urus tadbir baik seperti transparansi dan penyertaan melalui pembentangan kertas kerja daripada wakil institusi pemerintah seperti Menteri Energi dan Sumber Mineral, Gubernur, Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri, Polis, dalam konferensi nasional pemberantasan korupsi yang bertajuk peningkatan transparansi dan penyertaan publik dalam pencegahan korupsi di Jakarta pada 2 Disember 2014.

3.7 Institusi Pendukung Good Governance di Indonesia

KPK tidak bersendirian dalam memperjuangkan urus tadbir baik di Indonesia. Antara institusi pemerintah lain yang bergerak dalam mendukung urus tadbir baik di Indonesia Seperti;

Ombudsman dibentuk tahun 2000 melalui Keputusan Presiden nombor 44 tahun 2000.²²² Ia adalah lembaga pengawas pelayanan publik yang didasarkan pada

²¹⁹ Yuddy Chrisnandi, *Beyond Parlimen*, (Jakarta: Penerbit Ind Hill Co, 2008), vii.

²²⁰ Sjahrudin Rasul, "Penerapan Urus tadbir baik di Indonesia Dalam Upaya Pencegahan Tindak Jenayah Korupsi". *Jurnal Mimbar Hukum* Volume 21, Nombor 3 Oktober 2009, 409-628.

²²¹ Juanda Nawawi, "Membangun Kepercayaan Dalam Mewujudkan Urus tadbir baik", *Jurnal Ilmiah Ilmu Pemerintahan*, Vol. 1 Nombor 3, June 2012, 29.

²²² Komisi Ombudsman Nasional, *Panduan Investigate untuk Ombudsman Indonesia*, (Jakarta: The Asia Foundation Indonesia, 2003), iii.

Undang-undang nombor 37 tahun 2008 tentang Ombudsman Republik Indonesia. Ombudsman bertugas mencegah penyalahgunaan pelayanan awam, menyelesaikan laporan aduan masyarakat dan mengadakan pengawasan pelayanan publik. Tugas ombudsman juga ditambah dengan adanya Undang-undang nombor 25 tahun 2009 tentang Pelayanan Publik. Selama 2013 terdapat sebanyak 5173 aduan masyarakat melalui surat, datang langsung, telefon, website, email, investigate inisiatif/media, faksimile dan form pengaduan. Jumlah kes yang di tangani oleh Ombudsman setiap tahunnya adalah rata-rata 100%.²²³ Ombudsman bertekad menciptakan asas-asas pemerintahan yang baik, menegakkan demokrasi dan memberikan pelayanan sebaik-baiknya kepada masyarakat, melindungi hak asasi manusia dan membanteras korupsi.²²⁴

Kementerian Pendayagunaan Aparatur Negara dan Reformasi Birokrasi.

Kementerian ini juga berjuang ke arah terlaksananya pemerintahan yang bersih dari korupsi, pakatan sulit dan nepotisme, pelayanan publik yang berkualiti serta kapasiti dan akauntabiliti kerja penjawat awam yang berkualiti.²²⁵ Kekuatan hukumnya berdasarkan Peraturan Menteri Negara Pendayagunaan Aparatur Negara dan Reformasi Birokrasi No 7 Tahun 2011. Peraturan Menteri Negara Pendayagunaan Aparatur Negara dan Reformasi Birokrasi No 8 Tahun 2011. Peraturan Menteri Negara Pendayagunaan Aparatur Negara dan Reformasi Birokrasi No 9 Tahun 2011. Peraturan Menteri Negara Pendayagunaan Aparatur Negara dan Reformasi Birokrasi No 10 Tahun 2011. Dan Peraturan Menteri Negara Pendayagunaan Aparatur Negara dan Reformasi Birokrasi No 11 Tahun 2011.

Presiden SBY juga mengeluarkan Peraturan Presiden nombor 55 Tahun 2012 tentang Strategi Nasional Pencegahan dan Pemberantasan Korupsi Jangka Panjang

²²³ Ombudsman, *Laporan Tahunan 2013*, (Jakarta: Ombudsman, 2014), 2.

²²⁴ Ombudsman, *Peranan Ombudsman Dalam Pemberantasan dan Pencegahan Korupsi Serta Pelaksanaan Pemerintahan Yang Baik*, (Jakarta: Ombudsman, 2005), 16.

²²⁵ Menteri Pendayagunaan Aparatur Negara dan Reformasi Birokrasi. *Peran Reformasi Birokrasi Dalam Pemberantasan Korupsi*, Makalah disampaikan dalam Forum Anti Korupsi Ke-empat di Hotel Double Tree Jakarta Pada 10-12 June 2014.

Tahun 2012-2025 dan jangka menengah tahun 2012-2014 yang mendukung ke arah terciptanya urus tadbir baik melalui pemberantasan korupsi di Indonesia.²²⁶

3.8 Analisa dan Kesimpulan

Korupsi adalah perbuatan yang telah lama dikenal dalam peradaban manusia. Korupsi dianggap sebagai perbuatan jahat yang dibenci oleh pelbagai tamadun di dunia. Boleh dikatakan para ilmuwan sepakat mengatakan bahawa korupsi adalah jahat dan buruk. Walaupun sifat korupsi dianggap jahat dan buruk secara universal, namun setiap negara memiliki makna dan definisi yang berbeza terhadap korupsi termasuk Indonesia. Sepanjang pencarian penulis tentang definisi korupsi dari pelbagai kamus, istilah sains politik, definisi menurut tokoh, definisi menurut pelbagai negara dan sebagainya mendapati bahawa korupsi adalah sesuatu yang buruk, jahat dan tercela. Usaha yang bersungguh-sungguh diperlukan untuk memerangi penyakit korupsi ini.

Urus tadbir baik adalah sesuatu yang bertentangan dengan korupsi. Ia banyak diamalkan oleh pelbagai negara dalam rangka mengurangkan korupsi di negara mereka. Prinsip urus tadbir baik yang terdapat dalam Piagam Madinah memiliki banyak persamaan dengan prinsip dan asas urus tadbir baik yang dikemukakan oleh UNDP. Prinsip urus tadbir baik yang dikemukakan oleh UNDP pula memiliki banyak persamaan dengan prinsip dan asas urus tadbir baik yang dikemukakan oleh pemerintah Indonesia.

Urus tadbir baik dalam Islam ditentukan oleh kredibiliti dan integriti pemimpin yang sesuai kata dengan perbuatannya. Dalam al-Quran dan al-Sunah terdapat asas dan konsep urus tadbir baik seperti amanah, keadilan, kebenaran, kejujuran. Kriteria ini telah dimunculkan seawal pemilihan pemimpin lagi. Urus tadbir baik diamalkan semasa kepimpinan Rasulullah, para sahabat dan tabiin seperti Umar Bin Abdul Aziz. Walau

²²⁶ Peraturan Presiden Nombor 55 Tahun 2012.

demikian pada zaman modern banyak negara Islam yang tidak mengamalkan urus tadbir baik disebabkan kepimpinan mereka telah terkeluar dari asas dan prinsip Islam.

Padahal dalam Islam, amanah adalah janji dan hutang yang harus ditepati dan dibayar. Adab orang berhutang dalam Islam adalah dengan mencatat hutang piutang sebagaimana maksud surah al-Baqarah ayat 282 dan prinsip mencatat ini juga adalah bahagian dari konsep urus tadbir baik.

Walaupun konsep dan prinsip urus tadbir baik bersifat universal, namun Indonesia memiliki identiti dan tuntutan urus tadbir baik tersendiri sesuai dengan tuntutan zaman dan masa ketika itu. Namun demikian tetap sahaja bahawa urus tadbir baik memiliki kiblat yang sama iaitu untuk menyejahterakan masyarakat, memperjuangkan keadilan dengan melahirkan pemimpin yang amanah, jujur, adil.

Korupsi dan urus tadbir baik adalah bagai dua kubu negatif dan positif yang saling menolak antara satu dengan lainnya. Jika korupsi di suatu negara itu tinggi maka biasanya urus tadbir baik tidak berjalan dengan baik dan jika urus tadbir baik di suatu negara itu diamalkan dengan baik, maka korupsi biasanya akan berkurangan. Namun demikian para pengkaji juga mengkritik negara-negara seperti Singapore yang memiliki tingkat korupsi yang rendah dan negara mereka mengamalkan urus tadbir yang baik, tetapi di sisi lain mereka tidak berusaha menghentikan korupsi yang berlaku di negara lain dengan melindungi pelaku korupsi yang membawa lari hasil korupsi dari negara lain ke negara mereka dan menolak ekstradisi pemulangan pelaku korupsi ke negara asal mereka untuk di proses secara hukum.

Urus tadbir baik menjadi sesuatu yang terkenal dan banyak di amalkan oleh pelbagai negara dalam rangka melawan korupsi di negara mereka. Di Indonesia pelbagai agensi dan undang-undang telah ditubuhkan untuk melahirkan urus tadbir baik. Perjuangan ke arah melahirkan urus tadbir baik di Indonesia dilakukan oleh pelbagai agensi kerajaan mahupun swasta seperti Ombudsman, Kementerian Pendayagunaan

Aparatur Negara dan Reformasi Birokrasi dan sebagainya. Halangan terbesar ke arah melahirkan urus tadbir baik dan pemberantasan korupsi di Indonesia adalah terletak pada kepimpinan yang tidak memiliki tekad dan iktikad baik atau *political will* dalam membanteras korupsi dan merealisasikan urus tadbir baik.

Kelamahan lain dalam pemberantasan korupsi adalah ketiadaan pemimpin yang merdeka. Hampir semua pemimpin (selain Habibi) tersandra dan terjajah oleh kepentingan dan desakan parti, orang parti, pemilik modal, pendokong, orang dekat, keluarga dan sebagainya. Penyebab kelemahan itu adalah tingginya biaya politik kempen di Indonesia. Korupsi, kolusi dan nepotisme yang menjadi penyebab kejatuhan Soeharto sepertinya kembali marak berlaku di era presiden Gusdur, Mega, SBY dan Jokowi kerana tingginya kos politik di Indonesia dan tiadanya kepimpinan contoh yang sesuai kata dengan perbuatannya.

BAB 4: KORUPSI DAN URUS TADBIR BAIK DI INDONESIA

4.1 Pendahuluan

Indonesia adalah sebuah negara bekas jajahan Belanda yang merdeka pada 17 Ogos 1945. Setelah merdeka Indonesia dipimpin di bawah kepimpinan dua orang presiden yang bertindak bagaikan raja pemilik mutlak negara selama 53 tahun. Perbaikan politik yang telah hancur selama 53 di Indonesia itu perlu dilakukan dalam rangka mewujudkan masyarakat adil dan makmur yang diredai Allah sesuai dengan konsep masyarakat madani. Ini kerana masyarakat madani berfungsi sebagai pengimbang kekuasaan negara yang berlebihan.¹

Kedua rejim identic dengan korupsi yang menjadi identiti pada masa itu. Sehubungan dengan itu menurut Yayasan Lembaga Bantuan Hukum Indonesia (YLBHI) Negara dirugikan dengan adanya korupsi, hak-hak sosial dan ekonomi masyarakat terabaikan. Oleh itu pemberantasan korupsi perlu dilakukan dengan cara luar biasa melalui KPK yang bersifat independent dan diberi kuasa luas sehingga diharapkan dapat melakukannya dengan sistematis, efektif, maksimal.²

Bab ini berjudul Korupsi dan Good governance di Indonesia. Justeru itu bab ini akan memperkenalkan tentang apa akar masalah korupsi di Indonesia, sejarah pemberantasan korupsi di orde lama, orde baru dan era reformasi, beberapa organisasi gerakan anti korupsi di Indonesia, gambaran good governance di Indonesia, cabaran good governance dalam sejarah Indonesia, demokrasi dan good governance di Indonesia, kesederhanaan dan kepimpinan contoh anti korupsi di Indonesia.

¹ Afan Ghaffar, *Politik Indonesia, Transisi Menuju Demokrasi*, (Yogyakarta: penerbit Pustaka pelajar, 1999), 172.

² YLBHI, *Panduan bantuan hukum Indonesia*. (Jakarta: penerbit yayasan obor, 2007), 337.

Data bagi bab ini diperoleh melalui metode kajian literatur, method histories dan analisis kandungan terhadap sumber primer yang meliputi buku, artikel dalam jurnal dan laporan rasmi pemerintah Indonesia.

4.2 Gambaran Korupsi di Indonesia

Korupsi bukanlah sesuatu yang asing di Indonesia, ia berlaku semenjak era orde lama semasa kepimpinan Soekarno lagi. Soekarno meninggalkan pemerintahan dalam keadaan kacau dalam bidang politik, ekonomi, sosial. Kaki tangan kerajaan pun turut rosak yang harus diperbaiki menurut Deliar Noer.³

Prof. Dr. Selo Soemardjan menulis dalam kata pengantar buku Robert Kligaard bahawa Istilah korupsi yang sudah membudaya di Indonesia dimulai oleh seorang pensyarah sebuah universiti di Yogyakarta tahun 1950 yang dia sampaikan dalam sebuah seminar.⁴ Senada dengan itu Darwis mengatakan bahawa korupsi adalah cara hidup masyarakat Indonesia.⁵ Warisan budaya lama dengan adanya budaya *upeti* dan penghormatan yang berlebihan pada pemimpin serta kejutan budaya baru seperti budaya *segera instant* yang mendorong berlakunya perilaku korupsi di Indonesia sebagaimana yang ditulis oleh Damsar.⁶

Korupsi sudah membudaya dan mendarah daging serta diterima oleh masyarakat sebagai sesuatu yang normal dan seolah-olah tidak bertentangan dengan hukum yang ada. Tidak mudah membanteras korupsi yang sudah begitu kronik berlaku di Indonesia.⁷ Antara penyebab korupsi adalah berasal dari diri individu itu sendiri yang suka pada

³ Deliar Noer. *Islam dan Politik*. (Jakarta: Penerbit Yayasan Risalah, 2003), 366.

⁴ Robert Kligaard, *Membasmi Korupsi*, (Jakarta: penerbit yayasan obor, 2005), xiii.

⁵ Budi Winarno, *Globalisasi Peluang atau ancaman bagi Indonesia*, (Jakarta: penerbit Erlangga, 2008), 64.

⁶ Damsar, *Sosiologi Uang* (Padang: Penerbit Unand, 2006), 99.

⁷ Saifullah Yusuf. *Pergulatan Indonesia Membangun Demokrasi*. (Jakarta: GP Ansor, 2000), 251.

harta benda *materialistik* dan suka menjadi pengguna serta sistem politik yang mendewakan materi.⁸

Untuk menjadi kaki tangan kerajaan seperti pegawai kerajaan, tentera, polis hingga pegawai swasta telah ditunggu oleh orang tengah yang menawarkan jasa penghubung ke atasan agar dapat diterima bekerja. Jumlah wang sogokan itu sendiri sangat tidak masuk akal kerana jumlahnya terkadang lebih banyak dari jumlah gaji selama 10 tahun apabila dia diterima bekerja nanti nya. Dan tidak jarang juga kes wang hilang dan kerja tidak dapat kerana berurusan dengan orang yang salah dan jahat.⁹

Antara bentuk-bentuk korupsi yang sering terjadi di Indonesia menurut Alfitra adalah pungutan liar, penyuapan, pemerasan, penggelapan, penyeludupan dan pemberian hadiah atau hibah yang berkaitan dengan jawatan seseorang.¹⁰

Selama 32 tahun orde baru pun banyak terjadi korupsi, pembunuhan dan kejahatan lain yang secara hukum tidak diselesaikan dengan tuntas. Proses mahkamah hanya sekadar kosmetik sahaja untuk memberi tahu orang bahawa ia ditangani. Padahal secara mendasar tidak ada penyelesaian dan akhirnya lenyap dalam kegelapan. Para pelaku nya seolah-olah kebal terhadap hukum itu sendiri.¹¹

Hancurnya ekonomi negara awal tahun 1997 adalah disebabkan oleh faktor ekonomi kroni yang dijalankan Soeharto. Mereka mendominasi perekonomian swasta dan terbuka nya konglomerat di kalangan orde baru. Menyempitnya hak-hak ekonomi dan politik bagi rakyat awam. Di saat konglomerat di sekeliling orde baru itu memiliki

⁸ Damsar, *Sosiologi Uang*, 39.

⁹ Inu Kencana, *Maju Tak Gentar Membongkar Tragedi IPDN*, (Jakarta: Gema Insani Press, 2007), 73.

¹⁰ Alfitra, *Hukum Pembuktian Dalam Beracara Pidana, Perdata dan Korupsi di Indonesia*. (Jakarta: Raih Asa Sukses, 2011), 150.

¹¹ K. Bertens, *Sketsa-sketsa moral 30 esei tentang masalah actual*, (Yogyakarta: Kanisius, 2008), 157.

masalah keuangan, mereka berhutang pada negara dan sehingga sampai tahun 2003 pun mereka belum melunasi hutang itu.¹²

Korupsi di Indonesia susah di berantas dan terus berkembang disebabkan; peraturan perundangan yang belum memadai, lemahnya penguatkuasaan undang-undang, sikap acuh terhadap korupsi, kurangnya teladan dalam kepemimpinan, sistem penyelenggaraan negara dan pengelolaan dunia usaha tidak atau kurang mengindahkan prinsip-prinsip good governance dan beragam sebab lainnya.¹³

Menurut Bibit, di masa lalu korupsi dianggap sebagai kebiasaan yang secara umum dilakukan pegawai kerajaan. Apabila ketahuan secara pengurusan dianggap sebagai kesalahan pengurusan sahaja atau *mismanagement*, pelanggaran disiplin, atau pelanggaran kod etika. Hukumannya adalah hukuman pentadbiran, disiplin atau kod etika. Ringannya hukuman inilah yang membuat korupsi maharajalela di Indonesia menurutnya.¹⁴

Menurut kajian yang dilakukan oleh KPK tahun 2007 sebanyak 45 % responden mengatakan bahawa pemberian imbalan tatkala berurusan di pelayan awam dianggap sebagai sesuatu yang biasa dilakukan dan dapat diterima sebagai sesuatu yang biasa-biasa sahaja.¹⁵

Korupsi di negeri ini berada dalam situasi yang mengkhawatirkan. Korupsi terjadi di pelbagai daerah mulai dari kota hingga ke pelosok negeri. Dari pegawai kerajaan hingga swasta, mulai dari pemerintah hingga penegak hukum dan wakil rakyat yang pembuat undang-undang juga melakukan korupsi.¹⁶

¹² Ramly Hutabarat, *Politik Hukum Pemerintahan Soeharto Tentang Demokrasi Politik di Indonesia tahun 1971 -1997*, (Jakarta: penerbit FHUI, 2005), 157.

¹³ KPK, *Pelaksanaan Tata Kelola Pemerintahan Yang Baik, Pengalaman empiric; Kab. Solok, Kota Pekan Baru, Provinsi Gorontalo, Kab. Wonosobo, Kota Yogyakarta, Kota Surakarta, Kab. Sragen, Kab. Gianyar dan Kab. Jembrana*, (Jakarta: KPK, 2006), 1.

¹⁴ Bibit S. Rianto. *Pelaku korupsi Go To Hell, Mengupas Anatomi Korupsi di Indonesia*, (Jakarta: Penerbit Hikmah, 2009), 23.

¹⁵ KPK, *Integritas Sektor Publik 2007*, (Jakarta: KPK, 2007) I.1.

¹⁶ Diana Napitupulu, *KPK In Action* (Jakarta: penerbit Raih Sukses Asa, 2010), 5.

Sampai saat ini jalan lintas Sumatra belum memiliki lebuh raya, walaupun sebenarnya dengan menahan korupsi setahun saja, Indonesia mampu membangun jalan lebuh raya lintas Sumatera yang bajetnya hanya 150 Triliun sahaja.¹⁷ Padahal, pembangunan lebuh raya ini akan diikuti secara automatik terhadap perkembangan ekonomi dengan meningkatnya lapangan pekerjaan, kerana lajunya peredaran wang, barang dan jasa serta jimat nya kos pengangkutan akibat kurangnya kerosakan dan penghematan bahan bakar, alat ganti dan waktu perjalanan lainnya. Kondisi parah pelbagai jalan di Indonesia ini menjadi bukti adanya *broken government* menurut Amin Rais.¹⁸

Masyarakat sudah menganggap korupsi sebagai sebuah budaya yang biasa sehingga kesedaran masyarakat untuk melaporkan kejahatan ini pada institusi KPK yang baru berdiri tahun 2003 itu masih sangat lemah. Ini terbukti dengan sebuah kajian alasan mengapa masyarakat tidak melaporkan perilaku korupsi ialah kerana; a. tidak tahu ke mana 51,6% b, khawatir keamanan sendiri 30,4%, c. tidak dapat dibuktikan 34%, d. proses berbelit-belit 27,3% dan e. penyiasatan tidak akan dilakukan.¹⁹ Sepertinya KPK masih belum berjaya meyakinkan masyarakat bahawa institusinya sangat berbeza dengan institusi anti korupsi sebelumnya. Kelainan yang dimiliki KPK antara lain; dengan melindungi saksi pelapor, mudahnya cara pelaporan dan adanya kepastian hukum.

Tahun 1998 Indonesia berada di nombor urut ke 80 dari 85 negara yang paling korupsi. Korupsi keluarga Soeharto dan kroninya sangat parah berlaku. Pemerintahan orde baru memiliki karakter lemahnya akauntabiliti sehingga upaya pencegahan korupsi yang sudah mendarah daging dan sistematis dalam tubuh birokrasi itu susah dilakukan

¹⁷Jalan toll lintas Sumatera, laman sesawang Riau magazine, dicapai 20 june 2012, <http://www.riaumagazine.com/jalan-tol-lintas-sumatera/>.

¹⁸ Mohammad Amien Rais, *Agenda Mendesak Bangsa Selamatkan Indonesia*, (Yogyakarta: PPSK Press, 2008), 233.

¹⁹ Nurcahaya Tandong Assegaf, *Korupsi Haram Hukumnya* (Yogyakarta: penerbit pustaka Timur, 2004), 202.

di era selepas orde baru.²⁰ Sementara akauntabiliti adalah salah satu ciri good governance menurut UNDP.

Namun anehnya pemerintahan setelah Soeharto juga belum dapat menghentikan korupsi itu.²¹ Padahal gerakan pelajar 1998 telah melahirkan dasar-dasar fundamental bagi upaya Indonesia melakukan koreksi total atas polisi pemerintah yang diwarnai oleh praktik korupsi, pakatan sulit dan nepotisme serta melecehkan hak-hak asasi manusia dan sendi-sendi demokrasi.²²

Antara kelemahannya menurut pengkaji adalah ketiadaan kepimpinan tokoh intelektual, cendekiawan, akademisi orang cerdas di Indonesia selain BJ Habibi.

Menurut data yang dikeluarkan Indonesia Corruption Watch (ICW), korupsi tertinggi diduduki oleh pelaburan pemerintah sebanyak 459 M, kewangan daerah 417,4, sosial kemasyarakatan 299 M, sektor perbankan 221, 2 M, pendidikan 97, 7 M, pengairan 92,1 M, pengangkutan 88,7 M, pajak 70, 4 M, tenaga 70 M, sektor pemilihan politik 47,7 M. Korupsi modul penggelapan 1,232, 9 M, projek atau perjalanan 446,5 M, Penyelewengan 181, 1 M, *markup*, 171, 5 M, *markdown* 66,4 M, penunjuk kan langsung 20, 9 M, pemerasan 16,6 M, penyalahgunaan kuasa 9,5 M, penyipuan 5 M, gratifikasi 1,5 M.²³ Ia juga termasuk Bantuan Liquidities Bank Indonesia (BLBI) yang merugikan negara 138,4 Triliyun. Pada masa Jokowi juga berlaku penyalahgunaan undang-undang, pelaku korupsi yang susah disentuh hukum, diangkatnya pegawai yang korup menjadi pemimpin, transaksi politik melalui bagi-bagi kedudukan, rekening gendut, kehidupan pemimpin yang bermewah-mewah dari wang rakyat, budaya korup dan berlakunya perompakan sumber alam yang dibiarkan seperti Freeport dan sebagainya.²⁴

²⁰ Hetifah SJ. Sumarto, *Inovasi, Penyertaan dan Good Governance*, (Jakarta: Yayasan Obor, 2009), 67.

²¹ Damien Kingsbury, *The politics of Indonesia*. (Melbourne: Oxford University Press, 2001), 207.

²² Faroukk Muhammad, *Menuju Reformasi Polri*, (Jakarta: penerbit Restu Agung, 2005), 3.

²³ ICW "Korupsi Terjadi di Semua Sektor" laman sesawang liputan6, dicapai 29/1/2012, www.liputan6.com.

²⁴ KPK, "Integriti" Vol 43/VII Jan-Feb 2015, (Jakarta: KPK, 2015), 54.

Menurut buletin supporter ICW vol IV 2011 mengatakan bahawa isu korupsi yang ditangani KPK ialah korupsi kompleks DPR 100 M, memenangkan Miranda Goeltom 24 M, alih fungsi hutan Riau 2.95 M, Dinas Kelautan 2,7 M. Kerugian negara akibat pembayaran royalty Freeport yang tidak sesuai harga pasar bernilai 237,4 Juta USD.²⁵ ICW juga mencatatkan korupsi sektor kehutanan di Kalimantan barat saja 121, 4 Triliyun. Laporan kementerian kehutanan 321 Triliyun.²⁶ Data dari *corruption perception index Transparency International* Kedudukan RI pada tahun 2011 berada di urutan 100 dengan CPI score 3,0. dari 183 negara yang di survey.²⁷ Di tahun 2012 Indonesia berada di peringkat 118 dengan score 32.²⁸

Laporan ICW ini tentu sahaja berlainan dengan laporan media yang menganggap bahawa korupsi anggota dewan rakyat adalah yang terbesar. Antara faktor penyebab korupsi DPR adalah kurangnya integriti, mekanisme penerimaan calon anggota DPR dan mahalunya kos politik.²⁹

Menurut ICW lagi 13 kes besar korupsi yang menjadi pekerjaan rumah bagi KPK bagi tahun 2013 ialah; bailout Bank Century, sogokan cek pelawat pemilihan Deputy Senior BI, Kes Nazaruddin seperti wisma atlet dan Hambalang, kes mafia pajak yang berkaitan dengan Gayus Tambunan yang memiliki harta 30 Miliyar dan telah dihukum penjara enam tahun dan denda 1 Miliyar³⁰, *Rekening gendut* jenderal Polri, sogokan program Pejabat Pengelola Maklumat dan Dokumentasi (PPID) di Kementerian Tenaga Kerja dan Transmigrasi. Anehnya hampir semua kes korupsi itu dilakukan oleh petinggi parti yang memerintah saat itu.

²⁵ ICW, "Bulletin ICW" edisi 1 Julai 2011, (Jakarta: ICW, 2011).

²⁶ ICW "Korupsi di Kehutanan Kalbar Rugikan Negara Rp120 Triliun Lebih", laman sesawang republika, dicapai 29 Mei 2012, www.republika.co.id.

²⁷ Indeks prestasi korupsi, laman sesawang transparency, dicapai 2 Februari 2014 <http://cpi.transparency.org/cpi2011/results/>

²⁸ "Transparency International the global coalition against corruptions Corruption Perceptions Index 2012", laman sesawang CPI, dicapai 2 Mei 2014, <http://cpi.transparency.org/cpi2011/results/>

²⁹ EEP Syaifullah Fatah, *Jangan Bunuh KPK*, (Jakarta: Kompas, 2009), 43.

³⁰ "Kala Gayus Jatuh Citra", Republika, Sabtu 6 Julai 2013, 3.

Khusus kes Century telah menjadi isu besar yang melibatkan 7.3 Triliyun kerugian kewangan negara dan mengundang campur tangan 35 tokoh terhadap proses hukum yang sedang berjalan itu. Namun menurut Busro wakil ketua KPK, pendapat yang diajukan di luar proses sidang tidak dapat dijadikan pertimbangan apa pun oleh hakim. Bambang Widjojanto pula menilai ianya adalah bentuk campur tangan dan menghina mahkamah.³¹

Baru tahun 2014 Kementerian Pendayagunaan Aparatur Negara Reformasi dan Birokrasi menerapkan sistem online Computer Assisted Test (CAT) dalam mengurangi orang tengah dalam penerimaan kaki tangan kerajaan.³² Namun dalam pemantauan pengkaji, masih banyak kes sogokan yang berlaku untuk mendapatkan kedudukan tertentu seperti untuk menjadi anggota polis yang diharuskan membayar wang sogokan Rp. 150.000.000. Negara dikuasai oleh mafia yang memberi jasa dan modal pada penguasa. Bagi yang idealis dan menolak pengaruh dan kehendak keserakahan pengusaha akan disingkirkan seperti nasib Habibi dan sebagainya.³³

Setelah gerakan pelajar 1998 korupsi masih tetap berjalan dan tentera adalah antara yang tertinggi kes korupsinya kerana lemahnya transparensi, integriti dan akauntabiliti di institusi itu. Di pelbagai daerah tuntutan tentera terhadap wang sogokan dapat menambah 10-15 persen kos pembangunan infrastruktur.³⁴ Tingginya korupsi di institusi tentera kerana kurangnya pelaksanaan good governance dalam pentadbiran mereka.

Di Indonesia, Istilah abdi negara dan pelayan masyarakat bagaikan abdi dan pelayan khas bagi mereka yang mampu membayar, walaupun menzalimi hak-hak dan

³¹ "Suara Pembaruan" 11 Julai 2014, A6.

³² KPK, *Integriti edisi September-Oktober 2014*, (Jakarta: KPK, 2014), 14.

³³ Republika, Dana Kampanye Jokowi-JK Rp. 44,9M, Prabowo Rp. 10M. www.republika.co.id/berita/pemilu/berita-pemilu/14/06/03/n619x-dana-kampanye-jokowijk-rp-449m-prabowohatta-rp-10-m.

³⁴ Harga Selangit Hak Asasi Manusia Sebagai Ongkos Kegiatan Ekonomi Pihak Tentera Indonesia. "Jurnal Human Rights Watch" Volume 18, No 5 C, June 2006, 84.

kepentingan masyarakat yang tidak mahu dan tidak mampu membayar.³⁵ Kesungguhan pemerintah dalam membanteras korupsi masih perlu dipersoalkan. Ini kerana ada langkah-langkah pemberantasan korupsi yang tidak direstui pemerintah seperti dipenjarakannya Pohan besan SBY, kes korupsi yang dilakukan petinggi parti demokrat seperti Hartati, Nazaruddin, Andi Malaranggeng, Sondakh, Anas Urbaningrum.³⁶

Ketidaksiuran pemerintah dalam membanteras korupsi juga dapat dilihat dari sedikitnya kaki tangan dibandingkan dengan institusi lain seperti Polisi dan Tentera. Menurut penasihat KPK Abdullah Hehamahua jumlah anggota KPK hanyalah 300 orang dibandingkan 5000 orang anggota SPRM Malaysia.³⁷ SPRM mendapatkan peruntukan tahun 2010 dari pemerintah sebanyak RM 166.569.500.00. KPK pada tahun 2011 mendapatkan bajet Rp. 575, 695 Milyar. Sedangkan jumlah rakyat dan keluasan Indonesia adalah melebihi 10 kali rakyat dan keluasan Malaysia.

Junus mengungkapkan pelbagai data tentang korupsi yang berlaku di zaman kepimpinan Soeharto, Habibii, Gusdur, Mega dan SBY serta mengingatkan betapa pentingnya menggugat kembali korupsi yang dilakukan oleh penyelenggara negara itu.³⁸ Bahkan Mega banyak mendapat kritik kerana tidak menjalankan semangat reformasi dengan baik.³⁹ Junus juga mengungkap pelbagai fakta kemenangan demokrat yang penuh dengan skandal korupsi tersebut.⁴⁰

Seperti Mesir, Indonesia adalah sebuah negara tentera di mana di masa orde baru Polis dimasukkan ke dalam kategori tentera. Namun setelah reformasi, Polis menjadi sivil di bawah Undang-undang Nombor 2 Tahun 2002. Idealnya Tentera berada di bawah Kementerian Luar Negara kerana bidang kerja mereka adalah untuk menjaga

³⁵Sudirman Teba, "Islam menuju Era Reformasi", (Yogyakarta: Tiara Wacana,) 2001 80.

³⁶"Ada Bukti Kaitan Kemenangan Anas", Kompas, Sabtu 6 Julai 2013, 3.

³⁷ Abdullah Hehamahua Penasihat KPK dalam temu bual dengan penulis di Fakulti Sastra Universiti Malaya tahun 2011.

³⁸ George Junus Aditjondro, *Korupsi Kepresidenan*, (Yogyakarta: penerbit LKiS, 2006), 401.

³⁹ L. Misbah Hidayat, *Reformasi Administrasi Kajian Komparatif Pemerintahan Tiga Presiden*, (Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, 2007), 123.

⁴⁰ George Junus Aditjondro, *Membongkar Gurita Cikeas Di Balik Skandal Bank Century*, (Jakarta: Galang Press, 2010), 76.

pertahanan negara dan Polis berada di bawah Kementerian Dalam Negeri kerana bidang kerja mereka untuk menjaga adalah keamanan negara.

Jika di Malaysia menjadi Tentera atau Polis bukanlah suatu keistimewaan, namun di Indonesia dapat dijadikan sebagai alat mencari kekayaan dengan cara haram. Indonesia pernah dihebohkan dengan *rekening gendut* para petinggi Polis yang memiliki kekayaan yang tidak masuk akal dengan jumlah gaji yang mereka terima selama ini. Ia adalah gratifikasi atau sogokan yang melibatkan mantan petinggi Polis yang dikenal dengan *rekening gendut*. Ia melibatkan 23 account bank mantan petinggi Polis yang dicurigai memanfaatkan konflik kepentingan dengan memperkaya diri melalui kedudukannya.⁴¹ Bahkan Jokowi bersikeras ingin mengangkat salah seorang petinggi Polis yang terlibat dalam kes rekening gendut menjadi kepala Polis negara. Perbuatan ini mendapat bantahan para aktivis dan akhirnya Jokowi membatalkan niatnya itu. Dan akhirnya hanya mengangkatnya sebagai timbalan Polis Negara.⁴²

Skandal Freeport sepertinya membuka kebusukan para mantan Jeneral di Indonesia. Semasa mereka bekerja sebagai pegawai Polis dan Tentera, mereka memanfaatkan kedudukan dan pangkat mereka untuk mendapatkan keuntungan sebanyak-banyaknya. Freeport mengakui selama bertahun-tahun mereka membayar wang keamanan kepada Polis dan Tentera untuk mengamankan bisnes mereka.⁴³

4.3. Korupsi dan Pemberantasan Korupsi Sebuah Pengamatan.

Pengamatan yang penulis lakukan ini adalah dalam masa semenjak keberadaan KPK hingga sekarang. Apakah keberadaan KPK memberi pengaruh terhadap urusan tadbir baik di Indonesia ataupun sebaliknya.

⁴¹ ICW, *Evaluasi dan Roadmap Penegakan Hukum KPK*, (Jakarta: ICW, 2011), 14.

⁴² TII, "Jurnal Brief Aksi Koalisi Masyarakat Sipil Anti Korupsi Indonesia", Edisi Februari 2005, 1.

⁴³ Haris Priyatna, *Wikileaks Situs Paling Berbahaya di Dunia*, (Jakarta: Mizan, 2011), 40.

Dalam tiga kali berurusan dengan polis Indonesia semuanya harus membayar wang sogokan kepada polis.⁴⁴ Petugas polis dengan terang-terangan tanpa malu meminta wang rokok waktu pembuatan lesen memandu tahun 2009. Semua wang bayaran itu pula tiada resit, ini bererti bahawa wang itu tidak masuk ke dalam kas kewangan negara melainkan untuk petugas polis tersebut.

Namun ketika pada tahun 2013 pengkaji ke bahagian pengurusan lesen memandu sudah ada papan tulis tarif berapa harga yang mesti dibayar. Wang bayaran itu pula tidak dibayar ke Polis tetapi dibayar langsung ke bank.

Polis suka mangkir dipersimpangan dan tempat-tempat yang rawan pelanggaran lalu lintas. Suka menangkap dan membodohi rakyat dengan menahan lesen mereka, terutama yang tinggal jauh dari kota itu. Suka menakut-nakuti rakyat dengan mengatakan bahwa pengadilan kesalahan lalu lintas seperti pengadilan jenayah. Suka meminta wang sogokan agar lesen dikembalikan dan tidak disaman. Kenderaan yang memiliki nombor plat negeri lain masuk ke dalam negeri lain akan menjadi target polis mencari makan menurut pengakuan seorang pemandu travel. Ini masih berlaku hingga saat ini walaupun kadarnya sudah berkurangan. Solusinya rakyat sebaiknya di ajar dan dididik agar mengetahui dan menyadari akan hak-hak mereka ketika diminta wang sogokan oleh polis lalu lintas seperti bagaimana, kemana dan dengan siapa mereka harus mengadu penyimpangan dan penyelewengan itu. Di baju polis harus ada tertulis nama dan logo AKU ANTI KORUPSI agar kejahatan itu dapat dikurangi. Agar polis menjadi rakan, sahabat yang disukai rakyat. Agar polis tidak dibenci dan dimaki serta dimusuhi rakyat yang membayar gaji mereka. Agar polis juga dapat menikmati kehidupan di dunia dan di akhirat yang abadi nanti.

⁴⁴ Ini berbeda disaat berurusan dengan polis Malaysia yang memiliki budaya budi bicara selagi bukan kesalahan yang membahayakan dan kesalahan yang parah.

Beberapa kenalan penulis juga diminta wang sogokan ratusan juta rupiah supaya anaknya diterima menjadi anggota polis, tentera, kaki tangan kerajaan. Orang kampung tidak tahu ke mana harus mengadu dan bagaimana caranya. Kes ini berlaku pada tahun 2016 yang masih dikira kes baru.

Disaat penulis mengurus pasport tahun 2003 terdapat ramai sekali calo yang menjadi perantara antara pembuat pasport dengan petugas imigresen, namun disaat keluarga penulis mengurus pasport tahun 2016 sudah ada tarif bayaran yang ditetapkan. Begitu juga disaat penulis mengurus paspor pada tahun 2007 di KBRI pelayanannya tidak profesional dan terdapat pungutan liar dan calo perantara pembuat pasport dengan pegawai KBRI namun pada tahun 2014 terdapat banyak perubahan ke arah yang lebih baik.⁴⁵

Korupsi dan urus tadbir buruk dalam pengamatan penulis selepas kewujudan KPK walaupun masih banyak berlaku, namun terdapat pengurangan yang bererti dari tahun ke tahun bila dibandingkan dengan di masa orde baru sebelum adanya institusi KPK.

4.4 Akibat Dari Korupsi di Indonesia

Korupsi adalah sumber dari pelbagai macam krisis tanah air seperti krisis hukum, krisis keamanan dan krisis ekonomi negara.⁴⁶ Menurut data dalam indeks persepsi korupsi oleh Transparensi International, Indonesia mengalami fasa yang beragam mulai dari orde baru hingga selepas gerakan pelajar 1998, seperti table berikut;

⁴⁵ walaupun belum sempurna atau belum sebaik pelayanan di imigresen Malaysia disaat penulis mengurus pasport anak dengan keselesaan, kecepatan yang hanya memakan masa beberapa jam dan harga yang lebih murah dari bayaran di imigresen Indonesia.

⁴⁶ EEP Syaifullah Fatah, *Jangan Bunuh KPK*, (Jakarta: Kompas, 2009), 21.

Indeks Persepsi Korupsi Indonesia				
No	Tahun	Rangking	Jumlah Negara	Score
1	1995	41	41	1.94
2	1996	45	54	2.65
3	1997	46	52	2.72
4	1998	80	85	2.00
5	1999	97	99	1.7
6	2000	85	90	1.7
7	2001	88	91	1.9
8	2002	96	102	1.9
9	2003	122	133	1.9
10	2004	133	145	2.0
11	2005	137	158	2.2
12	2006	130	163	2.4
13	2007	143	179	2.3
14	2008	126	180	2.6
15	2009	111	180	2.8
16	2010	110	178	2.8
17	2011	100	183	3.0
18	2012	118	174	3.2
19	2013	114	175	3.2
20	2014	107	174	3.4
21	2015	88	168	3.6⁴⁷

Sumber; Transparency International The Global Coalition Against Corruption⁴⁸

Banyak hal yang berkaitan dengan indeks persepsi korupsi seperti good governance, hak asasi manusia, *doing business*, *Human Development Index*, *Bribe Prayers Index* dan indeks demokrasi. Indeks persepsi korupsi di Indonesia berpengaruh

⁴⁷ Corruption Perceptions Index 2015, dicapai 11 Mac 2016, <http://www.ti.or.id/index.php/publication/2016/01/27/corruption-perceptions-index-2015>.

⁴⁸ Sumber; Transparency International The Global Coalition Against Corruption, www.transparency.org.

terhadap indeks demokrasi Indonesia yang dapat dilihat sebagaimana data dalam table di bawah;

Indeks Demokrasi Indonesia							
Tahun	2009	2010 ⁴⁹	2011	2012	2013	2014	2015
Indeks Demokrasi Indonesia	63.30	63.17	65.48	62.63	63.72	73.04	72.82
Tingkat Kebebasan Sipil	86.97	82.53	80.79	77.94	79.00	82.62	80.30
Hak-Hak Politik	54.60	47.87	47.54	46.33	46.25	63.72	70.63
Lembaga Demokrasi	62.72	63.11	74.72	69.28	72.24	75.81	66.87

Sumber. Indeks Demokrasi Indonesia.⁵⁰

Untuk tahun 2014 indeks demokrasi Indonesia berada di ranking 49 dengan nilai keseluruhan 6,95. Proses kepelbagaian dalam pilihan raya score 7.33, peranan kerajaan 7.14, keterlibatan dalam politik 6,67, budaya politik 6.25 dan kebebasan sivil dengan score 7.35.⁵¹ Sementara indeks demokrasi Indonesia semenjak tahun 2006 adalah 6.41 tahun 2008 adalah 6.34, tahun 2010 adalah 6.53, tahun 2011 adalah 6.53, tahun 2012 adalah 6.76, tahun 2013 adalah 6.82, tahun 2014 adalah 6,95.⁵²

Dengan demikian, kuatnya indeks demokrasi Indonesia dipengaruhi oleh berkurangnya tingkat korupsi dan berkurangnya tingkat korupsi di Indonesia

⁴⁹ Maswadi Rauf et.al., *Indeks Demokrasi Indonesia 2010*, (Jakarta: Badan Pusat Statistik, 2010), 34.

⁵⁰ Indeks Demokrasi Indonesia, dicapai 24 Januari 2017, <http://www.idiproject.org/>

⁵¹ Democracy Index 2015, The Economist Intelligence Unite Limited 2015, 5.

⁵² Democracy Index 2015, The Economist Intelligence Unite Limited 2015, 12.

dipengaruhi oleh menguatkannya indeks demokrasi di Indonesia. Antara satu dengan lainnya adalah mempengaruhi. Ini sejalan dengan Syafii Maarif yang mengatakan bahawa tanpa pemberantasan korupsi, semua upaya reformasi menuju negara Indonesia yang demokrasi adalah mustahil dan bahkan kewujudan negara bisa hancur disebabkan oleh korupsi ini.⁵³

Data Indeks persepsi korupsi dan indeks demokrasi Indonesia juga nampaknya berpengaruh pada jumlah pelaburan yang masuk ke Indonesia yang dapat dilihat dari dari indeks kemudahan melakukan pelaburan.⁵⁴ Dalam data yang dikeluarkan oleh World Bank Group, Indonesia berada di peringkat 109 dengan score 58.12 dalam kemudahan melakukan perniagaan tahun 2016.⁵⁵

Indonesia berada di ranking 108 Human Development Index tahun 2013. Dengan Peningkatan perincian sebagai berikut; 678 pada tahun 2011, 681 pada tahun 2012 dan 684 tahun 2013.⁵⁶ Ini bererti HDI Indonesia tahun 2013 lebih baik dari tahun 2012 yang hanya berada di peringkat 121,⁵⁷ ia naik 3 angka dari tahun 2011.⁵⁸

Data Bribe Payers Index BPI Indonesia juga menunjukkan kemajuan dari tahun sebelumnya kerana Tahun 2011 score Bribe Payers Index Indonesia adalah 7,1 dengan standard penyelewengan adalah 3,4 yang berada di ranking ke 25.⁵⁹

Dari data di atas dapat diambil kesimpulan bahawa lambatnya pertumbuhan demokrasi berpengaruh pada perkembangan hak asasi manusia, susahny birokrasi, pemberantasan korupsi dan kemakmuran sesebuah negara. Korupsi yang parah berlaku di Indonesia telah menyebabkan kemiskinan bermaharajalela yang dapat dilihat dari table di bawah ini;

⁵³ Denny Indrayana, *Negeri Para Mafioso, Hukum di Sarang Koruptor*, (Jakarta: Kompas, 2008), xi.

⁵⁴ Miriam Budiardjo, *Dasar-Dasar Ilmu Politik*, (Jakarta: Gramedia Utama, 2008), 256.

⁵⁵ World Bank, *Doing business 2016, Measuring Regulatory Quality and Efficiency*, 13th edition (Washington DC: World Bank Group 2015), 5.

⁵⁶ UNDP, *Human Development Report 2014*, (New York: UNDP, 2015), 159.

⁵⁷ UNDP, *Human Development Report 2012*, (New York: UNDP, 2013), 143.

⁵⁸ UNDP, *Human Development Report 2012*, (New York: UNDP, 2013), 203.

⁵⁹ Transparency International, *Bribe Payers Index 2011*, (German: Transparency International, 2011), 5.

Jumlah Penduduk Miskin Dari Tahun 1999-2013.⁶⁰

Tahun	Jumlah Penduduk Miskin (Juta Orang)			Peratusan Penduduk Miskin			Garis Kemiskinan (Rp/kapita/Bulan)	
	Kota	Desa	Kota+Desa	Kota	Desa	Kota+Desa	Kota	Desa
1999	15.64	32.33	47.97	19.41	26.03	23.43	92 409,00	74 272,00
2000	12.31	26.43	38.74	14.60	22.38	19.14	91 632,00	73 648,00
2001	8.60	29.27	37.87	9.79	24.84	18.41	100 011,00	80 382,00
2002	13.32	25.08	38.39	14.46	21.10	18.20	130 499,00	96 512,00
2003	12.26	25.08	37.34	13.57	20.23	17.42	138 803,00	105888,00
2004	11.37	24.78	36.15	2.13	20.11	16.66	143 455,00	108725,00
2005	12.40	22.70	35.10	1.68	19.98	15.97	165 565,00	117365,00
2006	14.49	24.81	39.30	3.47	21.81	17.75	174 290,00	130584,00
2007	13.56	23.61	37.17	2.52	20.37	16.58	187 942,00	146837,00
2008	12.77	22.19	34.96	1.65	18.93	15.42	204 895,99	161830,79
2009	11.91	20.62	32.53	10.72	17.35	14.15	222 123,10	17934,57
2010	11.10	19.93	31.02	9.87	16.56	13.33	232 989,00	192 53,83
Mart 2011	11.05	18.97	30.02	9.23	15.72	12.49	253 015,51	213394,51
Sept. 2011	10.95	18.94	29.89	9.09	15.59	12.36	263 593,84	223180,69
Mart 2012	10.65	18.49	29.13	8.78	15.12	11.96	267 407,53	229225,78
Sep- 2012	10.51	18.09	28.59	8.60	14.70	11.66	277 381,99	240441,35
Mar- 2013	10.33	17.74	28.07	8.39	14.32	11.37	289 041,91	253273,31

Sumber: Badan Pusat Statistik Negara Indonesia

Data kemiskinan semenjak keberadaan KPK secara amnya boleh dikatakan menurun dengan kadar yang turun naik. Namun data kemiskinan dalam kepemimpinan Presiden Jokowi cenderung meningkat. Dalam data BPS disebutkan bahawa pada Mac 2015 jumlah penduduk miskin di Indonesia mencapai 28,59 juta orang (11,22%) bertambah sebesar 0,86 juta dibandingkan dengan konsisi September 2014 yang sebesar 27,73 juta orang (10,96%). Penduduk miskin perkotaan September 2014 sebesar 8,16% naik menjadi 8,29% Mac 2015. Sementara penduduk miskin daerah pedesaan naik dari 13,76% pada September 2014 menjadi 14,21% pada Mac 2015.⁶¹ Dalam pandangan penulis ini erat kaitannya dengan kuatnya pelemahan dan kriminalisasi KPK di era ini. Pimpinan KPK yang baru dipilih tidak mendapat tanggapan masyarakat luas sebagaimana waktu pemilihan Abraham Samad dulu. KPK juga lemah pada dugaan korupsi yang melibatkan Jokowi dan konco bernama Ahok.

Negara yang mengamalkan sistem demokrasi akan terlihat lebih menghargai hak asasi manusia dan akhirnya akan membentuk sebuah negara yang mengamalkan good governance kerana eratnya persamaan antara demokrasi dengan good governance, yang dapat dilihat hubung kaitnya seperti data di atas.

Menurut Kemitraan, antara ciri good governance itu adalah perlindungan hak asasi manusia, perjalanan demokrasi, keamanan negara yang dapat dipertahankan, keadilan yang terjangkau, tata pemerintahan yang tidak terpusat, pegawai negara yang akauntabiliti dan efektif dan keterlibatan negara, pasar berserta masyarakat sivil.⁶²

Disamping data tentang demokratisasi, kemiskinan, sumber daya manusia, pelaburan dan sebagainya, data di atas juga menunjukkan bahawa keberadaan KPK semenjak 2003 cukup memberi dampak yang bererti terhadap peningkatan kualiti negara yang bersih dari korupsi.

⁶¹ Sensus Ekonomi Badan Pusat Statistik Indonesia No 86/09/Th.XVIII, 15 September 2015.

⁶² Kemitraan, *Memacu Pembaruan Tata Pemerintahan*, (Jakarta: Kemitraan, 2006), 2.

4.5 Sejarah Pemberantasan Korupsi di Indonesia

Korupsi adalah bentuk pelanggaran hak asasi manusia di bidang hak-hak sivil dan pembangunan.⁶³ Khusus dalam pemberantasan korupsi, Indonesia punya sejarah yang panjang yaitu dengan dibentuknya pelbagai agensi pemberantasan korupsi sebagaimana yang akan dijelaskan di bawah;

a. Orde Lama

Orde lama adalah era kepemimpinan Soekarno dari tahun 1945 hingga 1966. Ia juga dikenal dengan era demokrasi terpimpin. Keadaan ekonomi masyarakat di waktu demokrasi terpimpin sangat lemah. Korupsi berlaku di lembaga-lembaga negara, ada korupsi di Pengadilan, Kejaksaan juga menjadi sangat korup, polis pun tidak terkecuali. Korupsi pada masa ini seolah-olah dibenarkan oleh pemerintah untuk menutupi gaji mereka yang sangat sedikit, tetapi yang di korupsi ketika itu adalah rakyat sendiri.⁶⁴

Di era kabinet Djuanda dibentuk panitia Retooling Aparatur Negara (PARAN) yang dipimpin oleh A.H. Nasution dan dibantu oleh dua orang anggota Prof. M Yamin dan Roslan Abdulghani. Team ini bertugas mengumpulkan data kekayaan pegawai negara dengan mengisi formulir yang disediakan. Namun para pegawai menolak dengan mengatakan pertanggungjawaban harus langsung pada Presiden. Presiden pula tidak melakukan apa-apa dalam mendukung PARAN baik melalui Keppres dan sebagainya yang membuat program ini gagal.⁶⁵

Operasi Budhi dibentuk pada 1962 melalui Keputusan Presiden Nomor 275/1963 A.H. Nasution kembali ditunjuk mengetuai pemberantasan korupsi yang

⁶³ Romli Atmasasmita. *Korupsi, Good Governance dan Komisi Anti Korupsi Di Indonesia*. (Jakarta: penerbit Badan Pembinaan Hukum Nasional Departemen Kehakiman dan HAM RI, 2002) 45-51.

⁶⁴ Daniel S. Lev, *Lembaga, Elit dan Pengawasan*. dalam Benedict Anderson et. al. *Mencari Demokrasi*. (Jakarta: penerbit Institut Studi Arus Maklumat, 1999), 122.

⁶⁵ <http://digilib.unila.ac.id/537/7/BAB%20II.pdf>.

dibantu oleh Wiryono Prodjokusumo yang bertugas menyeret mereka ke mahkamah dengan sasaran utama perusahaan milik negara dan lembaga negara yang rawan korupsi. Setelah mendapat perlawanan, operasi Budhi diganti dengan Komando Tertinggi Retooling Aparat Revolusi (KONTRAF) dengan Presiden Soekarno menjadi ketuanya serta dibantu oleh Soebandrio dan Letjen Ahmad Yani.⁶⁶

Terdapat undang-undang tentang pemberantasan korupsi yang terdapat dalam Kitab Undang-Undang Hukum Jenayah (KUHP) fasal 419, 420, 423, dan 425. Gerakan pemberantasan korupsi marak dilakukan di saat Jenderal Abdul Haris Nasution menjawat kedudukan Kepala Staf Angkatan Darat sebagai Penguasa Tentera yang ditandai dengan lahirnya Peraturan Penguasa Tentera No Prt/PM/06/1957 tentang Peraturan Pemberantasan Korupsi. Peraturan Penguasa Tentera No. PRT/PM/08/1957 Tentang Pemilikan Harta Benda.

Peraturan Penguasa Tentera No.PRT/pm/011/1957 Tentang Penyitaan dan Perampasan Harta Benda yang asal mulanya diperoleh dengan perbuatan yang melawan hukum. Dan Peraturan Penguasa Peranan Pusat No.PRT/PePerpu/013/1958 Tentang pengusutan, penuntutan dan pemeriksaan perbuatan korupsi jenayah dan pemilikan harta benda.⁶⁷

Undang-undang nombor 24/prp/ 1960 tentang pemberantasan tindak jenayah korupsi. Gerakan ini cukup berani dengan memeriksa para Menteri dan tokoh kunci Parti Politik besar yang diduga melakukan korupsi, termasuk dengan memindah tugaskan para Panglima Tentera Daerah yang diduga melakukan Korupsi.

Pengertian korupsi yang terkandung dalam Peraturan Penguasa Tentera No. Prt/PM/06/1957 ialah;

⁶⁶ <http://digilib.unila.ac.id/537/7/BAB%20II.pdf> .

⁶⁷ Harmien Hadiati. *Korupsi di Indonesia, dari delik kedudukan ke tindak jenayah korupsi*. (Bandung: penerbit Citra Aditya Bakti, 1994),123-173.

“a. Tiap perbuatan yang dilakukan oleh siapa pun juga, baik untuk kepentingan diri sendiri, untuk kepentingan orang lain atau untuk kepentingan suatu badan yang langsung atau tidak langsung menyebabkan kerugian bagi kewangan perekonomian negara. b. Tiap perbuatan yang dilakukan oleh seorang pejabat yang menerima gaji atau upah dari kewangan negara atau daerah ataupun dari suatu badan yang menerima bantuan dari kewangan negara atau daerah, yang mempergunakan kesempatan atau kewenangan atau kekuasaan yang diberikan kepadanya oleh kedudukan, langsung atau tidak langsung membawa keuntungan kewangan material baginya.”⁶⁸

Kegagalan pemberantasan korupsi di orde lama erat kaitannya dengan tiadanya contoh teladan dari pemimpin atasan. Menurut Hamka, Soekarno tidak menerapkan keadilan sosial dalam kehidupan bermasyarakat. Hanya orang berpangkat tinggi sahaja yang dapat menikmati kemewahan sementara rakyat jelata hidup merempat.⁶⁹

b. Orde Baru

Roeder menggambarkan Soeharto sebagai seorang yang *“...menutup mata terhadap praktik korupsi di antara pelaku-pelaku nya dari segala golongan dalam pemerintah dan masyarakat serta semua lapisan dan yang bertindak berlebihan untuk menjaga kelangsungan kekuasaannya”*.⁷⁰

Tujuan berdirinya orde baru adalah untuk memperbaiki kekurangan masa orde lama. Tugas penting Soeharto waktu itu adalah mencegah salah kelola, korupsi di beberapa perusahaan milik negara kerana dikelola oleh orang yang tidak ahli di bidangnya seumpama askar dan polis pencen.⁷¹

Namun korupsi di orde baru semakin merajalela, pemerintah semakin autoriti, campur tangan dalam masalah politik dan ekonomi semakin besar.⁷² Korupsi yang sistematis dari lembaga Presiden hingga ke kampung bagaikan sudah terencana dengan

⁶⁸ Harmien Hadiati. *Korupsi di Indonesia, dari delik kedudukan ke tindak jenayah korupsi*, 127.

⁶⁹ Hamka, *Dari Hati Ke Hati, Tentang Agama, Sosial-Budaya Politik*, (Jakarta: Panjimas, 2002), 263.

⁷⁰ O.G. Roeder. *Anak Desa Biografi: Presiden Soeharto*. (Jakarta: penerbit Gunung Agung, 1985), 5.

⁷¹ Rosihan Anwar. *Indonesia 1966-1983 Dari Koresponden Kami di Jakarta* (Jakarta: Penerbit Grafiti, 1992), 43.

⁷² Clifford Geertz, *Awas Buaya!*. dalam Benedict Anderson et. al. *Mencari Demokrasi*. (Jakarta: Institut Studi Arus Maklumat, 1999),122.

sangat sempurna atau yang lebih dikenal lagi dengan KKN (Korupsi Pakatan sulit dan Nepotisme).⁷³

Amin Rais pada tahun 1995 dengan lantangnya menyerukan tentang “*suksesi kepemimpinan Nasional*” disaat orde baru sedang kuat-kuatnya ketika itu (pemilihan Presiden baru) untuk tahun 1998. Beliau mengemukakan lima alasan mengapa harus ada perubahan kepemimpinan negara iaitu; 1. adanya 81 Juta rakyat Indonesia yang hidup di bawah garis kemiskinan dan pengangguran ketika itu, 2. bertambah parahnya penyakit korupsi di kalangan penjawat awam negara ketika itu, 3. tiadanya demokrasi di Indonesia ketika itu dengan memberi contoh adanya *floating mass, single majority dan election with Target*. 4. Hutang luar negeri yang mencapai 83 Milyar Dolar dan 5. Hukum yang semakin kehilangan wibawa akibat penghinaan yang tidak putus-putusnya terhadap kedaulatan undang-undang, seperti masalah penegakan HAM, pelbagai konflik sosial per tanah-an yang digerakkan.⁷⁴ Semua kejadian yang diungkap oleh Amin Rais di atas adalah bentuk urus tadbir buruk yang berlaku di orde baru.

Keadaan Pemerintahan orde baru, ketika berkuasa saat itu sangat autokrat⁷⁵ dan terpusat di Jakarta sahaja. Korupsi yang bermaharajalela, kuatnya pakatan sulit (pakatan), nepotisme, dan disalah gunakannya angkatan bersenjata RI sebagai alat politik untuk mengukuhkan kekuasaan pemerintah. Kerajaan orde baru bukan hanya gagal dalam membanteras korupsi, bahkan menyuburkan lagi berlakunya kes korupsi mulai dari atas hingga ke bawah institusi pemerintahan.⁷⁶

Sistem ekonomi yang di bangun oleh pemerintah orde baru tidak berhasil sepenuhnya untuk mewujudkan kesejahteraan sosial. Akibatnya, terjadi kesusahan

⁷³ Jimly Asshiddiqie. *Kemerdekaan Berserikat, Pembubaran Partai Politik dan Mahkamah Konstitusi*. (Jakarta: penerbit Konstitusi Pres, 2005), 189-196.

⁷⁴ Amin Rais. “*Suksesi Kepimpinan Nasional*” Dalam *Demokrasi Indonesia Kontemporeri*. Editor Riza Noer Arfani. (Jakarta: Raja Grafindo Persada, 1996), 239-267.

⁷⁵ Autokrat ialah pemerintah yang mempunyai kuasa penuh (kuasa mutlak).

⁷⁶ BJ Habibi. *Detik-detik yang menentukan jalan panjang Indonesia menuju demokrasi*. (Jakarta: Penerbit THC Mandiri, 2006), 4.

ekonomi. Pada masa berlakunya krisis ekonomi tahun 1997 yang ditandai dengan mahalnya harga bahan bakar minyak, tarif elektrik dan keperluan asas lainnya, melebar nya kesenjangan sosial,⁷⁷ menyebabkan berlakunya gerakan pelajar 1998 di Indonesia dengan tumbang nya kekuasaan orde baru Soeharto.⁷⁸

Namun demikian bukan berarti orde baru berdiam diri dalam segala kes korupsi yang berlaku. Selama 32 tahun kepemimpinan Soeharto terdapat berapa peraturan per undang-undang yang berkaitan dengan korupsi seperti;

1. Keputusan Presiden No 28 tahun 1967 tentang pembentukan tim pemberantasan korupsi yang memiliki tugas menghukum dan pencegahan. 2. Undang-undang No 3 tahun 1971 tentang pemberantasan tindak jenayah korupsi.⁷⁹ 3. Undang-undang Tindak Jenayah Korupsi (Tipikor) Di masa orde baru kepemimpinan Soeharto pernah dibentuk pelbagai team anti korupsi antara lain; 1. Team Pemberantasan Korupsi yang berada di bawah Kejaksaan Agung tahun 1967, 2. Komisi empat tentang pemberantasan korupsi tahun 1970, dan tahun 1977 pemberantasan korupsi melalui Operasi Penertiban dan sebagainya, namun semuanya gagal.⁸⁰

Lembaga anti korupsi yang pernah dibentuk di era Soeharto dan sebelum kelahiran KPK adalah; Team Pemberantasan Korupsi Melalui Keppres No 288/1967, Komisi Empat melalui Keppres No 12 /1970, Komite Anti Korupsi, Operasi Penertiban melalui Inpres No 9/1977, Team pemberantasan korupsi 1982 dan team gabungan pemberantasan tindak jenayah korupsi melalui Undang-undang nombor 31/1999 dan PP nombor 19 tahun 2000.⁸¹

Pemberantasan korupsi di zaman Soeharto terkandas kerana kuatnya hubungan *kroni*, berdasarkan kawan dan kaum kerabat terdekat bidang ekonomi di tubuh

⁷⁷ Penjelasan amendemen keempat Undang-undang 1945. Laman sesawang hak asasi manusia, dicapai 15 Mei 2010 www.ham.go.id.

⁷⁸ Arbi Sanit. *Pergolakan Melawan Kekuasaan*. (Yogyakarta: Penerbit Insist, 1999), 164.

⁷⁹ Hermien Hadiati Koeswadji. *Korupsi di Indonesia Dari Delik Kedudukan ke Tindak Jenayah Korupsi*, 38.

⁸⁰ KPK. *Menyalakan Lilin Di Tengah Keigelapan, 4 tahun KPK*. (Jakarta: penerbit KPK, 2007), 10.

⁸¹ Haryono Umar, Pengawasan Untuk Pemberantasan Korupsi, "*Jurnal Akuntansi dan Auditing*" Volume 8 No 2 Mei 2012, 115.

pemerintah. Kegagalan juga disebabkan oleh tidak beraninya menindak kawan-kawan yang dahulunya sama-sama menjatuhkan pemerintahan orde lama. Serta tidak berani menghadapi kes-kes yang melibatkan petinggi orde baru dan pegawai tinggi tentera.

Undang-undang di atas bukan hanya gagal menghambat laju nafsu serakah para pelaku korupsi, bahkan istana dan konco-konco nya berkembang menjadi rejim *kleptokrasi* (tabiat suka mencuri melalui birokrasi) yang menguasai hampir seluruh sumber ekonomi vital negara.⁸² Undang-undang anti korupsi pada masa orde baru tidak diikuti dengan tindak lanjut yang jelas, tidak adanya contoh tauladan dari kepimpinan tertinggi dan tidak adanya sosialisasi kepada masyarakat agar ikut melawan budaya korupsi itu. Soeharto dan kroninya hidup mewah, sementara rakyat hidup menderita.

Hampir semua prinsip good governance yang dikemukakan oleh PBB tidak dijalankan oleh Orde Baru sebagaimana yang akan dikemukakan di bawah ini.

c. Pasca Reformasi 1998

Korupsi marak berlaku di Indonesia disebabkan oleh kekuasaan seseorang Presiden terlalu lama yang menyebabkan monopoli, dominasi, populariti, diktator, urus tadbir buruk, penyalahgunaan kuasa dan pelanggaran hak asasi manusia. Korupsi di Indonesia juga disebabkan oleh kuasa tentera yang memiliki sumber manusia yang lemah tetapi wajib memegang kedudukan dan jawatan tertentu serta monopoli kekuasaan ekonomi, sosial, politik, budaya dan pembangunan berdekad lamanya di Indonesia.

Krisis ekonomi 1997, dendam, kebangkitan dan kemarahan masyarakat yang begitu memuncak telah melahirkan gerakan pelajar 1998. Krisis ekonomi yang ditandai dengan ditutupnya (*likuidasi*) 16 Bank yang diikuti dengan porak-peranda nya

⁸² Saldi Isra (2007) "Menangani Korupsi Model Percontohan dari Sumatera Barat Indonesia" Kertas Seminar oleh h. 4-5. Makalah disampaikan oleh Saldi Isra; pensyarah Fakulti Undang-undang Universitas Andalas dalam siri syarahan umum International Institut of Public Policy and Management (INPUMA) di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran University Malaya 28 Mart 2007 –tidak diterbitkan-

kehidupan ekonomi sosial rakyat Indonesia disebabkan oleh perompakan wang rakyat yang dilakukan oleh sekelompok pengusaha yang dekat dengan mantan presiden Soeharto.⁸³

Hanya dalam waktu 10 bulan semenjak krisis ekonomi yang berpengaruh pada krisis kepercayaan politik, rejim yang di bangun dengan kekuatan birokrasi-tentera itu akhirnya tumbang.⁸⁴ Gerakan pelajar yang berhasil menjatuhkan kepemimpinan rejim orde baru itu telah diikuti oleh pemerintahan baru dengan menuruti semangat dan tuntutan gerakan pelajar.⁸⁵

Dominasi tentera yang terlibat dalam politik di Indonesia menjadi antara penghalang good governance. Untuk itu menurut Amin Rais cabaran yang paling besar adalah dengan menghilangkan peranan tentera dari politik yang selama ini mendominasi sistem politik, masyarakat dan ekonomi.⁸⁶ Ini kerana tentera dimanfaatkan untuk mendukung kekuasaan rejim dengan pelbagai cara ketika itu.⁸⁷

Gerakan pelajar yang digerakkan oleh Amin Rais itu adalah sebuah gagasan politik beliau tentang etika politik dengan pemahaman agama yang luhur. Menyuarakan sikap yang tegas terhadap korupsi, mengajak masyarakat untuk memerangi ketidakadilan, mengimbau pemerintah untuk terus menyuarakan proses demokrasi dan keterbukaan.⁸⁸ Dalam perjalanan hidupnya, Amin Rais sangat kritis terhadap segala bentuk korupsi yang melibatkan pimpinan kerajaan.⁸⁹

Agenda politik pertama pasca gerakan pelajar 1998 adalah sidang istimewa MPR 1998 yang mengusulkan gagasan dan tuntutan untuk menciptakan penyelenggaraan pemerintahan yang bersih. Sesuai dengan tuntutan mahasiswa serta

⁸³ Bungaran Antonius Simanjuntak, *Pemikiran Kritis Untuk Rakyat Indonesia*, (Jakarta: Yayasan Obor, 2008), 175.

⁸⁴ Arbi Sanit, *Pergolakan Melawan Kekuasaan*, (Yogyakarta: Penerbit Insist, 1999), 164.

⁸⁵ Vedi R Hadiz, *Dinamika Kekuasaan Ekonomi Politik Indonesia Pasca Soeharto*, (Jakarta: Penerbit LP3ES 2000), 289.

⁸⁶ Marcus Mietzner, *Military Politics, Islam and The State in Indonesia*, (Singapore: ISEAS Publication, 2009), 1.

⁸⁷ Yuddy Chrisnandi, *Reformasi TNI, Perspektif Baru Hubungan Sivil Tentera di Indonesia*, (Jakarta: penerbit LP3S, 2002), 33.

⁸⁸ Dr. Syarifuddin Jurdi, *1 Abad Muhammadiyah. Gagasan pembaruan Sosial Keagamaan*, (Jakarta: Penerbit Kompas, 2010).

⁸⁹ Sohirin, *Islam And Politics Emergence of Reformative Movement in Indonesia*, (Kuala Lumpur: Penerbit IIUM, 2006), 3.

tekanan yang dilakukan oleh Amin Rais bersama tiga tokoh lainnya melalui deklarasi Ciganjur, MPR akhirnya sepakat mengeluarkan TAP MPR Nombor 11/MPR/1998 tentang penyelenggaraan pemerintahan yang bebas KKN yang antara lain menugaskan Presiden Habibie untuk menyiasat harta kekayaan Soeharto.⁹⁰

Pemberantasan korupsi pasca gerakan pelajar 1998 dimulai dengan lahirnya pelbagai peraturan dan perundang-undangan yang berkaitan dengannya, seperti; Ketetapan Majelis Permesyuaratan Rakyat (MPR) Nombor XI/MPR/1999 Tentang Penyelenggaraan Negara Yang Bersih dan Bebas korupsi, pakatan sulit dan nepotisme (KKN). Adanya Undang-undang Nombor 28 Tahun 1999 Tentang Penyelenggara Negara Yang Bersih Dari Korupsi, Pakatan sulit dan Nepotisme (KKN). UU nombor 31 tahun 1999 Tentang Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi, yang telah disempurnakan menjadi Undang-undang nombor 20 Tahun 2001 Tentang Perubahan Atas Undang-undang 31 Tahun 1999 yang dibuat semasa pemerintahan Habibie.⁹¹ Dari awal memerintah lagi Habibie telah menyetujui perjuangan ke arah good governance Indonesia seperti pemerintahan yang bersih dan bebas dari KKN serta kehidupan ekonomi yang lebih memberi peluang berusaha secara adil.⁹²

Pelbagai institusi juga ditubuhkan seperti pembentukan Komisi Ombudsman pada tahun 2008 yang bertugas mengawasi penyelenggaraan perkhidmatan awam⁹³, Komisi Pemeriksa Kekayaan Penyelenggara Negara (KPKPN), tahun 1999 dan Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) pada tahun 2002.

Antara kelamahan orde lama dan orde baru ialah kerana ketiadaan keadilan sosial dalam pentadbirannya. Kekayaan negara hanya dinikmati oleh segelintir

⁹⁰ Sidarta Gautama dan Aries Budiono, *Moralitas Politik dan Pemerintahan Yang Bersih Menurut 4 Tokoh Reformasi, Amin Rais, Emil Salim, Nurcholis Madjid, Yusril Ihza Mahendra*, (Jakarta: penerbit Raja Grafindo Persada, 1999), 145.

⁹¹ Bacharuddin Jusuf Habibie, *Detik-Detik Yang Menentukan, Jalan Panjang Indonesia Menuju Demokrasi*. (Jakarta: penerbit THC Mandiri, 2006), 355.

⁹² Bacharuddin Jusuf Habibie, *Detik-Detik Yang Menentukan, Jalan Panjang Indonesia Menuju Demokrasi*, 70.

⁹³ Sunaryati Hartono. *Peranan Ombudsman Dalam Pemberantasan dan Pencegahan Korupsi Serta Pelaksanaan Pemerintahan Yang Baik*. (Jakarta: Penerbit Komisi Ombudsman Nasional 2005).

penguasa, sementara rakyat hidup susah dan menderita. Dalam Islam, keadilan adalah salah satu prinsip masyarakat Madani sebagaimana yang dinyatakan dalam Quran surah 16:90, QS 6:58, 152, QS 5:8, Quran Surah Hud ayat 113 dan beberapa Hadis seperti pemimpin yang adil paling dicintai Allah dan pemimpin yang zalim paling dibenci Allah dan akan memperoleh seksaan di hari akhirat nanti.⁹⁴

Undang-undang lain dalam menghadapi korupsi di era reformasi ialah; Peraturan pemerintah Republik Indonesia nomor 71 tahun 2000 tentang tata cara pelaksanaan peranan serta masyarakat dan pemberian penghargaan dalam pencegahan dan pemberantasan tindak jenayah korupsi. Undang-undang nomor 30 tahun 2002 tentang komisi tindak jenayah korupsi. Instruksi Presiden Republik Indonesia nomor 5 tahun 2004 tentang percepatan pemberantasan korupsi. Undang-undang republik Indonesia nomor 46 tahun 2009 tentang pengadilan tindak jenayah korupsi. Undang-undang republik Indonesia nomor 8 tahun 2010 tentang pencegahan dan pemberantasan tindak jenayah pencucian wang. Instruksi Presiden republik Indonesia nomor 9 tahun 2011 tentang rencana aksi pencegahan dan pemberantasan korupsi tahun 2011. Kod etika pegawai komisi pemberantasan korupsi tahun 2006. Undang-undang republik Indonesia nomor 7 tahun 2006 tentang pengesahan *United Nations Convention Against Corruption 2003*. Rencana Aksi pencegahan dan pemberantasan korupsi tahun 2011.

Tidak hanya Undang-undang, kerajaan pasca gerakan pelajar 1998 juga menubuhkan pelbagai institusi yang menuju ke arah good governance seperti pembentukan Komisi Ombudsman yang bertugas mengawasi penyelenggaraan pelayanan publik⁹⁵, Komisi Pemeriksa Kekayaan Penyelenggara Negara (KPKPN) dan peraturan perundangan-undangan yang berkaitan dengan KPK tentunya.

⁹⁴ Mustaffa Kamil Ayub, *Masyarakat Madani & Idealisme Politik*, (Petaling Jaya: Institute Masyarakat Madani, 2004), 44.

⁹⁵ Sunaryati Hartono. *Peranan Ombudsman Dalam Pemberantasan dan Pencegahan Korupsi Serta Pelaksanaan Pemerintahan Yang Baik*. (Jakarta: penerbit Komisi Ombudsman Nasional, 2005).

Semangat anti korupsi tidak hanya mendapat sokongan dari masyarakat banyak, tetapi juga dari partai politik. Pemerintahan yang bersih dan anti korupsi menjadi agenda utama parti-parti Islam dalam menghadapi pilihan raya tahun 1999. Strategi ini dipengaruhi oleh situasi umum pasca gerakan pelajar 1998 yang mana masyarakat menginginkan perubahan di segala bidang.⁹⁶

Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa beberapa peraturan perundang-undangan yang telah digunakan untuk membanteras korupsi di Indonesia antara lain; Delik Korupsi dalam KUHP, Peraturan Pemberantasan Korupsi Penguasa Peranan prt/Peperpu 013/1950, UU No 24/1960 Tentang Tindak Jenayah Korupsi, UU No 3/1971, Tap MPR No XI 1998 Tentang Penyelenggaraan Negara Yang Bersih dan Bebas dari Korupsi, Pakatan sulit dan Nepotisme, UU No 28/1999 Tentang Penyelenggaraan Negara yang Bersih dan Bebas Dari Korupsi Pakatan sulit dan Nepotisme, UU No 31/1999 Tentang Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi, UU No 20/2001 Tentang Perubahan UU No 31/1999 Tentang Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi, UU No 30 Tahun 2002 Tentang Komisi Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi, UU No 7 / 2006 Tentang Pengesahan United Nation Convention Against Corruption, PP No. 71/2000 Tentang Peranan Serta Masyarakat dan Pemberian Penghargaan dalam Pencegahan dan Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi, Instruksi Presiden No 5 / 2004 Tentang Pencepatan Pemberantasan Korupsi.⁹⁷

Secara ringkasnya dalam sejarah Indonesia lembaga pemberantasan korupsi yang pernah ada ialah; Tim Pemberantasan Korupsi (TPK), Komisi Empat (KE), Komisi Anti Korupsi (KAK), OPSTIB, Tim Pemberantasan Korupsi, (TPK), Tim Gabungan Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi (TGPTPK) dan Komisi

⁹⁶Moh Izani Moh Zain (editor), *Demokrasi dan Dunia Islam Perspektif Teori dan Praktik*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2014), 278.

⁹⁷Nanang et al (ed.), *Pendidikan Anti Korupsi Untuk Perguruan Tinggi*, (Jakarta: Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan, 2011), 128.

Pemberantasan Korupsi (KPK).⁹⁸ Namun hampir semua agensi anti korupsi tersebut dapat dikatakan gagal yang disebabkan oleh ketiadaan kepemimpinan contoh yang sama kata dengan perbuatannya.

ICW lebih cenderung mengutip pendapat yang mengatakan bahawa kegagalan pemberantasan korupsi di Indonesia disebabkan oleh faktor kurangnya gaji kaki tangan kerajaan seperti Hakim, Jaksa, Polis dan sebagainya.⁹⁹

Padahal kurangnya gaji kaki tangan kerajaan disebabkan oleh perkembangan ekonomi yang tidak memberangsangkan. Ekonomi yang lemah tersebut juga disebabkan oleh birokrasi yang buruk dan lemahnya pengamalan ciri-ciri good governance yang juga disebabkan oleh faktor korupsi. Jadi jika ingin gaji naik, ekonomi harus membaik dan hentikan korupsi terlebih dulu. Sementara Diana mengemukakan faktor kegagalan itu adalah disebabkan oleh lemahnya komitmen pemerintah, ego sektoral, serangan balik koruptor, enggan melakukan reformasi birokrasi, sikap pesimis atau apatis masyarakat.¹⁰⁰

Faktor kegagalan pemberantasan korupsi lainnya adalah kerana program pemberantasan korupsi dilakukan dengan panas-panas taik ayam, tidak ada kelompok lobi yang memiliki kepentingan tetap terhadap pemberantasan korupsi, kurangnya upaya meningkatkan partisipasi masyarakat, semata-mata melakukan pendekatan hukum atau terlalu tertumpu pada himbauan moral, dimanfaatkannya gerakan anti korupsi untuk mendapatkan projek, untuk menjatuhkan lawan politik dan kurangnya strategi pemberantasan korupsi.¹⁰¹

⁹⁸ Chairil A Adjid & Dudi Akasyah, *Kriminologi Syariah*, (Jakarta: Graha Pena, 2007), 160.

⁹⁹ Penyebab Kegagalan Kebijakan Antikorupsi, dicapai 18 Mac 2016, <http://www.antikorupsi.org/id/content/penyebab-kegagalan-kebijakan-antikorupsi>.

¹⁰⁰ Diana Napitupulu, *KPK In Action* (Jakarta: penerbit Raih Sukses Asa, 2010), 91.

¹⁰¹ Robert Klitgaard et.al, *Penuntun Pemberantasan Korupsi Dalam Pemerintahan Daerah*, (Jakarta: Yayasan Obor, 2005), 15.

4.6 Beberapa Organisasi Gerakan Anti Korupsi di Indonesia

Usaha pemberantasan korupsi di Indonesia banyak dibantu oleh gerakan masyarakat melalui NGO seperti Indonesia Corruption Watch (ICW), Transparency International (TI), Masyarakat Pemantau Peradilan Indonesia (MaPPI), dan GIZ yaitu sebuah badan anti korupsi yang bekerjasama dengan German. Dari dukungan massa pula, KPK banyak mendapat dukungan dari organisasi masyarakat seperti Muhammadiyah, Persis, NU dan sebagainya. Berikut adalah beberapa organisasi yang konsisten membantu KPK dalam membanteras korupsi.

Indonesia Corruption Watch (ICW) adalah organisasi masyarakat yang lahir pada 21 June 1998, yaitu sebulan setelah Soeharto diberhentikan dari kedudukan Presiden melalui gerakan pelajar pada 21 Mei 1998. ICW bergerak bersama rakyat dan memperjuangkan hak-hak rakyat dalam membanteras korupsi. ICW banyak mengkritik sikap dan perilaku pemerintah dan dunia usaha yang korup. Antara misi ICW adalah; memperkuat kedudukan rakyat dalam proses pengambilan keputusan dan pengawasan polisi awam. Ia berjuang bidang pelayanan awam, polisi awam, membongkar korupsi, pengawasan dan mengadukan kes-kes korupsi, reformasi hukum, serta memberi facility penguatan good governance di masyarakat sivil dan penegakan standard etika di kalangan profesional. Prinsip ICW adalah; integriti, akauntabiliti, independent, objektiviti dan kerahsiaan, serta anti diskriminasi.¹⁰² Namun dalam pelbagai forum, publik masih menilai bahawa ICW tidak adil dan dikatakan memihak pada parti politik dan kelompok tertentu. Sikap yang berpihak ini adalah sesuatu yang mungkin berlaku mengingat ICW memerlukan dana kewangan yang tinggi untuk tetap bertahan.¹⁰³

Abdullah Dahlan dari ICW menyatakan dukungan ICW pada KPK dalam membanteras korupsi. Ini kerana KPK memberi peranan dalam good governance terutama bidang birokrasi khususnya pada bidang anggaran. Apresiasi juga diberikan pada KPK

¹⁰² Indonesia Corruption Watch, dicapai 30 November 2015, <http://www.antikorupsi.org/id/icw>

¹⁰³ Taufik: Apa ICW Sudah Jadi Penasihat Ahok, Dicapai 30 November 2015, <http://megapolitan.kompas.com/read/2015/11/02/13070561/Taufik.Apa.ICW.Sudah.Jadi.Penasihat.Ahok>.

terutama di bidang pencegahan korupsi, tata kelola, koordinasi, mengawasi dan pencegahan. Namun menurut beliau wilayah pencegahan belum maksimal padahal dalam bidang pencegahan menentukan tentang kemajuan pemberantasan korupsi. Menurutnya lagi masih banyak masalah dan kerja rumah yang harus dilakukan KPK seperti pencegahan izin yang bermasalah, penerimaan daerah, menghindari kehilangan pendapatan negara disebabkan korupsi. Pemangku kepentingan akan berhati-hati dengan adanya KPK. KPK juga dinilai sebagai institusi yang paling berani kerana mampu menyentuh unsur penting termasuk parti politik dan parlimen.¹⁰⁴

Gerakan Rakyat Peduli Harta Negara (Gempita) sedikit sekali maklumat online yang berkaitan dengan NGO ini. Ia didirikan sebulan setelah kejatuhan Presiden Soeharto. Para pendiri dan pengurusannya terdiri dari orang-orang hebat seperti Baharuddin Lopa, Faisal Basri, Fikri Jufri, Albert Hasibuan dan lainnya. Fokus gerakan mereka adalah mengumpul maklumat, data, bukti dari masyarakat mengenai harta kekayaan mantan Presiden Soeharto. Setelah meninggalnya Soeharto hingga sekarang gerakan ini sepertinya sudah terhenti, apalagi salah seorang pendirinya Baharuddin Lopa meninggal dunia.¹⁰⁵

Forum Indonesia Untuk Transparensi Anggaran (FITRA) adalah organisasi yang bergerak di bidang pengawasan sosial untuk transparansi proses-proses penganggaran negara yang dilakukan dengan penuh integriti, independent dan inovatif.¹⁰⁶ Fitra didirikan pada September 1999 dalam rangka mendorong terciptanya good governance.¹⁰⁷ Fokus gerakan ini adalah pemantauan dan pengawasan terhadap belanjawan baik di pusat mahupun di daerah yang berpengaruh pada pelayanan awam.¹⁰⁸

¹⁰⁴ Wawancara yang penulis lakukan pada staff ICW bernama Abdullah Dahlan di PICC Putrajaya 4 September 2016.

¹⁰⁵ Selama Habibi Jadi Presiden Tak Bisa Ada Tim Pengusut, dicapai 30 November 2015, <http://tempo.co.id/ang/min/03/14/utama3.htm>.

¹⁰⁶ <http://seknasfitra.org/perihal/>.

¹⁰⁷ Sejarah Singkat Fitra, dicapai 4 Disember 2015, <http://seknasfitra.org/perihal/sejarah-singkat-organisasi/>.

¹⁰⁸ Fitra, *Laporan Analisis Anggaran Daerah 2008-2011*, (Jakarta: The Asia Foundation, 2012), 1.

Organisasi yang banyak membantu KPK adalah Transparensi International Indonesia. Mereka sering melakukan kaji selidik dan membuat indeks prestasi korupsi dan Global Corruption Barometer di banyak negara termasuk Indonesia.¹⁰⁹

Menanggapi kaitan antara CPI dengan KPK, Sekretaris Jeneral Transparency International Indonesia Dadang Trisasongko Wawan Heru Suyatmiko menilai bahawa CPI yang tidak berubah secara significant bukan kerana kesalahan KPK. CPI ditentukan oleh birokrasi yang belum berubah di Indonesia.

Oleh sebab penagak hukum seperti kepolisan, kejaksanaan dan kehakiman yang belum mengalami perubahan yang bererti. Minyak dan gas juga belum menjalankan prinsip good governance, bahkan calon pimpinan daerah menggunakan minyak, gas, kehutanan, tambang sebagai modal dalam kempen mereka.¹¹⁰ Ini bererti bahawa kerja keras KPK tidak diimbangi dengan kerja keras dari institusi lain seperti Kejaksanaan, Kepolisian, Kehakiman dan sebagainya.

Namun demikian peranan KPK sangat kuat dalam menyumbang ke arah pelaksanaan good governance di Indonesia. Antaranya ialah survey Integriti nasional yang direka oleh KPK adalah sebuah langkah maju yang positif ke arah terciptanya good governance di Indonesia.¹¹¹

Masyarakat Pemantau Peradilan Indonesia (MaPPI) adalah sebuah pusat kajian yang bergerak dalam pemantauan jalannya peradilan apakah sesuai dengan undang-undang atau sebaliknya.¹¹² Choky Risda Ramadhan dan Adery Ardhan Saputro dari MaPPI FHUI Masyarakat Pemantau Peradilan menilai bahawa *kriminalisasi* KPK telah berlaku tiga kali. Semuanya disebabkan oleh sebab KPK yang mengusik institusi kepolisan seperti kes Susno, Joko, Tri Gunawan. Barangkali kecemburuan persaingan yang membuat polis melawan bila berurusan dengan KPK.

¹⁰⁹ Transperanancy International Indonesia, dicapai 4 Disember 2015, <http://www.ti.or.id/>.

¹¹⁰ Wawancara yang penulis lakukan pada staff TI di PICC Putrajaya 4 September 2016.

¹¹¹ Wawancara yang penulis lakukan pada staff TI di PICC Putrajaya 4 September 2016.

¹¹² Masyarakat Pemantau Peradilan Indonesia, dicapai 4 Disember 2015, http://pusatriset.ui.ac.id/pusatriset/?page_id=775.

MaPPI sangat mendukung peranan KPK dalam membanteras korupsi. Peranan maksimal dalam pencegahan, laporan harta kekayaan negara. Polis sepertinya tidak siap dengan agenda reformasi yang menginginkan good governance dalam segala hal. Dibalik semua kelebihanannya, menurut mereka KPK belum mampu menyentuh institusi tentera kerana mereka memiliki undang-undang sendiri.¹¹³ Padahal TNI adalah tentara Indonesia yang harus tunduk pada Undang-undang Indonesia bukan seperti mendirikan negara dalam negara.

Hampir semua NGO penggiat anti korupsi menilai positif kerja KPK dengan memberikan nilai A pada KPK. Ini termasuk Roto Priyono dari GIZ sebuah badan yang bekerjasama dengan Jerman menilai KPK dengan sangat positif.¹¹⁴

Pengawasan oleh LSM pada KPK biasanya dilakukan dengan membuat laporan tahunan yang berkecuali. Laporan itu dibuat berdasarkan kerja KPK setahun dengan menilai target yang ditetapkan dengan pencapaian selama setahun. LSM akan menyiarkan lewat pelbagai media agar masyarakat ikut mengawasi kerja KPK.¹¹⁵

Bantuan LSM pada KPK dapat juga berbentuk analisis data dan sahabat KPK dalam pelbagai diskusi. Dengan adanya data organisasi gerakan anti korupsi di Indonesia dapat difahami bahawa perjuangan pemberantasan korupsi tidak hanya dilakukan oleh KPK secara bersendirian tetapi banyak dibantu oleh NGO lain.

4.7 Perjalanan Urus Tadbir Baik di Indonesia

Menurut Andan Pandu Praja wakil ketua KPK, transparensi merupakan kunci keberhasilan pemberantasan korupsi. Dan KPK menjadi pencetus proses keterbukaan ini yang dimulai dari dalam institusi KPK itu sendiri.¹¹⁶

¹¹³ Wawancara yang penulis lakukan pada staff MaPPI di PICC Putrajaya 4 September 2016.

¹¹⁴ Wawancara yang penulis lakukan pada staff GIZ di PICC Putrajaya 4 September 2016.

¹¹⁵ Diana Napitupulu, *KPK in Action*, (Bogor: Raih Asa Sukses, 2010), 83.

¹¹⁶ KPK, *Integriti edisi Mart-April 2012*, (Jakarta: KPK, 2012), 54.

Menurut kajian yang dilakukan Fitra pada tahun 2011 menunjukkan bahawa sebanyak 70% institusi pemerintah tidak memberikan tanggapan maklumat dalam 1-17 hari, 8 % memberikan tanggapan tetapi tidak memberikan maklumat dan hanya 21 % memberikan maklumat dan tanggapan. Secara purata, Fitra menyebut bahawa hanya 45,8% badan awam yang memberikan maklumat yang diminta dan 54,2 tidak memberikan maklumat setelah diminta.¹¹⁷ Padahal menurut undang-undang, setiap institusi harus membuka maklumat nya ke awam tanpa harus diminta terlebih dahulu.

Asas kekuatan hukum transparensi di Indonesia adalah Undang-Undang Nombor 14 Tahun 2008 Tentang Keterbukaan Maklumat Publik. Transparensi di Indonesia juga banyak didukung oleh kebebasan media yang dijamin oleh undang-undang seperti UURI No. 9 / 1998 Tentang Kemerdekaan Menyampaikan Pendapat di muka umum, UURI No. 40 / 1999 Tentang Pers dan UURI No. 32 / 2002 Tentang Penyiaran.

Jika di orde lama dan orde baru media dijajah dan dipasung, maka di era kepimpinan Jokowi media mengalami dilema kerana ingin terpasung dan mahu dijajah oleh penguasa dan pengusaha dengan tidak berimbang nya pemberitaan media mainstream di era pemerintahan ini. Media memihak pada pemerintah dan pemilik modal walaupun kebebasan media telah dijamin oleh undang-undang.

Akauntabiliti bermaksud kejelasan fungsi dalam organisasi dan cara mempertanggungjawabkan nya. Ini bermaksud agar para penyelenggara negara bertanggungjawab dalam menjalankan tugasnya. Ia menuntut mereka untuk menjalankan tugas dengan cara yang jujur dan sesuai dengan peraturan per Undang-undangan yang ada untuk menghindari penyalahgunaan bidang kuasa. Antara ciri akauntabiliti itu ialah fungsi kerja yang jelas dan bertanggungjawab, target, capaian kerja, kepatuhan pada hukum, mempertanggungjawabkan secara berkala, respons

¹¹⁷ Fitra, *10 Facts About Public Access To Budgetary Information*, (Fitra: Jakarta, 2011), 7.

terhadap aduan publik, melakukan penilaian dan semua itu diawasi oleh masyarakat dan lembaga yang memiliki kewenangan mengawasinya. Sementara masalah utama penyebab buruknya birokrasi Indonesia di masa orde lama, orde baru dan pasca gerakan pelajar 1998 ialah erat kaitannya dengan campur tangan intervensi parti penguasa yang berlebihan pada jalannya roda pemerintahan.¹¹⁸ Sikap yang mencampur adukkan antara kepentingan parti dengan pentadbiran Negara adalah sebuah penyalahgunaan kuasa. Jika selama orde baru kebijakan Negara selalu dibayangi oleh kepentingan Golkar, maka setelah reformasi 1998 kebijakan Negara selalu dibayangi oleh kepentingan Demokrat waktu kepemimpinan SBY dan saat ini dibayangi oleh kepentingan PDIP waktu kepemimpinan Jokowi. Bahkan ketua umum PDIP Megawati selalu hadir dalam acara rasmi pemerintah padahal dalam pemerintahan Indonesia saat ini Mega tidak memiliki kedudukan apapun.

Kelemahannya dalam pemerintahan yang terlalu banyak campur tangan parti politik adalah kurangnya akauntabiliti dan penyertaan masyarakat sebagai penyeimbang kekuasaan pemerintah. Padahal akauntabiliti dan penyertaan masyarakat menurut Kurniawan dianggap mampu mengatasi jenayah korupsi. Ianya juga dapat dilakukan sebagai strategi yang berfokus baik terhadap masyarakat, hukum, pasar, mahupun politik.¹¹⁹

Namun demikian Selepas gerakan pelajar 1998, pemerintahan daerah tidak semuanya ditadbir oleh parti kerajaan dan sudah banyak pemerintahan di pelbagai daerah Indonesia yang menerapkan konsep bertanggungjawab ini. Di antara nya adalah dengan membuat *one stop center*, menentukan tarif bayaran rasmi dengan menghapus bayaran-bayaran yang tidak rasmi seperti pungutan liar.¹²⁰

¹¹⁸ Miftah Toha, *Reformasi Birokrasi Pemerintah, Disampaikan dalam seminar Good Governance di Bappenas*, 24 Oktober 2002, 2.

¹¹⁹ Teguh Kurniawan, *Peranan Akuntabilitas Publik dan Penyertaan Masyarakat Dalam Pemberantasan Korupsi di Pemerintahan*, Jurnal Ilmu Pentadbiran dan Organisasi, (Ogos 2009), 120.

¹²⁰ KPK. *Memahami Untuk Melayani: Pelayanan Perijinan dan Non Perijinan Sebagai Wujud Tata Kelola Pemerintahan Yang Baik*. (Jakarta: KPK, 2006), 40.

Orientasi kesepakatan, atau pengambilan keputusan yang berdasarkan mesyuarat dan muafakat agar tidak berlaku diktator kuku besi, di mana keputusan berdasarkan hanya pada pandangan, pendapat dan keinginan seorang individu pemimpin saja. Dalam mandemen UUD 1945 kedudukan DPR diperkuat dan lebih tinggi dari pemerintah dalam penentuan APBN. Ini adalah sebuah tanda kedaulatan rakyat menurut AM. Fatwa.¹²¹

Budaya hukum berarti penegakan hukum tanpa pandang bulu yang berarti hukum berada di atas kekuasaan orang. Pembuatan dan penetapan hukum harus dilakukan atas kepentingan hukum demi kemaslahatan awam dan dilaksanakan secara berterusan. Semua orang statusnya sama di hadapan hukum. Seorang Presiden, Menteri, Gubernur, Walikota, Jenderal yang melanggar peraturan hukum perundang-undangan sama-sama akan di adili dan dihukum sebagaimana seorang penganggur yang melanggar hukum tanpa adanya perbezaan dan diskriminasi. Masalah utama di Indonesia adalah banyaknya penegak hukum seperti hakim, Kejaksaan dan Polis yang tidak berintegriti, melakukan korupsi, pakatan sulit dan mengutamakan kroni, bahkan dipengaruhi oleh parti politik dalam memutuskan keputusan hukum. Untuk itu Kemitraan mendukung penguatan kemandirian dan profesionalisme dalam rangka membanteras korupsi.¹²²

Kekuasaan hukum (*rule of law*), atau penegakan hukum yang ditandai dengan kekuasaan hukum berada di atas kekuasaan individu. Kepastian hukum di mana setiap orang sama di hadapan hukum, responsif cepat tanggap, yang mudah, murah terjangkau dan beretika, beradab. Konsisten yang tidak diskriminatif di mana hukum selalu dilakukan terus menerus tanpa memandang siapa yang melakukan tetapi apa yang dia lakukan. Tidak pandang bulu serta kemandirian peradilan atau peradilan yang merdeka tanpa campur tangan pihak lain. Perlunya diterapkan kekuasaan undang-undang,

¹²¹ AM. Fatwa, *Potret Konstitusi Pasca Amandemen UUD 1945*, (Jakarta: Kompas, 2009), 246.

¹²² *Peranan Masyarakat Sipil Dalam Rangka Terwujud nya Tata Kelola Pemerintahan Yang Lebih Baik. Oleh Kemitraan.* Disampaikan dalam Konferensi Nasional Pencegahan Korupsi 2 Disember 2014 di Jakarta, 17.

kepastian hukum, hukum yang cepat tanggap, penegakan hukum yang berterusan dan tanpa diskriminasi, serta peradilan yang bebas. Semua itu harus dimulai dari proses pembuatan undang-undang yang harus selari dengan jiwa good governance demi menjamin hak asasi manusia.¹²³

UUD 1945 sebenarnya menjamin tentang kekuasaan kehakiman yang merdeka. Kekuasaan kehakiman yang merdeka merupakan salah satu prinsip penting bagi Indonesia sebagai sebuah Negara hukum. Ia bebas dari campur tangan manapun dan dalam bentuk apapun. Tidak berpihak dalam menjalankan tugas dan kewajibannya kecuali terhadap hukum dan keadilan. Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa Indonesia adalah sebuah Negara hukum bukan Negara kekuasaan.¹²⁴

Namun demikian nampaknya semua itu hanya baru sebatas teori sahaja. Ini kerana menurut William Liddle bahawa "*ketidakpastian hukum merupakan kelemahan yang besar bagi pemerintah Indonesia*"¹²⁵ Ini senada dengan kes yang diungkapkan oleh Dwi tentang adanya Polis bayaran yang disewa oleh swasta untuk menjaga kepentingan pengusaha dengan pengetahuan atasan Polis. Pimpinan polis pula menyedari hal itu dan menganggap Polis yang digaji dari wang rakyat untuk menjaga kepentingan rakyat tetapi dalam waktu yang sama disewa oleh swasta untuk menjaga kepentingan mereka dianggap suatu yang biasa.¹²⁶

Tentang ketidakpastian hukum akibat korupsi, pernah berlaku di Indonesia orang yang terhukum dalam penjara tetapi boleh menonton tenis di sebuah pulau peranginan Bali.¹²⁷ Adalagi di antara penghuni penjara itu yang mendapat kemudahan mewah

¹²³ Meri Yarni & Latifah Amir, *Penguatan Tata Kelola Pemerintahan yang Baik Dalam Pembentukan Peraturan Perundang-undangan Sebagai Pilar Penegakan Hak Asasi Manusia di Indonesia*. Jurnal Hukum Universitas Jambi, dicapai 29 Oktober 2015, <http://www.unescap.org/pdd/prs/ProjectActivities/Ongoing/gg/governance.pdf>, 136.

¹²⁴ Moh. Hatta, *Menyongsong Penegakan Hukum Responsif Sistem Peradilan Pidana Terpadu Dalam Konsepsi dan Implementasi Kapita Selekta*, (Yogyakarta: Galang Press, 2008), 94.

¹²⁵ William Liddle, *Tentera dan orde baru dalam Benedict Anderson, Mencari Demokrasi*, (Jakarta: penerbit Institute Studi Arus Maklumat, 1999), 250.

¹²⁶ Dwiyanto Indiahono, *Reformasi Birokrasi Amplop, Mungkinkah?* (Yogyakarta: penerbit Gava Media, 2006), 80.

¹²⁷ Gayus nonton tennis di Bali, laman sesawang voa Islam, dicapai 14/11/2010, <http://www.voa-islam.com/news/indonesiana/2010/11/09/11769/gayus-nonton-tenis-di-bali-9-petugas-rutan-brimob-diganti/>.

dalam penjara seperti TV, Aircond, Body Massage, BBM dan sebagainya.¹²⁸ Masuk pintu hadapan keluar pintu belakang penjara. Penjara yang mendapat kawalan rapi tetapi menjadi pusat peredaran dadah.¹²⁹ Anak, keluarga dan kelompok pejabat tinggi yang bebas dari hukuman akibat sokongan *orang kuat*. Pesalah dan penjahat yang tidak mendapatkan hukuman adalah biasa berlaku setidaknya di waktu orde baru kerana yang bersangkutan sanggup membayar wang dalam jumlah tertentu, Ada lagi istilah orang, individu dan golongan yang kebal dan tidak dapat dikenakan tindakan undang-undang.¹³⁰

Indonesia di zaman orde baru memiliki individu-individu yang kebal hukum. Mereka terdiri dari para pegawai tinggi negara beserta keluarganya. Mereka seolah-olah tidak tersentuh hukum. Seandainya masuk penjara pun, semua itu hanyalah sandiwara sahaja, kerana ianya akan masuk melalui pintu hadapan dan akan keluar melalui pintu belakang di hari yang sama. Ketidaksamaan di hadapan hukum ini, sepertinya telah membentuk semacam dinasti atau bagaikan raja yang menguasai sebuah negara.¹³¹

Indonesia pernah mengalami fasa terburuk dalam hal kedaulatan undang-undang di masa orde baru. Di waktu itu bukan hukum yang menjadi panglima, tetapi individu berkuasa dapat mempermainkan hukum sesuka hatinya. Barulah setelah gerakan pelajar 1998, satu persatu petinggi negara yang melakukan pelanggaran hukum dapat dipenjarakan.¹³²

Asas penyusunan dan penetapan hukum haruslah mengedepankan transparensi, akauntabiliti dan perlindungan Hak Asasi Manusia. Mendukung terwujudnya kekuasaan undang-undang bagi menciptakan kepastian hukum. Penyelenggara negara

¹²⁸Penjara mewah, laman sesawang tempo, dicapai 1/1/2010 <http://www.tempo.co/read/news/2010/01/11/063218341/Penjara-Mewah-Artalyta-Terungkap-Berkat-Laporan-Warga>.

¹²⁹Penjara pusat narkoba, laman sesawang jppn, dicapai 14/11/2012; <http://www.jpnn.com/read/2012/11/14/146855/Kontroversi-Grasi-Ola,-Bandar-Narkoba-dari-Balik-Penjara->.

¹³⁰Ichlasul Amal "Penghentian Kasus Soeharto Lukai Rasa Keadilan", Laman sesawang warta, dicapai 2 Februari 2014, <http://www.wartaterkini.com/15/48/45/prof-ichlasul-amal-nilai-penghentian-kasus-soeharto-lukai-rasa-keadilan.htm>.

¹³¹ Pramono U. Tanthowi (2002), *Islam dan Reformasi: kedudukan Islam terhadap orde baru dasawarsa 1990-an* h.1-2. Jauhar, jurnal Pemikiran Islam Kontekstual. Volume 3, no.1 Juni 2002, Program Pasca Sarjana UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta.

¹³² Pramono U. Tanthowi (2002), *Islam dan Reformasi: kedudukan Islam terhadap orde baru dasawarsa 1990-an* h.1-2. Jauhar, jurnal Pemikiran Islam Kontekstual. Volume 3, no.1 Juni 2002, Program Pasca Sarjana UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta.

harus menjalankan kewajibannya secara profesional jujur dan taat asas, sehingga terhindar dari praktik korupsi, pakatan sulit dan nepotisme.

Menjamin berfungsinya lembaga hukum untuk menciptakan negara yang bersih dan sesuai prinsip hukum dan bagi yang melanggar hukum harus dikenakan sanksi sesuai undang-undang yang ada. Ini sejalan dengan asas Good Governance dan perlindungan Hak Asasi Manusia yang harus di bangun secara sejalan kerana memiliki persamaan dan kaitan yang erat antara satu dengan lainnya.¹³³

Dengan demikian asas polisi umum harus mengutamakan melindungi hak-hak masyarakat dengan asas kewajaran dan kesetaraan iaitu dengan memberikan pelayanan yang berkualiti. Pelayanan yang berkualiti itu disesuaikan dengan lingkungan, kepentingan dan masukan masyarakat. Pelayanan yang berkualiti itu harus diawasi oleh masyarakat dan lembaga yang berkepentingan. Sehingga tidak boleh berlaku pembezaan agama, suku, kelompok dan golongan.¹³⁴ ini kerana dalam konsep demokrasi, pemimpin adalah mereka yang dipilih oleh rakyat dan rakyat tentu sahaja akan memilih pemimpin yang baik pada mereka. Ini kerana demokrasi ialah;

“An institutional arrangement in which all adult individuals have the power to vote, through free and fair competitive elections, for the chief executive and national legislature” Pengaturan kelembagaan dimana setiap individu dewasa memiliki kekuatan untuk memilih melalui pemilihan yang kompetitif, bebas dan adil untuk menentukan ketua eksekutif dan legislative Negara.¹³⁵

Nilai-nilai etika dan pedoman perilaku iaitu menjalankan tugas dan kewajipan dengan amanah. Beretika ketika menjalankan tugas dan kewajipan ketika berhadapan

¹³³ Adel M. Abdellatif, *Good Governance and its relationship to democracy and economic development*, 26.

¹³⁴ KNKG. *Pedoman Umum Good Public Governance*. (Jakarta: KNKG, 2010), 11.

¹³⁵ Seymour Martin Lipset and Jason M. Lakin, *The Democracy Century*, (Norman US: University of Oklahoma, 2004), 19.

dengan pemangku kepentingan dan masyarakat. Nilai-nilai itu ialah integriti; berfikir, berkata dan berperilaku yang dilandasi oleh kejujuran, keadilan dan disiplin¹³⁶.

Profesional; komitmen untuk menyelesaikan tugas secara tuntas dan tepat atas dasar persaingan dan penuh tanggungjawab. Mengutamakan kepentingan masyarakat dan negara di atas kepentingan pribadi, kelompok atau golongan. Berwawasan ke hadapan; berfikiran maju dan masa hadapan dengan sebuah prestasi¹³⁷.

Etika harus dipegang oleh setiap penyelenggara negara baik legislatif, eksekutif, yudikatif mahupun lembaga non struktural. Dalam Islam etika dapat diertikan dengan jujur adil dan amanah. Ianya menjadi prasyarat seseorang untuk dapat dijadikan sebagai pemimpin menurut al-Mawardhi.¹³⁸

Di Indonesia hingga saat ini pun etika masih belum menjadi element yang penting dalam menetapkan seseorang menjadi pemimpin. Masih ramai yang menganggap hubungan di luar nikah, minum arak, berjudi, pembohongan, melanggar janji, mengkhianati amanah yang dilakukan oleh pemimpin dianggap sebagai sesuatu yang biasa.

Efektif dan efisien (*effectiveness and efficiency*), iaitu pembangunan dan polisi yang tepat guna tidak membazir, berkesan, mujarab dan berdaya guna serta bermanfaat. Di orde baru ada istilah *Repelita* atau rencana pembangunan lima tahun. Pembangunan akan rosak sebelum lima tahun dengan kualiti yang buruk dengan tujuan bahawa ianya akan mendapatkan projek yang sama lagi pada tahun akan datang.

Banyak bangunan gajah putih yang diadakan untuk tujuan memberikan projek bagi kontraktor yang ditangani oleh kroni pegawai tinggi kerajaan. Projek itu akan

¹³⁶ KNKG, *Pedoman Umum Good Publik Governance*, (Jakarta: Komite Nasional Polisi Governance, 2010).

¹³⁷ KNKG, *Pedoman Umum Good Publik Governance*, (2010).

¹³⁸ Al-Mawardhi, *al-ahkam as-Sulthaaniyyah fi al-wilaayah ad-diniyyah*. (Beirut: Dar-Kitab, 450 H).

menjadi bangunan tanpa memberi manfaat bagi pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.¹³⁹

Salah satu penyebabnya ialah kerana Soeharto menerapkan sistem ekonomi kroni, di mana banyak dari kekayaan Indonesia dimonopoli oleh anak, saudara, kelompok, golongan dan kroninya sahaja yang dikenal dengan korupsi, pakatan sulit dan nepotisme.¹⁴⁰

Dalam sistem demokrasi, pemimpin bertanggungjawab pada rakyat melalui wakil rakyat yang ditunjuk. Akan tetapi wakil rakyat di zaman orde baru tidak lagi menyampaikan suara dan aspirasi rakyat tetapi mendengar dan menuruti keinginan dan kemahuan pemimpin sahaja. Seorang penyanyi Iwan Fals mengkritik pemerintah ketika itu menulis sebuah lagunya berjudul “wakil rakyat”.

Pemerintah bukanlah penguasa bangsa, negara dan rakyat. Pemerintah hanyalah, penyelenggara negara, manager, pilot, supir, lokomotif untuk jangka masa sementara sebelum berhenti atau pencek yang akan membawa negara ke tujuan yang disepakati bersama kebaikan, kesejahteraan, kedamaian dan sebagainya. Pemerintah harus mempertanggungjawabkan setiap yang mereka lakukan pada Tuhan dan rakyat. Pemerintah hanyalah berkuasa menjalankan tugas dan kewajibannya sesuai dengan undang-undang yang ada. Mereka bukanlah penguasa seperti raja dalam konsep pemerintahan klasik.

Pemerintah hanyalah berkuasa menjalankan tugas dan kewajiban sesuai undang-undang dan mereka dibayar untuk melakukan kewajiban dan tugas itu dari wang rakyat dan pemerintah bukanlah penguasa negara dan rakyat. Hakikatnya pemerintah adalah para pembantu yang bekerja untuk kebaikan rakyat yang membayar gaji mereka.

¹³⁹ Amin Rais. “*Suksesi Kepimpinan Nasional*” Dalam *Demokrasi Indonesia Kontemporari*. Editor Riza Noer Arfani. (Jakarta: Raja Grafindo Persada, 1996), 239-267.

¹⁴⁰ Gordon P. Means. *Political Islam In Southeast Asia*. (Petaling Jaya: SIRD, 2009), 110.

Ini kerana mengutip Ryaas Rasyid Nunuk mengatakan bahawa hakikat pemerintah adalah pelayanan kepada masyarakat. Pemerintahan ada kerana kehendak masyarakat. Untuk itu pemerintah diadakan bukan untuk melayani dirinya sendiri, tetapi untuk melayani masyarakat untuk menciptakan suasana yang membuat masyarakat mengembangkan kreativitinya demi mencapai tujuan bersama.¹⁴¹

Strategik atau berpandangan jauh ke hadapan dengan membuat polisi yang menjangkakan apa yang akan berlaku untuk masa hadapan yang panjang.¹⁴² Kekuatan strategik adalah sejauh mana ia mampu memahami sasaran. Kerana kegagalan memahami sasaran akan merumitkan perancangan organisasi.¹⁴³

Sebenarnya Indonesia memiliki Garis-Garis Besar Haluan Negara (GBHN) dan Rencana Pembangunan Lima Tahun (Repelita). Akan tetapi nampaknya semua itu tidak berjalan dengan baik kerana keinginan penguasa tidak diimbangi oleh suara dan aspirasi masyarakat. Keinginan dan kemahuan penguasa orde baru bagaikan Nash yang mutlak tanpa boleh dikritik dan diberi idea-idea.

4.8 Cabaran Urus Tadbir Baik Dalam Sejarah Indonesia

Penyalahgunaan kuasa dan membelakangi prinsip good governance di Indonesia dapat dilihat dengan mudah di era orde lama dan orde baru. Tidak ada pilihan raya 10 tahun pertama kepimpinan orde lama. Soekarno pernah membekukan parti Masjumi sebagai pemenang suara terbanyak kedua selepas PNI. Tidak lama setelah itu Soekarno membubarkan perlembagaan melalui *dekrit presiden* pada 5 Julai 1959 dan membentuk parlimen tanpa adanya pilihan raya.¹⁴⁴

¹⁴¹ Nunuk Febrianingsih, *Keterbukaan Maklumat Publik Dalam Pemerintahan Terbuka Menuju Tata Pemerintahan Yang Baik*. "Jurnal Rechts Vinding", (Januari-April 2012) 148.

¹⁴² UNDP, *Governance for Sustainable Human Development, A UNDP Policy Document*, (New York: UNDP, 1997).

¹⁴³ Basri Bin Ibrahim, *Sistem Pentadbiran dan Organisasi Dalam Islam*. (Johor: Jahabesa, 2001), 67.

¹⁴⁴ Jimly Asshiddiqie, (2005) *Kemerdekaan Berserikat, Pembubaran Partai Politik dan Mahkamah Konstitusi*. Jakarta: Konstitusi Pres. h. 176.

Soeharto juga pernah *mendikte* DPR sesuai dengan kehendaknya sahaja yang dikenal dengan motto asal bapak senang (ABS). Sehingga wakil rakyat sebagai perwakilan suara rakyat telah disalahertikan dengan duduk, dengar dan diam sahaja di dewan persidangan. Padahal dalam Islam konsep Syura menjadi sebahagian terpenting dalam pemerintahan negara. Ia selari dengan tuntunan al-Qur`an.¹⁴⁵

Di akhir kekuasaan Soeharto barulah kekuatan politik DPR nampak ke permukaan dengan pelbagai kritik yang mereka lakukan pada Presiden.¹⁴⁶ Maka setelah itu berlakulah pengembalian kedudukan, fungsi, peranan dan bidang kuasa DPR sesuai konsep *trias politica*.¹⁴⁷

Fungsi DPR kembali dilemahkan dizaman kepimpinan Jokowi dengan pelbagai cara termasuk pembusukan seolah-olah DPR adalah pelaku rasuah tertinggi, padahal institusi penegak hukum seperti Polis, Kejaksaan, BUMN yang berada di bawah kepimpinan Jokowi yang lebih korup. Pembusukan DPR dilakukan secara besar-besaran oleh media yang dikuasai oleh pemilik modal. Senario ini seolah-olah ingin mengarahkan negara pada kepimpinan tunggal presiden yang mirip dengan negara komunis. Asumsi ini juga didukung kerana di era ini fungsi dan kinerja judicative juga dibusukkan dengan sistematis seperti operasi tangkap tangan korupsi yang seolah-olah dipaksakan.

Antara kelemahan lainnya adalah kerana kurangnya penyertaan masyarakat. Padahal penyertaan masyarakat secara langsung mahupun melalui perwakilan perlu dilibatkan dalam proses mengambil keputusan pemerintahan. Di Indonesia penyertaan warganegara pernah mengalami pembekuan di masa pemerintahan diktator Soekarno dan Soeharto. Wakil rakyat yang bertugas menyampaikan aspirasi rakyat hanya bertindak sebagai pak turut yang sesuai dengan suara dan kehendak Presiden ketika itu.

¹⁴⁵ QS: Al-Syu`ara ayat 38.

¹⁴⁶ Azian Tamim et. al, *Profil Politik Indonesia Pasca Orde Baru*, (Jakarta: Grafika Indah 2005), 42

¹⁴⁷ Arbi Sanit, *Reformasi Politik*, (Jakarta: penerbit justika, 1998), 343.

Baru setelah gerakan pelajar 1998 penyertaan masyarakat ini dihidupkan kembali dengan melahirkan pelbagai undang-undang.¹⁴⁸

Pemerintahan diktator Soeharto yang berakhir tahun 1998, diikuti dengan semangat anti korupsi, anti pakatan sulit, anti nepotisme. Meningkatkan demokratisasi, melawan *sentralisasi*.¹⁴⁹ Hakikat gerakan pelajar 1998 adalah sebuah desakan masyarakat agar terwujudnya *good governance* di Indonesia, iaitu; jawatan presiden dihadkan menjadi 2 kali lima tahun sahaja, tentera yang identik dengan pelanggaran hak asasi manusia dicabut peranan politiknya untuk mengundi dalam pilihan raya, birokrasi dikawal oleh masyarakat dan media, hubungan masyarakat dengan negara menjadi penyertaan aktif *check and balances*, presiden, governor, wali kota berserta wakilnya dipilih langsung oleh rakyat, bertambahnya jumlah parti politik dari tiga menjadi 24 parti di awal reformasi.¹⁵⁰

Dalam perkembangan lain dapat dilihat bahawa istilah *Good governance* di Indonesia masih sesuatu yang baru. Dalam gerakan menjatuhkan kepemimpinan Soekarno istilah *Good governance* masih belum terdengar lagi. Tuntutan waktu itu masih berkisar pada tiga tuntutan rakyat (*tritura*) iaitu; 1. Bubarkan PKI, Rombak kabinet *Dwikora* dan turunkan harga. Ketiga tuntutan ini tidak berkaitan dengan sembilan ciri-ciri istilah *Good governance* yang dinyatakan oleh UNDP.

Tidak dapat dinafikan bahawa lahirnya kesedaran *good governance* di Indonesia erat kaitannya dengan tuntutan gerakan pelajar 1998. Istilah *Good governance* baru muncul dalam gerakan pelajar 1998 yang berjaya menjatuhkan kepemimpinan Soeharto yang identik dengan pemerintahan yang Korupsi, melakukan Pakatan sulit dan Nepotisme. Ketiga ciri-ciri tersebut menunjukkan betapa pemerintah ini sangat tidak

¹⁴⁸ Afriadi Sanusi, *Perkembangan Hak Asasi Manusia Di Indonesia*, tesis MA akademi pengajian Islam Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.

¹⁴⁹ Mardiasmo et.al, *Implementation of Good Governance by regional Governments In Indonesia: In Challenges*. <http://eprints.qut.edu.au>. 2008, 25.

¹⁵⁰ Hidayat Nurwahid, *Parti Keadilan Sejahtera dan Demokrasi di Indonesia dalam, Demokrasi dan Dunia Islam*, Mohd Izani Moh Zain (ed), (Kuala Lumpur: Univeristi Malaya, 2014), 253.

menjalankan Good governance. Barulah setelah lahirnya kesadaran akan good governance di Indonesia pasca 1998 muncul pelbagai peraturan dan perundang-undangan seperti UU No 32 tahun 2004 tentang desentralisasi.¹⁵¹ UU ini bertujuan untuk melawan kebijakan pembangunan di era Soeharto lebih tertumpu di Pusat sahaja.

Antara amanah gerakan pelajar 1998 ialah pada hakikatnya merupakan tuntutan untuk melaksanakan demokrasi di segala bidang, menegakkan hukum dan keadilan, serta menegakkan hak asasi manusia, membanteras korupsi, pakatan sulit dan nepotisme, melaksanakan autonomi daerah dan perimbangan kewangan antara pemerintah pusat dan daerah, serta menata kembali peranan dan kedudukan Angkatan Bersenjata RI.¹⁵²

Salah satu tuntutan gerakan pelajar 1998 adalah menghapus dwifungsi ABRI yang selama orde baru bertugas sebagai petugas pertahanan negara sekaligus mendominasi penguasaan politik, ekonomi, sosial negara. Kedudukan kepimpinan di peringkat tertentu harus diisi oleh tentera. Tentera mendominasi dalam dewan rakyat yang 20% nya ditetapkan oleh Presiden tanpa melalui pilihan raya. Ini kerana tentera digunakan penguasa untuk menghadapi penentangannya. ABRI digunakan untuk melakukan tindakan menindas terhadap elemen masyarakat yang dianggap menentang pemerintah. Tentera yang dalam konsep awalnya dibentuk untuk tujuan pertahanan telah berubah menjadi pemain dalam pemerintahan politik. Ianya juga dianggap sebagai penghalang supremasi sivil yang harus segera dikembalikan ke kem dalam hutan secara bergerak bukan untuk sebagai penguasa yang menetap di sebuah penempatan.¹⁵³

Setelah reformasi 1998 tepatnya pada tahun 1999 didirikan Komite Nasional Polisi Corporate Governance (KNKCG). Tahun 2004 diubah menjadi Komite Nasional Polisi Governance (KNKG) yang terdiri dari sub-komite Publik dan Sub-Komite

¹⁵¹ Prijono Tjiptoherijanto, *Promoting Trust In Government The Indonesian Case*, Disampaikan dalam workshop on promoting trust in government through innovations in governance in Asia and the Pacific East West Centre. Hawaii (Januari 2008), 9.

¹⁵² Amandemen keempat UUD 1945, *Departemen Hak Asasi Manusia*, dicapai 25 Januari 2013, www.ham.go.id.

¹⁵³ Erick et al (ed.), *Politik Transisi Pasca Soeharto*, (Yogyakarta: Fisipol UGM, 2004), 129.

Korporasi. KNKCG telah menerbitkan buku pedoman umum Good Corporate Governance (Pedoman Umum GCG) pada tahun 1999 yang telah beberapa kali disempurnakan, terakhir oleh KNKG pada tahun 2006. Dalam buku Pedoman Umum Good Public Governance disebutkan bahwa secara International penerapan good governance merupakan salah satu prasyarat dalam rangka meningkatkan daya saing Indonesia di peringkat global.¹⁵⁴

Buku GPG yang diterbitkan oleh Komite Nasional Polisi Governance tahun 2010 itu merupakan penyempurnaan dari proses yang telah dimulai pada tahun 1999. Tujuannya ialah; mendorong efektifnya penyelenggaraan negara yang didasarkan pada asas demokrasi, transparensi, akauntabiliti, budaya hukum, kewajaran dan kesetaraan. Mendorong terlaksananya fungsi legislatif dan pengawasan, eksekutif, judiciary dan lembaga-lembaga non struktural sesuai dengan tugas dan bidang kuasanya dengan dilandasi oleh nilai moral yang tinggi dan kepatuhan terhadap peraturan perundang-undangan. Demikian itu bertujuan agar penyelenggara negara meningkatkan kompetensi dan integriti yang diperlukan untuk menjalankan fungsi, tugas dan kewenangannya. Untuk itu Azhar Maksu menilai bahwa buruknya pelaksanaan good corporate governance di Indonesia selama ini adalah menjadi penyebab berlakunya krisis ekonomi.¹⁵⁵

Setelah itu secara bertahap muncullah beberapa asas good governance dalam hukum positif di Indonesia antara lain; 1. Pasal 3 UU No 28/1999; kepastian hukum, tertib penyelenggara negara, kepentingan umum, keterbukaan, profesionalisme, proportionality, akauntabiliti. 2. Pasal 2 ayat 3 UU No 25/2004; asas kepentingan

¹⁵⁴ KNKG, *Pedoman Umum Good Publik Governance*, (Jakarta: Komite Nasional Polisi Governance, 2010).

¹⁵⁵ Azhar Maksu, *Tinjauan Atas Good Corporate Governance di Indonesia*. (Medan: Universitas Sumatera Utara, 2005), 35.

umum. 3. pasal 2 UU No 32/2004; efisiensi, efektifiti. Pasal 27 (1) UU No 32/2004 penyertaan masyarakat. 4 UU No 17/2007 tentang reformasi hukum dan birokrasi.¹⁵⁶

Semua unsur good governance di atas adalah sejalan dengan asas-asas pemerintahan baik dalam Islam seperti; amanah, keadilan, ketaatan dan asas musyawarah dengan menjadikan al-Qur`an dan Sunnah sebagai rujukan.¹⁵⁷

4.9 Demokrasi Dan Urus Tadbir Baik di Indonesia

Ada semacam standard ganda yang di alami oleh umat Islam di Indonesia. Di satu sisi umat Islam adalah majoriti yang semestinya muncul sebagai pemenang dalam konsep demokrasi. Sementara di sisi lain ia terzalimi kerana sebagai majoriti banyak hak-haknya yang tidak dipenuhi.

Padahal demokrasi ialah pemilihan penyelenggara negara secara bertanggungjawab atas dasar kepentingan negara dan masyarakat, menyalurkan aspirasi rakyat. Demokrasi mengandungi tiga unsur utama iaitu penyertaan, pengakuan adanya perbezaan pendapat dan perwujudan kepentingan umum. Prinsip utama demokrasi ialah bahawa warganegara harus dilibatkan dalam pengambilan keputusan.¹⁵⁸

Demokrasi juga bermaksud suatu bentuk kerajaan di mana kuasa menggubal undang-undang dan struktur kerajaan ditentukan oleh rakyat. Dalam sistem demokrasi, undang-undang digubal sama ada oleh rakyat atau wakil yang dipilih oleh rakyat. Mengutip Abraham Lincoln, Syed Ahmad mengungkapkan demokrasi ialah kerajaan dari rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat.¹⁵⁹ Dengan demikian polisi yang dijalankan oleh kerajaan hendaklah berasal dari rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat.

¹⁵⁶ Achmad Ruslan, *Pelaksanaan Prinsip-Prinsip Tata Kelola Pemerintahan Yang Baik (Good Governance)* "Jurnal Ilmu Hukum Amanna Gappa", vol 21 Nombor 1 Mart 2013, Fakulti Hukum Universitas Hasanuddin, 53.

¹⁵⁷ Abdul Muin Salim, *Fiqh Siasah, Konsep Kekuasaan Politik Dalam al-Qur`an*, (Jakarta: Penerbit raja grafindo, 2002), 298.

¹⁵⁸ Firdaus Syam, *Pemikiran Politik Barat, Sejarah, Filsafat, Ideologi dan Pengaruhnya Terhadap Dunia Ke-3*. (Jakarta: Bumi Aksara, 2007), 250.

¹⁵⁹ Syed Ahmad Hussein, *Pengantar Sains Politik*. (Kuala Lumpur: Watan, 1996), 95.

Hambatan demokrasi antara lain adalah autoriti yang dimiliki penguasa politik dapat digunakan untuk menghalangi atau mengurangi kebebasan masyarakat, melanggar kebebasan dan hak-hak lainnya dengan dalih menegakkan ketertiban dan ketenangan masyarakat awam.¹⁶⁰

Di Indonesia, usaha untuk memisahkan agama dengan negara sudah lama dilakukan. Padahal dalam negara demokrasi, kerajaan bertanggungjawab terhadap rakyat, terutama dalam penggunaan kuasa yang sesuai dengan kehendak rakyat negara tersebut.¹⁶¹ Dan sebagai negara yang 88.4% dari 215 juta rakyatnya beragama Islam seyogianya pemerintah Indonesia menyesuaikan polisi pemerintah dengan roh Islam.¹⁶² Ini selari dengan Menurut Natsir yang mengatakan bahawa undang-undang bagi sesebuah negara itu harus menempatkan negara dalam hubungan yang se erat-eratnya dengan masyarakat yang hidup di negara itu. Jika tidak, maka negara akan terumbang ambing, lemah dan tidak duduk atas sendi-sendi yang kukuh.¹⁶³ Dengan demikian, antara demokrasi dan good governance adalah berkait antara satu dengan lainnya.

Pengertian Demokrasi dalam Islam menurut Muhammad Natsir adalah memberikan hak kepada rakyat supaya mengkritik, menegur, membetulkan pemerintah yang zalim. Kalau tidak cukup dengan itu, Islam memberi hak kepada rakyat untuk menghilangkan kezaliman itu dengan kekuatan dan kekerasan jika perlu.¹⁶⁴

Ini kerana menurut Deliar Noer, setiap insan tidak akan sampai hati melihat ketidakadilan dan kemelantaran. Dan orang akan bahagia bila melihat sesama manusia diperlakukan dengan adil, lepas dari penindasan, kezaliman dan kemelantaran.¹⁶⁵

Walaupun Islam menjadi agama majoriti di Indonesia, yang dalam konsep demokrasi seharusnya adalah sebagai pihak yang berkuasa, namun Indonesia tidak pernah dipimpin oleh pemimpin Islam yang Islamik. Undang-undang Islam ditolak,

¹⁶⁰ April Carter, *Otoritas dan Demokrasi*. (Jakarta: Rajawali, 1985), xv.

¹⁶¹ Dorothe Pickles, *Pengantar Ilmu Politik*. (Terj) Hussain Mohamed. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), 37.

¹⁶² M. Din Syamsuddin. *Keadilan Sosial Dari Perspektif Islam*, (Kuala Lumpur: MPH, 2007), 49.

¹⁶³ Mohammad Natsir. *Islam Sebagai Dasar Negara*. (Jakarta: DDII, 2000), 55.

¹⁶⁴ Muhammad Natsir, *Agama dan Negara*, 7.

¹⁶⁵ Deliar Noer. *Islam dan Politik*. (Jakarta: Penerbit Yayasan Risalah 2003), 336.

organisasi Islam dimusuhi dan pergerakan Islam dipantau. Justeru, maraknya korupsi di Indonesia menurut pengkaji tidak ada kaitannya dengan Islam yang menjadi agama majoriti rakyat Indonesia.

4.10 Kesederhanaan dan Kepimpinan Contoh Anti Korupsi di Indonesia

Di balik kecelaruan bidang demokrasi, good governance, korupsi dan hak asasi manusia di Indonesia, masih ada insan-insan terpilih berhati mulia yang menjadi tokoh anutan dan dapat dijadikan contoh bagi generasi selepas mereka. Untuk itu, KPK memberikan penghargaan kepada beberapa tokoh yang semasa hidup mereka pernah berjuang dalam melawan korupsi di Indonesia. Mereka itu antara lain;

Hamka adalah seorang ulama yang karismatik yang mengedepankan integriti dan layak dijadikan tauladan. Demi prinsip dan kejujuran dia tidak pernah segan berbeza pendapat dengan penguasa ketika itu. Beliau rela masuk penjara dan melepaskan pangkat pentingnya demi memperjuangkan sebuah kebenaran. Baginya, kalau diminta menjadi ketua MUI saya terima. Akan tetapi ketahuilah, saya sebagai ulama tidak dapat dibeli menurutnya.¹⁶⁶

Muhammad Hatta atau Bung Hatta dikenal sebagai negarawan yang berintegriti tinggi. Mantan wakil presiden itu dikenal sebagai peribadi yang apa adanya, jujur dan bijaksana. Tidak mampu membeli sepatu Bally idamannya sampai ia meninggal dunia. Keluarganya hidup dengan sangat sederhana dan tidak mampu membeli mesin jahit terpakai, kesulitan membayar bil elektrik, telefon, air dan gas. Dan tidak memanfaatkan pangkatnya untuk melakukan korupsi dan penyalahgunaan kuasa lainnya.¹⁶⁷ Menurut Jacob Utama¹⁶⁸, Pemimpin Umum harian Kompas, Bung Hatta seorang yang jujur,

¹⁶⁶ KPK. *Integriti edisi Jan-Feb 2011*, (Jakarta: KPK, 2011), 31.

¹⁶⁷ KPK. *Integriti edisi September 2009*, (Jakarta: KPK, 2009), 33.

¹⁶⁸ "Surat Kabar Harian Kompas", www.kompas.co.id, 25 March 2005.

tidak korupsi. Sampai akhir hayatnya Bung Hatta dikenal sebagai orang yang tetap sederhana.

Mohammad Natsir pernah menjadi Menteri Penerangan dan Perdana Menteri Indonesia.¹⁶⁹ Namun dengan semua kedudukan itu beliau hidup dengan sangat sederhana.¹⁷⁰ Beliau dikenal dengan seorang pemimpin yang santun dan bersih. Memakai jaket bertambal dan pernah menolak kereta mewah untuknya menjalankan tugas kenegaraan. Pindah menumpang dari satu rumah ke rumah lain kerana tidak memiliki rumah.¹⁷¹

Agus Salim sebagai Menteri Luar Negeri yang hidup dengan sederhana yang berpindah dari satu rumah sewa kepada rumah sewa lainnya.¹⁷² Agus Salim pernah menjadi Menteri Luar Negeri dan Perwakilan tetap PBB, namun dia tidak mahu memanfaatkan kedudukan itu untuk kemewahan diri dan keluarga. Baginya pemimpin adalah menderita bukan mengumpul harta. Buktinya sampai akhir hayatnya beliau tetap miskin menurut Profesor Belanda Schermerhom.¹⁷³ Agus Salim memiliki segalanya untuk dapat mengumpul kekayaan. Ia cerdas, memiliki jaringan luas, memiliki kedudukan dan kekuasaan. Namun ia hidup bersahaja, penuh dengan keriangian demi mempertahankan integriti.¹⁷⁴

Baharuddin Lopa pernah menjabat pelbagai kedudukan penting negara seperti Menteri Kehakiman dan Hak Asasi Manusia, terakhir sebagai Jaksa Agung. Beliau sangat anti korupsi dan hidup penuh dengan kesederhanaan serta memiliki jiwa integriti yang amat tinggi. Salah satu ungkapannya yang paling terkenal adalah, “walaupun esok langit akan runtuh, hukum harus tetap ditegakkan”. Baginya tak seorang pun yang kebal hukum, ini terbukti di saat dia memburu para pelaku korupsi seperti “sang raja hutan”

¹⁶⁹ M. Dzulfikriddin, *Mohammad Natsir Dalam Sejarah Politik Indonesia*, (Bandung: penerbit Mizan, 2010), 70.

¹⁷⁰ Lukman Hakiem editor, *M. Natsir Di Panggung Sejarah Republik*, (Jakarta: Penerbit Republika, 2008), 141.

¹⁷¹ KPK, *Integriti edisi Mei-June 2011*, (Jakarta: KPK, 2011), 31.

¹⁷² Yanto Bashri dan Retno (ed), *Sejarah Tokoh Bangsa*, (Yogyakarta: penerbit LKiS, 2005), 126.

¹⁷³ KPK, *Integriti edisi Mart-April 2011*, (Jakarta: KPK, 2011), 33.

¹⁷⁴ KPK, *Integriti Julai-Ogos 2013*, (Jakarta: KPK, 2013), 27.

Bob Hasan dan pengusaha kelas kakap lainnya seperti komandan batalyon 710, Sjamsul Nursalim, Prajogo Pangestu, Marimutu Sinivasan dan sebagainya ke muka pengadilan. Hari kelahiran Baharuddin Lopa 27 Ogos didaulat sebagai hari anti korupsi Indonesia.¹⁷⁵ Baharuddin Lopa tidak mahu menggunakan kemudahan pejabat untuk kepentingan diri dan keluarganya. Untuk menambah penghasilan keluarga, dia melakukan pelbagai usaha kecil-kecilan di rumah dan menulis artikel di media.¹⁷⁶

Jenderal Sudirman adalah salah satu contoh tentera yang berintegriti yang lebih mementingkan kepentingan orang lain dari diri sendiri.¹⁷⁷ Pangkatnya adalah panglima besar Jenderal. Namun Sudirman tidak mahu memanfaatkan kedudukannya untuk memperkaya diri dan keluarganya.¹⁷⁸

Sutomo atau Bung Tomo sang pejuang dan pahlawan kemerdekaan yang dikenal dengan laungan takbirnya “*Allahu akbar*” yang menggerakkan orang-orang Surabaya agar melawan Belanda ketika itu. Di awal kemerdekaan dia pernah menjawat jawatan Menteri Sosial, namun dia dan keluarga tetap hidup sederhana dengan hanya tinggal di rumah sewa tanpa memiliki television. Kehidupan keluarga dan anak-anaknya tidak memiliki kelebihan dengan rakyat biasa yang tidak menunjukkan bahawa mereka anak seorang Menteri.¹⁷⁹

Kaharoeddin Datuk Rangkyo Basa membuktikan bahawa tidak semua polis itu jahat. Dia dikenal dengan seorang yang bersikap tegas menolak korupsi, gratifikasi dan kewangan Negara untuk kepentingan diri sendiri dan bentuk penyalahgunaan kuasa lainnya. Sampai akhir hayatnya beliau tidak memiliki rumah peribadi walaupun selalu

¹⁷⁵ KPK. *Integriti edisi April 2009*, (Jakarta: KPK, 2009), 33.

¹⁷⁶ KPK. *Integriti Jan-Feb 2014*, (Jakarta: KPK, 2014), 27.

¹⁷⁷ KPK. *Integriti Mei-June 2014*, (Jakarta: KPK, 2014), 47.

¹⁷⁸ Sudirman, *Panglima Besar Sudirman Kader Muhammadiyah*, (Yogyakarta: Adicita, 2000), 192.

¹⁷⁹ KPK. *Integriti edisi November 2009*, (Jakarta: KPK, 2009), 17.

ditawari rumah kerana pangkatnya yang tinggi di kepolisian dan menjawat jabatan sebagai Gabenor selama 7 tahun di Sumatera.¹⁸⁰

Prof. Dr. Soetandyo Wignjosoebroto adalah seorang Profesor bersahaja dan berintegriti yang tidak tergoda dengan gemerlap nya dunia apalah lagi melakukan korupsi tentu jauh sekali. Kesederhanaan adalah kunci anti korupsi yang diterapkannya pada diri sendiri dan keluarganya.¹⁸¹

Sukanto adalah gambaran polis jujur di saat citra institusi itu tercalar dengan perilaku rasuah anggotanya. Ia adalah seorang kepala kepolisian Indonesia selama 15 tahun. Beliau dikenal dengan jujur, berintegriti dan sederhana. Dengan kedudukan yang tinggi beliau hanya memiliki sebuah rumah sederhana sahaja.¹⁸²

Sayuti Malik adalah seorang aktivis kemerdekaan yang banyak menulis di pelbagai media. Penulis teks proklamasi 1945 itu hidup dengan sangat sederhana. Pengaruh, perjuangan dan wibawa nya pada negara tidak dia manfaatkan untuk mencari kemewahan diri.¹⁸³

Sjafruddin Prawiranegara adalah seorang mantan Gabenor Bank Indonesia yang pernah menjadi Menteri Kewangan dan Menteri Pertanian. Namun beliau adalah seorang yang berintegriti tinggi, jujur dan sederhana. Jangankan untuk hidup mewah, untuk memenuhi keperluan hariannya pun susah. Padahal dengan kedudukan yang ada padanya dapat ia manfaatkan untuk menjadi mewah dan kaya raya.¹⁸⁴

Mochtar Lubis adalah seorang wartawan yang memiliki integriti tinggi. Moto hidupnya adalah kebenaran, kebebasan, hak asasi manusia dan *anti amplop*. Keluar masuk penjara di era Soekarno dan Soeharto. Surat khabarnya dilarang terbit tidak

¹⁸⁰ KPK, *Integriti edisi Julai-Ogos 2014*, (Jakarta: KPK, 2014), 25.

¹⁸¹ KPK, *Integriti edisi September-oktober 2014*, (Jakarta: KPK, 2014), 27.

¹⁸² KPK, *Integriti edisi Jan-Feb 2010*, (Jakarta: KPK, 2010), 43.

¹⁸³ KPK, *Integriti edisi Sep-Okt 2010*, (Jakarta: KPK, 2010), 44.

¹⁸⁴ KPK, *Integriti edisi Mart-April 2010*, (Jakarta: KPK, 2010), 44.

membuatnya berhenti menyuarakan korupsi yang berlaku di pemerintahan seperti di Kementerian Luar Negeri, BUMN dan sebagainya sehingga ia dikenal sebagai insan yang berkarakter di kalangan ahli akademik. Ia tidak mahu berkompromi soal perbuatan tidak adil dan korupsi. Ini termasuk di saat dia ditawarkan pangkat tinggi oleh penguasa orde baru. Ia mengatakan Soeharto tidak pernah jujur dalam mengungkapkan korupsi yang sudah mengakar di era nya.¹⁸⁵

Saifuddin Zuhri adalah mantan menteri agama yang hidup sederhana dan tidak mahu memanfaatkan kedudukannya untuk kepentingan diri dan keluarganya. Beliau seorang yang jujur, tidak gila kedudukan, dan memegang amanah dengan baik. Sebagai seorang mantan Menteri beliau pernah berniaga beras secara kecil-kecilan di pasar untuk menampung kos hidup keluarganya.¹⁸⁶

M. Husni Tamrin adalah seorang kaki tangan kerajaan yang merelakan wang peribadinya untuk tujuan perjuangan. Dia dikenal sebagai seorang yang sederhana dan gigih memperjuangkan kepentingan masyarakat walaupun menghadapi pelbagai risiko termasuk penjara.¹⁸⁷

KI Hadjar Dewantara adalah seorang Menteri Pengajaran yang bersifat sederhana serta suka membantu orang lain. Kesederhanaan atau dikenal dengan iffah dalam Islam adalah kata kunci untuk dia tidak melakukan korupsi.¹⁸⁸

Koesoemah Atmadja adalah seorang ketua Mahkamah Agung yang berjuang untuk tidak tunduk pada kuasa legislatif Soekarno ketika itu. Ini kerana baginya, MA adalah institusi yang mengangkat Presiden ketika itu. Dengan demikian Koesoemah

¹⁸⁵ KPK. *Integriti edisi Mei-June 2010*, (Jakarta: KPK, 2010), 43.

¹⁸⁶ KPK. *Integriti Jan-Feb 2012*, (Jakarta: KPK, 2012), 46.

¹⁸⁷ KPK. *Mart-April 2013*, (Jakarta: KPK, 2013), 44.

¹⁸⁸ KPK. *Integriti Julai-Ogos 2011*, (Jakarta: KPK, 2011), 33.

adalah seorang yang berjuang meletakkan asas *trias politica* di tempatnya iaitu pembahagian kuasa antara legislative, eksekutif dan yudikatif.¹⁸⁹

Insinyur Juanda adalah seorang Perdana Menteri yang pernah 14 kali menjadi Menteri. Beliau adalah seorang pemimpin yang berintegriti. Polisi, kedudukan dan kesempatan yang dimilikinya tak membuatnya rakus demi kepentingan sendiri. Ia amat berbeza dengan para pemimpin saat ini.¹⁹⁰

Imam Santoso adalah satu lagi ketua Polis Indonesia yang jujur dan berintegriti atau dikenal dengan Hoegeng. Pemberantasan korupsi dimulainya dari diri dan keluarganya sendiri. Anak dan isterinya tidak dibenarkan menikmati kedudukan ayahnya. Bahkan perusahaan nursery bunga milik isterinya terpaksa ditutup kerana takut akan dimanfaatkan orang untuk memberi rasuah melaluinya.¹⁹¹

Menurut Suhartono, apa yang dapat dilakukan terhadap korupsi adalah gerakan moral bangsa, sikap dan tindakan untuk tidak melakukan korupsi. Dan ini harus ditanamkan pada setiap insan. Mencari panutan teladan pemimpin.¹⁹² Inilah yang dilakukan oleh media KPK seperti dijelaskan di atas. Semua tokoh anti korupsi di atas semuanya adalah beragama Islam. Maka dengan demikian mengaitkan korupsi yang marak di Indonesia dengan Islam yang menjadi agama majoriti di Indonesia adalah salah total.

4.11 Masalah Kepimpinan di Indonesia Sebuah Analisis

Sebuah pertanyaan mengapa di negara majoriti rakyatnya beragama Islam tetapi rasuah sangat tinggi di Indonesia mungkin dapat di jawab melalui senario di bawah ini.

¹⁸⁹ KPK. *Integriti Sep-Okt 2012*, (Jakarta: KPK, 2013), 45.

¹⁹⁰ KPK. *Integriti Mei-June 2013*, (Jakarta: KPK, 2013), 47.

¹⁹¹ KPK. *Integriti Ogos 2009*, (Jakarta: KPK, 2009), 33.

¹⁹² Suhartono W. Pranoto, *Bandit Berdasi Korupsi Berjamaah Merungkai Hasil Kejahatan Pasca Reformasi*, (Yogyakarta: Kanisius, 2008), 14.

Walaupun Indonesia adalah sebuah negara yang majoriti rakyatnya beragama Islam, namun jika dilihat dari kriteria yang diberikan oleh para ahli bidang sains politik Islam, penulis berkesimpulan bahawa selain Habibi tidak ada pemimpin di Indonesia yang Islamik selama ini.

Soekarno jauh sekali dari ciri kepimpinan Islamik. Mohammad Hatta sebagai tokoh anti korupsi mengundurkan diri dari jabatan Wakil Presiden. Kerana merasa tidak sehaluan lagi, juga orang-orang dekat Bung Karno seperti Sjahrir, Amir Syarifuddin, Tan Malaka, Moh Natsir, dan lainnya-satu per satu menjauh darinya. Soekarno berjalan sendiri dan mengangkat dirinya sebagai formatif untuk membentuk kabinet tanpa adanya campur tangan parti politik. Soekarno juga menutup media yang dianggap sebagai anti revolusioner¹⁹³ Beberapa tokoh Islam politik dipenjarakan dan parti Islam Masyumi dibekukan, kerana dituduh mengancam stabiliti bangsa dan kekuasaannya. Dan memang selama kepimpinan Orde lama dalam masyarakat Indonesia lebih banyak mengandungi sifat *autoriter* (memerintah tidak dengan cara demokrasi, tetapi selalu memaksakan kehendak) daripada demokrasi.¹⁹⁴ Walaupun anti Barat, Soekarno dikenal dekat dengan negara komunis Rusia yang dikenal dengan idea Nasakomnya.

Soeharto juga tidak layak disebut sebagai pemimpin Islamik kerana; Selama 32 tahun orde baru hanya ada seorang Presiden iaitu Soeharto. Pada 1973 semua parti Islam digabungkan yang mengakibatkan melemahnya parti Islam. Bagi yang tidak mematuhi peraturan organisasi itu akan dibekukan seperti yang dialami PII¹⁹⁵, setelah sebelumnya menggunakan asas dan lambang Islam. Gerakan Islam politik yang mengancam sistem pemerintahan selalu berhasil ditumpaskan, termasuk dengan memenjarakan tokoh-tokoh yang dituduh anti pemerintah.¹⁹⁶ Tindakan memenjarakan,

¹⁹³ Bung Hatta (1972) *Mengabdikan pada tjita-tjita perdjoangan bangsa*. Jakarta: Panitia Peringatan Ulang tahun Bung Hatta ke 70. h. 177

¹⁹⁴ Arbi Sanit (1987) *Sistem Politik Indonesia: Kestabilan Peta Kekuasaan Politik dan Pembangunan*. cet. v. Jakarta: Rajawali, h. 37

¹⁹⁵ Parti Islam Indonesia

¹⁹⁶ *Ibid*

ugutan dan rayuan juga digunakan terhadap rakyat yang tidak mendukung parti golkar, contohnya orang yang menampal tanda gambar parti PPP di rumahnya dalam pilihan raya, anaknya tidak boleh bekerja dengan kerajaan, dipanggil ke pejabat militer, di interogasi, diseksa dan bahkan di penjara. Orde baru juga melakukan tekanan terhadap parti-parti yang berbasis Islam, seperti yang berlaku terhadap Masyumi.¹⁹⁷

Dalam buku demokrasi Indonesia kontemporer misalnya; Mohtar Mas'ood mengatakan bahawa untuk melanjutkan kekuasaan orde baru, Presiden menggunakan dana Badan Usaha Milik Negara (BUMN) untuk keperluannya, dan juga dipungut dari sumber-sumber swasta sebagai sumbangan wajib seperti eksport sumber bumi sampai kepada dana ONH (Ongkos Naik Haji) dana itu digunakan untuk kepentingan politik orde baru.¹⁹⁸ Di era Jokowi dana haji juga ingin dijadikan sebagai dana untuk pembangunan padahal ia adalah milik ummat.

Habibi mencuba untuk menerapkan asas-asas good governance dan Islamik dalam pemerintahannya. Namun kuatnya campur tangan asing dan terprovokasinya rakyat melalui gerakan reformasi yang membuat keamanan kacau bilau dan singkatnya masa pemerintahan Habibi waktu itu menjadikan tidak adil sekiranya penulis memberi penilaian negatif tentang kepimpinannya.

Gusdur pula Mahu mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel¹⁹⁹. Pembelaan yang berlebihan terhadap minoriti Kristian, pidato natal yang menyesatkan.²⁰⁰ Menghalalkan Ajinamoto, setelah diharamkan oleh MUI (Majlis Ulama Indonesia). Mahu menghapus Tap MPR tentang pelarangan Komunis²⁰¹. Memberlakukan “*Darurat Sivil*” di Ambon, Koodinator Komisi untuk Orang Hilang

¹⁹⁷ Jimly Asshiddiqie, *op.cit* h.190

¹⁹⁸ Mohtar Mas'ood et.al. “*Lembaga Kepresidenan dan Resep Pengendalian Politik orde baru*” Dalam *Demokrasi Indonesia Kontemporer*. Riza Noer Arfani (ed). Jakarta: Raja Grafindo Persada (1996), h.105-107

¹⁹⁹ Hubungan Gusdur dengan Yahudi dapat dibaca pada Herry Nurdi (2006) *Jejak Freemason & Zionis di Indonesia*. Jakarta: Cakrawala, h.213-217

²⁰⁰ Adian Husaini, *Gusdur Kau Mahu Ke mana?*, (Jakarta: Dea Press, 2000), 135

²⁰¹ Arief Budiman dan Olle Törnquist (2001) *Aktor Demokrasi: catatan tentang gerakan perlawanan di Indonesia*. Jakarta: Institut Studi Arus Informasi, h. 266

dan Korban Tindak Kekerasan (Kontras) Munir (Allahyarham), mendesak pemerintah untuk tidak tergesa-gesa melakukan keadaan darurat Ambon. Munir juga meragukan manfaat Ambon jika dijadikan daerah darurat sivil atau militer.²⁰²

Komentar-komentarnya sebagai seorang pemimpin negara ketika itu juga menyebabkan pelanggaran HAM. Seperti kata “*masalah Ambon diserahkan kepada masyarakat Ambon*” yang secara tidak langsung menyebabkan berlakunya pembantaian terhadap Umat Islam di Poso oleh umat Kristian. Masalah Yahudi, Ajinamoto, PKI, hubungan sulitnya dengan Aryanti²⁰³ dan sebagainya tentu sahaja jauh dari ciri Islamik.

Penambahan Kodam (nama kesatuan tentera yang ditempatkan di daerah) Ambon yang mengakibatkan terganggunya kebebasan dan kemerdekaan masyarakat sivil, Kerusuhan Ambon, Kerusuhan Sampit, Kerusuhan Poso.²⁰⁴

Presiden Megawati juga jauh sekali cari ciri kepimpinan Islamik seperti melakukan Darurat Militer dan Darurat Sivil di Aceh. Masyarakat Aceh yang memiliki harapan tinggi terhadap Megawati, kerana kedekatan ayahnya Soekarno dengan Hasan Tiro menjadi sangat kecewa.

Penjualan besar-besaran aset negara seperti telkom dan indosat kepada perusahaan yang dikendalikan oleh kekuatan Yahudi dalam waktu dan harga yang tidak rasional.²⁰⁵ Penambahan Kodam Aceh yang dengan sendirinya menambahkan lagi suasana militerisme di Aceh, Mengizinkan lagi militer aktif duduk di jabatan sivil negara yang bererti menghidupkan kembali *Dwifungsi ABRI* yang telah diperjuangkan mati-matian untuk dihapuskan dalam agenda besar reformasi 1998. Ini kerana pelanggaran HAM di Indonesia selama ini tidak dapat dipisahkan dengan kuatnya peranan ABRI dalam pemerintahan. Mengembalikan Dwifungsi ABRI secara tidak

²⁰² <http://www.hamline.edu/apakabar/basisdata/1999/12/29/0008.html>, 10 Oktober 2006

²⁰³ Lihat Guse Nur (2000) *Ranjang kedua sang Presiden*. Tangerang: Totalitas

²⁰⁴ Perbandingan perilaku Kekuasaan beberapa Presiden Paska Soeharto, [www.kontras, go.id](http://www.kontras.go.id), 15 mei 2006

²⁰⁵ Herry Nurdi *op.cit.*, h. 220

langsung akan membuka kembali peluang bagi ABRI melakukan kesalahan itu, kerana menurut Daniel S. Lev Tentera lebih suka membunuh dan menggunakan senjata dalam menyelesaikan masalah daripada berunding yang biasa dilakukan oleh sivil²⁰⁶

Kekerasan di Poso, dan Kekerasan di Maluku, Peristiwa Umi Makassar, iaitu penyerbuan anggota Polis terhadap kampus Universitas Muslim Indonesia yang menyebabkan luka-luka dipihak pelajar. Kapolri telah minta maaf dan memberhentikan beberapa petinggi Polis setempat²⁰⁷. Peristiwa Bulukumba, dengan adanya tindakan kekerasan dan pembunuhan yang terjadi pada Isnin, 21 July 2003 yang dilakukan oleh anggota Polis dari Polres Bulukumba dan didukung oleh personel Brimob Bone, Polres Sinjai, dan Polres Bantaeng Sulawesi Selatan terhadap petani, masyarakat adat Kajang, dan aktivis di wilayah Kabupaten Bulukumba. Kekerasan & kriminalisasi Media, petani, buruh dan HRD, Kriminalisasi Aksi/demonstrasi, Penyerangan Kontras dan entiti HRD lainnya. Terbunuhnya Munir dan Baharuddin Lopa sebagai tokoh pejuang pemberantasan korupsi juga berlaku di Era Megawati.²⁰⁸

Dimasa Presiden Susilo Bambang Yudoyono berlaku Pelanggaran HAM yang signifikan adalah Kes Tempat Pengolahan Sampah Terpadu (TPST) Bojong Bogor. Lima penunjuk rasa ditembak dan PT WGS rugi 7 miliar akibat pembakaran dan pengrusakan itu²⁰⁹. Kes Puncak Jaya yang telah mengakibatkan korban jiwa masyarakat Papua, Kes Peledakan dan Penembakan Misterius Bom di Poso dan Palu. Belum diterimanya kompensasi bagi korban kes Tanjung Priok. Lanjutan Pengadilan HAM Kes Aberpura. Masih lambatnya penyelesaian berbagai kes pelanggaran HAM masa

²⁰⁶ Daniel S. Lev (1999) *Tentang Politik Indonesia tahun 1950-an dan 1990-an dalam Mencari Demokrasi*. Jakarta: Institut Studi Arus Informasi, h.128-129

²⁰⁷ <http://www.kompas.com/utama/news/0405/04/044843.htm> 9 Oktober 2006

²⁰⁸ Perbandingan perilaku Kekuasaan beberapa Presiden Paska Soeharto, [www.kontras, go.id](http://www.kontras.go.id), 17 mei 2006

²⁰⁹ Dwiyanto Indiahono (2006) *Reformasi "Birokrasi Amplop" Mungkinkah*. Yogyakarta: Gava Media, h.77

lalu yang dibawa ke pengadilan, tragedi Trisakti, Semanggi I, dan Semanggi II Wamena dan Wasior di Papua.²¹⁰

Jokowi juga menepati ciri pemimpin yang tidak Islamik seperti tidak menepati janji kempen, berkata bohong dan mengkhianati amanah. Janjinya waktu kempen pemilihan Presiden tidak dia tepati seperti kabinet ramping, program mobil murah Esemka, janji Jaksa Agung bukan orang parti, akan mempersulit investor asing, tidak setuju BLT/BLSM tapi membuat pelbagai kartu yang tidak berguna, tidak akan bagi bagi kursi, janji tidak akan menaikkan BBM, janji stop import sapi, import 500 kapal cina, bus transjakarta buatan cina, akan menuntaskan kasus HAM, janji mendukung perjuangan rakyat Palestine, janji besarkan Pertamina, janji bangun 50.000 puskesmas, swasembada pangan, membuat bank tani, janji blusukan, batasi bank asing, toll laut, anggaran pendidikan, janji terbitkan perpres pemberantasan korupsi, pertumbuhan ekonomi 8 %, dana 14 M perdesa, menurunkan harga, memperkuat KPK, janji akan mengatasi banjir dan macet Jakarta dan 1001 janji yang tidak ditepati lainnya. Tentu saja semua itu cukup membuktikan bahawa Jokowi bukan pemimpin yang Islamik.

4.12 Analisa Masalah Kepimpinan Pemberantasan Korupsi di Indonesia

Korupsi menurut Romli Atmasasmita (2002), adalah bentuk pelanggaran hak asasi manusia di bidang hak-hak sivil dan pembangunan. Khusus dalam pemberantasan korupsi, Indonesia punya sejarah yang panjang iaitu dengan dibentuknya pelbagai agensi pemberantasan korupsi sebagaimana yang akan dijelaskan di bawah;

Orde lama adalah era kepimpinan Soekarno dari tahun 1945 hingga 1966. Ia juga dikenal dengan era demokrasi terpimpin. Keadaan ekonomi masyarakat di waktu demokrasi terpimpin sangat lemah. Korupsi berlaku di lembaga-lembaga negara, ada

²¹⁰ Perbandingan perilaku Kekuasaan beberapa Presiden Paska Soeharto, www.kontras, go.id, 19 mei 2006

korupsi di Pengadilan, Kejaksaan juga menjadi sangat korup, polis pun tidak terkecuali. Korupsi pada masa ini seolah-olah dibenarkan oleh pemerintah untuk menutupi gaji mereka yang sangat sedikit, tetapi yang di korupsi ketika itu adalah rakyat sendiri. (Danies S. Lev, 1999)

Di era kabinet Djuanda dibentuk panitia Retooling Aparatur Negara (PARAN) yang dipimpin oleh A.H. Nasution dan dibantu oleh dua orang anggota Prof. M Yamin dan Roslan Abdulghani. Team ini bertugas mengumpulkan data kekayaan pegawai negara dengan mengisi formulir yang disediakan. Namun para pegawai menolak dengan mengatakan pertanggungjawaban harus langsung pada Presiden. Presiden pula tidak melakukan apa-apa dalam mendukung PARAN baik melalui Keppres dan sebagainya yang membuat program ini gagal.²¹¹

Operasi Budhi dibentuk pada 1962 melalui Keputusan Presiden Nomor 275/1963 A.H. Nasution kembali ditunjuk mengetuai pemberantasan korupsi yang dibantu oleh Wiryono Prodjokusumo yang bertugas menyeret mereka ke mahkamah dengan sasaran utama perusahaan milik negara dan lembaga negara yang rawan korupsi. Setelah mendapat perlawanan, operasi Budhi diganti dengan Komando Tertinggi Retooling Aparat Revolusi (KONTRAF) dengan Presiden Soekarno menjadi ketuanya serta dibantu oleh Soebandrio dan Letjen Ahmad Yani.²¹² Nasution waktu itu menjabat sebagai Kepala Staf Angkatan Darat sebagai Penguasa Tentera. Gerakan ini cukup berani dengan memeriksa para Menteri dan tokoh kunci Parti Politik besar yang diduga melakukan korupsi, termasuk dengan memindah tugaskan para Panglima Tentera Daerah yang diduga melakukan Korupsi. (Harmien Hadiati, 1994).

Namun kurangnya profesionalisme diduga menyebabkan kegagalan pemberantasan korupsi ketika itu. Minim sekali data tentang berapa orang pelaku dan

²¹¹ <http://digilib.unila.ac.id/537/7/BAB%20II.pdf>

²¹² <http://digilib.unila.ac.id/537/7/BAB%20II.pdf>

berapa jumlah yang mereka korupsi. Berapa orang yang telah dihukum dan bagaimana perkembangannya serta apa yang dilakukan untuk mengatasinya di masa akan datang.

Pemberantasan korupsi di orde baru seolah-olah terputus begitu sahaja dari sejarah pemberantasan korupsi di orde lama. Ia bukan kesinambungan dari apa yang dilakukan sebelumnya, tetapi ia berdiri sendiri tanpa ada kaitan antara satu dengan lainnya.

Team Pemberantasan Korupsi (TPK) diketuai oleh Jaksa Agung yang tidak begitu serius memberantas korupsi. Komposisinya ialah Sugih Arto Jaksa Agung (ketua), Menteri Kehakiman (penasihat), Panglima ABRI (penasihat), Kasta angkatan dan Ketua Polis (anggota)²¹³ Lalu dibentuk komite empat yang dianggotai oleh tokoh tua yang bersih dan berwibawa seperti; Mr. Wilopo (ketua plus anggota), Prof. Johanes, (anggota) I.J. Kasimo (anggota), dan Anwar Cokroaminoto (anggota), Sutopo Juwono (sekretaris). Namun hasil temuan team empat ini tidak dihiraukan oleh pemerintah. Kemudian ditunjuk pula Laksamana Sudomo dalam operasi tertip yang bertugas antara lain memberantas korupsi.²¹⁴

Komisi Anti Korupsi dibentuk berdasarkan Kepres 12/70 yang dianggotai oleh Akbar Tanjung, Michael Setiawan, Thoby Mutis, Jacob Kendang, Imam Waluyo, Tutu T.W. Soeriwijoyo, Agus Jun Batuta, M. Surachman, Alwi Nurdin, Lucas Luntungan, Asmara Nababan, Sjahrir, Amir Karamoy, Pasik Vitue, Mengandang Napitupulu, Chaidir Makarim. Team ini gagal lagi lalu dibentuk Opstip melalui Inpres Nomor 9/1977. Opstip dianggotai oleh Menteri Pemberdayaan Aparatur Negara (koordinator), Pangkopkamtib, Kapolri, Jaksa

²¹³ Chairil A Adjis & Dudi Akasyah, *Kriminologi Syariah*, (Jakarta: Ambooks, 2007), 158

²¹⁴ <http://digilib.unila.ac.id/537/7/BAB%20II.pdf>

Agung, Kapolda, Kejati dan Irwilda. Langkah yang dilakukan ini juga ternyata gagal.²¹⁵

Tahun 1982 kembali kepada Tim Pemberantasan Korupsi (TPK) yang dianggotai oleh Menteri Pendayagunaan Aparatur Negara, JB. Sumarlin, Pangkopkamtib, Sudomo, Ketua Mahkamah Agung Mudjono, Menteri Kehakiman Ali Said, Jaksa Agung Ismail Saleh, Kapolri Awaluddin Djamin. Team ini juga gagal kerana kurang serius dalam memberantas korupsi.²¹⁶

Tujuan berdirinya orde baru adalah untuk memperbaiki kekurangan masa orde lama. Tugas penting Soeharto waktu itu adalah mencegah salah kelola, korupsi di beberapa perusahaan milik negara kerana dikelola oleh orang yang tidak ahli di bidangnya seumpama askar pencen. (Rasihian Anwar, 1992) Namun korupsi di orde baru semakin merajalela, pemerintah semakin autoriti, campur tangan dalam masalah politik dan ekonomi semakin besar. (Clifford Gertz, 1999) Korupsi yang sistematis dari lembaga Presiden hingga ke kampung bagaikan sudah terencana dengan sangat sempurna atau yang lebih dikenal lagi dengan KKN (Korupsi Pakatan sulit dan Nepotisme). (Jimly Asshiddiqie, 2005)

Pemberantasan korupsi pasca reformasi 1998 dimulai dengan lahirnya pelbagai peraturan dan perundang-undangan yang berkaitan dengannya, seperti; Ketetapan Majelis Permesyuaratan Rakyat (MPR) Nombor XI/MPR/1999 Tentang Penyelenggaraan Negara Yang Bersih dan Bebas korupsi, pakatan sulit dan nepotisme (KKN). Adanya Undang-undang Nombor 28 Tahun 1999 Tentang Penyelenggara Negara Yang Bersih Dari Korupsi, Pakatan sulit dan Nepotisme (KKN). UU nombor 31 tahun 1999 Tentang Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi, yang telah disempurnakan menjadi Undang-undang nombor 20 Tahun 2001 Tentang Perubahan Atas Undang-

²¹⁵ Chairil A Adjis & Dudi Akasyah, *Kriminologi Syariah*, (Jakarta: Ambooks, 2007), 160

²¹⁶ Chairil A Adjis & Dudi Akasyah, *Kriminologi Syariah*,

undang 31 Tahun 1999 yang dibuat semasa pemerintahan Habibi (Baharuddin Jusuf Habibie, 2006). Dari awal memerintah lagi Habibi telah menyetujui perjuangan ke arah urus tadbir baik Indonesia seperti pemerintahan yang bersih dan bebas dari KKN serta kehidupan ekonomi yang lebih memberi peluang berusaha secara adil. (Baharuddin Jusuf Habibi, 2006)

Pelbagai institusi juga ditubuhkan seperti pembentukan Komisi Ombudsman pada tahun 2008 yang bertugas mengawasi penyelenggaraan perkhidmatan awam (Sunaryati Hartono, 2005), Komisi Pemeriksa Kekayaan Penyelenggara Negara (KPKPN), tahun 1999 dan Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) pada tahun 2002.

Undang-undang lain dalam menghadapi korupsi di era reformasi ialah; Peraturan pemerintah Republik Indonesia nombor 71 tahun 2000 tentang tata cara pelaksanaan peranan serta masyarakat dan pemberian penghargaan dalam pencegahan dan pemberantasan tindak jenayah korupsi. Undang-undang nombor 30 tahun 2002 tentang komisi tindak jenayah korupsi. Instruksi Presiden Republik Indonesia nombor 5 tahun 2004 tentang percepatan pemberantasan korupsi. Undang-undang republik Indonesia nombor 46 tahun 2009 tentang pengadilan tindak jenayah korupsi. Undang-undang republik Indonesia nombor 8 tahun 2010 tentang pencegahan dan pemberantasan tindak jenayah pencucian wang. Instruksi Presiden republik Indonesia nombor 9 tahun 2011 tentang rencana aksi pencegahan dan pemberantasan korupsi tahun 2011. Kod etika pegawai komisi pemberantasan korupsi tahun 2006. Undang-undang republik Indonesia nombor 7 tahun 2006 tentang pengesahan *United Nations Convention Against Corruption 2003*. Rencana Aksi pencegahan dan pemberantasan korupsi tahun 2011.

Gusdur membentuk Team Gabungan Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi (TGPTPK) melalui Peraturan Pemerintah No 19/2000. Ia diketuai oleh Adi Andoyo Soetijpto yang didukung oleh 25 orang Polis, Jaksa dan aktivis masyarakat.

Akhirnya dibubarkan oleh Mahkamah Agung kerana bertentangan dengan undang-undang.²¹⁷ Kekayaan negara yang di korupsi tahun 2003 adalah senilai 444 Triliun.²¹⁸

Dari semua deretan pemberantasan korupsi yang dilakukan di Indonesia terlihat kelemahannya adalah kurangnya ketegasan pemimpin tertinggi dalam hal ini Presiden dan kelemahan dalam menunjuk pimpinan pemberantasan korupsi yang seolah-olah yang bagai melepas batuk di tangga atau lips service sahaja.

4.13 Analisa Kepimpinan KPK Ditinjau Dari Perspektif Politik Islam

KPK yang lahir pada tahun 2003 itu memiliki masalah dalam kepemimpinan. Walaupun KPK yang lahir selepas gerakan reformasi 1998 itu adalah sebuah institusi yang kuat dijamin oleh Undang-undang, para pimpinannya dianggap lemah dalam menjalankan undang-undang itu. Walaupun dilahirkan oleh reformasi, namun boleh dikatakan sedikit sekali tokoh reformasi dan aktivis anti korupsi yang memimpin institusi KPK. Tidak ada tokoh militan yang berani bercakap di media massa akan mempertaruhkan nyawa dan hartanya dalam pemberantasan korupsi. Boleh dikatakan tidak ada tokoh yang berjuang menghidupkan KPK, yang ramai adalah mereka yang mencari hidup dalam KPK.

Kepimpinan KPK periode 2003 diketuai oleh Taufiequrachman Ruki yang berusia 58 Tahun saat menjadi ketua KPK. Beliau adalah Polis pencen yang memiliki pendidikan Degree bidang hukum. Empat orang wakilnya adalah; Amien Sunaryadi umur 44 tahun sebagai wakil ketua adalah berpengalaman di bidang good governance. MA bidang profesional akauntan. Sjahrudin Rasul PhD bidang hukum usia 61 tahun.

²¹⁷ Chairil A Adjis & Dudi Akasyah, *Kriminologi Syariah*,

²¹⁸ Chairil A Adjis & Dudi Akasyah, *Kriminologi Syariah*, 165

Tumpak Hatorangan Pangabean umur 61 tahun adalah penasihat Jaksa Agung Muda bidang jenayah khas. Erry Riyana Hardjapamekas umur 55 tahun adalah Degree bidang akauntan.²¹⁹

Pimpinan KPK periode 2007 diketuai oleh Antasari Azhar seorang Jaksa 55 tahun dengan pendidikan MA bidang hukum. Empat orang wakilnya adalah; Bibit Samad Rianto 62 tahun seorang mantan Polis yang akhirnya melanjutkan pelajaran ke peringkat PhD. Chandra M. Hamzah 40 tahun seorang praktisi hukum dan aktif dalam pemberantasan korupsi. Haryono 47 tahun PhD bidang ekonomi juga seorang aktifis anti korupsi. Moch. Jasin 49 tahun PhD bidang bisnes manajemen juga seorang aktifis anti korupsi.²²⁰ Pada 2010 Busro Muqoddas 58 tahun diangkat menjadi ketua KPK menggantikan Antasari Azhar. Busro memiliki seorang akademisi yang memiliki PhD bidang hukum dan juga aktivis anti korupsi.²²¹

Kepimpinan KPK periode 2011 diketuai oleh Dr. Abraham Samad 45 tahun adalah seorang praktisi hukum dan seorang tokoh anti korupsi. Wakilnya adalah; Busro Muqodas 58 tahun memiliki seorang akademisi yang memiliki PhD bidang hukum dan juga aktivis anti korupsi. Adnan Pandu Praja 51 tahun juga aktivis anti korupsi yang pernah bekerja sebagai pembuat kebijakan di Polis Indonesia. Zaulkarnain 60 tahun seorang jaksa yang memiliki pendidikan MA. Bambang Widjojanto 52 tahun PhD bidang hukum yang juga aktivis anti korupsi.²²²

Kepimpinan KPK periode 2015 era Jokowi paling banyak dikritisi masyarakat. Hampir tidak ada seorang tokoh masyarakat yang dikenal ramai yang menjadi pimpinan KPK itu. Latar belakang akademik mereka pula tidak memberangsangkan. Agus Rahardjo 59 tahun hanyalah lulusan tekhnik sipil dan MA manajemen. Beliau hampir

²¹⁹ KPK, Laporan Tahunan 2004, (Jakarta: KPK, 2004), 1

²²⁰ KPK, Laporan Tahunan 2007, (Jakarta: KPK, 2007), 1

²²¹ KPK, Laporan Tahunan 2010, (Jakarta: KPK, 2011), 11

²²² KPK, Laporan Tahunan 2011, (Jakarta: KPKK, 2012), 8

tidak dikenal ramal sebelum ini. Basaria Panjaitan 58 tahun adalah seorang Polis yang banyak dikritik oleh ramai selama ini. Ini kerana keberadaan KPK adalah disebabkan rakyat tidak percaya pada Polis dan Kejaksanaan dalam memberantas korupsi, bagaimana pula Polis dapat ditunjuk sebagai pemberantas korupsi. Alexander Mawarta 48 tahun pula hanyalah lulusan Degree bidang hukum dan hakim di pengadilan negeri. Saut Situmorang 61 tahun menempuh jenjang pendidikan yang kacau. Degree bidang Fisika, MA bidang manajemen dan PhD bidang Pendidikan. Laode M. Syarif 50 tahun seorang PhD pensyarah biasa yang tidak dikenal sebagai aktifis masyarakat. Namun dari kelima pimpinan KPK, Laode M. Syarif boleh dikatakan lebih layak dalam memimpin KPK periode ini.²²³

Kepimpinan KPK periode 2003 era Taufiequrachman Ruki adalah era uji coba dengan istilah *“tak ada tali akar pun jadilah, tak kayu jenjang dikeping atau tak emas bungkal di asah”*. Ramai pegawai KPK masa ini adalah dipinjam dari institusi lain dan KPK ibaratkan pindah bus penumpang sama dari institusi KPKPN. Sebahagian pimpinannya pula terdiri dari orang tua yang masuk pada usia pencen wajib.

Dalam pandangan pengkaji dari segi umur, semangat anti korupsi, latar belakang pendidikan, Abraham adalah pimpinan KPK yang paling ideal setakat ini. Kepimpinan KPK periode Abraham juga sangat ideal. Namun periode ini mendapat perlawanan dari Polis kerana menjadikan calon Ketua Polis sebagai tersangka dalam kes rekening gendut.

Kepimpinan ideal terbaik kedua adalah era Antasari Azhar, walaupun Antasari sendiri kurang ideal sebagai ketua KPK namun para wakilnya terdiri dari orang-orang hebat. Namun KPK periode ini juga mendapat perlawanan dari Polis kerana ramai petinggi Polis yang diperiksa KPK.

²²³ <http://www.kpk.go.id/id/tentang-kpk/profil-pimpinan/2015-2019>

Dari segi umur, kelayakan akademik, semangat juang anti korupsi, kepemimpinan periode 2015 ini sangat buruk. ICW juga telah menyuarakan tentang pimpinan KPK periode ini yang bermasalah.²²⁴ Bahkan masalah ini telah diadukan kepada Presiden, namun tidak mendapat tanggapan.

Mungkin inilah yang dikhawatirkan oleh Saldi Isra yang mengatakan bahwa muncul upaya menjinakkan hingga melumpuhkan KPK melalui uji materi (judicial review) terhadap UU nomor 30 tahun 2002, hingga perubahan pasal-pasal yang ada antara lain dengan menonjolkan figure calon ketua KPK yang tidak memiliki keberanian dan kemahuan yang kuat dalam membanteras korupsi.²²⁵

Dari segi anutan agama pimpinan KPK era Jokowi, tiga adalah non muslim dan hanya 2 orang Muslim. Padahal kalau mengikut demokrasi, seharusnya Islam haruslah majoriti.²²⁶ Namun yang menjadi persoalan asas adalah bagaimana dewan perwakilan rakyat menyetujui calon-calon KPK ini dulunya. Proses pemilihan ketua KPK adalah; pengumuman pendaftaran calon. Pendaftaran calon - seleksi pentadbiran, uji paper, profile, assessment dan wawancara calon- seleksi pentadbiran pelaksanaan seleksi pentadbiran (team teknis), tanggapan masyarakat, penyerahan paper dan terakhir penyampaian nama calon kepada presiden.²²⁷

Walaupun politik Islam tidak memperkenalkan batasan umur seorang pemimpin, namun rata-rata pimpinan KPK adalah mereka yang sudah masuk usia pencen iaitu 56 tahun atau bahkan sebahagiannya masuk dalam kategori umur pencen wajib sebagaimana yang di atur dalam Fasal 3 ayat 2 PP No 32 tahun 1979 tentang pemberhentian pegawai negeri sipil yang di ubah menjadi PP No 65 tahun 2008. Padahal di usia pencen seseorang itu akan selalu sakit, ingatan dan produktiviti juga berkurang. Di usia begini seseorang lebih baik tinggal bersama keluarganya ataupun

²²⁴ <http://nasional.republika.co.id/berita/nasional/hukum/15/12/28/o01xum335-icw-sebut-tiga-pimpinan-kpk-terpilih-bermasalah>

²²⁵ Saldi Isra, *Kekuasaan dan Perilaku Korupsi*, (Jakarta: Kompas, 2009), 99

²²⁶ <http://www.suara-islam.com/read/index/16457/Pimpinan-Baru-KPK--Dua-Muslim--Tiga-Non-Muslim>

²²⁷ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi*, Vol 15/IV Mei-Juni 2010, (Jakarta: KPK, 2010), 6

beribadah mendekatkan diri kepada Allah kerana kalau mengikut usia Nabi meninggal pada umur 63 tahun.

Posisi menjadi ketua KPK lebih mencabar dan berbahaya dari menjadi pimpinan Polisi, tentera, pemadam kebakaran dan regu penyelamat lainnya. Diperlukan keberanian yang tinggi, semangat juang yang kuat, azam yang tangguh dan berbagai-bagai kriteria lain yang tidak akan dimiliki pimpinan KPK yang sudah tua banga.

Pemilihan pimpinan KPK memerlukan restu dari anggota Dewan Perwakilan Rakyat dan seperti diketahui bahawa tidak semua anggota DPR memenuhi persyaratan *ahli hilli wa al aqdi* seperti keadilan, istiqamah, integriti amanah, wara` takwa, kapabilitinya bidang ilmu dan kebijaksanaan hikmah. (M. Dhiauddin Rais, 2001) Kriteria alim dan fakih sebagai prasyarat untuk menjadi ahli syura. (Taufik Asy-Syawi, 1997) Pastinya tidak dimiliki oleh anggota DPR. Anggota MUI Majelis Ulama Indonesia adalah representatif dari persyaratan untuk menjadi dewan pemilih ketua KPK. Namun MUI tidak dilibatkan dalam proses pemilihan ketua KPK.

4.14 Solusi Islam Terhadap Kepimpinan di Indonesia

Pemimpin merupakan individu yang menggerakkan suatu sistem politik dan penyelesai bagi pertembungan kepentingan dalam masyarakat. Sejarah membuktikan bahawa pemimpin merupakan individu terpenting dalam menentukan jatuh bangunnya sesebuah tamadun.²²⁸ Al-Quran menyebutkan tentang konsep kepimpinan sebagai Khilafah, Imam, Sulthan, Malik, Wali dan Ulul `Amri.

Antara tugas pemimpin menurut al-Qur`an adalah; menjadikan syariat sebagai dasar hukum bagi manusia. (Sad 38:26). Mengajak kepada ketaatan kepada Allah dan

²²⁸ Arief Salleh Rosman & Yahaya Jusoh, Tafsir Maudhu`iy, Politik dan Urus Tadbir. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014), 88

menyuruh minta ampun bagi manusia. (Hud 11: 52-53) melarang daripada melakukan kerosakan di muka bumi (Al-A`raf. 7:74). Allah SWT juga menjadikan pengikut Nabi Nuh sebagai Khalifah dan menenggelamkan mereka yang menderhaka (Yunus 10:73) Allah SWT tidak mengakui orang yang zalim sebagai imam pemimpin manusia (al-Baqarah 2:124). Pemimpin haruslah seorang yang berilmu dan berbadan sihat (al-Baqarah 2: 247). Antara syarat pemimpin ialah beriman, mendirikan solat, menunaikan zakat dan tunduk pada perintah Allah (al-Ma`idah 5:55) Amanah dan adil (Nisa` 4:58) Bersikap tegas terhadap orang ingkar dan saling berkasih sayang antara sesama orang baik (al-Fath 48:29)

Kepimpinan yang ditunjukkan oleh Nabi SAW adalah gabungan dari sifat Sidik, Tablig, Amanah dan Fathanah. Ia adalah representatif dari isi kandungan al-Quran itu sendiri. Kepimpinan Nabi seperti imam dalam solat yang ditinggikan seranting didahulukan selangkah. Tidak jarang pendapat Nabi dikritik oleh sahabat dengan mengatakan "*apakah ini wahyu ya Rasulullah*". Ini bermakna bahawa hakikat dan esensi sumber kebenaran dan kekuasaan hukum tertinggi ketika itu bukan terletak pada diri Nabi, tetapi pada wahyu itu sendiri sehingga semua orang sama kedudukannya di mata hukum. Jarak antara Nabi (pemimpin) dengan umat (yang dipimpin) pula sangat hampir sehingga tidak berlaku istilah pendewaan atau menganggap pemimpin sebagai eksklusif-VIP. Nabi pula sesuai kata-kata dengan perbuatan serta tidak mengambil kesempatan untuk kesenangan diri dan keluarganya dengan kedudukan Beliau. Sehingga sampai akhir hayatnya Beliau hidup dengan sangat sederhana walaupun Islam sudah jaya ketika itu.

Pemimpin dalam Islam berbeza dengan konsep penguasa yang banyak diamalkan selama ini. Pemimpin adalah memimpin rakyat bukan memerintah, memaksa, atau diktator kuku besi kerana kekuasaan adalah amanah yang harus dipertanggungjawabkan di hadapan Allah dan manusia. Cukup ramai pemimpin yang

berintegriti dalam Islam seperti Nabi SAW sendiri beserta para sahabatnya, Solahuddin al-Ayubi, Umar Bin Abdul Aziz. Sementara untuk ukuran Indonesia, hampir semua yang mendapat penghargaan KPK sebagai tokoh anti korupsi adalah umat Islam seperti M. Natsir, Hamka, Hatta dan sebagainya.

Kriteria pemimpin menurut al-Mawardi adalah; adil, berilmu, sihat indera, sihat jasmani, berwawasan, berani, nasab dan sebagainya.²²⁹ Ibn Taimiyah pula menganggap perlunya memilih pemimpin yang terbaik dan di bawahnya jika yang terbaik tidak ditemui.²³⁰

Secara ringkasnya syarat kepimpinan secara am adalah; Muslim beriman yang berpegang pada al-Quran dan Sunah, lelaki, berilmu pengetahuan, adil, kesanggupan, sempurna panca indera, berjihad dan berjihad, bertanggungjawab, memberi peringatan, memberi petunjuk, mempunyai akhlak yang baik, bertakwa, mengasihi, bersungguh-sungguh, cerdas dan ceria, kuat, pemaaf. Sementara kelayakan asas seorang pemimpin adalah; amanah, ilmu dan pengalaman serta kemampuan.²³¹

Antara kelemahan orde lama, orde baru dan era reformasi ialah kerana ketiadaan keadilan sosial dalam pentadbirannya. Kekayaan negara hanya dinikmati oleh segelintir penguasa, sementara rakyat hidup susah dan menderita. Dalam Islam, keadilan adalah salah satu prinsip masyarakat Madani sebagaimana yang dinyatakan dalam Quran surah 16:90, QS 6:58, 152, QS 5:8, Quran Surah Hud ayat 113 dan beberapa Hadis seperti pemimpin yang adil paling dicintai Allah dan pemimpin yang zalim paling dibenci Allah dan akan memperoleh seksaan di hari akhirat nanti. (Mustaffa Kamil Ayub, 2004)

Kedudukan yang paling sesuai untuk ukuran pegawai KPK adalah setara dengan ahli Hisbah. Mawardi mengemukakan bahawa Syarat Hisbah adalah menyuruh kepada

²²⁹ Al-Mawardi. *Al-Ahkām al-Sultāniyyah*. (Beirut: Dar-Kitab, 450 H)

²³⁰ Ibn Taimiyah, *Siasah Syar'iyah*, etika politik Islam, terj. Rofi' Munawwar, (Surabaya: Risalah Gusti, 1995), 10

²³¹ Basri Bin Ibrahim, *Sistem Pentadbiran dan Organisasi Dalam Islam*, (Johor Baru: Jahabesa, 2001), 42

kebaikan dan melarang dari kemungkar. Sementara syarat ahli Hisbah adalah harus beragama Islam, berakal, baligh, merdeka, lelaki, berilmu, adil, berkemampuan, diangkat.²³²

4.15 Analisa dan Kesimpulan

Korupsi adalah catatan sejarah hitam yang sudah menjadi budaya dan dianggap biasa di Indonesia. Faktor penyebab korupsi adalah penyalahgunaan kuasa eksekutif, legislative, judicative atau tidak berjalannya konsep *trias politica* dalam konsep sains politik serta dimanfaatkannya kaki tangan kerajaan seperti Polis dan Tentera untuk kepentingan pemimpin dan parti politik penguasa. Kurangnya ciri-ciri good governance seperti penyertaan masyarakat, kekuasaan hukum, ketelusan, pertanggungjawaban, orientasi konsensus, persamaan, efektif dan efisien, akauntabiliti dan strategic juga menjadi penyebab maraknya korupsi di Indonesia. Lamanya sesebuah rejim memerintah dengan menutup pintu kritik dan hanya mengharapkan pujian antara faktor utama penyebab korupsi merahajalela di Indonesia. Ini sinonim dengan ungkapan popular yang mengatakan bahawa generasi pertama membangunkan, generasi kedua menikmati pembangunan dan generasi ketiga meruntuhkan bangunan.

Pemberantasan korupsi telah dilakukan sejak era orde lama dan orde baru lagi. Namun kedua orde ini dianggap gagal kerana asas kekuasaan hukum yang berada di bawah kekuasaan orang. Pemberantasan korupsi yang dilakukan oleh KPK dari tahun 2003 mulai menampakkan hasilnya. Namun adanya campur tangan politik dan kekuasaan di zaman Jokowi membuat pemberantasan korupsi bagaikan kembali di era orde lama dan orde baru lagi. Ketiadaan pemimpin teladan yang seiras kata-kata dengan perbuatan serta ketiadaan *political will* menjadi faktor utama kegagalan pemberantasan korupsi tersebut.

²³² Mardzelah, Hisbah Sistem Pengawasan dan Etika Pengurusan Islam, (Kedah: UUM, 2008), 46

Korupsi adalah ibu dari pelbagai penyakit dan masalah Negara terutamanya menjadi penyebab berlakunya urus tadbir buruk. Buruknya demokrasi, banyaknya pengangguran, kemiskinan, rendahnya pelabur asing, indeks sumber manusia semuanya disebabkan oleh faktor korupsi. Korupsi juga dianggap sebagai bahagian dari pelanggaran hak asasi manusia.

Walaupun saat ini institusi resmi untuk pemberantasan korupsi dilakukan oleh KPK namun, pemberantasan korupsi di Indonesia tidak hanya dilakukan oleh KPK. Ia banyak dibantu oleh organisasi sosial kemasyarakatan seperti Muhammadiyah, MUI, Persis, NU. Pelbagai NGO seperti Indonesia Corruption Watch (ICW), Transparency International (TI), Masyarakat Pemantau Peradilan Indonesia (MaPPI), Gerakan Rakyat Peduli Harta Negara (Gempita), Forum Indonesia Untuk Transparensi Anggaran (FITRA) dan sebagainya juga turut berjuang dalam melawan korupsi di Indonesia.

Di era reformasi pelbagai institusi seperti Kementerian Pendayagunaan Aparatur Negara dan Reformasi, Lembaga Ombudsman, Komisi Pemeriksa Kekayaan Penyelenggara Negara juga banyak membantu dalam mengatasi korupsi di Indonesia. Komite Nasional Kebijakan Governance pula telah mengeluarkan buku tentang Good Corporate Governance yang memberikan panduan good governance bagi penyelenggara Negara di Indonesia.

Pemerintah orde lama dan orde baru tidak menjalankan prinsip urus tadbir baik menurut UNDP dan jauh sekali dari prinsip urus tadbir baik menurut Islam. Gerakan pelajar 1998 adalah awal lahirnya kesedaran akan urus tadbir baik dan kesedaran akan hak-hak sosial, politik, ekonomi, pembangunan masyarakat.

Indonesia tidak mengakui dengan baik akan hak-hak beragama umat Islam sebagai majoriti masyarakatnya yang menginginkan diterapkannya syariat Islam. Indonesia juga bukan negara sekuler yang antiagama. Indonesia adalah sebuah negara

pancasila yang menjadi dasar negara dan ia lebih diutamakan daripada dasar Islam dan dasar sekuler.

Kehidupan sesetengah pegawai negara yang sangat mewah dan tidak masuk akal dengan jumlah gaji yang mereka terima seumpama kes rekening gendut polis menjadi gambaran betapa negara ini sudah parah korupsinya dan tidak menjalankan prinsip demokrasi dengan baik.

Pandangan sesetengah pihak yang mengkaitkan antara korupsi dengan ramainya jumlah orang Islam di Indonesia adalah tidak tepat mengingat para tokoh anti korupsi yang diberi penghargaan oleh KPK adalah terdiri dari tokoh Muslim. Prinsip dan ajaran Islam juga dianggap kurang mendapat tempat dalam polisi negara yang membuat umat Islam dijauhkan dari ajaran agamanya.

Walaupun Indonesia sebuah negara umat Islam, namun Indonesia memiliki masalah langkanya kepemimpinan Islamik yang sesuai kata dengan perbuatannya. Prinsip-prinsip kepemimpinan Islamik yang ditulis oleh para pakar tidak dipenuhi dalam pemilihan kepemimpinan di Indonesia.

BAB 5: PENDEKATAN KPK DALAM PEMBERANTASAN KORUPSI

5.1 Pendahuluan

Latar belakang gerakan pelajar 1998 adalah kerana pemerintahan orde baru yang identic dengan korupsi, pakatan sulit dan kroni. Pemberantasan korupsi adalah bahagian dari tuntutan amanat gerakan pelajar 1998 itu. Menurut ketua KPK Abraham Samad, Korupsi berlaku kerana sistem yang buruk, sumber manusia yang tidak berintegriti dan budaya masyarakat yang menganggap korupsi sebagai hal yang biasa.¹ Korupsi adalah musuh dan masalah pelbagai negara di dunia ini, termasuk Indonesia. Untuk mengatasi dan melawan musuh itu, pelbagai negara membentuk lembaga anti korupsi masing-masing. *National Counter Corruption Commission* (NCCC) di Thailand berdiri tahun 1999. Biro Mencegah Rasuah (BMR) Brunei, *Independent Commission Against Corruption* (ICAC) yang berdiri tahun 1974 di Hong Kong. *Suruhanjaya Pencegahan Rasuah di Malaysia* (SPRM) yang berdiri tahun 2009. Singapura memiliki *Corrupt Practices Investigation Bureau* (CPIB) yang berdiri sejak tahun 1952 dan sebagainya.²

Walaupun tujuan lembaga anti korupsi di pelbagai negara itu adalah sama, namun inti pati, tugas, bidang kuasa, pendekatan masing-masingnya tidaklah sama. Justeru itu Bab ini akan menghuraikan tentang, apa dan bagaimana nya KPK. Bab ini berjudul Pendekatan KPK Dalam Pemberantasan Korupsi. Ia akan membincangkan tentang apa faktor yang melatar belakangi kelahiran KPK. mengenalkan tentang inti pati Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK). Apa sahaja pendekatan KPK dalam membanteras korupsi. Dan bagaimana strategi KPK dalam membanteras korupsi dari tahun 2013 hingga 2014. Data bagi bab ini diperoleh melalui metode kajian analisis

¹ Naskhah Pidato pembukaan Abraham Samad Dalam Konferensi Nasional Pemberantasan Korupsi 2013, di Jakarta 4 Disember 2013, 2.

² KPK. *Lembaga Anti Korupsi di Luar Negeri*. (Jakarta: Penerbit KPK, 2006), 14.

kandungan terhadap sumber primer yang meliputi buku, artikel dalam jurnal dan laporan resmi KPK.

5.2. Latar Belakang Kelahiran KPK

Menurut Bibit Samad Rianto, Korupsi telah ada sejak zaman kongsi dagang atau perusahaan Hindia Timur Belanda (VOC) yang berdagang di bumi pertiwi lagi. Kala itu mereka mengalami muflis yang luar biasa diakibatkan oleh korupsi dan mereka terpaksa kembali ke negerinya.³

Korupsi adalah semacam penyakit yang dimulai oleh atasan lalu ditiru oleh bawahan. Keluarga Soeharto terkenal melakukan pelbagai macam korupsi, pakatan sulit dan nepotism. Indonesia pernah menjadi negara yang paling korup di Asia. Korupsi Soeharto dilakukan secara legal melalui pendirian pelbagai yayasan milik keluarga Soeharto.⁴ Soeharto menguasai lebih dari sepuluh yayasan sebagai mesin penghasil wang untuk kepentingan politik, diri, kroni dan keluarganya.⁵ Sehingga kepemimpinan Soeharto sinonim dengan korupsi dan pelanggaran hak asasi manusia.⁶ Akhirnya orde baru dijatuhkan oleh gerakan reformasi 1998.

Menurut wakil ketua KPK Bambang Widjojanto, ada dua kekuatan yang tumbuh kuat setelah gerakan pelajar 1998 iaitu; pemberantasan korupsi dan kebebasan media. Keduanya ini pernah ditekan dan dizalimi di masa orde lama dan orde baru. Namun tentu sahaja media memiliki ideologi tersendiri dan KPK juga memiliki ideologi lain yang membuat mereka saling memerlukan dan adakalanya berjalan sendiri-sendiri.⁷

³ KPK. *Integriti edisi Sept-Okt 2011*, (Jakarta: KPK, 2011), 54.

⁴ Damien Kingsburry. *The Politik Of Indonesia*. (UK: Penerbit Oxport, 2002), 199.

⁵ Taufik Abdullah. *Indonesia Towards Democracy*. (Singapore: Iseas Institute of Southeast Asian Studies publishing, 2009), 500.

⁶ Musni Umar & Muslihun Dahlan (ed), *Meluruskan Arah Reformasi*, (Jakarta: penerbit infomediataama Selaras, 2008), 59.

⁷ KPK. *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi. Vol 39/V Mei-June 2014*. (Jakarta: Penerbit KPK, 2014), 54.

Menurut Bambang lagi, tugas utama KPK adalah memberantas korupsi. Pemberantasan korupsi menjadi satu alasan fundamental sebagai penyebab utama terjadinya gerakan pelajar 1998.⁸

Kerajaan Indonesia telah melakukan pelbagai langkah pemberantasan korupsi sejak zaman orde lama, orde baru dan selepas gerakan pelajar 1998 lagi. Namun hampir semuanya boleh dikatakan gagal kerana ketiadaan contoh teladan dan ketegasan dari pimpinan tertinggi negara.

Lahirnya KPK disebabkan oleh kerana gerakan pelajar 1998. Gerakan pelajar 1998 tercetus disebabkan oleh sebab urus tadbir buruk yang menyebabkan berlakunya korupsi, pakatan sulit dan nepotisme. Dengan demikian, kewujudan KPK telah membantu dalam menerapkan prinsip-prinsip urus tadbir baik dan mengurangkan perbuatan korupsi, pakatan sulit dan nepotisme di Indonesia.

Lahirnya KPK kerana latar belakang tumbanganya orde baru yang diktator, korupsi, pakatan sulit dan nepotisme. Antara ciri diktator itu ialah, Orde baru melancarkan kawalan autoriti terhadap semua gerakan masyarakat.⁹ Antara kawalan itu menurut Virgina (1999) adalah; *the authorities responded by jailing "liberal" student leaders and banning several newspapers*.¹⁰ Ertinya, kemungkinan lahirnya KPK adalah hampir mustahil jika orde baru masih berkuasa saat itu.

Rejim diktator Orde baru Soeharto dikenal dengan kurang memiliki ciri-ciri urus tadbir yang baik.¹¹ Antaranya adalah kuasa yang menindas, terpusat, dan tidak demokratik.¹² Di antara ciri kerajaan yang tidak baik yang banyak dikritik di zaman

⁸ KPK, *Integriti edisi Julai-Ogos 2012*, (Jakarta: KPK, 2012), 52.

⁹ Al-Zastrow Ng, *Gerakan Islam Simbolik: Politik Kepentingan FPI*, (Yogyakarta: Penerbit LKIS, 2006), 66.

¹⁰ Virgina Matheson Hooker. "Expression: Creativity Despite Constraint" *Indonesia Beyond Suharto, Polity, Economy, Society Transition*. Donal K. Emmerson, (ed) Armonk, (New York: M.E Sharpe, Inc 1999), 277.

¹¹ Tentang Orde Baru Soeharto yang identic dengan kerajaan yang tidak menjalankan urus tadbir baik banyak diungkapkan oleh para pengkaji dan ilmuwan. antaranya dapat dilihat dari; Muhammad Banta Khairullah Bin Abdullah, "*Reformasi Pelajar Melalui Demonstrasi mengikut Pandangan Politik Islam: Suatu Analisa Terhadap Kejatuhan Regim Soeharto*" (Tesis MA, Jabatan Siasah Syar'iyah, Universiti Malaya Kuala Lumpur 2006).

¹² Agus Pramusinto, *Building Good Governance in Indonesia*, Makalah conference Modernising the civil service reform in alignment with national development goals, Bandar Seri Begawan Brunei Darussalam, (November 2006), 2.

orde baru ialah maraknya perilaku korupsi, pakatan sulit (nepotisme) dan kronisma (konco) (Korupsi, Kolusi, Nepotisme disingkat KKN) di Indonesia. Dan di antara tuntutan gerakan pelajar 1998 adalah perubahan di segala bidang termasuk mendesak kerajaan ke arah merealisasikan urus tadbir baik.¹³ Awal dari tuntutan itu adalah krisis ekonomi yang menyebabkan naiknya harga sembilan bahan keperluan asas.¹⁴

Gerakan pelajar 1998 yang berhasil menjatuhkan kepemimpinan rejim orde baru Soeharto itu telah diikuti oleh pemerintahan selepasnya dengan menuruti semangat dan tuntutan perbaikan segala bidang.¹⁵ Gerakan pelajar 1998 melahirkan demokrasi dan demokrasi membuahkan perlindungan hak asasi manusia. Antara hasil gerakan pelajar 1998, menurut Mohammad Faizal ialah demokrasi, perubahan rejim dan politik yang lebih terbuka di Indonesia, memberi kebebasan yang lebih kepada persatuan perniagaan daripada kawalan kerajaan kepada lebih proaktif untuk mereka menyampaikan aspirasi di tingkat politik nasional.¹⁶

Semenjak gerakan pelajar 1998 itu, lahirlah tindak balas yang mengarah kepada urus tadbir baik seperti lahirnya Ketetapan Majelis Permusyawaratan Rakyat (MPR) Nombor XI/MPR/1999 Tentang Penyelenggaraan Negara Yang Bersih dan Bebas korupsi, pakatan sulit dan nepotisme (KKN). Adanya Undang-undang Nombor 28 Tahun 1999 Tentang Penyelenggara Negara Yang Bersih Dari Korupsi, Pakatan sulit dan Nepotisme (KKN). UU nombor 31 tahun 1999 Tentang Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi, yang telah disempurnakan menjadi Undang-undang nombor 20 Tahun 2001 Tentang Perubahan Atas Undang-undang 31 Tahun 1999, Undang-Undang nombor 30 tahun 2002 Tentang Komisi Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi. Tidak hanya Undang-undang, kerajaan selepas gerakan pelajar 1998 juga menubuhkan

¹³ Di antara tuntutan gerakan pelajar 1998 itu ialah hapus korupsi, pakatan sulit, nepotisme dan berjayaai kepemimpinan baru seperti yang diperjuangkan oleh Amin Rais. Lihat, Pramono U. Tanthowi, *Islam dan Reformasi; kedudukan Islam Terhadap Orde Baru Dasawarsa 1990-an*. Jakarta: Jurnal Pemikiran Islam Kontekstual Jauhar, (Volume 3, No. 1 Juni 2002), 11.

¹⁴ Fadli Zon, *Politik Huru Hara Mei 1998*, (Jakarta: Institute For Policy Studies, 2004), 56.

¹⁵ Vedi R Hadiz, *Dinamika Kekuasaan Ekonomi Politik Indonesia Pasca Soeharto*. (Jakarta: LP3ES, 2000), 289.

¹⁶ Muhammad Faizal, *Democratisation, Business Activism, And New Dynamics of Corruption and Clientism In Indonesia*, World Academy of Science and Technology International Science Index (Mart 2013), 295.

pelbagai institusi yang menuju ke arah urus tadbir baik seperti pembentukan Komisi Ombudsman yang bertugas mengawasi penyelenggaraan pelayanan publik,¹⁷ Komisi Pemeriksa Kekayaan Penyelenggara Negara (KPKPN) dan Komisi Pemberantasan Korupsi tentunya.

Di samping itu, Indonesia juga mendukung pengesahan konvensyen PBB menentang korupsi United Nations Convention Against Corruption (UNCAC) 2003 pada 9 Disember 2003 di Merida Mexico yang ditandatangani oleh 137 negara termasuk Indonesia. Indonesia mengesahkan konvensi itu baru pada 21 Mac 2006. Sebulan kemudian lahir UU No 7/2006 tentang pengesahan UNCAC yang mengakui korupsi sebagai kejahatan luar biasa (extra ordinary crime) dan kejahatan lintas negara.¹⁸ Kejahatan luar biasa itu adalah kejahatan terhadap kemanusiaan, pembunuhan berencana, korupsi dan pengedaran dadah.¹⁹ Setahun sebelum itu KPK juga telah mengkategorikan korupsi sebagai kejahatan luar biasa (white collar crime) dan perlu penanganan yang luar biasa untuk mengatasinya.²⁰

Kelahiran KPK juga disebabkan oleh gagal nya institusi Kepolisian dan Kejaksaan dalam menjalankan tugas mereka melakukan penyelidikan, penyidikan, penuntutan, hukuman terhadap pelaku korupsi di tanah air selama ini. Masyarakat tidak lagi percaya kepada kedua institusi itu kerana dinilai telah menjadi sebahagian dari penjenayah korupsi itu sendiri.²¹ Menurut Prof. Zudan Lembaga-lembaga yang dianggap paling korupsi ialah Kepolisian, Pengadilan, Kejaksaan, dan Departemen Kehakiman.²²

¹⁷ Sunaryati Hartono, *Peranan Ombudsman Dalam Pemberantasan dan Pencegahan Korupsi Serta Pelaksanaan Pemerintahan Yang Baik*. (Jakarta: Komisi Ombudsman Nasional, 2005)

¹⁸ KPK, *Mewujudkan Indonesia Yang Bebas Korupsi: Laporan Tahunan 2006*. (Jakarta: KPK, 2006) 2.4.

¹⁹ Oksidelfa Yanto, *Membongkar Manipulasi dan Konspirasi Hukum di Indonesia, Mafia Hukum*, (Jakarta: Raih Asa Berjaya, 2010), 142.

²⁰ KPK, *Laporan Tahunan 2005*, (Jakarta: KPK, 2005), 17.

²¹ "KPK Ada Karena Polri dan Kejaksaan Tak Dipercaya", laman sesawang Sindonews, dicapai 18 Disember 2014, www.sindonews.com.

²² Zudan Arif Fakrulloh, "Penegakan Hukum Sebagai Peluang Menciptakan Keadilan", *Jurnal Jurisprudence* (Mart 2005), 7.

Penyebab korupsi itu menurut peneliti ICW Febri Diansyah, ialah kerana Polri dan Kejaksaan dihadapkan pada kekuasaan dan pemilik modal yang menyebabkan mereka terdedah pada perilaku korupsi. Sebaiknya untuk mengatasi korupsi tersebut, kepolisan perlu ditempatkan di bawah Departemen, bukan di bawah Presiden secara langsung seperti saat ini.²³

Gagalnya kepolisan dan Kejaksaan dalam membanteras korupsi dapat dilihat dari tiadanya orang-orang penting negara yang di penjara kerana kes korupsi selama ini. Ianya juga dapat dilihat dari kedudukan Indonesia yang menjadi negara paling korup di Asia dan nombor 3 dunia ketika itu.²⁴

Kaji selidik yang dilakukan oleh Transparensi International pada tahun 2008 juga mengatakan bahawa kepolisan dan kehakiman adalah dua institusi yang paling korup di Indonesia.²⁵ Hal ini didukung oleh M. Syamsuddin yang mengatakan bahawa praktik mafia peradilan menjadi sesuatu yang wajar kerana ia sebahagian dari peradilan itu sendiri. Hasil kajian yang dilakukan Syamsuddin mengatakan bahawa sekitar 300 responden mengakui berlakunya korupsi di pengadilan.²⁶

Sebenarnya semua komisi di atas adalah salah satu pertanda kemunduran sebuah negara. Ini kerana menurut Dr. `Uthman El-Muhammady ciri-ciri kehancuran sebuah negara adalah apabila diperlukan polis untuk menjaga polis, diperlukan hakim untuk menjaga hakim, diperlukan askar untuk menjaga askar, diperlukan institusi kerajaan yang baru untuk menjaga kerajaan atau diperlukan penjaga untuk menjaga penjaga.²⁷

Komisi Pemberantasan Korupsi atau di singkat menjadi KPK dibentuk tarikh 29 Disember 2002 di masa kepimpinan Presiden Megawati ketika itu. Megawati menjadi

²³ "Kenapa Kejaksaan dan Polis Sulit Membanteras Korupsi", laman sesawang www.csg.ui.ac.id, dicapai 18 Disember 2014.

²⁴ Damien Kingsburry. *The Politik Of Indonesia*. (UK: Penerbit Oxport, 2002), 199.

²⁵ Transparency International. *Causes of Corruption In Indonesia*. (August 2012), 3.

²⁶ M. Syamsuddin, *Korupsi Dalam Perspektif Budaya Hukum*, Jurnal Unsia, (June 2007), 190.

²⁷ Dr. `Uthman El-Muhammady, kertas kerja pada seminar Nadwah Ulama Nusantara IV pada 25 November 2011 di Hotel Renaissance Kota Baru Kelantan.

Presiden kerana Presiden Abdul Rahman Wahid (Gusdur) diberhentikan oleh Majelis Permusyawaratan Rakyat (MPR). Sebelumnya MPR memilih Gusdur jadi Presiden melalui kelompok tengah untuk menyekat kemaraan Megawati ketika itu. Gusdur dilantik menjadi Presiden oleh poros tengah yang tidak menginginkan Megawati menjadi Presiden kerana berlaku kekosongan Presiden disaat Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) menolak pertanggungjawaban Presiden BJ Habibi yang mengharuskan Habibi tidak melanjutkan masa jabatannya sebagai Presiden. Dalam pasal 8 Undang-undang 1945 dinyatakan bahawa apabila Presiden mangkat, berhenti, diberhentikan atau tidak dapat melakukan kewajibannya dalam masa jabatannya, ia digantikan oleh wakil Presiden sampai habis masa jabatannya. Senario banyaknya berlaku pergantian kepimpinan Indonesia di awal gerakan pelajar 1998 ini erat kaitannya dengan tuntutan mereka yang berhasil menjatuhkan rejim diktator Orde Baru Soeharto yang telah berkuasa selama 32 tahun.²⁸

Perlu diketahui bahawa pemerintahan orde baru adalah pemerintahan yang kuat kerana Soeharto memanfaatkan tentera, polis, kaki tangan kerajaan dan swasta untuk mendukung kekuasaannya. Dan keberhasilan menjatuhkan pemerintahan orde baru adalah satu pencapaian yang luar biasa ketika itu.

Walaupun semangat anti korupsi ini dimulai semenjak adanya gerakan pelajar 1998, namun Ianya banyak mendapat tempat di zaman pemerintahan Presiden BJ. Habibi yang melahirkan Undang-undang Nombor 28 tahun 1999 Tentang Penyelenggaraan Negara yang Bersih dan Bebas dari Korupsi, Pakatan sulit dan Nepotisme. UU ini diikuti dengan pembentukan pelbagai komisi atau badan baru seperti

²⁸ Arbi Sanit, *Pergolakan Melawan Kekuasaan*. (Yogyakarta: Insist, 1988), 205.

Komisi Pengawas Kekayaan Pejabat Negara (KPKPN), KPPU atau lembaga Ombudsman.²⁹

Habibie memberi keutamaan dalam pemerintahannya iaitu; bidang politik beliau menerapkan kabinet profesional punya dedikasi dan berintegriti, menyemak semula undang-undang pilihan raya, dan undang-undang *Suversif*. Dari segi ekonomi menghapus monopoli dan persaingan yang tidak sihat.³⁰ Bahkan korupsi menjadi fokus pembicaraan orang semenjak gerakan pelajar 1998 di kala mereka bicara tentang sosial, ekonomi dan politik Indonesia.³¹

Dalam rangka pemberangusan Korupsi, Pakatan sulit dan Nepotisme, Pemerintah Habibi menetapkan batasan KKN iaitu; keterlibatan penjawat awam terkait, kerabat atau teman di dalam suatu badan usaha dan adanya pemberian kemudahan istimewa yang tidak sepatutnya diberikan kepada badan usaha tersebut.³²

Habibi adalah Presiden yang banyak melakukan perubahan di segala bidang seperti kebebasan media, membebaskan tahanan politik, Namun beliau dijatuhkan kerana masyarakat takut ia adalah Produk dan bayang-bayang Orde Baru Soeharto. Akan tetapi Presiden selepas beliau ternyata tidak ada yang lebih reformis dari Habibi.³³

Walaupun KPK didirikan di zaman Mega, namun putiknya telah ada di zaman kepimpinan Habibi³⁴ melalui pelbagai peraturan perundang-undangan yang ada. Sepertinya Megawati terpaksa harus mengikuti jejak semangat gerakan pelajar 1998 kerana dua Presiden sebelumnya iaitu Habibi dan Gusdur dijatuhkan oleh mahasiswa melalui gerakan pelajar kerana dinilai mengkhianati semangat gerakan pelajar 1998 itu

²⁹ Ramly Hutabarat, *Politik Hukum Pemerintahan Soeharto Tentang Demokrasi Politik di Indonesia (1971-1997)*, (Jakarta: UI, 2005), 222.

³⁰ Bilveer Sing, *Succession Politics In Indonesia. The 1998 Presidential Elections and The Fall Soeharto*, (Britain: Macmillan Press, 2000), 157.

³¹ Hokky Situngkir dan Ardian Maulana, *Dynamic of the corruption eradication in Indonesia*, MPRA (September 2013), 2.

³² Sidarta Gautama dan Aries Budiono, *Moralitas Politik dan Pemerintahan yang Bersih*. (Jakarta: Raja Grafindo Persada, 1999), 151-152.

³³ Afriadi Sanusi (2007) "*Perkembangan Hak Asasi Manusia Dari Tahun 1945 Hingga 2003*. (Tesis MA Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2007), 90.

³⁴ Diana Napitupulu, *KPK In Action* (Jakarta: penerbit Raih Berjaya Asa, 2010), 43.

sendiri. Menyetujui pendirian KPK yang di ajukan oleh sejumlah tokoh bukanlah sebuah pilihan tetapi lebih kepada keterpaksaan dan keharusan agar nasib Megawati tidak dijatuhkan sebagaimana dua Presiden pendahulunya.³⁵

Sebenarnya kemaraan Megawati untuk menjadi Presiden telah disekat oleh kelompok tengah yang diketuai oleh Amin Rais. Dengan demikian, Megawati tidak pernah menang dalam pertandingan merebut jawatan Presiden walaupun sudah dua kali bertanding. Status Megawati hanyalah menggantikan Gusdur yang diberhentikan oleh massa melalui kekuatan MPR.³⁶

Presiden Megawati pernah berjanji akan membanteras tuntas dan menghukum para pelaku korupsi, pakatan sulit dan nepotisme (KKN). Akan membawa pelaku kejahatan politik mahupun ekonomi ke pengadilan termasuk mantan presiden Soeharto. Perlu pemeriksaan yang jujur, tuntas dan adil. Siap mengembangkan hukum yang mampu menjerat presiden yang berkuasa saat ini, juga periode akan datang, bila terbukti melakukan KKN. Namun semuanya janji itu tidak terbukti seperti mengadili Soeharto, korupsi di BLBI, kes kader PDIP Laksamana Sukardi dan sebagainya.³⁷

Kedudukan KPK dalam negara adalah kuat kerana pembentukan KPK diasaskan melalui Undang-undang RI No 30 Tahun 2002. Ini bererti bahawa kewujudan KPK sama dengan institusi negara lainnya yang lahir dan berkembang kerana dukungan kekuatan undang-undang. Apa yang pasti, KPK adalah lembaga negara yang dalam melaksanakan tugas dan bidang kuasanya bersifat independent dan bebas dari pengaruh kekuasaan mana pun.

³⁵ Namun akhirnya pemerintahan Megawati ternyata melakukan pelbagai macam korupsi seperti penjualan asset badan usaha milik Negara (BUMN) di waktu dan harga yang tidak transparent. Korupsi era Megawati sangat menjolok dengan kes Laksamana Sukardi sebagai Menteri BUMN dan orang kuat PDIP Parti Megawati. Megawati pun kalah dalam pemilihan Presiden setelah itu.; lihat; Saman sesawang Rimanews, dicapai 13 November 2012, <http://www.rimanews.com/read/20121113/81602/laksamana-sukardi-eks-meneg-bumn-era-megawati-diperiksa-kpk>.

³⁶ Andi Setiono et. al. *Tragedi Megawati Revisi Politik Massa di Indonesia*. (Yogyakarta: Penerbit Tarawang, 2000), 106.

³⁷ Andi Setiono et. al. *Tragedi Megawati Revisi Politik Massa di Indonesia*. (Yogyakarta: Penerbit Tarawang, 2000), 32.

Independency KPK adalah sebuah langkah maju kerana motto birokrasi di Indonesia selama Orde Baru ialah ABS (asal bapak senang). Ukuran sebuah kebenaran selama ini adalah sejauh mana pimpinan menyetujui dan menyukainya walaupun ianya menyalahi Undang-undang sekalipun.³⁸

5.3 Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK)

Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) adalah lembaga negara yang dalam melaksanakan tugas dan bidang kuasanya bersifat bebas (independent) dari pengaruh kekuasaan mana pun. KPK dibentuk dengan tujuan meningkatkan daya guna dan hasil guna terhadap upaya pemberantasan³⁹ tindak jenayah korupsi di Indonesia.⁴⁰ Walaupun pimpinan KPK dirasmikan oleh Presiden, namun secara perlembagaan (konstitusi) KPK tidak tunduk pada Presiden serta Eksekutif, dan legislatif lainnya. Namun demikian para pimpinan dan pegawai KPK tetap harus tunduk pada undang-undang sebagai kekuatan tertinggi.⁴¹ Praktik pemerintahan yang sudah sedemikian korup dan membuat rakyat menderita adalah alasan dasar lembaga KPK ini.⁴²

Seperti diketahui latar belakang kelahiran KPK ialah kerana gagal nya institusi sedia ada seperti Kejaksaan, Kepolisian, Badan Pemeriksa Kewangan, BPKP, KPKPN, Itjen, Departemen dan Non Departemen dalam membanteras korupsi. Dan secara logik, sekiranya institusi di atas berjaya membanteras korupsi, maka KPK tidak perlu ada sama sekali.⁴³

³⁸ Pasal 3 UU No 30 Tahun 2002 Tentang Komisi Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi.

³⁹ Dalam sistem E-Kamus kalimat pambanteras jarang digunakan. Yang biasa adalah pemberantasan yang berasal dari kalimat berantas; membanteras; pemberantasan perihal (tindakan, usaha dsb) membanteras buta huruf. Lihat *Kamus Dewan* edisi keempat. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 167.

⁴⁰ Pasal 4 ayat 3 & 4 UU No 30 Tahun 2002 Tentang Komisi Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi.

⁴¹ Pasal 3 Undang-undang nombor 30 tahun 2002.

⁴² Edy Nathan, *Antasari Azhar Dalang Atau Korban? Konspirasi Penghancuran KPK*, (Yogyakarta: Best, 2009), 17.

⁴³ "Inilah Alasan ICW Menolak Jaksa dan Polis di KPK", laman sesawang inilah.com, dicapai 19 Disember 2014, www.inilah.com.

Di awal kelahirannya anggota KPK adalah terdiri dari mereka yang berasal dari KPKPN⁴⁴. Bahkan beberapa orang di antara anggota KPK itu adalah mereka yang pernah menggugat keberadaan KPK ke Mahkamah.⁴⁵ Di awal berdirinya tahun 2004 semua sumber manusia KPK hanyalah berjumlah 125 orang yang kebanyakannya diambil dari KPKPN tersebut di atas.⁴⁶ KPKPN adalah sebuah institusi pemberantasan korupsi yang kurang produktif kerana bidang kuasanya yang terhad dan boleh dikatakan tidak melakukan kerja dalam membanteras korupsi sebagaimana yang dilakukan oleh KPK saat ini.

Dasar hukum keberadaan KPK adalah undang-undang nombor 30 tahun 2002 tentang Komisi Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi. Undang-undang ini disahkan pada tarikh 27 Disember 2002 di masa kepimpinan Megawati. Undang-undang ini lahir melalui proses dan rentetan yang panjang. Undang-undang ini juga pernah di *judicial review* oleh mereka yang merasa terganggu dengan kehadiran KPK seperti KPKPN. Ianya juga bahkan digugat agar dilakukan rombakan undang-undang KPK dengan tujuan melemahkan bidang kuasa dan kewenangan KPK oleh parti yang mana anggotanya banyak terjerat dengan kes korupsi yang ditangani KPK.⁴⁷

Untuk mendukung kerja KPK, maka dibentuk Mahkamah Jenayah Korupsi. Mahkamah tindak jenayah korupsi berkedudukan di ibu kota negara Republik Indonesia dan wilayah kerjanya meliputi seluruh wilayah negara Republik Indonesia. Ia dapat membentuk perwakilan di daerah provinsi. Di antara kelemahan mahkamah korupsi adalah bahawa cabangnya masih berada di kota-kota besar sahaja seperti Jakarta, Surabaya, Bandung, Semarang dan sebagainya padahal korupsi berlaku dari pegawai kampung hingga ke lembaga legislatif, eksekutif dan Yudikatif. Namun kelebihan pusat dengan hanya berada di Jakarta, ianya lebih mudah diawasi dari pelbagai macam

⁴⁴ KPK, *Mewujudkan Indonesia Yang Bebas Korupsi*, :Laporan Tahunan 2004. (Jakarta: KPK, 2004), 11.

⁴⁵ Lampiran Yudicial Review Atas UU KPK.

⁴⁶ KPK, *Mewujudkan Indonesia Yang Bebas Korupsi*, :Laporan Tahunan 2004. (Jakarta: KPK, 2004), 12.

⁴⁷ EEP Syaifullah Fatah, *Jangan Bunuh KPK*, (Jakarta: Kompas, 2009), 100.

penyewengan dan penyalahgunaan kuasa. Dengan demikian KPK masih mengamalkan sistem *sentralistik* dalam hal pemberantasan korupsi padahal terpusat adalah salah satu penyebab kegagalan orde baru.⁴⁸

KPK terdiri dari Pimpinan 5 (lima) Anggota KPK, Tim Penasihat yang terdiri dari 4 (empat) Anggota; dan Pegawai KPK sebagai pelaksana tugas. Pimpinan KPK ialah Ketua KPK merangkap Anggota, Wakil Ketua KPK terdiri atas 4 (empat) orang, masing-masing merangkap Anggota.⁴⁹

Menurut Taufiequrachman Ruki mantan ketua KPK, KPK mengamalkan sistem kepemimpinan kolektif yang bererti bahawa ketidakhadiran seorang atau ketidaksetujuan seorang asal majoriti setuju maka kesepakatan telah dicapai.

Seorang ketua yang berhalangan juga tidak menyebabkan terhentinya kerja-kerja KPK yang boleh diteruskan oleh pimpinan yang lain. Sehingga tidak ada sistem hak veto dalam kepemimpinan KPK. Kepimpinan di mana setiap orang memiliki hak dan kewajiban yang sama atau disebut dengan kepemimpinan sejumlah orang, bukan kepimpinan individu.⁵⁰ Jika hanya empat orang pimpinan yang mengambil keputusan disebabkan seorang pimpinan tidak hadir atau tidak aktif, maka itu lebih dari cukup.⁵¹

Sistem kepimpinan kolektif ini sesuai dengan ajaran musyawarah dalam Islam. Nabi Muhammad SAW. Sering bermusyawarah dengan para sahabatnya. Namun bezanya jika di KPK, Undang-undang adalah kuasa tertinggi, sedangkan dalam Islam Kitab Allah dan Sunnah Rasul_Nya adalah konstitusi tertinggi.⁵²

⁴⁸ Vedi R Hadiz, *Dinamika Kekuasaan Ekonomi Politik Indonesia Pasca Soeharto*. (Jakarta: Penerbit LP3S, 2000), 275.

⁴⁹ Profil Pimpinan. Dicapai 13 Januari 2015, <http://kpk.go.id/id/tentang-kpk/profil-pimpinan>

⁵⁰ KPK, *Integrasi edisi Oktober 2009*, (Jakarta: KPK. 2009), 30.

⁵¹ Tri Agung Krintanto dan Irwan Suhanda editor, *Jangan Bunuh KPK, Perlawanan Terhadap Usaha Pemberantasan Korupsi*, (Jakarta: Kompas, 2009), 141.

⁵² Ibnu Taimiyah. *Siyasah Syar'iyah Etika Politik Islam*. (terjemahan Rofi` al-Munawwar). (Surabaya: Penerbit Risalah Gusti, 2005) 223.

5.4. Cabaran Pemberantasan Korupsi Yang Dilalui KPK

Walaupun pemberantasan korupsi adalah sebahagian dari pelaksanaan urus tadbir baik, namun ianya tidak begitu mendapat sokongan dari semua pihak yang memimpin Indonesia.⁵³ Ramai pegawai tinggi Indonesia dan ahli politik yang memenangi pilihan raya tahun 2009 didakwa akibat korupsi.⁵⁴ Gerakan memusuhi KPK sampai ke tahap idea pembubaran institusi itu dilakukan oleh sejumlah pemimpin, kerana merugikan diri, keluarga dan kelompok dalam partinya.⁵⁵

Ancaman pembubaran KPK sering datang dari anggota DPR sebagai lembaga yang memiliki kuasa untuk menggubal Undang-undang. Polis pula sering adu kekuatan dengan KPK setiap kali ada kes pegawai Polis yang terlibat korupsi. Eksekutif pula selalu ikut suara majoriti dalam DPR sebagai parti penguasa.⁵⁶

Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) mengesahkan perubahan Undang-undang tentang Majelis Permusyawaratan Rakyat (MPR), Dewan Perwakilan Daerah (DPD), dan Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) (MD3) yang mengharuskan KPK mendapatkan izin Presiden dalam rangka memeriksa wakil rakyat yang terlibat korupsi. Dalam hal ini, pemerintah dan wakil rakyat dinilai sebagai tidak memiliki keinginan bersungguh-sungguh dalam membanteras korupsi kerana telah melemahkan bidang kuasa KPK.⁵⁷

5.5 Pendekatan KPK Dalam Membanteras Korupsi Menurut Analisa Islam

Menurut Psikolog Bregas Bayuardhi terdapat lima hal membangun jiwa anti korupsi iaitu; 1. teknik ego Vincerio atau bekerjasama dengan orang lain dalam

⁵³ Tri Agung Kristanto, Irwan Suhada. *Jangan Bunuh KPK. Perlawanan Terhadap Usaha Pemberantasan Korupsi*, (Jakarta: Penerbit Kompas, 2009),15.

⁵⁴ KPK, *Laporan Tahunan 2014*. (Jakarta: KPK, 2014), 81.

⁵⁵ KPK, *Laporan Tahunan 2009*, (Jakarta: KPK, 2009), 10.

⁵⁶ Wawancara yang penulis lakukan pada staff MaPPI di PICC Putrajaya 4 September 2016.

⁵⁷ KPK. *Kumpulan Guntingan Suara Pembaharuan* 11 Julai 2014, A6.

mencapai tujuan. 2. Otak bawah sadar dengan mengganti tuntutan menjadi tawaran, 3. Role model terutama sekali orang tua, 4. Pertemanan iaitu memilih teman-teman yang baik sahaja, 5. Penegakan aturan dengan ketentuan hukum yang pasti.⁵⁸ Selari dengan itu, Bibit Samad juga menilai perlunya penanaman nilai-nilai luhur terhadap anak oleh orang tuanya, seperti didikan mulia, nilai kejujuran, kesederhanaan, tanggungjawab dan bekerja keras.⁵⁹

Untuk saat ini bertugas sebagai pegawai atau pimpinan dalam KPK adalah sebuah pekerjaan yang sangat berisiko di Indonesia. Bahkan bekerja di KPK lebih berisiko daripada bekerja sebagai seorang pemadam kebakaran, Team SAR, Polis, Tentera atau bekerja di institusi lainnya yang sama-sama mendapat gaji dari wang rakyat. Nyawa, harta, keluarga mereka selalu menjadi sasaran oleh Para mafia dan para pelaku korupsi yang sanggup melakukan apa saja demi wang, kekuasaan, harga diri dan menghilangkan rasa malu. Antasari Azhar mantan ketua KPK yang di penjara kerana senario penjahat adalah salah satu contohnya.⁶⁰

Terbaru adalah kriminalisasi KPK dengan menangkap ketuanya Abraham Samad, Bambang, Novel Baswedan dan lainnya kerana konflik dengan petinggi Polis bernama Budi Gunawan. KPK menetapkan Budi Gunawan sebagai tersangka di saat dia ingin diangkat oleh Jokowi menjadi kepala Polis Indonesia. Sebagai tindak balasnya, Kabareskrim menangkap wakil ketua KPK Bambang dengan cara yang tidak wajar. Komisi Ombudsman dan Komnas HAM menganggap Polis salah dalam hal ini.⁶¹

Untuk melancarkan visi, misi dan objektifnya KPK melakukan empat bidang utama strategi dan pendekatan untuk membanteras korupsi iaitu; a. Pembangunan institusi, 2. Pencegahan, 3. Penguatkuasaan dan 4. Kempen mengikutsertakan

⁵⁸ KPK, *Integriti edisi September-Oktober 2010*, (Jakarta: KPK, 2010), 16.

⁵⁹ *Ibid*, 46.

⁶⁰ <http://www.suarapembaruan.com/tajukrencana/rekayasa-kes-antasari-nyata/11762>.

⁶¹ www.hukumonline.com Ombudsman Temukan penyalahgunaan kuasa Penangkapan BW 24 Februari 2015.

masyarakat.⁶² Ini kerana kuasa pengguna dapat berperan dalam mewujudkan budaya integriti dan persekitaran bebas rasuah.⁶³

5.5.1 Pembangunan Institusi

Pembangunan institusi dilakukan KPK dengan cara memperkuat dalaman institusi yang sangat penting untuk kelangsungan hidup lembaga KPK yang selalu mendapat ancaman, gugatan, kritikan dari mereka yang tidak setuju dengan keberadaan lembaga negara ini. Melengkapi prasarana yang diperlukan adalah sesuatu yang mendesak diadakan di awal keberadaan KPK. Di samping itu KPK juga menerapkan UU No 30/2002 tentang pengangkatan pegawai KPK yang disesuaikan dengan kepakaran masing-masing calon. Pengangkatan pegawai ini tidak dilakukan oleh KPK, melainkan oleh sebuah konsultan terpilih yang menang tender.⁶⁴ Langkah ini untuk menghindari berlakunya kroni dalam pengangkatan pegawai KPK. Dan agar yang dipilih bukan dari kalangan keluarga, sahabat, dan handai taulan, kroni pegawai KPK.

KPK nampaknya terlalu berhati-hati dalam penggunaan bajet. Di tahun 2004 hanya 36,3 bajet yang digunakan dan di tahun 2005 hanya 48,55% bajet yang digunakan.⁶⁵ Di tahun 2011, dari Rp. 576.590.708.000 KPK hanya membelanjakan sejumlah 297,107,616,984 atau sekitar 51.53% bajet sahaja.⁶⁶

Pembangunan institusi juga dilakukan KPK dengan cara mengundang dan mendengarkan pendapat pakar untuk menguatkan institusi KPK yang sering dimusuhi pelaku korupsi itu.⁶⁷ Hal ini selari dengan Islam yang mengharuskan kita bertanya

⁶² KPK, *Mewujudkan Indonesia Yang Bebas Korupsi*, :Laporan Tahunan 2006. (Kalarta: KPK, 2006) 5.2.

⁶³ Koleksi Artikel Panel Perundangan dan Pencegahan Rasuah. Putrajaya: SPRM, 2016. 261.

⁶⁴ KPK, *Integriti edisi May dan June 2013*. (Jakarta: KPK, 2013), 5.

⁶⁵ KPK, *Mewujudkan Indonesia Yang Bebas Korupsi*, :Laporan tahunan KPK tahun 2005, (Jakarta: KPK), 29.

⁶⁶ KPK, *Mewujudkan Indonesia Yang Bebas Korupsi*, :Laporan tahunan KPK, tahun 2011, (Jakarta: KPK, 2011), 50.

⁶⁷ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi*, vol 2/V Maret-April 2012, (Jakarta: KPK, 2012), 10.

kepada yang tahu jika tidak tahu kerana jika sesuatu diserahkan kepada yang bukan ahlinya, maka tunggulah kehancurannya.⁶⁸

Hal ini selari dengan Quran Surah Yusuf ayat 55. *Yusuf berkata; “Jadikan daku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir) sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya lagi mengetahui cara mentadbirkannya.* Nabi Yusuf meminta jawatan yang sesuai dengan ilmu kepakarannya dalam mengetahui perkara akan datang melalui pentafsiran mimpi dan beliau yakin akan berlaku amanah dalam menjalankan tugasnya. Sebab kehancuran akan menimpa jika sesuatu diserahkan kepada yang tidak layak.⁶⁹

Guna pembangunan institusi ini KPK telah melakukan pelbagai kegiatan yang bertujuan untuk meningkatkan kapasiti pegawai melalui pelatihan komputer forensic, pelatihan, biasiswa pegawai di dalam dan di luar negeri. KPK juga melakukan penguatan dukungan peralatan dan teknologi, infrastruktur gedung KPK, dukungan pembiayaan yang berasal dari APBN dan dana hibah yang tidak mengikat serta penguatan peraturan per Undang-undangan yang mendukung lainnya.⁷⁰

KPK lebih mengutamakan kualiti daripada kuantiti dalam pengangkatan pegawai sebagaimana yang diungkapkan oleh penasihat KPK Abdullah Hehamahuwa. Pengangkatan pemimpin KPK dilakukan dengan cara yang panjang, iaitu; pengumuman pendaftaran calon. Pendaftaran calon - seleksi pentadbiran, uji paper, profile, assessment dan wawancara calon - seleksi pentadbiran pelaksanaan seleksi pentadbiran (team teknis), tanggapan masyarakat, penyerahan paper dan terakhir penyampaian nama calon kepada presiden.⁷¹

⁶⁸ Soheh Bukhori, *Kitab al-Sittah*, (Makkah: Dar as-Salam, 2000), 545.

⁶⁹ Ahmad Khalid, *Belajar Seni Politik Daripada Yusuf AS*, (Bangi: Penerbit Syabab, 2012), 278.

⁷⁰ KPK, *Mewujudkan Indonesia Yang Bebas Korupsi*, :Laporan 2005 (Jakarta: KPK, 2005), 29.

⁷¹ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi*, Vol 15/IV Mei-Juni 2010, (Jakarta: KPK, 2010), 6.

Unsur memilih pemimpin yang paling layak dan yang terbaik dengan mengharuskan calon pemimpin itu sebagai seorang yang jujur, adil, amanah, cerdas sebagaimana dalam Islam nampaknya tidak sepenuhnya diamalkan dalam KPK.⁷²

Chandra M. Hamzah wakil ketua KPK mengatakan bahawa sumber manusia adalah modal utama KPK. Untuk itu, ketatnya sistem pengambilan pegawai di KPK merupakan sesuatu keharusan. KPK tidak memberikan ruang toleransi sedikit pun, sehingga integriti dan leadership merupakan hal yang mutlak.⁷³ Islam juga menerapkan beberapa syarat yang ketat untuk kedudukan tertentu seperti Khalifah, Menteri, Governor, Panglima jihad dan sebagainya namun ada banyak perbezaan antara kriteria pemimpin dalam Islam dengan kriteria pemimpin dalam KPK.⁷⁴

Pembangunan institusi dilakukan dengan cara memperkuat peraturan perundang-undangan sebagai landasan berpijak institusi KPK. Penguatan institusi juga dilakukan dengan cara memperkuat internal dalaman seperti sumber manusia melalui disiplin dan pendidikan tambahan serta peralatan yang canggih. Untuk peralatan yang canggih, KPK bekerjasama dengan institusi anti korupsi dari negara lain seperti German, Singapura dalam bidang ICT seperti penyadapan, barang bukti, saksi, whistle blowing dan sebagainya.⁷⁵

Namun pembangunan institusi KPK tidak akan berjalan dengan baik tanpa bantuan dari orang luar. Dalam pemberantasan korupsi sangat diperlukan orang yang bersedia tampil sebagai whistle blowing sebagai mana yang dicontohkan oleh Khairiansyah yang mendapat anugerah Integrity Award dari Transparency International kerana mantan auditor BPK itu berani membawa ke luar kejadian korupsi di KPU itu.⁷⁶

⁷² Ibnu Taimiyah, terj. Rofi Munawwar, *Siyasah Syar'iyah Etika Politik Islam*, (Surabaya: Risalah Gusti, 2005), 13.

⁷³ KPK, *Integriti edisi Mei-June 2010*, (Jakarta: KPK, 2010), 46.

⁷⁴ Al-Mawardi. *Al-Ahkam as-Sulthaniyah*. (Kuwait: Dar Ibn Qutaibah, 1989), 5.

⁷⁵ KPK, *Laporan Akuntabilitas Kinerja Tahun 2013*, (KPK: Jakarta, 2013), 7.

⁷⁶ K. Bertens, *Perspektif Etika Baru 55 Esei Tentang Masalah Aktual*, (Yogyakarta: Kanisius, 2009) 39.

Di samping itu perkembangan institusi lain dan kebaikan negara dan institusi pemberantasan korupsi di negara lain juga dijadikan contoh sebagai analisa perbandingan oleh KPK dalam melihat konsep yang terbaik untuk menciptakan urus tadbir baik demi kebaikan masyarakat.⁷⁷

KPK mengkaji antara faktor yang mendukung keberhasilan pemberantasan korupsi di luar negara seperti; memiliki kerangka hukum dan rule of law, memiliki visi dan misi yang jelas, pimpinan dan staf mempunyai standard kelayakan dan terlatih, pendekatan sejalan antara pencegahan dan tindakan, dukungan dana yang cukup besar, adanya dukungan politik, mendapat dukungan yang kuat dari masyarakat dan bekerja secara independent. Sementara faktor yang mempengaruhi kegagalan adalah; tidak adanya komitmen politik dari pemerintah, persaingan yang tidak sehat antara lembaga penegak hukum, penambahbaikan sistem yang berdampak kontra produktif terhadap pemberantasan korupsi, penambahbaikan institusi yang tidak maksimal, penegakan hukum terhadap pelaku tindak jenayah korupsi yang kurang konsisten dan rendahnya penyelesaian kes korupsi yang diadukan masyarakat.⁷⁸

KPK melaksanakan kerja sama dalam penyelidikan, penyidikan, dan penuntutan tindak jenayah korupsi dengan lembaga penegak hukum negara lain sesuai dengan peraturan perundang-undangan yang berlaku atau berdasarkan perjanjian Internasional yang telah diakui oleh Pemerintah Republik Indonesia. KPK dapat melakukan kerja sama dengan pihak lain dalam rangka pengembangan dan pembinaan organisasi KPK. Kerjasama International (MOU) dilakukan KPK seperti dengan 20 lembaga International yang berasal dari 15 negara seperti Korea Selatan, Yemen, China, Nigeria,

⁷⁷ KPK, *Komisi Anti Korupsi di Luar Negeri*. (Jakarta: KPK, 2006) 14-21.

⁷⁸ KPK, *Komisi Anti Korupsi di Luar Negeri*. (Jakarta: KPK, 2006), 25.

Vietnam, Brunei Darussalam, Malaysia, Singapura, Thailand, Cambodia, Philippine, Iran, USA, Australia, Belanda dan sebagainya.⁷⁹

Pada tahun 2010 sebanyak 30 pelaksanaan kerjasama nasional dilakukan, kerjasama dengan 22 lembaga Internasional yang menjalin MOU dengan KPK, mengikuti secara aktif 18 forum International dan sebanyak 100 pelaksanaan kegiatan kerjasama International tahun 2010. Keberhasilan yang mendadak dan strategi dalam membanteras korupsi di negara lain juga dijadikan pedoman oleh KPK. seperti pendekatan Filipina yang melakukan gerakan anti korupsi melalui Facebook.⁸⁰

Dengan meniru keberhasilan lembaga anti korupsi di Hong Kong, menurut Johan Budi sebagai pimpinan redaksi, diperlukan lima strategi untuk memantapkan lagi KPK di masa akan datang iaitu; 1. Mampu mengatasi pelbagai perkembangan pelaku, cara, dan kekuatan korupsi. 2. Memperkuat dalaman KPK untuk menghadapi pelaku korupsi yang semakin canggih. 3. Melakukan jaringan yang saling menguatkan antara KPK dan lembaga lain yang memiliki bidang kuasa pemberantasan korupsi. 4. Mencegah kemungkinan berlakunya perubahan Undang-undang yang akan melemahkan KPK. 5. Berperanan mewujudkan pilihan raya yang bersih tanpa korupsi.⁸¹

Dalam bidang disiplin pegawai, KPK membuat Aturan mengenai kod etika seperti dinyatakan dalam Peraturan Komisi Pemberantasan Korupsi Nombor 05 P. KPK Tahun 2006 Tentang Kod etika Pegawai.⁸² Kod etika ini berlaku 24 jam bagi setiap pegawai dengan mengamalkan *zero tolerance*. Ini termasuk tidak boleh makan bersama, mengadakan hubungan dengan individu yang berkaitan korupsi dan saksinya sangat berat iaitu boleh diberhentikan.⁸³ Namun dalam beberapa kes ternyata masyarakat tidak puas dengan putusan KPK terhadap hukuman untuk anggota KPK yang terlalu ringan.

⁷⁹ KPK, *Komisi Anti Korupsi di Luar Negara*. (Jakarta: KPK, 2006), 13.

⁸⁰ KPK, *Integriti edisi Julai-Ogos 2010*, (Jakarta: KPK, 2010), 28.

⁸¹ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi. Vol 36 / V November-Disember 2013*. (Jakarta: Penerbit KPK, 2013), 54.

⁸² Aturan ini dinilai sangat penting kerana kegagalan pemberantasan korupsi yang gagal sebelum ini disebabkan oleh faktor semangat anti korupsi yang tidak ada di institusi terkait pemberantasan korupsi.

⁸³ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi*, vol 13/IV Januari-Februari 2010, (Jakarta: KPK, 2010), 11.

Polis ini banyak menerima kritikan dari masyarakat yang ingin perubahan menyeluruh bagi bangsa Indonesia.

Penguatan kod etika dilakukan dengan cara menerapkan KPK Online Kawalan sistem, di mana setiap pegawai boleh jadi pengawas bagi pegawai lainnya jika melakukan pelanggaran terhadap kod etika.⁸⁴

Dalam Bab IV tentang nilai-nilai peribadi dinyatakan bahawa pegawai KPK wajib melaksanakan nilai-nilai dasar peribadi seperti;⁸⁵

a. Integriti, bersikap, berperilaku dan bertindak jujur terhadap diri sendiri dan lingkungan, objektif terhadap permasalahan, memiliki komitmen terhadap visi dan misi, konsisten dalam bersikap dan bertindak, berani dan tegas dalam mengambil keputusan dan risiko kerja, disiplin dan bertanggungjawab dalam menjalankan tugas dan amanah. Integriti dalam Islam dapat diertikan dengan amanah, jujur dan benar dan ia menjadi identiti sifat Rasulullah SAW. Allah SWT memerintahkan umatnya untuk menyampaikan amanah kepada yang berhak memilikinya dan agar memberikan hukuman dengan cara adil.⁸⁶

b. Profesionalisme, berpengetahuan luas, berketerampilan yang tinggi sehingga mampu bekerja sesuai dengan kompetensi mandiri tanpa campur tangan pihak lain, konsisten dan bersungguh-sungguh dalam menjalankan tugas.⁸⁷ Islam mengertikan profesionalisme dengan hanya menyerahkan sesuatu kepada yang ahli di bidangnya dan mengancam kehancuran yang akan menimpa sesuatu apabila diserahkan kepada yang bukan ahlinya. Dalam Islam, jika amanat disia-siakan tunggu saja kehancuran terjadi. Sahabat bertanya;

⁸⁴ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi* Vol 9/III September 2009, (Jakarta: KPK, 2009), 11.

⁸⁵ Penulis berusaha mempertahankan keaslian kalimat yang terdapat dalam dalam Peraturan dan Perundang-undangan yang ada untuk mengelakkan interpretasi.

⁸⁶ Lihat Surah an-Nisa ayat 58.

⁸⁷ Dalam kode etik KPK juga tidak membenarkan pimpinan melakukan campur tangan bawahan dalam menjalankan tugasnya sesuai bidang masing-masing yang tidak melanggar Undang-Undang.

bagaimana maksud amanat disia-siakan. Nabi menjawab, jika urusan diserahkan kepada yang bukan ahlinya, maka tunggulah kehancuran itu.⁸⁸

c. Inovasi, kaya akan idea-idea baru dan selalu meningkatkan kemampuan dalam pencegahan dan pemberantasan tindak jenayah korupsi. Ini kerana, Sesungguhnya Allah SWT mencintai seorang mukmin yang apabila mengerjakan segala sesuatu dengan tekun⁸⁹. Dalam surah al-qosos ayat 26 juga disebutkan bahawa sebaik-baik yang dapat engkau pekerjaan untuk sesuatu tugas ialah yang kuat lagi dipercayai.

d. Transparensi, setiap pelaksanaan tugas dapat terukur dan dapat dipertanggungjawabkan serta sentiasa di nilai secara berkala dan terbuka untuk semua yang berkepentingan di semua komisi. Transparency telah di contohkan oleh Rasulullah SAW. di saat mengutus seseorang untuk mengutip zakat lalu dia mengambil sebahagiannya dengan dalih bahawa itu adalah hadiah yang dia terima dari si pembayar zakat, lalu Rasulullah menegurnya kerana sesungguhnya itu pun harus diserahkan kepada baitulmal⁹⁰.

e. Produktiviti, mampu bekerja keras dengan fokus hasil kerja yang sistematik, terarah dan berkualiti sesuai dengan standard kerja yang telah ditetapkan dengan menggunakan sumber daya yang tersedia secara efektif dan efisien serta dapat dipertanggungjawabkan. Dalam Islam hari ini harus lebih baik dari hari kelmarin, dan hari esok harus lebih baik dari hari ini. Jika tidak, maka manusia itu digolongkan kepada merugi.

f. Religiosities, berkeyakinan bahawa setiap tindakan yang dilakukan berada di bawah pengawasan Sang Pencipta, tekun melaksanakan

⁸⁸ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Makkah: Dār as-Salām, 2000), 545.

⁸⁹ Mohammad Ghozali dan Nor `Azzah Kamri, *Keperibadian Islam Profesional dalam Pekerjaan: Suatu Analisis Teoritis*, dalam *Jurnal Syariah* Jilid 23 Bilangan 2 Mei-Ogos, 2015, 276.

⁹⁰ Jalīl Imād al-dīn abī al-Fidā` Ismā`īl bin umar bin katsīr, *Tafsīr Ibn Kathīr*. (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2004), 577.

ajaran agama, mengawali setiap tindakan selalu berlandaskan pada niat ibadah sehingga apa yang dilakukan hari ini harus selalu lebih baik dari yang kemarin. Islam memandang kerja sebagai suatu ibadah *Mahdhoh* jika ianya dilakukan dengan niat baik dan ikhlas. Dalam ibadah umat Islam disyariatkan seolah-olah sedang melihat Allah dalam ibadahnya dan jika tidak dapat melihat Allah, setiap mukmin harus meyakini bahawa Allah pasti akan melihatnya (ihsan).⁹¹

g. Kepimpinan, berani menjadi pelopor dan penggerak perubahan dalam pemberantasan korupsi, ianya dapat di percaya untuk mencapai target kerja yang melebihi harapan. Pemimpin dalam Islam harus mempertanggungjawabkan kepinpinannya pada masyarakat dan pada Allah SWT.⁹² Setiap orang Islam yang menyadari ini tidak akan menganggap status pemimpin sebagai hadiah, tetapi ianya adalah amanah yang harus dipertanggungjawabkan.

Firman Allah Surah al-Ahzab ayat 72;

*Sesungguhnya kami telah mengemukakan amanah kepada langit, bumi dan gunung ganang, maka semuanya enggan untuk memikul amanah itu dan mereka khawatir akan mengkhianati nya. Dan dipikul lah amanah itu oleh manusia sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat bodoh.*⁹³

Kod etika ini⁹⁴ bertujuan untuk menjaga martabat, kehormatan, harga diri, kredibiliti. Selain itu juga untuk menghindari segala konflik kepentingan pegawai KPK dalam rangka mencapai dan mewujudkan visi dan misi KPK.

Keberanian KPK teruji mampu melawan penguasa dan pengusaha yang jahat selama ini, namun tetap saja kepimpinan KPK tidak diwakili oleh aktivis masyarakat yang anti korupsi kecuali Abraham Samad. KPK juga dianggap lemah dalam berhadapan dengan petinggi demokrat seperti Ibas, SBY, Megawati dalam kes BLBI,

⁹¹ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Makkah: Dār as-Salām, 2000), 6.

⁹² Ṣaḥīḥ Muslim. *Kutub al-Sittah*, (Makkah: Dār as-Salām, 2000), 1006.

⁹³ QS al-Ahzab ayat 72.

⁹⁴ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi*, Vol 09/III September 2009, (Jakarta: KPK, 2009), 7.

Jokowi dalam kes Bus Transjakarta, kes sumber waras dan korupsi lain yang melibatkan Ahok dan sebagainya menjadi bahan kritikan di tengah masyarakat melalui pelbagai media.⁹⁵

Padahal menurut George, guna mencegah kembalinya tradisi buruk yang dirintis oleh mendiang Soeharto, SBY perlu bersikap tegas terhadap kerabat dan sahabatnya agar tidak mengambil jalan pintas mengembangkan perniagaan dengan memanfaatkan kedudukan keluarga sebagai presiden.⁹⁶

Satu hal yang penting dalam pembangunan institusi adalah dengan cara pendekatan agama. Mencontoh perang khandak, Abdullah Hehamahuwa menganggap perlunya dilakukan strategi intelligent dalam membanteras korupsi. Ini kerana membanteras korupsi adalah jihad yang penuh dengan risiko. Di pejabat KPK terdapat satu ruang yang digunakan untuk menerapkan ajaran Islam pada pegawai KPK. Solat berjemaah selalu diamalkan dan sebelum membuat operasi lapangan, para pegawai dengan kesedaran sendiri melalui bimbingan Abdullah Hehamahuwa melakukan solat Dhuha terlebih dulu. Abdullah Hehamahuwa menegaskan bahawa semua usaha harus disandarkan kepada campur tangan Allah. Beliau menyeru kepada pegawai di sebahagian Humas, penguatkuasaan, kawalan, gratifikasi, pinda dan LHKPN sebelum dan selama bertugas selalu berhubungan dengan Allah.⁹⁷ Ini sejalan dengan Sidek Baba yang mengatakan bahawa pengurusan dalam Islam adalah suatu tanggungjawab dan dihubungkan sebagai suatu amanah. Asasnya ialah; kerja dengan ikhlas kerana Allah, kerja untuk manfaat kepada individu, masyarakat, negara, kerja dengan amanah, kerja dengan berkualiti, kerja berdasarkan ilmu.⁹⁸ Ini kerana sumber manusia adalah aset

⁹⁵ George Junus Aditjondro. *Membongkar Gurita Cikeas*, (Jakarta: Galang Pres, 2010), 48.

⁹⁶ Ibid, 78.

⁹⁷ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi* vol 08/III Agustus 2009, (Jakarta: KPKP, 2009), 38.

⁹⁸ Sidek Baba, *Pengurusan Islami Aplikasi Ihsan dan Insan*, (Kuala Lumpur: Technowlogic, 2012), 36.

kepada pencapaian matlamat sesebuah organisasi dan juga pembangunan sesebuah negara.⁹⁹

Dalam menjalankan tugasnya, Faisal mengkritik KPK yang hanya fokus dengan pendekatan hukum sahaja kerana banyak kes korupsi yang tidak tersentuh seperti account bank gendut mantan petinggi polis.¹⁰⁰ Hal ini sejalan dengan empat strategi pemberantasan korupsi yang dicadangkan oleh Profesor bidang hukum Romly iaitu; melalui pendekatan hukum, pendekatan, keimanan dan moral, pendekatan *educative* dan pendekatan *sociocultural*.¹⁰¹ Bahkan Tri menganggap perlunya diterapkan hukuman mati bagi pelaku korupsi kerana hukuman sedia ada tidak memberi kesan jera kepada pelaku.¹⁰²

KPK melakukan kempen anti korupsi melalui pendekatan agama, di mana semua agama sememangnya melarang korupsi. Peranan agamawan dalam membanteras korupsi juga diikuti dengan memanfaatkan peran serta para ulama dan budayawan.¹⁰³

Untuk kelanjutan pemberantasan korupsi di Indonesia, KPK melakukan instruksi presiden 9/2011 tentang rencana aksi pencegahan dan pemberantasan korupsi jangka pendek. Kegiatan ini juga diteruskan dengan strategi nasional pencegahan dan pemberantasan korupsi jangka panjang 2012-2025. Dengan adanya peraturan perundang-undangan dan strategi nasional ini tidak akan mempengaruhi kerja KPK, walau siapa pun yang akan memimpin institusi ini. Strategi jangka panjang itu ialah pencegahan, penegakan hukum, harmoni sasi peraturan perundang-undangan, kerjasama International dan penyelamatan aset, pendidikan dan budaya anti korupsi, mekanisme pelaporan pelaksanaan pemberantasan korupsi.¹⁰⁴

⁹⁹ Wan Norhaniza Wan Hasan, *Ukuran Pembangunan Pendekatan Kapitalis dan Islami*, (Kuala Lumpur: DBP, 2013), 93.

¹⁰⁰ Faisal Santiago, *Strategi Pemberantasan Kejahatan Korupsi; Kajian Legal Sosiologis*, Jurnal Lex Publika (Januari 2014), 67.

¹⁰¹ Romli Atmasasmita, "Strategi Pemberantasan Korupsi di Indonesia", Jurnal Wacana Paramarta, (1 Mei 2002), 6.

¹⁰² Tri Wahyu Widiastuti, *Korupsi dan Upaya Pemberantasannya*, Jurnal Wacana Hukum, (Oktober 2009), 113.

¹⁰³ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi* vol 22/V, Julai – Ogos 2011, (Jakarta: KPK, 2011), 7.

¹⁰⁴ KPK, *Strategi Nasional Pencegahan & Pemberantasan Korupsi Jangka Panjang dan Jangka Menengah*. (Jakarta: KPK, 2012), 56.

5.5.2 Pencegahan

KPK memilih 10 pemerintahan daerah sebagai percontohan dan bahan kajian. Kawasan yang menjadi fokus perbaikan adalah; pelayanan terpadu satu pintu, pelayanan pentadbiran kependudukan, dan layanan pengadaan secara elektronik. Tujuannya adalah mencegah korupsi melalui perbaikan tata kelola pemerintahan yang baik, transparent dan akauntabiliti khususnya dalam pelayanan awam.¹⁰⁵

Pengadaan menurut Busro Muqoddas ketua KPK adalah yang paling rentan terhadap perilaku korupsi. Moral, mentaliti pemimpin yang tidak malu dan suka mencuri menjadi adalah penyebabnya.¹⁰⁶ Lebih 70% korupsi yang ditangani KPK adalah berkaitan dengan pengadaan. E-Procurement adalah penyelesaian korupsi pengadaan untuk mengurangkan berlakunya tindak jenayah korupsi.¹⁰⁷

Hasil dari e-Procurement ialah; adanya pengawasan masyarakat, terhindar dari korupsi, pakatan sulit dan nepotisme, hasil optimum dan target terpenuhi, penjimatan kos, petugas yang memiliki kredibiliti, terpenuhinya standard barang dan jasa serta menciptakan persaingan yang adil.¹⁰⁸

Dalam melaksanakan tugas pencegahan, KPK berwenang melaksanakan langkah atau upaya pencegahan sebagai berikut: a. melakukan pendaftaran dan pemeriksaan terhadap laporan harta kekayaan penyelenggara negara; b. menerima laporan dan menetapkan status gratifikasi; c. menyelenggarakan program pendidikan anti korupsi pada setiap jenjang pendidikan; d. merancang dan mendorong terlaksananya program sosialisasi pemberantasan tindak jenayah korupsi; e. melakukan kempen anti korupsi

¹⁰⁵ KPK, *Integrito* edisi Mei-June 2011. (Jakarta: KPK, 2011), 41.

¹⁰⁶ KPK, *Integrito* edisi Jan-Februari, (Jakarta: KPK, 2011), 54.

¹⁰⁷ KPK, *Memahami Untuk Melayani, Melaksanakan e-announcement dan e-Procurement dalam system pengadaan barang dan jasa*, (Jakarta: KPK, 2007), 3.

¹⁰⁸ KPK, *Mencegah Korupsi Melalui e-Procurement, Meninjau keberhasilan pelaksanaan e-procurement di pemerintahan kota surabaya*, (Jakarta: KPK, 2007), 53.

kepada masyarakat umum; f. melakukan kerja sama bilateral atau multilateral dalam pemberantasan tindak jenayah korupsi.¹⁰⁹

KPK juga bergiat dalam memerangi korupsi dalam bentuk hadiah kepada pegawai pemerintah. Menurut Haryono Umar wakil ketua KPK, untuk menguji apakah bentuk hadiah itu sebagai gratifikasi atau tidak adalah; apakah sang pemberi mahu memberi hadiah itu jika orang yang diberinya hadiah itu tidak menduduki satu kedudukan pangkat tertentu lagi.¹¹⁰

Dalam Islam “*anna laka hadza*” telah menjadi kalimat pencegahan korupsi. Ia di saat Abu Hurairah menyimpan hadiah yang diberikan pembayar zakat padanya, lalu Khalifah Umar meminta beliau memasukkan ke dalam baitulmal. Ia juga dilakukan oleh khalifah Umar Bin Abdul Aziz yang menyuruh anaknya mengembalikan hadiah gelang emas yang diberi oleh pengawas baitulmal kepadanya dengan kalimat *anna laki hadza?* (Darimana kamu dapatkan ini)¹¹¹

Untuk melakukan pencegahan agar tidak berlaku kerjasama antara pelaku korupsi dengan pegawai KPK, dalam Fasal 7 (1) Pegawai Komisi Wajib; a. mengamalkan perilaku dan tingkah laku sesuai dengan agama dan kepercayaan yang dianut; bertoleransi terhadap agama lain, mematuhi aturan hukum, aturan kepegawaian komisi, kod etika pegawai, sumpah dan janji pegawai komisi, melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab, jujur dan profesional. Menjaga data dan atau maklumat milik komisi baik softcopy mahupun hardcopy dengan baik, sehingga pihak yang tidak berhak tidak dapat mengakses atau memperolehnya. Menjaga kerahsiaan ruangan kerja dan menjaga peralatan pejabat yang menjadi tanggungjawabnya dan sentiasa menjaga sikap neutral dalam melaksanakan tugas dan bidang kuasanya. Menghadapi dan menerima konsekuensi dari tindakan berdasarkan keputusan komisi dan atau instruksi

¹⁰⁹ Pasal 13 UU Nombor 30 Tahun 2002 Tentang Komisi Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi

¹¹⁰ KPK, *Integriti edisi September 2009*, (Jakarta: KPK, 2009), 38.

¹¹¹ Hamka, *Tafsir al-Azhar*. (Singapura: penerbit Pustaka Nasional, 1990), 980.

atasan. Menolak keputusan komisi dan atau instruksi atasan yang tidak sejalan dengan kod etika komisi. Melaporkan ke atasan atau ke unit pengawas internal apabila mengetahui adanya sangkaan telah terjadi suatu pelanggaran disiplin dan kod etika pegawai. Memberikan komitmen dan ketaatan kepada komisi di atas kepentingan dan ketaatan teman sejawat. Mengesampingkan kepentingan peribadi atau golongan demi tercapainya visi dan misi komisi. Bersikap ramah dan santun kepada setiap tetamu komisi, menerapkan etika bertelefon, bersurat menyurat (termasuk email) di mana semua penggunaan kemudahan tersebut hanya untuk kepentingan tugas. Menjalin dan membina hubungan dengan pihak luar hanya dalam konteks kepentingan komisi, kelancaran pelaksanaan tugas komisi dan atas pengetahuan atasan. Mematuhi segala peraturan dan laporan harta kekayaan penyelenggara negara dan ketentuan mengenai gratifikasi.¹¹²

Pembinaan masyarakat madani dalam Islam dimulai dari individu, keluarga, organisasi, akhirnya masyarakat dan ia akan melahirkan warganegara yang baik. Antara konsep pembinaan sahsiah itu, Umat Islam disyariatkan untuk mendirikan solat lima waktu sehari semalam kerana ia akan dapat mencegah pelakunya dari melakukan perbuatan keji dan mungkar.¹¹³

Pegawai KPK dilarang; menggunakan kemudahan pejabat selain untuk kegiatan yang berkaitan dengan pelaksanaan tugas dan kewenangan komisi, menggunakan data dan atau maklumat milik komisi untuk hal-hal di luar tugas dan kewenangan komisi, bersikap diskriminatif melalui tindakan atau pernyataan terhadap rekan kerja, tetamu, bawahan ataupun atasan, berhubungan secara langsung mahupun tidak langsung dengan terdakwa, tersangka dan calon tersangka atau keluarganya atau pihak lain yang terkait, yang penanganan kesnya sedang diproses oleh komisi pemberantasan korupsi, kecuali oleh pegawai yang melaksanakan tugas kerana perintah jabatan, menerima gratifikasi

¹¹² KPK, *Integriti, Membangun Negeri Tanpa Korupsi* vol 16 /IV Julai-Ogos 2010, (Jakarta: KPK, 2010), 8.

¹¹³ Lihat Qur'an Surah al-Ankabut ayat 45.

sebagaimana dimaksud fasal 12 B UU RI No 20/2001 dan atau peraturan komisi tentang gratifikasi.

Menyampaikan data dan atau maklumat yang diketahui, didengar atau diperolehnya, terutama terkait tugas-tugas komisi yang wajib dirahsiakan, kepada pihak media atau pihak lain yang tidak berhak tanpa persetujuan tertulis dari pihak komisi, menerima tamu yang tidak ada hubungannya dengan pekerjaan di ruang kerja pegawai komisi, melakukan kegiatan lainnya dengan pihak-pihak yang secara langsung atau tidak langsung yang patut diduga akan menimbulkan konflik kepentingan dalam menjalankan tugas, kewenangan dan kedudukan di sebagai pegawai komisi, melakukan tindakan yang dapat mencemarkan nama baik KPK seperti mendatangi tempat-tempat tertentu yang dapat merusak citra komisi. Melakukan gangguan seksual dan tindakan tidak bermoral lainnya dan menjabat sebagai komisaris atau direksi suatu perseroan organisasi yayasan, pengawas atau pengurus koperasi dan jabatan profesional lainnya yang berhubungan dengan jabatan tersebut, serta anggota mahupun simpatisan aktif parti politik.¹¹⁴

Etika, moral akhlak sangat dititik beratkan bagi setiap orang yang memegang amanah. Ia memerlukan kejujuran, adil, amanah. Ini sesuai dengan salah satu misi diutus nya Nabi Muhammad SAW adalah untuk menyempurnakan akhlak mulia. Dan akhlak Rasulullah adalah contoh tauladan terbaik bagi orang yang mengharapkan keredaan Allah dan kehidupan akhirat yang baik dan yang banyak mengingat Allah.¹¹⁵

Pegawai KPK yang berhenti wajib; mengembalikan setiap dokumen dan atau peralatan pejabat yang dipergunakan sebelumnya berkaitan dengan pelaksanaan tugas dan bidang kuasa dan bahan-bahan yang berkaitan dengan kerja komisi dan merahsiakan atau tidak mengungkapkan kepada siapa pun baik langsung mahupun tidak

¹¹⁴ KPK. Kode Etik Pegawai, (Jakarta: KPK, 2006), 33.

¹¹⁵ Lihat Qur'an Surah al-Ahzab (33) ayat 21.

langsung semua maklumat rahsia yang diperolehnya selama melaksanakan tugas dan pekerjaan komisi kecuali atas perintah undang-undang. Keputusan pengadilan atau *arbitrasi* yang telah memiliki kekuatan hukum tetap. Apabila pegawai komisi akan membuka maklumat rahsia berdasarkan hal tersebut di atas, maka pegawai komisi wajib menyampaikan dan membicarakannya terlebih dahulu kepada pimpinan komisi.¹¹⁶

Peraturan ini bertujuan untuk menghindari pengkhianatan bekas pegawai KPK. Sementara khianat dalam Islam adalah salah satu perbuatan tercela, terkutuk dan ia menjadi salah satu ciri orang Munafik. Hamka memberikan perumpamaan orang yang semata-mata mengharapkan keridaan Allah dengan orang yang curang, bagai menggunting dalam lipatan, menohok kawan seiring, telunjuk lurus kelingking berkait, menangguk di air keruh tentu sahaja tidak sama.¹¹⁷

Sementara Bab VI Pengawasan dan Sangsi ayat 8 menjelaskan sebagai berikut; Pimpinan di setiap unit kerja, sesuai dengan tingkat jabatannya, berkewajiban melakukan pengawasan terhadap bawahannya atas pelaksanaan kod etika ini. Pegawai komisi yang melakukan pelanggaran atau penyimpangan terhadap kod etika dikenakan denda sebagaimana yang di atur dalam peraturan kepegawaian komisi. Dewan pertimbangan pegawai akan melakukan penilaian atas tingkat pelanggaran atau penyimpangan terhadap kod etika dan cadangan menjatuhkan hukuman akan disampaikan kepada pimpinan komisi.¹¹⁸ Bidang Pengawasan Internal ini diketuai oleh seorang ketua yang membawahi Subbidang Pengawasan Internal.

Dalam Islam, setiap apa yang kita lakukan adalah diketahui oleh Allah yang maha melihat, maha mendengar dan maha mengetahui. Mencegah sumber-sumber kejahatan dalam Islam disebut dengan *Dar Mafasid* dan ia lebih utama dari jalb

¹¹⁶ KPK. Kode Etik Pegawai, (Jakarta: KPK, 2006), 34.

¹¹⁷ Hamka, *Tafsir al-Azhar*. (Singapura: penerbit Pustaka Nasional, 1990), 981.

¹¹⁸ KPK. Kode Etik Pegawai, (Jakarta: KPK, 2006), 34.

masalah.¹¹⁹ Menutup jalan-jalan kejahatan dalam Usul Figh disebut dengan *sad zara`i* atau menutup pintu kejahatan adalah wajib agar kejahatan itu tidak berlaku.¹²⁰

Tata cara pelaporan gratifikasi yang berdasarkan undang-undang nombor 20/2001 pasal 12c ayat 2 dan UU nombor 30/2002 pasal 16 yang mewajibkan setiap pegawai negeri atau penyelenggara negara yang menerima gratifikasi untuk melaporkan kepada KPK dengan cara; wajib melaporkan selambat-lambatnya 30 hari, dilaporkan secara bertulis, dengan nama lengkap penerima dan pemberi gratifikasi, jabatan, tempat dan waktu diterima, huraian jenis gratifikasi, huraian jenis gratifikasi yang diterima dan nilai gratifikasi yang diterima.¹²¹

Di tahun 2010 sekitar 118 (80%) penyelenggara negara melaporkan kekayaannya, ini meningkat dibandingkan hanya 60% tahun 2006. Terhadap kekayaan penyelenggara negara yang dilaporkan itu KPK melakukan telaah, pemeriksaan dan kajian untuk kemudian diumumkan melalui tambahan berita negara.¹²²

Undang-undang juga mewajibkan bagi penyelenggara negara untuk melaporkan setiap hadiah yang mereka terima yang berkaitan dengan tugas dan kerja mereka selambat-lambatnya 30 hari setelah hadiah itu diterima. Sebanyak 394 laporan gratifikasi masuk ke KPK. Dari jumlah tersebut 3 Milyar ditetapkan menjadi milik negara dan 14 Milyar ditetapkan menjadi milik penerima. Tahun 2013 penerimaan dari gratifikasi menurun dari 2.518.735.878 menjadi 1.538.619.812 atau turun 38.52%.¹²³ Mengenai tata cara pelaporan gratifikasi adalah dengan mengisi borang dan menyerahkan berserta dokumen lainnya.¹²⁴

¹¹⁹ Imam Sayuthi. *Ashibah wa al-Naha`ir*. (Semarang: Penerbit Usaha Keluarga, tt.). 120.

¹²⁰ Abu Zahrah. *Usul Fikh*. (Kaherah: Penerbit Dar al-Fikr al-Arabiyy, 2003).

¹²¹ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi* edisi 16/th.III/Julai 2010, (Jakarta: KPK, 2010). 11.

¹²² KPK. *Laporan tahunan 2010* (Jakarta: KPK, 2010), 27.

¹²³ KPK. *Laporan Kewangan KPK 2013*. (Jakarta: KPK, 2013), 14.

¹²⁴ KPK, *Sosialisasi Gratifikasi*. (Jakarta: KPK 2001), 14.

KPK juga melakukan pemerhatian ke pelbagai institusi negara seperti Ditjen Bea dan Cukai. Pemerhatian dilakukan terhadap sistem pengawasan dan pelayanan cukai untuk mempelajari titik lemah yang berpotensi menimbulkan tindak jenayah korupsi.¹²⁵

KPK memperkenalkan sistem e-procurement dan e-Announcement pengadaan barang dan jasa secara online melalui internet untuk mengatasi korupsi yang jumlahnya mencapai 70% di bidang pengadaan barang dan jasa pemerintahan ini. Dengan demikian proses pengumuman, pendaftaran, proses penawaran, hasil penilaian atas penawaran dilakukan secara online untuk mengelakkan berlakunya kroni, pakatan sulit dan korupsi.¹²⁶ Akibat dari korupsi pengadaan barang dan jasa ini negara mengalami kerugian 30-40% di tahun 2013.¹²⁷ Sementara Fitra mencatatkan kerugian negara dalam bidang bajet dari tahun 2009 hingga 2013 adalah sebanyak 49,116 Trillion.¹²⁸

5.5.3 Penguatkuasaan

Dalam memperkuat institusi, KPK dijamin undang-undang untuk menjalankan tugas: a. Koordinasi dengan institusi yang berwenang melakukan pemberantasan tindak jenayah korupsi; b. Mengawasi terhadap institusi yang berwenang melakukan pemberantasan tindak jenayah korupsi; c. melakukan penyelidikan, penyidikan, dan penuntutan terhadap tindak jenayah korupsi; d. melakukan tindakan-tindakan pencegahan tindak jenayah korupsi; dan e. melakukan kawalan terhadap penyelenggaraan pemerintahan negara.¹²⁹

¹²⁵ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi* vol; 19/v Januari- Februari, 2011, (Jakarta: KPK, 2011), 43.

¹²⁶ KPK, *Mencegah korupsi melalui e-Procurement*. (Jakarta: KPK, 2007), 3.

¹²⁷ "70% Korupsi di Projek Pengadaan", *Media Indonesia*, Isnin 8 Julai 2013, 4.

¹²⁸ Fitra, *Agenda Masyarakat Sipil Dalam Pencegahan Korupsi Bajet di Indonesia*. Disampaikan dalam forum Anti Korupsi Keempat. Jakarta: Seknas Fitra (9 Jun 2014).

¹²⁹ Pasal 6 UU Nombor 30 Tahun 2002 Tentang Komisi Tindak Jenayah Korupsi.

KPK memiliki fokus atau roadmap dalam membanteras korupsi antara lain bidang penguatkuasaan dan pencegahan, melanjutkan tugas kepemimpinan sebelumnya, menetapkan target keutamaan, dan mengkaji cabaran dan harapan akan datang.¹³⁰

Menurut penasihat KPK Said Zainal Abidin, terdapat lima tugas KPK iaitu; 1. koordinasi dengan institusi yang berwenang melakukan pemberantasan tindak jenayah korupsi, 2. Penyeliaan terhadap institusi yang berwenang melakukan pemberantasan tindak jenayah korupsi, 3. Melakukan penyelidikan, penyidikan dan penuntutan terhadap tindak jenayah korupsi, 4. Melakukan tindakan-tindakan pencegahan terhadap tindak jenayah korupsi dan 5. Melakukan kawalan terhadap penyelenggaraan pemerintahan.¹³¹ Dalam melaksanakan tugas koordinasi KPK berwenang: a. mengkoordinasi kan penyelidikan, penyidikan, dan penuntutan tindak jenayah korupsi; b. menetapkan sistem pelaporan dalam kegiatan pemberantasan tindak jenayah korupsi; c. meminta maklumat tentang kegiatan pemberantasan tindak jenayah korupsi kepada institusi yang terkait; d. melaksanakan dengar pendapat atau pertemuan dengan institusi yang berwenang melakukan pemberantasan tindak jenayah korupsi; dan e. meminta laporan institusi terkait mengenai pencegahan tindak jenayah korupsi.¹³²

Di Indonesia banyak harta aset milik negara yang telah berubah menjadi hak milik peribadi kerana lemahnya sistem pendataan dan lemahnya sertifikasi. Dalam hal ini KPK menganalisis laporan harta kekayaan penyelenggara negara dan membentuk tim untuk menilai aset-aset yang dianggap bermasalah di pusat dan daerah.¹³³

Koordinasi dilakukan KPK terhadap penanganan perkara TPK oleh institusi penegak hukum Kejaksaan, Kepolisian dan institusi pengawasan iaitu BPK, Itjen, BPKP dan Bawasda. Dalam tahun 2005 KPK menerima 595 SPDP yang terdiri 477 dari

¹³⁰ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi* vol 25/v Januari-Februari 2012, (Jakarta: KPK, 2012), 9.

¹³¹ KPK, *Integriti edisi Januari-Februari 2010*, (Jakarta: KPK, 2010), 46.

¹³² Pasal 7 UU No 30 Tahun 2002 tentang Komisi Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi.

¹³³ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi* vol 14/iv maret-april 2010, (Jakarta: KPK, 2010), 9.

Kejaksaan dan 118 dari Kepolisian. Kegiatan pertemuan, dengar pendapat antar pimpinan sering dilakukan. Antaranya 29 kali koordinasi dilakukan dengan Kepolisian daerah, Kejaksaan tinggi, BPK, BPKP pada 22 wilayah Provinsi.¹³⁴

KPK adalah institusi pemerintahan yang baru saja lahir pada tahun 2003. Ia masih dikira baru dibandingkan dengan institusi pemerintah lainnya seperti Kejaksaan, Kepolisian dan sebagainya. Bidang koordinasi dan sebagainya di atas itu bertujuan agar institusi pemerintah yang lebih tua lainnya tidak menganggap rendah terhadap KPK kerana KPK memiliki kewenangan yang lebih kuat dan lebih tinggi tentang korupsi di sisi undang-undang dari Kejaksaan dan Kepolisian. Konflik dan ego sektoral ini dimulai dengan istilah cicak dan buaya, di mana waktu KPK menangani kes yang melibatkan korupsi petinggi Polis, seorang Polis mengibaratkan KPK bagaikan cicak dan Polis bagaikan buaya.¹³⁵

Kes terbaru adalah dengan konflik antara KPK dengan Kepolisian. Kes bermula di saat KPK menetapkan Budi Gunawan calon Kapolri tunggal yang diajukan oleh presiden Jokowi ditetapkan sebagai tersangka oleh KPK. Seperti ingin membalas dendam, Kabareskrim Polis pula menangkap tangan dengan cara tidak rasional Bambang Widjojanto sebagai wakil ketua KPK yang baru saja menghantar anaknya ke sekolah. Team sembilan yang dibentuk Jokowi menyarankan agar Budi Gunawan tidak dilantik, tapi Jokowi yang digerakkan oleh parti PDIP berkeinginan lain dan tetap ingin melantiknya sebagai Timbalan Ketua Polis.¹³⁶

KPK berwenang melakukan penyelidikan, penyidikan, dan penuntutan tindak jenayah korupsi yang: a. melibatkan pegawai penegak hukum, penyelenggara negara, dan orang lain yang ada kaitannya dengan tindak jenayah korupsi yang dilakukan oleh pegawai penegak hukum atau penyelenggara negara; b. mendapat perhatian yang

¹³⁴ Pasal 7 UU No 30 Tahun 2002 tentang Komisi Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi.

¹³⁵ KPK, *Integriti edisi Disember 2009* (Jakarta: KPK, 2009), 8.

¹³⁶ "Tim Independen Minta BG Tak Dilantik". Laman sesawang KPK. Di downloads 1 February 2015. www.kpk.go.id

meresahkan masyarakat; dan/atau c. menyangkut kerugian negara paling sedikit Rp. 1.000.000.000,00 (satu milyar rupiah).¹³⁷

Dalam melaksanakan tugas penyelidikan, penyidikan, dan penuntutan KPK berwenang:¹³⁸ a. melakukan penyadapan dan merekam pembicaraan; b. memerintahkan kepada institusi yang terkait untuk melarang seseorang berpergian ke luar negeri; c. meminta keterangan kepada bank atau lembaga kewangan lainnya tentang keadaan kewangan tersangka atau terdakwa yang sedang diperiksa; d. memerintahkan kepada bank atau lembaga kewangan lainnya untuk memblok account bank yang diduga hasil dari korupsi milik tersangka, terdakwa, atau pihak lain yang terkait; e. memerintahkan kepada pimpinan atau atasan tersangka untuk memberhentikan sementara tersangka dari jabatannya; f. meminta data kekayaan dan data percukaaian tersangka atau terdakwa kepada institusi yang terkait; g. menghentikan sementara suatu transaksi kewangan, transaksi perdagangan, dan perjanjian lainnya atau pencabutan sementara perizinan, lisensi serta konsesi yang dilakukan atau dimiliki oleh tersangka atau terdakwa yang diduga berdasarkan bukti awal yang cukup ada hubungannya dengan tindak jenayah korupsi yang sedang diperiksa; h. meminta bantuan Interpol Indonesia atau institusi penegak hukum negara lain untuk melakukan pencarian, penangkapan, dan penyitaan barang bukti di luar negeri; i. meminta bantuan kepolisian atau institusi lain yang terkait untuk melakukan penangkapan, penahanan, penggeledahan, dan penyitaan dalam perkara tindak jenayah korupsi yang sedang ditangani.¹³⁹

Untuk menjamin keberkesanan semua peraturan di atas seseorang memerlukan sikap adil. Adil menurut Hamka adalah perangai mulia dari akal budi, dari nafsu marah dan daripada syahwat. Seseorang itu dituntut adil dalam masyarakat, pada diri sendiri, adil dalam melakukan siasat dan muslihat. Adil dalam budi adalah perangai iffah

¹³⁷ Fasal 11 ayat c Undang-undang Nombor 30 tahun 2002 tentang komisi pemberantasan korupsi.

¹³⁸ Undang-undang Nombor 30 tahun 2002 tentang komisi pemberantasan korupsi.

¹³⁹ Pasal 12 UU No 30 Tahun 2002 tentang Komisi Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi.

(merasa cukup). Adil dalam masyarakat adalah menenggelamkan kepentingan diri sendiri ke dalam kepentingan bersama.¹⁴⁰

Di sebabkan bukan hanya KPK yang berhak menangani kes korupsi, maka dalam melakukan penguatkuasaan, KPK memiliki kewenangan melaksanakan tugas penyeliaan, ia berwenang melakukan pengawasan, penelitian, atau penelaahan terhadap institusi yang menjalankan tugas dan bidang kuasanya yang berkaitan dengan pemberantasan tindak jenayah korupsi, dan pada institusi yang dalam melaksanakan pelayanan publik.¹⁴¹

Ini sejalan dengan Soerjono yang mengatakan bahawa korupsi dibentuk oleh kejahatan yang berkaitan dengan perkhidmatan awam atau hubungan kerja yang boleh menghasilkan kewangan. Korupsi berlaku kerana kelemahan sistem birokrasi penyelenggaraan pelayanan awam dan pengawasan yang lemah.¹⁴²

Kegiatan penyeliaan dilakukan KPK dalam bentuk penelitian dan penelaahan serta gelar perkara hasil penyidikan atau penuntutan perkara jenayah korupsi yang sedang dilakukan oleh Kejaksaan dan Kepolisian berdasarkan surat pemberitahuan dimulanya penyidikan (SPDP) yang dilaporkan pada KPK. Selama 2007 sebanyak 18 perkara berada dalam penyeliaan KPK.¹⁴³

KPK telah menjalankan tugas pengawasan antara lain dengan menjaring aset negara yang telah banyak disalahgunakan oleh penyelenggara negara atau mantan. Antara lain tanah milik negara yang disewakan, dijual, digunakan dan dimiliki secara haram tanpa adanya kejelasan berapa hasil dan ke mana wang hasil itu perginya. Seperti

¹⁴⁰ Hamka, *Tasawuf Modern*. (Jakarta: Penerbit Panjimas, 2003), 189.

¹⁴¹ KPK, *Laporan Tahunan 2005*, (Jakarta: KPK, 2005), 3.

¹⁴² Soejono Soekanto, *Potensi Kejahatan Korupsi di Indonesia*, (Jakarta: penerbit Bina Aksara, 1983), 12.

¹⁴³ KPK, *Laporan Tahunan KPK 2007*, (Jakarta: KPK, 2007), 41.

rumah kuarters untuk pegawai negara yang telah menjadi seperti hak milik persendirian, kenderaan pejabat yang diguna seperti milik persendirian dan sebagainya.¹⁴⁴

Dalam melaksanakan bidang kuasa sebagaimana di maksud pada ayat (1), KPK berwenang juga mengambil alih penyidikan atau penuntutan terhadap pelaku tindak jenayah korupsi yang sedang dilakukan oleh kepolisan atau Kejaksanaan. Dalam hal KPK mengambil alih penyidikan atau penuntutan, kepolisan atau Kejaksanaan wajib menyerahkan tersangka dan seluruh berkas perkara berserta alat bukti dan dokumen lain yang diperlukan dalam waktu paling lama 14 (empat belas) hari kerja, terhitung sejak tarikh diterimanya permintaan KPK.¹⁴⁵

Pengambilalihan penyidikan dan penuntutan dilakukan oleh KPK dengan alasan:

a. laporan masyarakat mengenai tindak jenayah korupsi tidak di tindak lanjut; b. proses penanganan tindak jenayah korupsi secara berlarut-larut atau tertunda-tunda tanpa alasan yang dapat dipertanggungjawabkan; c. penanganan tindak jenayah korupsi ditujukan untuk melindungi pelaku tindak jenayah korupsi yang sesungguhnya; d. penanganan tindak jenayah korupsi mengandung unsur korupsi; e. hambatan penanganan tindak jenayah korupsi kerana campur tangan dari eksekutif, yudikatif, atau legislatif; atau f. keadaan lain yang menurut pertimbangan kepolisan atau Kejaksanaan, penanganan tindak jenayah korupsi sulit dilaksanakan secara baik dan dapat dipertanggungjawabkan.¹⁴⁶

Berkaitan dengan hal ini, Abdullah menilai bahawa kendala yang dihadapi KPK dalam membanteras korupsi adalah; mentaliti penegak hukum yang buruk, kebudayaan masyarakat Indonesia yang menganggap biasa korupsi dan susah diungkap kerana melibatkan petinggi negara.¹⁴⁷

¹⁴⁴ KPK, *Membangun Negeri Tanpa Korupsi*, Integrato vol 07/III April 2009, (Jakarta: KPK, 2009), 9.

¹⁴⁵ Pasal 8 UU No 30 Tahun 2002 tentang Komisi Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi.

¹⁴⁶ Pasal 9 UU No 30 Tahun 2002 tentang Komisi Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi.

¹⁴⁷ Abdullah Tulip, *Kendala-Kendala Pemberantasan Korupsi di Indonesia*, Jurnal Simbur Cahaya (Mei 2006), 269.

Sepanjang 2006 terdapat 5 perkara yang dilimpahkan kepada institusi lain dan 2 perkara di ambil alih oleh KPK dari institusi lain. Pelimpahan kepada institusi lain dilakukan kerana KPK menilai bahawa institusi itulah yang berhak menangani kes tersebut dan pengambilalihan dari institusi lain dilakukan kerana KPK merasa bahawa merekalah yang lebih berwenang menangani kes itu.¹⁴⁸

Penyelidikan, penyidikan, dan penuntutan tindak jenayah korupsi dilakukan berdasarkan hukum acara jenayah yang berlaku dan berdasarkan Undang-Undang Nombor 31 Tahun 1999 tentang Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi sebagaimana telah diubah dengan Undang-Undang Nombor 20 Tahun 2001 tentang Perubahan atas Undang-Undang Nombor 31 Tahun 1999 tentang Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi, kecuali ditentukan lain dalam Undang-Undang ini. Dengan Undang-Undang ini dibentuk Pengadilan Tindak Jenayah Korupsi yang bertugas dan berwenang memeriksa dan memutus tindak jenayah korupsi yang penuntutannya diajukan oleh KPK.¹⁴⁹

Pengadilan Tindak Jenayah Korupsi berada di lingkungan Peradilan Umum. Untuk pertama kali Pengadilan Tindak Jenayah Korupsi dibentuk pada Pengadilan Negeri Jakarta Pusat yang wilayah hukumnya meliputi seluruh wilayah negara Republik Indonesia. Pembentukan Pengadilan Tindak Jenayah Korupsi dilakukan secara bertahap dengan Keputusan Presiden. Pengadilan Tindak Jenayah Korupsi juga berwenang memeriksa dan memutus tindak jenayah korupsi yang dilakukan di luar wilayah negara Republik Indonesia oleh warga negara Indonesia.¹⁵⁰

Hal ini telah dilakukan oleh KPK dengan memeriksa sejumlah pegawai tinggi kedutaan dan konsulat. Beberapa di antara mereka saat ini telah di penjara seperti

¹⁴⁸ KPK, *Mewujudkan Indonesia Yang Bebas Korupsi*, Laporan tahunan KPK 2006, (Jakarta: KPK, 2006), 4.11.

¹⁴⁹ UU Nombor 49 Tahun 2009 Tentang Pengadilan Tindak Jenayah Korupsi.

¹⁵⁰ Pasal 2 UU Nombor 49 Tahun 2009 Tentang Pengadilan Tindak Jenayah Korupsi.

mantan duta besar di Kuala Lumpur dan Konjen di Pulau Pinang kerana melakukan korupsi.

Hakim Pengadilan Tindak Jenayah Korupsi terdiri atas hakim Pengadilan Negeri dan hakim ad hoc. (2) Hakim Pengadilan Negeri ditetapkan berdasarkan Keputusan Ketua Mahkamah Agung. (3) Hakim ad hoc diangkat dan diberhentikan oleh Presiden Republik Indonesia atas usul Ketua Mahkamah Agung. (4) Dalam menetapkan dan mengusulkan calon hakim pengadilan tindak jenayah korupsi, ketua Mahkamah Agung wajib melakukan pengumuman kepada masyarakat.¹⁵¹

KPK tidak memiliki bidang kuasa melakukan tugas Yudikatif, sementara hakim dilantik dan diberhentikan oleh Presiden. Kemungkinan akan berlakunya kroni kepartian mungkin berlaku selagi KPK diangkat oleh Presiden. Untuk itu undang-undang menentukan bahawa ketua KPK tidak diangkat oleh Presiden.

Pemeriksaan di sidang Pengadilan Tindak Jenayah Korupsi dilakukan berdasarkan hukum acara jenayah yang berlaku dan Undang-Undang Nombor 31 Tahun 1999 tentang Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi sebagaimana telah diubah dengan Undang-Undang Nombor 20 Tahun 2001 tentang Perubahan atas Undang-Undang Nombor 31 Tahun 1999 tentang Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi.¹⁵²

Penyelidikan, penyidikan, dan penuntutan dilaksanakan berdasarkan perintah dan bertindak untuk dan atas nama KPK. (3) Penyelidik, penyidik, dan penuntut umum yang menjadi pegawai pada KPK, diberhentikan sementara dari institusi kepolisan dan Kejaksanaan selama menjadi pegawai pada KPK.¹⁵³

Aturan ini terdedah kepada berlakunya konflik kepentingan yang membuat KPK mengambil keputusan untuk membentuk penyidik independent bukan dari Kejaksanaan

¹⁵¹ Pasal 52 UU Nombor 49 Tahun 2009 Tentang Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi.

¹⁵² Pasal 58 UU Nombor 49 Tahun 2002 Tentang Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi.

¹⁵³ Pasal 39 UU Nombor 49 Tahun 2002 Tentang Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi.

dan Kepolisian.¹⁵⁴ Tahun 2012 KPK telah melakukan pengambilan penyidik sendiri sebanyak 26 orang telah menjalankan masa pelatihan. Menurut Undang-undang KPK tidak berwenang mengeluarkan surat perintah penghentian penyidikan dan penuntutan dalam perkara tindak jenayah korupsi. Sementara yang disebut dengan penyidik adalah Penyidik pada KPK yang diangkat dan diberhentikan oleh KPK.¹⁵⁵

Dalam hal seseorang dirugikan sebagai akibat penyelidikan, penyidikan, dan penuntutan, yang dilakukan oleh KPK secara bertentangan dengan Undang-Undang ini atau dengan hukum yang berlaku, orang yang bersangkutan berhak untuk mengajukan gugatan *pemulihan nama baik* dan atau ganti rugi *kompensasi*. (2) Gugatan tidak mengurangi hak orang yang dirugikan untuk mengajukan gugatan pra peradilan, jika terdapat alasan-alasan pengajuan pra peradilan sebagaimana ditentukan dalam Undang-Undang Nombor 8 Tahun 1981 tentang Hukum Acara Jenayah. (3) Gugatan diajukan kepada Pengadilan Negeri yang berwenang mengadili perkara tindak jenayah korupsi (4) Dalam putusan Pengadilan Negeri ditentukan jenis, jumlah, jangka waktu, dan cara pelaksanaan rehabilitasi dan/atau kompensasi yang harus dipenuhi oleh KPK. Biaya yang diperlukan untuk pelaksanaan tugas KPK dibebankan kepada Bajet Pendapatan dan Belanja Negara.¹⁵⁶

Peraturan ini bertujuan untuk melindungi hak seseorang. Ini kerana KPK bukan institusi yang sempurna. Ianya terdedah kepada silap dan salah. Namun demikian semua pembiayaan diserahkan kepada negara bukan pada tertuduh. KPK berwenang mengkoordinasi dan mengendalikan penyelidikan, penyidikan, dan penuntutan tindak jenayah korupsi yang dilakukan bersama-sama oleh orang yang tunduk pada

¹⁵⁴ KPK, *Membangun Negeri Tanpa Korupsi*, Integriti KPK, vol 28/thV Julai-Ogos 2012 (Jakarta: KPK, 2012), 9.

¹⁵⁵ KPK, *Laporan Tahunan KPK Tahun 2013*, (Jakarta: KPK, 2013), 38.

¹⁵⁶ Pasal 64 UU Nombor 30 Tahun 2002 Tentang Komisi Pemberantasan Korupsi.

peradilan militer dan peradilan umum. Ini adalah sebuah langkah maju perubahan di Indonesia, di mana selama Orde Baru militer terkesan kebal hukum.¹⁵⁷

Sepanjang tahun 2011 KPK telah melakukan penyelidikan sebanyak 78 kes korupsi, sebanyak 66 penyidikan, sebanyak 45 kes penuntutan, 34 perkara memiliki kekuatan hukum dan 33 perkara antaranya telah di eksekusi (dihukum).¹⁵⁸

Dalam melaksanakan tugas kawalan, KPK berwenang: a. melakukan pengkajian terhadap sistem pengelolaan pentadbiran di semua lembaga negara dan pemerintah; b. memberi saran kepada pimpinan lembaga negara dan pemerintah untuk melakukan perubahan jika berdasarkan hasil pengkajian, sistem pengelolaan pentadbiran tersebut berpotensi korupsi; c. melaporkan kepada Presiden Republik Indonesia, Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia, dan Badan Pemeriksa Keuangan, jika saran KPK mengenai usulan perubahan tersebut tidak diindahkan.¹⁵⁹

Kegiatan penyeliaan dilakukan KPK pada pembangunan infrastruktur seperti jalan yang mengimbau penyertaan masyarakat. Antara lain transparansi tentang keadaan jalan, berapa bajetnya, jangka masa kerja dan sebagainya. Sosialisasi kawalan ini dapat di akses melalui website Indonesia memantau.¹⁶⁰ Penyertaan masyarakat juga di bangun melalui program Indonesia memantau, di mana masyarakat berhak memantau pembangunan infrastruktur dengan melaporkan kepada pihak berwenang atas kecurangan yang berlaku.¹⁶¹ Pemantauan juga dilakukan dengan cara mengikutsertakan masyarakat terhadap aliran kewangan negara, seperti dana pembangunan sekolah dan sebagainya.¹⁶²

¹⁵⁷ Pasal 42 UU Nombor 30 Tahun 2002 Tentang Komisi Pemberantasan Korupsi.

¹⁵⁸ KPK, *Laporan Tahunan KPK Tahun 2011*, (Jakarta: KPK, 2011), 68.

¹⁵⁹ Pasal 14 UU Nombor 30 Tahun 2002 Tentang Komisi Pemberantasan Korupsi.

¹⁶⁰ KPK, *Laporan Tahunan 2010*, (Jakarta: KPK, 2010), 16.

¹⁶¹ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi* Vol 20/V Maret-April 2011, (Jakarta: KPK, 2010), 7.

¹⁶² KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi* vol 21/V Mei-Juni 2011, (Jakarta: KPK, 2011), 12.

Di tahun 2006 KPK telah melakukan pengkajian sistem pilihan raya KPU. Pengkajian terhadap sistem penempatan tenaga kerja Indonesia (TKI). Pengkajian tentang kontrak badan pemulihan dan pembinaan semula. Pengkajian *Voucher Dinas*. Pengkajian terhadap kegiatan sosialisasi. Pelaksanaan sistem yang didorong oleh KPK adalah E-Announcement (pengadaan barang, jasa, tender secara online yang menurut klaim KPK dapat mencegah kebocoran APBN sebanyak 20-60 %). Kesulitan pelaksanaan e-Announcement adalah merubah budaya dan pola fikir serta perilaku orang. Untuk itu menurut Syamsa ia harus diikuti dengan pelatihan dan sosialisasi program tersebut.¹⁶³

5.5.4 Kempen Penyertaan Masyarakat

Akhir tahun 2004 adalah awal munculnya populariti KPK di mata masyarakat. Ia ditandai dengan dipenjarakannya beberapa orang kenamaan seperti Abdullah Puteh sebagai gabenor NAD Aceh dan lainnya. Sebagai seorang kepala daerah, korupsi yang dilakukan oleh Puteh tentu saja berpengaruh terhadap pentadbiran di Aceh ketika itu.¹⁶⁴ Ini kerana di samping mendapat dukungan penuh masyarakat, tindakan KPK juga mendapat liputan media yang sangat luas. Menurut Rahmat Hidayat Pensyarah Universitas Negeri Jakarta, dukungan masyarakat terhadap KPK harus dirawat sebagai antitesis korupsi yang berlaku di Indonesia.

Dukungan masyarakat mendapat sambutan yang hangat disaat ada semacam jenayah yang ditujukan terhadap KPK. Kezaliman terhadap KPK mendapat dukungan langsung dari sejumlah artis dan tokoh masyarakat melalui media sosial dengan kicauan selamatkan KPK, Save KPK, jangan bunuh KPK dan sebagainya.¹⁶⁵

¹⁶³ Syamsa Ardisasmita, *Defenisi Korupsi Menurut Perspektif Hukum dan e-Announcement Untuk Tata Kelola Pemerintahan Yang Lebih Terbuka, Transparency dan Akauntabel*. Seminar Upaya Perbaikan Sistem Penyelenggaraan, Pengadaan Barang / Jasa Pemerintah, (23 Ogos 2006), 19.

¹⁶⁴ KPK, *Menyalakan Lilin di Tengah Kegelapan, 4 Tahun KPK*, (Jakarta: KPK, 2007), 51.

¹⁶⁵ *Dukungan Total Muhammadiyah Untuk KPK*. www.detik.com, 27 Januari 2015.

Dalam kes yang melibatkan skandal besar seperti SKK Minyak dan gas, KPK mendapat dukungan dari sejumlah tokoh masyarakat seperti yang diketuai oleh Din Syamsuddin. Mereka menamakan diri dengan gerakan menegakkan kedaulatan negara (GMKN) mendatangi gedung KPK dan menyatakan dukungannya pada institusi itu untuk segera mengusut tuntas SKK Minyak dan gas yang sangat merugikan rakyat.¹⁶⁶ Hasilnya sangat memberangsangkan, seperti dipenjarakannya ketua SKK Minyak dan gas bernama Rudi dan ditinjau kembali rancangan undang-undang SKK Minyak dan gas yang penuh dengan kepentingan asing.

Menurut Mas Achmad Santoso mantan pimpinan KPK, dukungan masyarakat terhadap KPK haruslah dijaga kerana ia sangat menentukan kelangsungan hidup KPK ke hadapan yang sentiasa mendapat ancaman dan cabaran dari mereka yang tidak menginginkan keberadaan KPK.¹⁶⁷

Kempen penyertaan masyarakat dilakukan KPK dengan cara sosialisasi tentang inti pati dan kewujudan KPK kepada masyarakat. Institusi pendidikan mulai dari Tadika hingga perguruan tinggi adalah sasaran sosialisasi keberadaan KPK. Pesantren dan institusi pendidikan swasta lainnya tidak luput dari sasaran sosialisasi KPK. Dalam sosialisasi itu KPK mengajarkan bagaimana caranya melaporkan tindak jenayah korupsi, tentang tidak perlu takut melaporkannya dan sebagainya.¹⁶⁸

KPK telah menyusun perencanaan strategis organisasi yang melibatkan pengurusan organisasi dan pihak terlibat lainnya. Strategis itu diperkenalkan kepada masyarakat, pemerintah dan swasta serta melakukan pelbagai jejak pendapat dalam rangka mendapatkan pandangan masyarakat.¹⁶⁹

¹⁶⁶ Din Syamsuddin *Bongkar Korupsi di Sektor Migas*. Harian Republika, 15 August 2013.

¹⁶⁷ KPK, *Integriti edisi Disember 2009*, (Jakarta: KPK, 2009), 4.

¹⁶⁸ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi* vol 11/III November 2009, (Jakarta: KPK, 2009), 13.

¹⁶⁹ KPK (2004) *Mewujudkan Indonesia Yang Bebas Korupsi*, Laporan Tahunan KPK 2004, (Jakarta: KPK, 2014), 11.

Pendidikan anti korupsi juga diterapkan di institusi pendidikan mulai dari Tadika hingga ke perguruan tinggi. Namun sampai saat ini hanya beberapa perguruan tinggi Indonesia yang melaksanakan subjek pendidikan anti korupsi ini.¹⁷⁰

Dalam menjamin transparansi dan akauntabiliti atau keterbukaan maklumat ke awam sesuai amanah UU No 14 tahun 2008. Maka KPK telah mengeluarkan surat keputusan pembentukan pejabat pengelola maklumat dan dokumentasi.¹⁷¹

Bidang Pengawasan Pengaduan Masyarakat diketuai oleh seorang ketua yang membawahi Sub bidang Pengaduan Masyarakat. Untuk menerima masukkan dan aduan dari masyarakat, KPK telah menerbitkan dua buku pedoman iaitu; pedoman penyampaian pengaduan kes TPK dan pedoman penanganan pengaduan masyarakat yang mudah di dapat melalui www.kpk.go.id . Buku tersebut juga dibagi-bagikan secara percuma dalam setiap program yang dilakukan oleh KPK.¹⁷²

Pengaduan masyarakat itu dapat melalui surat ke alamat; Kotak Pos 575, Jakarta 10120, email; pengaduan@kpk.go.id, Telefon; (021) 23508389, Fax.; (021) 3522623, SMS; 0811-959-575 (0811 959), 0855 8 575 575 (0855 8 KPK). Dalam data KPK tahun 2008 menyebutkan bahawa sebanyak 68, 84% pengaduan masyarakat diteruskan ke penguatkuasaan, 22,83% diteruskan ke pencegahan, 8,32% diteruskan ke bidang lain.¹⁷³ SMS juga dapat dilakukan dengan menekan nombor 1575 lalu kirim pesanan.¹⁷⁴

Namun pengalaman pengkaji mengadukan berlakunya *illegal logging* oleh sebuah perusahaan kepada KPK tidak mendapat tanggapan yang memuaskan. Pengadu diminta bekerja keras untuk mencari bukti dan jumlah kerugian negara padahal itu sebenarnya adalah termasuk tugas pegawai KPK yang digaji dari wang negara.

¹⁷⁰ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi* vol 23/V September-Oktober 2011, (Jakarta: KPK, 2011), 13.

¹⁷¹ KPK, *Laporan Layanan Maklumat Publik 2013*, (Jakarta: KPK, 2013).

¹⁷² KPK, *Laporan Layanan Maklumat Publik 2013*, (Jakarta: KPK, 2013).

¹⁷³ KPK, *Mewujudkan Indonesia Yang Bebas Korupsi*, Laporan tahunan KPK 2008, (Jakarta: KPK, 2008), 94.

¹⁷⁴ KPK, *Integriti edisi Julai-Ogos 2012*, (Jakarta: KPK, 2012), 33.

Tahun 2005 saja KPK menerima sebanyak 5.548 aduan dari masyarakat yang telah ditindak lanjut sebanyak 35,63% dan selebihnya tidak dapat di tindak lanjut sebab bukan merupakan TPK, identiti pelapor tidak jelas, kurangnya bukti. Namun semuanya tetap disimpan sebagai data jika ada aduan yang sama berlaku.¹⁷⁵

Di tahun 2009 sebanyak 6,948 aduan masyarakat telah diterima KPK. 6,598 telah ditelaah, 2113 indikasi tindak jenayah korupsi, 812 di tindak lanjut oleh KPK dan 95 kes dikoordinasikan dengan institusi lain.¹⁷⁶

Tahun 2010 laporan masyarakat mengalami kemunduran dengan kedudukan sebagai berikut iaitu; 1,11% sedang ditelaah, diteruskan ke institusi lain 9,57%, diteruskan ke internal KPK hanya 6,29 %, bukan TPK atau tidak lengkap paling banyak iaitu 65, 39% dan diminta kan keterangan tambahan sebanyak 17,64%.¹⁷⁷

Dalam rangka memudahkan proses aduan masyarakat pada bulan Julai 2012 KPK telah melakukan kerjasama dengan 10 operator selular dalam aduan korupsi melalui SMS. Aduan ini sangat mudah, efektif dan murah serta kerahsiaan pelapor terjaga dengan langsungnya maklumat pengadu pada KPK dan tidak melalui operator. Ini terbukti dengan diterimanya sebanyak 6.879 aduan, walaupun hanya 2, 015 yang di tindak lanjut oleh KPK kerana pelbagai alasan.¹⁷⁸

Undang-undang No 13 Tahun 2006 memberikan perlindungan kepada saksi dan korban dalam setiap proses jenayah di semua peradilan. Dan juga perlindungan bagi saksi *whistle blowing* sistem juga di gagas oleh KPK penggunaannya.¹⁷⁹ Ini sejalan dengan kajian yang dilakukan Nixon dan kawan-kawan menganggap perlunya melindungi *whistleblower* dan justice collaborator dilakukan oleh tujuh lembaga hukum

¹⁷⁵ KPK, *Laporan Tahunan 2005*, (Jakarta: KPK, 2005), 4.

¹⁷⁶ KPK, *Mewujudkan Indonesia Yang Bebas Korupsi*, Laporan tahunan KPK tahun 2009, (Jakarta: KPK, 2009), 78.

¹⁷⁷ KPK, *Mewujudkan Indonesia Yang Bebas Korupsi*, Laporan tahunan KPK tahun 2010, (Jakarta: KPK, 2010), 34.

¹⁷⁸ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi 28/v Julai-Agustus 2012*, (Jakarta: KPK, 2010), 33.

¹⁷⁹ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi Vol 10/III Oktober 2009*, (Jakarta: KPK, 2009), 38.

iaitu; Mahkamah Agung, Kementerian Hukum dan HAM, KPK, Kejaksaan Agung, Kepolisian, LPSK dan PPATK.¹⁸⁰

UU No 30 Tahun 2009 juga mewajibkan KPK melindungi saksi atau pelapor yang melaporkan atau yang memberi keterangan tentang berlakunya tindak jenayah korupsi. Keterlibatan masyarakat dalam pemberantasan korupsi sangat diperlukan antara lain mungkin kerana petugas KPK tidak mencukupi. Di samping itu setiap aduan masyarakat baru diproses setelah disertakan bukti lengkap. KPK juga tidak mahu mengambil tindakan aduan yang tidak lengkap identiti pelapor. Semestinya KPK kurang mahu berusaha lebih untuk mencari bukti-bukti itu sendiri, di sini lah letak kelemahan KPK menurut pengkaji. Padahal boleh saja seorang pegawai negara yang memiliki kekayaan di luar logika gaji yang dia terima patut diduga melakukan tindak jenayah korupsi yang harus diteliti dari mana sumber kekayaan itu dia peroleh.¹⁸¹

Kepedulian masyarakat dalam pengawasan pembangunan dan tindak jenayah korupsi sangat diperlukan mengingat pembangunan negara di bangun dari wang dan hak warganegara dan pembangunan adalah kewajiban yang harus dilakukan oleh penyelenggara negara. Ini kerana juga bahawa pembangunan negara tidak menggunakan wang peribadi pemerintah tetapi dari wang warganegara yang masuk dalam kategori kewangan negara bukan wang penyelenggara negara atau bukan juga wang pemerintah apalagi wang parti penguasa, tentu tidak.

Tidak mungkin KPK mampu melakukan tangkapan tangan, operasi dan pencarian alat bukti sendiri dari pelbagai kes laporan masyarakat dalam satu masa

¹⁸⁰ Nixon dkk, *Perlindungan Hukum Terhadap whistleblower dan justice collaborator Dalam Upaya Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi*, Jurnal Law USU, (November 2013), 52.

¹⁸¹ KPK, *Strategi Nasional Pencegahan dan Pemberantasan Korupsi jangka panjang dan jangka menengah*, (Jakarta: KPK, 2014), 52.

pelanggaran yang ada. Untuk itu KPK melakukan penyadapan sebagai salah satu kuasa KPK yang banyak menangkap tangan para tersangka korupsi.¹⁸²

Di antara sosialisasi anti korupsi ialah dengan melakukan program Island Of Integrity yaitu dengan menciptakan wilayah bebas korupsi (WBK) di institusi pemerintah terutama di kawasan yang mudah berlakunya korupsi. WBK ini memiliki dua kriteria yaitu, pengelolaan kewangan negara dan kerja.¹⁸³ Ia juga dilakukan di lahan basah seperti sektor minyak dan gas.¹⁸⁴

Kempen anti korupsi dilakukan KPK ke pelbagai tempat antaranya media, sekolah, universiti hingga ke Mall.¹⁸⁵ Pada 2009 KPK telah membahagikan sebanyak 20.000 buku saku anti korupsi ke 10 BUMN iaitu; PT BNI, PT Bank Mandiri, PT Taspen, PT Pos Indonesia, Jamsostek, PGN, ASDP, PT Antam, PLN dan Pertamina.¹⁸⁶

Pada 26 Mei 2011 KPK menandatangani MOU dengan Kementerian BUMN. Bentuk kerjasama itu ialah dalam hal pelaporan kekayaan pegawai BUMN, penandatanganan fakta anti suap dan sebagainya. Seperti diketahui bahawa BUMN adalah institusi yang banyak kes korupsi. Dalam sebuah kajian 2012 menyebutkan bahawa BUMN adalah institusi paling korup di Indonesia.¹⁸⁷

Laporan harta kekayaan penyelenggara negara dijamin dalam pasal 5 ayat 2 dan 3 UU Nombor 28/1999. Terdapat peningkatan yang tidak signifikan perkembangan pelaporan kekayaan penyelenggara negara iaitu; 41, 57 %, 40, 21%, 42,15%, 49.16%. 49,44% dan 56, 11% dari tahun 2001 hingga tahun 2006.¹⁸⁸ Dalam peratusan pelaporan

¹⁸² Mahendra Sucipta, *Transkrip Rahsia Hasil Sadapan KPK, Membongkar Modus Operandi Makelar Kes*, (Yogyakarta: Narasi, 2010), 33.

¹⁸³ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi* Vol 13/IV Januari-februari 2010, (Jakarta: KPK, 2010), 21.

¹⁸⁴ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi* 28/v Julai-Agustus 2012, (Jakarta: KPK, 2012), 37.

¹⁸⁵ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi* Vol 12/III Desember 2009, (Jakarta: KPK, 2012), 31.

¹⁸⁶ KPK, *Integriti* edisi Mey-June 2013. (Jakarta: KPK, 2013), 43.

¹⁸⁷ KPK, *Laporan Tahunan 2013*, (Jakarta: KPK, 2013), 29.

¹⁸⁸ KPK, *Mewujudkan Indonesia Yang Bebas Korupsi*, :Laporan tahunan 2006, (Jakarta: KPK, 2006), 5.3.

itu eksekutif adalah yang terendah dalam kesadaran melaporkan kekayaan ke KPK. Diikuti oleh yudikatif, BUMN/D dan Legislatif.¹⁸⁹

KPK juga melakukan MOU dengan Kejaksaan dan Kepolisian untuk mengadakan sinergi bersama dalam membanteras korupsi. Ini dilakukan di akhir Mac 2012 dengan tujuan untuk membentuk kerjasama yang sehat. Di samping itu hadir juga perwakilan MA, Komisi III, BPK, Kemenkum HAM, LPSK, Kopolnas, Komjak, Ombudsman serta lainnya. Kerjasama dilakukan kerana masih terdapat keegoan institusi seperti Kejaksaan dan kepolisian yang merasa lebih tua atau sebagai kakak senior. Padahal khusus di bidang pemberantasan korupsi, KPK adalah institusi tertinggi dan yang paling berhak menanganinya.¹⁹⁰

Dalam melaksanakan tugas sosialisasi program KPK di tahun 2009, KPK telah melakukan road show ke beberapa tempat seperti NTT, Medan dan sebagainya. Dalam program itu KPK menemui sejumlah tokoh masyarakat, pimpinan NGO, ahli akademik dan sejumlah media. Dalam program itu masyarakat diperkenalkan tentang apa dan bagaimana cara membanteras korupsi.¹⁹¹

Pada 22 September 2010 KPK kembali melakukan kerjasama erat dengan Kepolisian dan Kejaksaan melalui acara halal bil halal yang diadakan dengan mengundang media untuk diskusi, dialog dan silaturahmi. Sosialisasi anti korupsi juga dilakukan KPK dengan mengadakan seminar dan diskusi yang bekerjasama dengan pelbagai perguruan tinggi yang ada.¹⁹²

Tahun 2011 KPK melakukan beberapa pendidikan anti korupsi dalam bentuk Training of Trainer Anti korupsi pada guru, mahasiswa, pegawai negeri dan perguruan tinggi. Empat didikan kilat pegawai baru, delapan kali martikulasi dan sertifikasi,

¹⁸⁹ KPK, *Mewujudkan Indonesia Yang Bebas Korupsi*, :Laporan tahunan 2007, (Jakarta: KPK, 2007), 62.

¹⁹⁰ KPK, *Laporan Penelitian Penguatan Pemberantasan Korupsi Melalui Fungsi Koordinasi dan Supervisi Komisi Pemberantasan Korupsi*, (Jakarta: KPK, 2011), 36.

¹⁹¹ KPK, *Empat Tahun KPK*, (Jakarta: KPK, 2011) 85.

¹⁹² KPK, *Integritas edisi Mey- June 2014*, (Jakarta: KPK, 2014), 40.

didikan kilat peningkatan kompetensi pegawai, pendidikan kerja institusi, memberi biasiswa dalam dan luar negeri, menyusun rancangan peraturan serta melakukan sejumlah binaan dan bantuan hukum.¹⁹³

KPK telah memajang signboard di beberapa institusi pelayanan publik yang rawan korupsi dengan tujuan agar ianya menjadi penghalang bagi pegawai negeri yang berniat melakukan korupsi. Tulisan signboard itu ialah; “pegawai negeri menerima gratifikasi dan tidak lapor KPK adalah korupsi” “pegawai negeri memeras adalah korupsi”.¹⁹⁴

Berkaitan dengan suap dan pemerasan dalam 2007 terdapat 42 kes suap menyuap, satu pemerasan dan satu yang merugikan kewangan negara yang dilakukan oleh lingkungan anggota dewan rakyat.

Di samping kehadiran KPK yang mengunjungi parti politik kerana selalunya institusi itu melakukan tindak jenayah korupsi, kunjungan KPK juga memiliki muatan politik antara lain untuk mendesak agar pengurangan masa tahanan (remisi) yang sering dilakukan pada corruptor dihapuskan.¹⁹⁵

Menurut Undang-undang, KPK berkewajiban: a. memberikan perlindungan terhadap saksi atau pelapor yang menyampaikan laporan ataupun memberikan keterangan mengenai terjadinya tindak jenayah korupsi; 1. memberikan maklumat kepada masyarakat yang memerlukan atau memberikan bantuan untuk memperoleh data lain yang berkaitan dengan hasil penuntutan tindak jenayah korupsi yang ditanganinya; 2. Menyusun laporan tahunan dan menyampaikannya kepada Presiden Republik Indonesia, Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia, dan Badan Pemeriksa

¹⁹³ KPK, *Strategi Nasional Pencegahan dan Pemberantasan Korupsi Jangka Panjang 2012-2025 dan Jangka Menengah 2012-2-14*, (Kalarta: KPK, 2012), 49.

¹⁹⁴ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi Vol 07/III April 2009*, (Jakarta: KPK, 2009), 37.

¹⁹⁵ KPK, *Integriti edisi September 2011*, (Jakarta: KPK, 2011), 20.

Kewangan; d. menegakkan sumpah jabatan; e. menjalankan tugas, tanggung jawab, dan bidang kuasanya berdasarkan asas-asas yang ada.¹⁹⁶

5.6 Strategi Pemberantasan Korupsi Menurut Beberapa Literatur di Indonesia

Data di bawah akan menjawab sejauh mana KPK mendengar dan menyalurkan aspirasi masyarakat dalam hal strategi pemberantasan korupsi sebagaimana yang disampaikan oleh ahli akademik.

Dalam buku *Fikah Anti Korupsi Perspektif Ulama Muhammadiyah*, strategi pemberantasan korupsi adalah dengan pendekatan budaya, melalui jalur pendidikan, melalui pendekatan keagamaan, sosio kultur, pendekatan hukum dan politik, memilih pemimpin yang bersih, teladan pemimpin, perbaikan sistem upah, reformasi birokrasi, pembuktian terbalik, penyertaan masyarakat, imbalan dan hukuman.¹⁹⁷

Awang menulis bahawa diperlukan beberapa langkah strategi dalam pemberantasan korupsi iaitu; strategi pelaksanaan, strategi komitmen, strategi polisi, strategi keagamaan, dan strategi sistem.¹⁹⁸ Biyanto menyimpulkan hasil kajiannya bahawa perlunya mewujudkan integriti publik di Indonesia.¹⁹⁹ Jopinus menilai bahawa pemberantasan korupsi di Indonesia haruslah lebih diarahkan pada penataan sistem hukum, sistem ekonomi, sistem pemerintahan, dan sistem pentadbiran yang tidak memungkinkan berlakunya korupsi.²⁰⁰

¹⁹⁶ Pasal 15 Undang-Undang Nombor 20 Tahun 2002 Tentang Komisi Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi.

¹⁹⁷ Syamsul Anwar et. al, *Fikah Anti Korupsi Perspektif Ulama Muhammadiyah*, (Jakarta: Majelis Tarjih dan Tajdid Pimpinan Pusat Muhammadiyah, 2006), 122.

¹⁹⁸ Awang Anwaruddin, *Strategi Pelaksanaan Percepatan Pemberantasan Korupsi*.

¹⁹⁹ Biyanto, *Pemberantasan Korupsi dan Perwujudan Integritas Publik dalam Perspektif Muhammadiyah dan NU*, Jurnal Penelitian Ke-Islaman Vol. 7 No. 1, Disember 2010, 41.

²⁰⁰ Jopinus Saragih G, *Reformasi Aparatur Negara Untuk Melaksanakan Tata Pemerintahan Yang Baik dan Benar (Good Governance)*, Jurnal Widia, tahun 29 Nombor 319 April 2012, 20.

Romli menulis empat langkah strategi pemberantasan korupsi di Indonesia iaitu; pendekatan hukum, pendekatan moral, pendekatan keimanan dan pendekatan pendidikan dan sosio cultural.²⁰¹

Mostafa menilai reformasi birokrasi sebagai syarat pemberantasan korupsi, pakatan sulit dan nepotisme. Ia meliputi; transformasi nilai, Penataan organisasi dan tata kerja, pemantapan sistem pengurusan dan peningkatan kelayakan sumber manusia.²⁰²

Faisal menilai pemberantasan korupsi tidak terbatas pada penegakan hukum sahaja, diperlukan konsep strategi berstruktur yang bersifat *preventif*, *represif* serta dengan menggerakkan masyarakat. Diperlukan strategi penilaian terhadap produk hukum yang ada dengan menimbulkan budaya hukum yang adil serta mampu menimbulkan rasa takut daripada melakukan korupsi.²⁰³

Transparensi international menilai perlunya penguatan rukun-rukun integriti nasional seperti legislatif yang terpilih, eksekutif, peradilan yang independent, auditor negara, ombudsman, badan anti korupsi yang independent, pelayanan publik yang melayani, pemerintah daerah yang berintegriti, media yang independent dan bebas, masyarakat sivil dan sektor swasta yang berintegriti. Sementara di bidang peraturan dan praktik institusi pula diperlukan pilihan raya yang bebas dan adil, hukum pentadbiran uji materi tindakan pemerintah, etika pelayanan publik memantau harta kekayaan dan menguji integriti, konflik kepentingan, nepotisme dan kroni, pengadaan barang dan jasa publik tempat di mana sektor publik dan swasta melakukan tawar menawar, pengelolaan kewangan yang baik, hak mendapatkan maklumat penyedaran publik dan dokumen publik, memberi kesempatan warga masyarakat untuk bersuara, polisi persaingan dan

²⁰¹ Romli Atmasasmita, *Strategi Pemberantasan Korupsi di Indonesia*, Jurnal Wacana Paramarta, edisi 1, Mei 2002, 17.

²⁰² Mostafadidjaja AR, *Reformasi Birokrasi Sebagai Syarat Pemberantasan KKN*, Makalah disampaikan dalam seminar pembangunan nasional VIII di Bali, 14-18 Julai 2003, 13.

²⁰³ Faisal Santiago, *Strategi Pemberantasan Kejahatan Korupsi; Kajian Legal Sosiologis*, Jurnal Lex Publica, Vol. 1, Nombor 1, Januari 2014, 67.

pencegahan korupsi, undang-undang anti korupsi, survey sebagai alat mengukur kemajuan.²⁰⁴

Sementara pemerintah Indonesia telah menetapkan strategi jangka menengah dan jangka panjang dalam pemberantasan korupsi iaitu; pencegahan, penegakan hukum, harmoni sasi peraturan per-Undang-undangan, kerjasama international dan penyelamatan asset hasil tindak jenayah korupsi, pendidikan dan budaya anti korupsi, mekanisme pelaporan dan pelaksanaan pemberantasan korupsi.²⁰⁵

Sri menyarankan agar Indonesia melakukan kajian perbandingan pemberantasan korupsi di negara yang terbilang berjaya dalam membanteras korupsi, penghargaan kepada daerah yang paling bersih korupsi, menerapkan budaya malu di Indonesia, menegakkan hukum tanpa kecuali dengan dukungan *political will* dan kerjasama international seperti dalam kes larinya pelaku korupsi, money laundry dan sebagainya.²⁰⁶

5.7 Analisa dan Kesimpulan

KPK lahir kerana adanya gerakan pelajar 1998 yang menginginkan reformasi total di Indonesia. KPK lahir kerana institusi yang ditugaskan dalam membanteras korupsi tidak menjalankan kerjanya dengan baik. Ia juga disebabkan oleh hilangnya kepercayaan masyarakat terhadap Polis dan Peguam Negara dalam membanteras korupsi.

Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) adalah lembaga negara yang dalam melaksanakan tugas dan bidang kuasanya bersifat bebas (independent) dari pengaruh

²⁰⁴ Jeremi Pope, *Strategi Membanteras Korupsi*, (Jakarta: Transparensi International Indonesia, 2008), 61.

²⁰⁵ Republik Indonesia, *Strategi Nasional Pencegahan dan jangka panjang 2012-2025 dan jangka menengah 2012-2014 Pemberantasan Korupsi*, (Jakarta: Pemerintah Indonesia, 2012), 17.

²⁰⁶ Sri Suwitri, *Pemberantasan Korupsi di Indonesia Sebuah Upaya Reformasi Birokrasi*, "Dialogue Jurnal Ilmu Pentadbiran dan Polis Publik", Vol 4 No 1, 2007, 39.

kekuasaan mana pun. KPK dibentuk dengan tujuan meningkatkan daya guna dan hasil guna terhadap upaya pemberantasan tindak jenayah korupsi di Indonesia.²⁰⁷ Walaupun pimpinan KPK dirasmikan oleh Presiden, namun secara perlembagaan (konstitusi) KPK tidak tunduk pada Presiden serta Eksekutif, dan legislatif lainnya. Namun demikian para pimpinan dan pegawai KPK tetap harus tunduk pada undang-undang sebagai kekuatan tertinggi.²⁰⁸ Praktik pemerintahan yang sudah sedemikian korup, banyak melanggar hukum dan membuat rakyat menderita adalah alasan dasar lahirnya lembaga KPK ini.²⁰⁹

Dalam membanteras korupsi KPK melakukan empat pendekatan utama iaitu pembangunan institusi, pencegahan, penguatkuasaan dan mengikutsertakan masyarakat. Strategi ini tidak dilakukan oleh lembaga anti korupsi sebelum KPK. Strategi ini agak sesuai dengan prinsip good governance dan strategi pemberantasan korupsi yang ditulis oleh beberapa literatur.

Faktor keberhasilan KPK adalah kerana institusi ini dilahirkan oleh rakyat dan ia lebih merakyat dari institusi pemerintah lainnya. Dan kemungkinan KPK akan kembali gagal jika ia menjadi lembaga eksklusif yang jaraknya jauh dari masyarakat. Perjalanan KPK dalam memberantas korupsi dipengaruhi oleh kepimpinan KPK dan kepimpinan negara. Walaupun ada beberapa individu KPK yang dianggap bersungguh dalam membanteras korupsi, namun ia tidak diikuti oleh kesungguhan sokongan dari presiden dan sebaliknya. Proses pemilihan pemimpin KPK juga belum melahirkan pemimpin yang betul-betul memuaskan masyarakat kerana proses pemilihan pemimpin tidak berakhir dengan lahirnya pemimpin KPK yang berkualiti.

²⁰⁷ Fasal 4 ayat 3 & 4 UU No 30 Tahun 2002 Tentang Komisi Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi.

²⁰⁸ Pasal 3 Undang-undang nombor 30 tahun 2002.

²⁰⁹ Edy Nathan, *Antasari Azhar Dalang Atau Korban? Konspirasi Penghancuran KPK*, (Yogyakarta: Best, 2009), 17.

BAB 6: STRATEGI KPK MEREALISASIKAN URUS TADBIR BAIK

6.1 Pendahuluan

Data KPK tahun 2014 menyebutkan bahawa dari 58 perkara, 14 antaranya adalah korupsi yang melibatkan kepala daerah seperti Bupati, Wali Kota, Governor dan wakilnya. Penyelenggara negara lainnya yang terlibat korupsi adalah Kementerian, anggota DPR/DPRD dan dua orang hakim.¹ Tentu sahaja semua korupsi yang dilakukan oleh penyelenggara negara akan merugikan rakyat dalam bentuk tidak diberikannya hak-hak rakyat secara baik. Ini juga sangat mempengaruhi pelayanan masyarakat yang sangat buruk dan korup di saat sesebuah institusi itu di tadbir dengan korup.

Bab ini membincangkan tentang Strategi KPK dalam pemberantasan korupsi tahun 2013 hingga 2014. Data dari Bab ini sepenuhnya diperoleh dari data yang dikeluarkan oleh KPK terutama dalam laporan tahunan, jurnal integriti, laporan akauntabiliti tahun 2013 hingga 2014 dan sebagainya.

6.2 Strategi KPK Tahun 2013 dan 2014

Ada enam strategi KPK dalam pencegahan dan pemberantasan korupsi yang diterbitkan tahun 2012 iaitu; Pencegahan, penegakan hukum, harmoni sasi peraturan perundang-undangan, kerjasama international dan penyelamatan aset hasil tindak jenayah korupsi, pendidikan dan budaya anti korupsi, mekanisme pelaporan dan pelaksanaan pemberantasan korupsi.²

Strategi KPK dalam membanteras korupsi dari tahun 2013 hingga 2014 tidak jauh berbeza. Dalam rangka pemberantasan korupsi di institusi pemerintahan, KPK

¹ KPK. Annual Report 2014, (Jakarta: KPK, 2015),41.

² "6 Strategi Pencegahan dan Pemberantasan Korupsi", laman sesawang KPK, dicapai 19 Disember 2014, www.acch.kpk.go.id.

memantau institusi pemerintahan yang mudah berlakunya kejahatan korupsi. Sebagai contoh, KPK melakukan koordinasi di Departemen Kehutanan dalam rangka mengkaji masalah, mencari penyelesaian, memberi cadangan dan melihat sejauh mana perkembangannya. KPK juga telah memenjarakan puluhan orang pegawai Kehutanan kerana terlibat korupsi.³

Seperti biasa KPK juga menjalin hubungan kerjasama dengan dunia International, ini kerana korupsi adalah kejahatan merentasi negara. Sosialisasi kepada masyarakat tentang apa dan bagaimana KPK juga giat dilakukan. Semua itu diimbangi oleh KPK dengan melakukan sosialisasi bidang publisiti seperti bekerjasama dengan media.⁴

Menjelang pilihan raya Indonesia 2014, KPK melakukan sosialisasi pencegahan korupsi dengan kempen anti korupsi. Untuk itu KPK mendesak agar dibangunkannya akauntabiliti parti politik. Ini kerana secara purata, biaya modal yang dikeluarkan oleh calon wakil rakyat dan kepala daerah jauh lebih besar dari penghasilannya selama lima tahun jika terpilih.⁵

Di samping kerjasama media yang erat dan rapat, KPK juga membangun kerjasama dengan institusi terkait pemberantasan korupsi baik dalam mahupun luar negeri. Kerjasama luar negeri antaranya untuk mengatasi kes pencucian wang yang banyak berlaku. Di dalam negeri KPK mengadakan hubungan kerjasama seperti dengan Kemenkoinfo, BPK, BPKB, Polis, Kejaksanaan. Dalaman KPK juga diuji dengan melakukan ujian air kencing secara berkala untuk menguji apakah ada pegawai KPK yang terlibat dadah atau tidak.⁶

³ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi Integriti edisi Januari-Februari 2013*, (Jakarta: KPK, 2013), 6.

⁴ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi edisi Mei-June 2013*, (Jakarta: KPK, 2013), 37.

⁵ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi Integriti edisi Mart-April 2013*, (Jakarta: KPK, 2013), 52.

⁶ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi edisi Mei-June 2013*, (Jakarta: KPK, 2013), 37.

Menurut Zulkarnain salah seorang pimpinan KPK mengatakan bahawa KPK melakukan kerjasama dengan Civil Society Organization (CSO) dan NGO anti korupsi lainnya dalam perbagai program seperti focus group discussion, youth camp dalam rangka pendidikan anti korupsi dan kempen anti korupsi di Indonesia.⁷

Tahun 2013 KPK banyak membongkar kes korupsi tingkat tinggi seperti penangkapan ketua Hakim Konstitusi MK, anggota DPR/DPRD, Menteri, Walikota, Gubernur, hingga hakim. Ini adalah sebahagian hasil dari koordinasi dan supervisi yang bererti tukar menukar maklumat yang dilakukan KPK dengan institusi lain. Tahun 2013 KPK menerima surat perintah dimulainya penyidikan (SPDP) sebanyak 191 dari kepolisian dan 655 buah dari Kejaksaan.⁸

KPK juga melatih ribuan pensyarah untuk menjadi pensyarah mata kuliah anti korupsi. Mendirikan radio KPK, mengadakan hubungan kerjasama dengan seniman dan pelbagai tokoh masyarakat dengan tujuan yang sama iaitu untuk melakukan pencegahan korupsi.⁹

Tahun 2014 KPK memfokuskan institusinya untuk mengawasi perjalanan pilihan raya tahun 2014. Antara lain dengan kempen tolak politik wang, menuju pilihanraya yang bersih, jujur dan sebagainya. Ini kerana pilihan raya telah menjadi lahan kotor antara pengusaha dengan ahli politik. Politician diberi modal oleh pengusaha hitam¹⁰ untuk menjadi calon dan setelah menang, calon akan selalu memperjuangkan kepentingan dan kebaikan pengusaha dengan melupakan kebaikan rakyat yang memilih mereka.¹¹

KPK juga fokus pada pendidikan anti korupsi yang menyentuh hampir semua lapisan masyarakat seperti tadika, sekolah, universiti hingga kaki tangan kerajaan.

⁷ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi edisi Julai-Ogos 2013*, (Jakarta: KPK, 2013), 54.

⁸ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi edisi November-Disember 2013*, (Jakarta: KPK, 2013), 15.

⁹ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi edisi November-Disember 2013*, (Jakarta: KPK, 2013), 43.

¹⁰ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi. Vol 37/V Januari-Februari 2014*. (Jakarta: Penerbit KPK, 2014), 13.

¹¹ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi edisi Januari- Februari 2014*, (Jakarta: KPK, 2014), 12.

Masuknya KPK pada pendidikan anti korupsi menurut wakil ketua KPK Bambang Widjojanto kerana pendidikan menjadi basis penting untuk membangun karkater anti korupsi.¹²

KPK juga menyebarkan stiker anti korupsi di pelbagai tempat seperti di pejabat kerajaan, tempat awam, kenderaan dan premis milik persendirian lainnya. Antara kalimat stiker itu ialah; 100% halal, bukan hasil korupsi, berantas korupsi harga mati, korupsi bukan budaya negeri ini, tak ada tempat untuk corruptor di negeri ini, korupsi menjerat masa hadapan rakyat, korupsi jalan menuju penjara, korupsi jalan menuju neraka.¹³

KPK merekomenkan lapan agenda anti korupsi untuk Presiden periode 2014-2019 iaitu; reformasi birokrasi dan perbaikan pentadbiran, pengelolaan sumber daya alam dan penerimaan negara, ketahanan dan kedaulatan bahan makanan, perbaikan infrastruktur, penguatan penguat kuasa penegak hukum, dukungan pendidikan nilai dan teladan, perbaikan institusi parti politik, dan peningkatan kesejahteraan sosial.¹⁴

Tingkat pencegahan korupsi di pelbagai pejabat daerah yang dilakukan oleh KPK dinilai masih kurang. Pencegahan yang dilakukan masih di dominasi oleh penampalan stiker merangkumi 48.4%. Sementara petugas memakai slogan anti korupsi hanya 12.5%, bahan bacaan 7.1%, workshop/seminar petugas hanya 6.9, video, iklan 6.2%, dan workshop seminar masyarakat hanya 5.7%.¹⁵ Antara kelemahannya ialah tidak adanya kotak aduan masyarakat di pejabat-pejabat kerajaan. Ini dikuatkan lagi dengan hasil kaji selidik integriti yang menyebut bahawa sebanyak 66.6%

¹² KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi edisi Mart- April 2014*, (Jakarta: KPK, 2013), 15.

¹³ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi edisi Mei-Jun 2014*, (Jakarta: KPK, 2013), 28.

¹⁴ KPK, *lapan agenda anti korupsi untuk Presiden periode 2014-2019*, (Jakarta: KPK, 2014).

¹⁵ KPK, *Integritas Sektor Publik Indonesia Tahun 2013* (Jakarta: KPK, 2014), 133.

responden mengatakan tidak adanya kegiatan atau media anti korupsi di unit layanan yang menyebabkan banyaknya korupsi berlaku di pejabat awam.¹⁶

Selama 2013 KPK melayani maklumat publik melalui telephone sebanyak 750, email 1492, surat 35, langsung 87 kali. Dari jumlah itu sebanyak 54 maklumat diberikan untuk tujuan pemberitaan, 283 penelitian, 385 study, organisasi, NGO, institusi 363, dan lain-lain 1279 kali.¹⁷ Sementara tahun 2014 KPK melayani maklumat publik sebanyak 1922 yang meningkat dari tahun sebelumnya. Melalui email sebanyak 1007 kali (41%), telephone 587 kali (36%), langsung 256 kali (18%) dan surat 72 kali (5%).¹⁸

Dalam rangka mendukung transparansi, KPK setiap tahun mengemukakan laporan bajet wang masuk dan keluar setiap tahunnya. Namun kelemahannya KPK terlalu berhati-hati dalam menggunakan bajet sehingga rata-rata setiap tahun hanya 50% bajet yang dapat dibelanjakan.¹⁹

Sampai saat ini hanya KPK satu-satunya institusi yang dapat dikatakan mengamalkan transparansi ini. KPK melaporkan sumber kewangan, perbelanjaan dan hasil kerjanya kepada publik melalui pelbagai media yang ada. Menurut Abdul Hamid sebagai ketua Komisi Maklumat Pusat, keterbukaan akan menciptakan tata kelola pemerintahan yang baik dan layanan yang profesional.²⁰ Namun untuk laporan tahun 2014, KPK terlambat menerbitkan laporan kemajuan, laporan kewangan, laporan tahunannya. Ini kerana sampai bulan March 2015 KPK belum juga melaporkannya kepada publik. Sengketa kepimpinan KPK dengan pimpinan Polisi Budi Gunawan dijangka memperlambat laporan itu.

KPK juga menerapkan undang-undang pelaporan kekayaan pejabat publik dan wajib melaporkan gratifikasi ke KPK. Di tahun 2013 sebanyak 28390 PNS melaporkan

¹⁶ KPK. *Survei Integritas Publik Pengukuran Pemerintahan Yang Bersih dan Bebas dari KKN*. (Jakarta: KPK, 2013), 23.

¹⁷ KPK. *Laporan Layanan Maklumat Publik* (Jakarta: KPK, 2013), 5.

¹⁸ KPK. *Laporan Pelayanan Pusat Maklumat dan Komunikasi Publik Komisi Pemberantasan Korupsi*. (Jakarta: Penerbit KPK, 2014), 7.

¹⁹ KPK. *Laporan Keuangan Komisi Pemberantasan Korupsi Tahun 2013* (Jakarta: KPK, 2014) 29.

²⁰ KPK. *Integrasi Membangun Negeri Tanpa Korupsi*. Vol 41/VI September-Oktober 2014. (Jakarta: Penerbit KPK, 2014).

Laporan harta kekayaan penyelenggara negara (LHKPN) dari 34227 yang wajib lapor.²¹ Tahun 2014 sebanyak 148.355 telah melaporkan kekayaan mereka dari 217.910 yang wajib lapor iaitu 68.09% .²²

Pengalaman pengkaji yang menghubungi KPK melalui email tidak mendapat jawapan yang memuaskan. KPK terkesan sebagai institusi elit yang cenderung menyusahkan seperti mana bila berurusan dengan institusi Kejaksaan dan Kepolisian. Padahal KPK adalah institusi yang dilahirkan oleh rakyat melalui reformasi 1998 yang tentu sahaja harus merakyat.

Di tahun 2013 KPK melakukan pelbagai upaya dalam menciptakan kesan jera kepada pelaku korupsi. Antara strategi itu ialah menuntut terdakwa dengan seberat-beratnya, memiskinkan pelaku korupsi, menegakkan kekuasaan hukum dan menerapkan hukum yang berat berupa hukum tambahan seperti pencabutan hak-hak politik.²³ Tahun 2013 KPK telah menjerat 8 wakil rakyat menjadi tersangka, 2 kepala lembaga/Kementerian, seorang Governor, 3 wali kota, Bupati/ wakil, 7 eselon I, II dan III, 4 orang hakim, 20 swasta dan 9 lainnya.²⁴

Setiap pegawai kerajaan harus melaporkan jumlah kekayaannya kepada KPK. Mereka juga wajib melaporkan setiap gratifikasi yang mereka terima dari siapa pun dan dalam bentuk apa pun. Semua gratifikasi yang dinyatakan bukan menjadi hak pegawai tetapi mengandung unsur konflik kepentingan dengan tugasnya, maka wang atau barang tersebut akan diserahkan kepada kewangan negara.²⁵

Konflik kepentingan menjadi salah satu faktor berlakunya korupsi. Konflik kepentingan menurut KPK ialah situasi di mana seorang penyelenggara negara yang mendapatkan kekuasaan dan kewenangan berdasarkan peraturan perundang-undangan

²¹ KPK, *Laporan Akuntabilitas Kinerja Tahun 2013*. (Jakarta: KPK, 2013), 30.

²² KPK *Laporan Akuntabilitas Kinerja Tahun 2014*. (Jakarta: KPK, 2014), 3.

²³ KPK, *Annual report 2013* (Jakarta: KPK, 2014), 10.

²⁴ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi*, edisi November-Disember 2013 (Jakarta: KPK, 2013), 9.

²⁵ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi*, edisi November-Disember 2013 (Jakarta: KPK, 2013), 41.

memiliki atau diduga memiliki kepentingan pribadi atas setiap penggunaan wewenang yang dimilikinya sehingga dapat mempengaruhi kualiti dan kerja yang seharusnya.²⁶

KPK berperanan aktif dalam pembentukan Economic Crime Agency Network (ECAN) yang berfungsi untuk mencegah masuknya pelaku kejahatan yang bersembunyi di negara lain. Antaranya ialah pelaku kejahatan pencucian wang.²⁷ KPK juga melakukan pelbagai program pendidikan anti korupsi secara intensif yang bertujuan untuk melahirkan generasi baru yang anti korupsi.²⁸

Untuk mencegah penyelewengan perjalanan tugas, KPK menggelar workshop pencegahan korupsi. Dengan demikian pengusaha diharapkan tidak melakukan markup harga tiket. Namun demikian mereka boleh mencari keuntungan dengan cara yang halal dan baik tanpa menipu.²⁹

KPK juga meminta janji yang di tanda tangani oleh calon presiden 2014 untuk komitmen terhadap delapan agenda anti korupsi yang antaranya adalah reformasi birokrasi. Saksinya akan diberitahu kepada masyarakat melalui pelbagai media yang ada jika ternyata kemudian Presiden terpilih melanggar janji dan komitmennya dalam pemberantasan korupsi.³⁰

Dari peraturan perundang-undangan yang berkaitan dengan fungsi, tugas dan wewenang nya, KPK telah menjalankan tugas dan kewajibannya itu dengan cukup baik sebagaimana pelbagai contoh yang diberikan di atas. Penghalang nya adalah tentu sahaja tidak mudah mengatasi penyakit korupsi yang sudah berurat berakar dan telah menjadi budaya selama 21 Tahun orde lama dan 32 tahun orde baru.

²⁶ KPK, *Konflik Kepentingan*. (Jakarta: KPK, 2009), 2.

²⁷ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi*, edisi Jan-Feb 2014 (Jakarta: KPK, 2014), 41.

²⁸ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi*, edisi Mart-April 2014 (Jakarta: KPK, 2014), 15.

²⁹ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi*, edisi Mei-Jun 2014 (Jakarta: KPK, 2014), 39.

³⁰ KPK, *Integriti* edisi Julai-Ogos 2014. (Jakarta: KPK, 2014), 7.

Wakil ketua KPK Zulkarnain mengatakan bahawa KPK merupakan lembaga public yang paling dipercayai rakyat dalam membanteras korupsi dengan nilai 72% mengatakan puas terhadap kerja KPK. KPK dinilai professional dalam menjalankan tugasnya dengan sebanyak 82% responden menilai kredibiliti KPK sebagai positif.³¹

Sepanjang tahun 2013 KPK telah melakukan 81 kes penyelidikan, 102 kes penyidikan, 73 kes penuntutan, 40 kes memiliki kekuatan hukum tetap, 44 kes eksekusi.³² Sementara tahun 2014 KPK telah melakukan 80 kes Penyelidikan, 90 kes penyidikan, 77 kes penuntutan, 40 perkara yang telah memiliki kekuatan hukum dan 48 kes memiliki kekuatan hukum tetap.³³

Menurut Bibit Samad Rianto wakil ketua KPK, antara prosedur penangkapan pelaku korupsi bermula dari aduan masyarakat, aduan akan ditelaah dan dianalisis apakah terdapat hipotesis mengandungi unsur korupsi, apakah itu wewenang KPK atau tidak, melengkapkan data. alat bukti ada lima iaitu; pengakuan saksi, pengakuan tersangka, dokumen pernyataan ahli dan petunjuk.³⁴

Cabaran 2014 menurut wakil ketua KPK Adnan Pandu Praja ialah mengurangkan penyalahgunaan wewenang oleh pegawai kerajaan, meningkatkan kerja penanganan korupsi oleh Polis dan Kejaksanaan serta meningkatkan peran serta masyarakat dalam membanteras korupsi.³⁵

Selama 2013 seramai 8 orang wakil rakyat, 4 orang kepala lembaga/kementerian, 2 orang governor, 3 orang wali kota, Bupati dan wakil, 7 orang eselon I, II & III, 4 orang penegak hukum, 24 orang dari swasta, dan 7 orang dari yang lainnya menjadi terdakwa dan tersangka dalam kes korupsi sepanjang 2013.

³¹ KPK. *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi*. Vol 40/VI November-Disember 2014. (Jakarta: Penerbit KPK, 2014), 54.

³² KPK. *Annual Report 2013*. (Jakarta: Penerbit KPK, 2013), 83.

³³ KPK. *Annual Report 2014*. (Jakarta: Penerbit KPK, 2014), 81.

³⁴ KPK. *Integriti, edisi Mart-April 2010*. (Jakarta: KPK, 2010), 46.

³⁵ KPK. *Annual Report 2014*. (Jakarta: Penerbit KPK, 2014), 8.

Strategi yang dilakukan oleh KPK adalah pencegahan, penegakan hukum, mengharmonikan peraturan perundang-undangan, kerjasama international dan penyelamatan asset, pendidikan dan budaya anti korupsi, mekanisme pelaporan pelaksanaan pemberantasan korupsi. Namun semua itu tidak cukup sehingga diperlukan kerjasama yang kuat antara pemerintah, masyarakat dan swasta tentunya.³⁶

Indeks integriti nasional tahun 2013 adalah 6.80 meningkat dari tahun sebelumnya yang hanya 6.37. Namun ianya masih perlu ditingkatkan untuk masa-masa akan datang. KPK memberikan beberapa cadangan kepada setiap institusi yang melakukan pelayanan publik iaitu; 1. Menetapkan jumlah bayaran pasti, prosedur dan masa yang diperlukan dan mudah dilihat masyarakat 2. Menanamkan kepada pegawai bahawa mereka adalah pelayan masyarakat. 3. Menutup kemungkinan berlakunya korupsi seperti layanan yang dapat dilihat masyarakat, tidak tertutup dan memberi ruang yang sesuai. 4. Harus berlaku adil kepada semua pengguna, antaranya dengan menerapkan sistem beratur. 5. Meningkatkan kempen anti korupsi kepada petugas melalui stiker, kursus, dan kempen anti korupsi lainnya. 6. Memberikan reward and punishment seperti sangsi kepada pegawai yang meminta dan menerima suap. 8. Menyediakan fasiliti pengaduan masyarakat dalam bentuk kotak aduan, email, sms, hotline dan sebagainya.³⁷

Sesuai dengan Peraturan KPK Nombor 05 P.KPK Tahun 2006 Tentang Kod etika pasal 5 dijelaskan bahawa pegawai KPK wajib melaksanakan nilai-nilai peribadi sebagai berikut; 1. Integriti, bersikap, berperilaku dan bertindak jujur terhadap diri sendiri dan lingkungan, objektif terhadap permasalahan, memiliki komitmen terhadap visi dan misi, konsisten dalam bersikap dan bertindak, berani dan tegas dalam mengambil keputusan dan risiko kerja, disiplin dan bertanggungjawab dalam

³⁶ *Strategi Nasional Pencegahan dan Pemberantasan Korupsi Jangka Panjang (2012-2025) dan jangka pendek (2012-2014)*. (Jakarta: Penerbit KPK, 2012), 27.

³⁷ *KPK. Integritas Sektor Publik Indonesia Tahun 2013. Fakta Korupsi Dalam Layanan Publik*. (Jakarta: Penerbit KPK, 2014), 136.

menjalankan tugas dan amanah. 2. Profesionalisme, berpengetahuan luas, berketerampilan yang tinggi sehingga mampu bekerja sesuai dengan kompetensi, berdikari tanpa campur tangan pihak lain, konsisten dan bersungguh-sungguh dalam menjalankan tugas. 3. Inovasi, kaya akan ide-ide baru yang selalu meningkatkan kemampuan dalam pencegahan dan pemberantasan tindak jenayah korupsi. 4. Transparensi, setiap pelaksanaan tugas dapat terukur dan dapat dipertanggungjawabkan serta sentiasa di nilai secara berkala dan terbuka untuk semua pemangku kepentingan komisi. 5. Produktiviti, mampu bekerja keras dengan orientasi hasil kerja yang sistematis, terarah dan berkualiti sesuai dengan standard kerja yang telah ditetapkan dengan menggunakan sumber daya yang tersedia secara efektif dan efisien serta dapat dipertanggungjawabkan. 6. Religiosities, berkeyakinan bahawa setiap tindakan yang dilakukan berada di bawah pengawasan sang pencipta, tekun melaksanakan ajaran agama, mengawali setiap tindakan selalu didasarkan dengan niat ibadah sehingga apa yang dilakukan hari ini harus selalu lebih baik dari yang kelmarin. 7. Kepimpinan, berani menjadi pelopor dan penggerak perubahan dalam pemberantasan korupsi, dapat di percaya untuk mencapai kerja yang melebihi harapan.³⁸

Indeks penegakan hukum KPK tahun 2013 adalah 90.25% atau 9.02 indeks skala 1-10. Sementara tingkat keberhasilan pemberantasan korupsi oleh KPK adalah 139,8%. Capaian kerja KPK di tingkat korporat adalah sebesar 108,8%. Capaian kerja perspektif dalaman sebesar 97,2%. Capaian kerja perspektif pertumbuhan dan pembelajaran (learning and growth) sebesar 79,6%. Menurut KPK langkah pencegahan mahupun penguatkuasaan harus dilakukan secara serentak dan terpadu dengan kecepatan yang sama.³⁹

Untuk tahun 2014 Indeks penegakan hukum KPK adalah 61. % dari target 80%. Capaian kerja KPK adalah 77.3%. Sementara tingkat keberhasilan KPK adalah 131%.

³⁸ KPK. Kod etika Pegawai KPK. (Jakarta: Penerbit KPK, 2006), 30-31.

³⁹ KPK. Laporan Akuntabilitas Kinerja Tahun 2013. (Jakarta: Penerbit KPK, 2013), 54.

Capaian kerja 118.4% dengan target 80% ke atas. Pencegahan 130.7 %. Capaian KPI 140 % dan KPI integriti KPK adalah 81.5%.⁴⁰

6.3 Pendekatan KPK Dalam Merealisasikan Urus tadbir baik Menurut Islam Tahun 2013 Hingga 2014

Gambaran pelayanan publik di Indonesia dapat dilihat dari data sebagai berikut; Tahun 2013 sebanyak 20,6% responden mengakui bahawa jumlah bayaran yang mereka keluarkan dalam layanan publik tidak sesuai dengan kos rasmi yang ditetapkan. Seramai 62,2% responden mengatakan harus membayar lebih dari 50% kos tambahan dan seramai 71,7 % responden mengatakan memberi kos tambahan lebih dari dua kali. Dari segi prosedur pula, pensyaratan, waktu dan kos lebih dari 32% responden mengatakan ia tidak terbuka / tidak transparent. 43,2% responden mengatakan bahawa tidak ada teknologi informasi di unit layanan dan 43,2% responden mengaku tidak pernah menggunakan teknologi informasi kerana ketiadaan teknologi itu. Sebanyak 55,1% responden mengakui tidak ada media pengaduan dan 2,1 % mengakui bahawa pengaduan mereka ditolak petugas. Sebanyak 66,6% responden mengakui tidak ada media anti korupsi di unit layanan publik.⁴¹

Dalam Islam pemerintah harus menjalankan pemerintahan yang sesuai dengan Syariat dan tidak bertentangan dengan ketentuan Allah dan Rasul-Nya. Al-Qur`an dan Sunnah adalah sumber hukum Islam itu sendiri. Manusia tidak memiliki hak membuat atau meniadakan hukum yang telah ditetapkan oleh Nash tersebut. Sementara urus tadbir baik bermaksud, pelaksanaan kuasa politik, ekonomi dan pentadbiran bagi mengurus negara yang ditadbir mengikut nilai-nilai yang baik.⁴²

⁴⁰ KPK. Laporan Akuntabilitas Kinerja Tahun 2014. (Jakarta: Penerbit KPK, 2014), vi.

⁴¹ KPK, *Survei Integritas Publik*, (Jakarta: KPK, 2013), 23.

⁴² Muhammad Lukman, *Tafsir Maudhu'iy Politik dan Urus tadbir*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014), 13.

Tadbir urus yang buruk banyak disebabkan oleh penyalahgunaan kuasa yang dilakukan pemimpin yang bertindak seperti sebagai sumber kebenaran. Padahal menurut Islam kedaulatan tertinggi itu hanyalah pada hak Allah SWT. Hak Allah itu termaktub dalam kitab al-Qur`an dan Sabda Rasulullah SAW. Ini bererti bahawa hukum Allah adalah yang tertinggi kedudukannya dalam konsep kedaulatan agama Islam. Sementara kekuasaan tertinggi menurut konsep politik Islam adalah berada di tangan rakyat.⁴³

Dalam pandangan Islam, korupsi dapat dikategorikan sebagai perbuatan khianat, iaitu tidak amanah. Pengertian khianat terhadap orang lain adalah sikap mental atau perbuatan curang yang dilakukan seseorang atau kelompok terhadap orang atau kelompok lain. Akibat perbuatannya itu seseorang dapat kehilangan kepercayaan yang diberikan padanya.⁴⁴

Menurut pendapat Ibn Jarir, mengatakan bahawa kalimat amanah yang dimaksudkan dalam Surah An-Nisa` Ayat 57,⁴⁵ ialah ditujukan kepada para pemimpin, agar mereka menunaikan hak-hak umat Islam.⁴⁶ Ini kerana kerajaan adalah institusi yang paling berwenang dalam menentukan keputusan dan dasar-dasar awam.⁴⁷ Dasar-dasar awam yang ditentukan itu mestilah berdasarkan *masalahah* dan manfaat kepada rakyat secara amnya.⁴⁸ Ini kerana pemerintah merupakan lembaga yang menyelenggarakan mekanisme politik atau roda pemerintahan dan ketatanegaraan.⁴⁹

KPK berperanan untuk mengawal pelaksanaan urus tadbir baik dalam negara secara menyeluruh.⁵⁰ Antara program KPK adalah peningkatan kesedaran masyarakat melalui sosialisasi dan pendidikan anti korupsi serta pelaksanaan urus tadbir baik.⁵¹ Ini

⁴³ Abu al-Maati Abu al-Futuh. *Sistem Pemerintahan Dalam Islam*, terj. Md. Akhir Hj. Yaacob. (Bangi: Penerbit UKM 1991), 44.

⁴⁴ Tim Penyusun. *Ensiklopedi Islam cetakan kelima*. (Jakarta: Penerbit Ichtiar Baru Van Hoeve, jilid 2, 1999) 328.

⁴⁵ Maksudnya, "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil".

⁴⁶ Abdul Muin Salim, *Konsepsi Kekuasaan Politik Dalam Islam*. (Jakarta: Penerbit Grafindo 2002), 193

⁴⁷ Syed Ahmad Hussein, *Pengantar Sains Politik*. (Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka 1996), 95.

⁴⁸ Mohammad Natsir. *Islam Sebagai Dasar Negara*. (Jakarta: DDII, 2000), 55.

⁴⁹ Abdul Muin Salim, *Fiqh Siyasah Konsepsi Kekuasaan Politik Dalam al-Qur`an*, (Jakarta: Rajawali Pers, 2002), 294.

⁵⁰ OECD, *Economy Surveys Indonesia March 2015*, (Paris: OECD Publishing, 2015), 39.

⁵¹ Edi Nathan, *Antasari Azhar Dalang Atau Korban? Konspirasi Penghancuran KPK*, (Yogyakarta: Best Publisher, 2009), 34.

kerana kerajaan yang bersih, penegakan hukum yang baik khasnya di bidang pemberantasan korupsi adalah menjadi bahagian dari agenda demokrasi yang asas, untuk mencegah terjadinya krisis ekonomi, politik, sosial, budaya dan krisis pembangunan dalam negara.⁵²

Untuk mengatasi itu menurut Sjahrudin Rasul, sebagai mantan ketua KPK, pemberantasan korupsi haruslah dilakukan dengan cara holistik menyeluruh dan melakukan kerjasama tiga komponen asas iaitu masyarakat, kerajaan dan swasta.⁵³

Asas utama KPK dalam menjalankan tugas dan wewangnya adalah; kepatuhan undang-undang, keterbukaan, akauntabiliti, kepentingan awam dan profesionalisme.⁵⁴ Semua itu adalah ciri dan asas dalam urus tadbir baik yang dikemukakan oleh United Nations Development Program (UNDP). Senarai kriteria yang ditetapkan oleh UNDP adalah penyertaan, kekuasaan hukum, ketelusan, transparansi, kebertanggungjawaban, orientasi konsensus, persamaan, efektif dan efisien, akauntabiliti dan strategik.⁵⁵

Dalam data indeks prestasi korupsi (CPI) yang dikeluarkan oleh Transparency International tahun 2013-2014 menunjukkan bahawa negara-negara yang bersih dari korupsi memiliki urus tadbir yang baik dan tingkat kemakmuran yang tinggi berbanding negara yang tinggi indeks prestasi korupsinya.⁵⁶ Data tersebut juga menunjukkan bahawa negara yang mengamalkan sistem demokrasi akan melindungi hak asasi manusia yang selanjutnya akan memberi kesan baik pada terlaksananya urus tadbir yang baik.⁵⁷ Senada dengan itu Romly mengatakan bahawa korupsi sudah dapat

⁵² Tri Agung Kristanto, Irwan Suhada. *Jangan Bunuh KPK. Perlawanan Terhadap Usaha Pemberantasan Korupsi*, (Jakarta: Penerbit Kompas, 2009), 21.

⁵³ Sjahrudin Rasul. *Penerapan Good Governance di Indonesia Dalam Upaya Pencegahan Tindak Jenayah Korupsi*. *Mimbar hukum* Volume 21, Nombor 3, (Oktober 2009), 409-628.

⁵⁴ UU No 30 Tahun 2002 Tentang Komisi Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi (fasal 15).

⁵⁵ United Nations Development Programme. *Governance For Sustainable Human Development, A UNDP Policy Document*. (New York: UNDP 1997).

⁵⁶ Transparency International. Dicapai 2 February 2015. <http://www.transparency.org/cpi2014>

⁵⁷ Transparency International, dicapai 2 February 2015, Corruption Perceptions Index 2014. <http://www.transparency.org/cpi2014>

diklasifikasikan sebagai pelanggaran ke atas hak-hak ekonomi dan hak-hak sosial seluruh rakyat Indonesia.⁵⁸

KPK menempatkan diri sebagai pemacu bagi penguat kuasa dan institusi lain untuk terciptanya jalan sebuah good and clean governance pemerintahan baik dan bersih di Indonesia.⁵⁹

Penerapan dan pelaksanaan urus tadbir baik dimulai dari dalaman institusi KPK itu sendiri antara lain dengan menerapkan asas urus tadbir baik dan dengan melaksanakan kod etika terhadap para kakitangannya. Menjadikan buku petunjuk Pedoman Umum Good Public Governance yang diterbitkan oleh Komite Nasional Polisi Governance sebagai bahan acuan.⁶⁰

Ada sembilan pendekatan KPK untuk memastikan bahawa ianya menjalankan urus tadbir baik dalam bidang pengembangan pengurusan sumber manusia iaitu; 1. seleksi pengambilan pekerja yang berkualiti, 2. Penataan semula posisi pegawai, 3. Penyempurnaan data kompetensi, 4. Penata ulang sistem penggajian baharu, 5. Penyempurnaan pengurusan kerja pegawai melalui aplikasi *performance pengurusan sistem*, 6. Pembuatan reka bentuk ilmu pengurusan, 7. Pembuatan desain talent pengurusan, 8. Pelaksanaan evaluasi sistem sumber manusia KPK dan 9. Human resources information sistem.⁶¹

Penerimaan calon pegawai KPK di umumkan di media massa dan dilakukan melalui proses terbuka. Keterbukaan juga berlaku pada bajet perbelanjaan KPK. orang awam dengan mudah mengetahui berapa bajet KPK, ke mana di belanjakan, apa program kerja, apa yang telah dilakukan, sedang dan apa yang akan dilakukan untuk

⁵⁸ Romli Atmasasmita, *Korupsi, Good Governance dan Komisi Anti Korupsi di Indonesia*, (Jakarta: penerbit PNRI, 2002), 3.

⁵⁹ Nanang et al (ed.), *Pendidikan Anti Korupsi Untuk Perguruan Tinggi*, (Jakarta: Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan, 2011), 34.

⁶⁰ *Pedoman Umum Good Public Governance. Komite Nasional Polisi Governance*. (Jakarta: Penerbit KPK 2010).

⁶¹ KPK, *Laporan tahunan 2007*, (Jakarta: KPK, 2007), 21.

pemberantasan korupsi. Semuanya di umumkan di media massa dan media KPK yang dengan mudah di capai oleh sesiapa sahaja di laman sesawang KPK.⁶²

Untuk tahun 2013 KPK memberi cadangan kepada pelayanan awam untuk meningkatkan kempen anti korupsi yang efektif kepada petugas dan pengguna serta menyediakan sarana pengaduan yang mudah di akses.⁶³

Langkah-langkah yang dilakukan KPK dalam usaha terciptanya Good Corporate Governance (GCG), ialah; transparensi dan independency dalam pemilihan pemimpin dan dalam pengambilan keputusan, tindakan yang dilakukan terhadap potensi terjadinya konflik kepentingan, adil dalam proses pemilihan perusahaan pembekal, pengawasan terhadap peraturan atau pedoman perilaku, tindakan pencegahan korupsi dan kerjasama dengan lembaga penegak hukum.⁶⁴

Peranan KPK dalam merealisasikan urus tadbir Islamik tentu sahaja tidak terlepas dari faktor kepimpinan lembaga itu. Kod etika dibentuk di masa Abdullah Hehamahuwa menjadi penasihat KPK. Beliau dikenal sebagai seorang aktivis Islam yang berdakwah ke pelbagai pelosok Asia Tenggara yang memiliki IC merah Malaysia. Beliaulah yang sangat gigih menanamkan nilai-nilai Islam di kalangan kaki tangan KPK setiap hari. Mengenai barisan kepimpinan yang baru, ianya diketuai oleh Abraham Samad. Seorang aktivis Islam yang rela mempertahankan gerakan Islam sampai ke Mahkamah di Sulawesi. Busro adalah alumni Universitas Islam Indonesia (UII) sebuah Universiti yang di bangun oleh tokoh nasional seperti Mohamad Natsir atas dasar-dasar keimanan kepada Allah. Zulkarnain berasal dari Sumatera Barat sebagai negeri yang berfalsafah kan Islam bersandi syara` dan syara` bersandikan Kitabullah. Bambang adalah seorang aktivis Indonesia Corruption Watch (ICW) dan juga aktivis Kontras sebagai pejuang gerakan pelajar 1998. Adnan pula seorang yang pernah bekerja di Kepolisian Republik Indonesia sebagai seorang Sekretaris Komisi. Pengalaman ini akan

⁶² Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) dicapai 1 Januari 2012; www.kpk.go.id. 1 January 2012

⁶³ KPK, *Integritas Sektor Publik Indonesia Tahun 2013, Fakta Korupsi dalam Layanan Publik*, (Jakarta: KPK, 2013), 137.

⁶⁴ KPK, *Pelaksanaan Good Corporate Governance di sector swasta, BUMN dan BUMD*, (Jakarta: KPK, 2000), 14.

membuatnya tahu bagaimana seluk belok korupsi di kepolisian. Pengalamannya sebagai pimpinan polis beberapa kali menunjukkan dia adalah seorang yang berintegriti.⁶⁵

KPK yang begitu besar di media itu jumlahnya sangat sedikit bila dibandingkan dengan anggota Polis dan Tentera. Jumlah keseluruhan pegawai KPK hanyalah 1418 orang sahaja. Untuk tahun 2014 KPK telah menghabiskan 89.52% bajetnya dari total jumlah 624. 180. 262. 000 atau sebanyak Rp. 558. 765. 628. 563 bajetnya. Semua bajet di atas disampaikan secara transparent kepada masyarakat secara terbuka.⁶⁶

Asas KPK ialah kepastian hukum, keterbukaan, akauntabiliti, kepentingan umum dan profesionalisme. Dalam mewujudkan urus tadbir baik, KPK membangun zona anti korupsi di seluruh Provinsi. Pembentukan zona anti korupsi ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti pelayanan awam yang baik dan anti korupsi.⁶⁷

Tahun 2013 KPK telah memiliki penyidik dalaman yang mengurangkan kebergantungan KPK pada penyidik dari Polis. Total pegawai KPK adalah 955 orang yang lebih mengutamakan kualiti dari kuantiti. KPK melakukan kaji selidik integriti dalaman yang ditujukan pada pegawai KPK itu sendiri.⁶⁸

Setiap tahun sejak berdirinya hingga saat ini tahun 2014, KPK masih mempertahankan transparansi dalam bajet. Namun sifat ke hati-hati KPK membuat hanya 66.6% dari Rp. 703. 876. 268.000 bajet KPK yang dibelanjakan. efektif dan Efisien juga menjadi alasan mengapa KPK sedikit membelanjakan bajet yang diperuntukkan kepadanya sebagaimana yang diungkapkan oleh penasihat KPK Abdullah Hehamahuwa yang beralasan susahny mencari orang yang berintegriti membuat KPK berhati-hati dalam mengambil dan menggaji pegawai baru. Tidak berlebihan jika dikatakan bahawa KPK lebih mengutamakan kualiti dari kuantiti. Transparansi juga dilakukan KPK dalam melaporkan aset-aset mereka kepada negara.

⁶⁵ Lihat Profil Pimpinan, KPK. *Annual Report 2013*. (Jakarta: Penerbit KPK, 2014), 8.

⁶⁶ KPK. *Laporan Akuntabilitas Kinerja Tahun 2014*. (Jakarta: Penerbit KPK, 2014), 181.

⁶⁷ KPK, *Annual report 2013*, (Jakarta: KPK, 2014), 20.

⁶⁸ KPK, *Annual report 2013*, (Jakarta: KPK, 2014), 38.

Termasuk jumlah wang rakyat yang mereka selamatkan dan kembalikan kepada harta negara dari tangan pelaku korupsi.⁶⁹

Selama tahun 2014 KPK melakukan kerjasama koordinasi dan supervise atas pengelolaan energy dan sumber mineral dengan kementerian ESDM di 34 Provinsi Kabupaten dan Kota.⁷⁰ Tugas koordinasi dan supervise bertujuan untuk supaya lembaga yang berwenang membanteras korupsi lain seperti Polis dan kejaksaan tidak mati begitu sahaja dengan keberadaan KPK.⁷¹

KPK melakukan supervise terhadap kerja wakil rakyat di daerah agar membuka akses maklumat kepada publik. Dengan demikian akan terbuka komunikasi langsung antara pemilih dengan yang dipilih dan segala aspirasi dapat didengar dan diperjuangkan.⁷²

KPK melakukan studi komparatif dalam pelaksanaan good governance di pelbagai pemerintahan daerah untuk melihat sejauh mana pelaksanaannya berkesan. Liputan itu akhirnya disampaikan melalui media untuk sebagai bahan percontohan.⁷³ KPK melakukan cadangan kepada pemerintah daerah untuk selalu melakukan penambahbaikan seperti melakukan perancangan untuk lima tahun akan datang.⁷⁴

KPK melakukan penilaian inisiatif anti korupsi dan kaji selidik integriti terhadap Direktorat Jenderal Bea dan Cukai. Kerjasama di bidang infeksi mendadak terkait gratifikasi, nara sumber, asistensi pengisian LHKPN.⁷⁵

Bersama pemerintahan daerah Sulawesi Selatan, KPK menjalin hubungan kerjasama dalam mencapai tujuan akauntabiliti publik.⁷⁶ Menurut KPK, buruknya kerja

⁶⁹ KPK, *Annual report 2013*, (Jakarta: KPK, 2014), 41.

⁷⁰ *Perbaikan Tata Kelola dan Transparensi Untuk Mewujudkan Optimumisasi Penerimaan Negara Sektor ESDM*. Disampaikan dalam Konferensi Nasional Pencegahan Korupsi 2 Disember 2014 di Jakarta, 10.

⁷¹ KPK, *Laporan Penelitian Penguatan Pemberantasan Korupsi Melalui Fungsi Koordinasi dan Supervisi KPK*, (Jakarta: KPK, 2011), 22.

⁷² KPK, *Kedudukan Peranan dan Institusi DPRD Dalam Konteks Good Governance*, (Jakarta: KPK, 2008), 87.

⁷³ KPK, *Tambahan Penghasilan Bagi Pegawai Negeri Sipil Daerah, Tunjangan Kesejahteraan Daerah Kabupaten Solok, Kota Pekan Baru, Provinsi Gorontalo dan Kabupaten Jembrana*, (Jakarta: KPK, 2006), 10.

⁷⁴ KPK, *Meningkatkan Kinerja PNS Melalui Perbaikan Penghasilan, Analisa TKD di Pemerintah Provinsi Gorontalo dan TPPK di Pemerintahan Kota Baru*, (Jakarta: KPK, 2007), 53.

⁷⁵ *Tata Kelola dan transparensi Untuk Mewujudkan Optimumisasi Penerimaan Negara Oleh Menteri Kewangan Indonesia*. Disampaikan dalam Konferensi Nasional Pencegahan Korupsi 2 Disember 2014 di Jakarta, 21.

pelayanan publik antara lain disebabkan oleh tidak dilaksanakannya transparansi dan akauntabiliti dalam pelayanan awam.⁷⁷ Untuk itu KPK menjadikan transparansi dan akauntabiliti publik sebagai salah satu strategi pemberantasan korupsi.⁷⁸

Ada lima strategi yang dilakukan KPK dalam upaya perbaikan layanan publik iaitu; 1. Mendorong penguatkuasa pegawai fungsional untuk meningkatkan peranannya, 2. Menjadi institusi yang dianggap berjaya sebagai tolak ukur, 3. Melibatkan sebanyak mungkin institusi terkait seperti Kemenpan dan RB, BPK, BPKP, LKPP, inspektorat, Ombudsman dan komisi maklumat dalam mendorong perbaikan 4. Mencadangkan pemanfaatan teknologi maklumat dan 5. Mengajak media masa, tokoh masyarakat, NGO, ahli akademik dan organisasi profesi membantu memberikan cadangan dan berperanan sebagai kawalan sosial terhadap perbaikan.⁷⁹

Dalam rangka pemilihan calon Presiden, KPK juga meminta aku janji dari dua calon Presiden untuk supaya mendukung reformasi birokrasi dalam bentuk reformasi pelayanan publik, reformasi kepegawaian, reformasi penguat kuasa pengawasan dalaman pemerintah, reformasi pengelolaan anggaran pendapatan belanja daerah dan anggaran pendapatan belanja negara yang akauntabiliti, transparent dan adil.⁸⁰

Dalam fokus jangka panjang pemberantasan korupsi tahun 2012-2025 KPK melakukan pencegahan seperti meningkatkan transparent, akauntabiliti dalam pentadbiran, pelayanan publik dan pengelolaan kewangan negara. Bidang penegakan hukum seperti optimum proses penegakan hukum untuk meningkatkan kepercayaan masyarakat kepada penegak hukum. Peraturan perundangan yang tidak menyusahkan. Kerjasama antarabangsa dan tindakan menyelamatkan aset jenayah korupsi. Pendidikan dan budaya anti korupsi, mekanisme pelaporan pelaksanaan pemberantasan korupsi.

⁷⁶ *Peningkatan Transparansi dan Penyertaan public dalam pencegahan korupsi Pada Pemerintahan Daerah oleh Gubernur Sulawesi Selatan Syahrul Yasin Limpo*. Disampaikan dalam Konferensi Nasional Pencegahan Korupsi 2 Disember 2014 di Jakarta, 4.

⁷⁷ KPK, *Memahami Untuk Melayani, Pelayanan Perijinan dan Non Perijinan Sebagai Wujud Tata Kelola Pemerintahan Yang Baik*, (Jakarta: KPK, 2006), 55.

⁷⁸ KPK, *Laporan Tahunan 2006*, (Jakarta: KPK, 2006), 2.7.

⁷⁹ KPK, *Laporan tahunan 2011*, (Jakarta: KPK, 2011), 23.

⁸⁰ KPK, *Delapan Agenda Anti Korupsi Bagi Presiden 2014-2019*, (Jakarta: KPK, 2014), 35.

Sementara antara fokus jangka menengah 2012 hingga 2014 adalah penegakan hukum yang antara lain adalah konsistensi penegakan hukum di satu daerah ke daerah lain.⁸¹

KPK melakukan pendekatan keagamaan dalam rangka mendidik kaki tangan mereka agar dekat dengan pencipta mereka. Antara lain dengan mengadakan perayaan hari kebesaran Islam dengan mengundang penceramah yang berkeelayakan.⁸² Menurut Syafruddin, banyak masalah ekonomi sebuah negara yang ditimbulkan oleh faktor lemahnya amalan agama dan moral yang sering dilupakan dan dipisahkan dari konsep ekonomi.⁸³ Hal senada, ajaran Islam menurut Heru salah seorang peneliti LIPI mengajarkan umatnya untuk bersikap sederhana, jujur dan peduli pada sesama. Dengan menerapkan ajaran Islam di lingkungan keluarga akan menciptakan keluarga anti korupsi menurutnya.⁸⁴

Island of integriti yang merupakan kesepakatan bersama dalam bidang; 1. Pelaksanaan penerapan pengurusan berasaskan kerja, pelaksanaan pemberantasan korupsi pada proses pengadaan barang melalui penerapan, peta integriti, pelaksanaan mekanisme kapasiti pemerintah daerah, pelaksanaan reformasi pelayanan sektor publik, pemberian akses maklumat pelaksanaan menggerakkan publik melalui pendidikan dan peningkatan kesedaran anti korupsi, pelaksanaan pelatihan dan bantuan teknis serta pelaksanaan pertukaran maklumat publik.⁸⁵

Dalam rangka menjalankan agenda penyertaan masyarakat, KPK melakukan pelbagai usaha untuk meningkatkan usaha pelaporan masyarakat. Sebanyak 7999 laporan pengaduan masyarakat tahun 2013 yang diterima, 6816 yang telah selesai ditelaah dan 5437 jumlah laporan yang dapat di tindak lanjut sesuai kewenangan KPK.⁸⁶

⁸¹ KPK, *Strategi Nasional Pencegahan dan Pemberantasan Korupsi Jangka Panjang 2012-2025 dan Jangka Menengah 2012-2014*, (Jakarta: KPK, 2012), 52.

⁸² Kementerian Keuangan. *Tata Kelola dan transparansi Untuk Mewujudkan Optimisasi Penerimaan Negara Oleh Menteri Keuangan Indonesia*. Disampaikan dalam Konferensi Nasional Pencegahan Korupsi 2 Disember 2014 di Jakarta, 21.

⁸³ Syafruddin Prawiranegara, *Islam Sebagai Pedoman Hidup*, (Jakarta: penerbit Inti Indayu Press, 1986), 116.

⁸⁴ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi, edisi Januari- Februari 2013* (Jakarta: KPK, 2013), 20.

⁸⁵ KPK, *Laporan Tahunan 2004*, (Jakarta: KPK, 2004), 30.

⁸⁶ KPK, *Annual report 2013*, (Jakarta: KPK, 2014), 56.

Menurut KPK, masyarakat juga berperanan besar dalam pemberantasan korupsi. Ia boleh dilakukan, sesuai kemampuan dan potensi yang dimiliki.⁸⁷

KPK membuat laman web ACCH anti-corruption clearing house yang bertujuan untuk publik melihat apa dan bagaimana korupsi dan penanganannya serta apa saja yang sudah dilakukan KPK untuk membanteras korupsi.⁸⁸ Di samping itu KPK memiliki sebuah perpustakaan yang boleh dikunjungi pada jam kerja. Dalam perpustakaan ini terdapat sekitar 10.000 koleksi buku yang berkaitan dengan korupsi. KPK bekerjasama dengan pelbagai perguruan tinggi dalam rangka mengumpulkan bahan yang berkaitan.⁸⁹

KPK juga melakukan tindakan terhadap tindak jenayah pencucian wang (money laundering). Menurut ketua KPK Dr. Abraham Samad ia dimulai dengan lahirnya undang-undang nombor 15 tahun 2002 yang diubah menjadi undang-undang nombor 25 tahun 2003 tentang pencucian wang. Dan setelah itu lahir UU No 8 tahun 2010 tentang pencegahan dan pemberantasan tindak jenayah pencucian wang. Ia secara tegas memberi kewenangan kepada KPK yang pada predikatnya adalah tindak jenayah korupsi.⁹⁰ Kes pencucian wang biasanya melibatkan negara ketiga dan menurut Prof. Dr. Eddy O.S. Hiariej berdasarkan United Nations Conventions Against Corruption (UNCAC), korupsi adalah sebuah kejahatan international yang berlaku asas hukum jenayah di mana setiap negara wajib melakukan penuntutan dan hukuman terhadap pelaku kejahatan international itu.⁹¹

KPK bekerja secara profesional dan tidak berdasarkan tekanan, ia terprogram dan terdata memiliki *track record* bekerja secara maksimal dan sentiasa memiliki target. Antara keberhasilan KPK menurut ketua KPK Adnan Pandu Praja ialah dengan adanya

⁸⁷ KPK, *Annual report 2014*, (Jakarta: KPK, 2014), 19.

⁸⁸ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi, edisi Mar-April 2013* (Jakarta: KPK, 2013), 34.

⁸⁹ KPK, *Laporan Maklumat dan Komunikasi Publik Tahun 2014 KPK*, (Jakarta: KPK, 2014), 6.

⁹⁰ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi, edisi Mei-June 2013* (Jakarta: KPK, 2013), 54.

⁹¹ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi, edisi Julai-Ogos 2013* (Jakarta: KPK, 2013), 52.

penyidik sendiri dari KPK yang selama ini dipinjam dari institusi negara lainnya seperti dari Polis.⁹²

Untuk meningkatkan profesionalisme, pada tahun 2013 KPK mewajibkan seluruh pegawai dan pimpinan KPK untuk melakukan ujian air kencing kandungan dadah dalam tubuh. Dan dari hasilnya tidak seorang pun dari mereka yang positif dadah.⁹³

Dalam rangka menggalakkan pengaduan masyarakat, KPK membuat pelbagai cara antaranya melalui email, surat, telefon dan sebagainya. Ini kerana menurut Direktur Pengaduan Masyarakat KPK Eko Marjono sebahagian besar kes yang ditangani masyarakat berasal dari aduan masyarakat.⁹⁴

KPK tidak hanya menerapkan urus tadbir baik pada institusinya sendiri, tetapi menggalakkan penerapan urus tadbir baik pada institusi lain yang rawan berlakunya korupsi seperti Departemen Pertanian, Bea Cukai, Kehutanan, Pekerjaan Umum dan sebagainya. Ini kerana menurut wakil ketua KPK Adnan Pandu Praja, untuk Direktorat Jenderal Cukai saja berlaku ketirisan kekayaan negara lebih 20 Triliyun dalam tahun 2012 sahaja dan perkara yang sama berlaku pada hampir setiap tahun.⁹⁵

KPK mendorong para penyelenggara negara untuk melaporkan kekayaan mereka (Laporan Harta Kekayaan Penyelenggara Negara/ LHKPN). Untuk tahun 2010 seramai 82% dari 144 ribu penyelenggara negara wajib lapor atau sekitar 118 ribu penyelenggara negara melaporkan kekayaan mereka.⁹⁶

KPK memberikan nasihat dan masukkan kepada kepala daerah seperti kunjungan yang dilakukan oleh Asosiasi Pemerintahan Kabupaten Seluruh Indonesia (Apkasi) Asosiasi Pemerintah Kota Seluruh Indonesia (Apeksi) yang meminta pandangan, masukkan, konsultasi dan nasihat pada KPK. Seperti diketahui pemerintah

⁹² KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi, edisi November-Disember 2013* (Jakarta: KPK, 2013), 8.

⁹³ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi, edisi November-Disember 2013* (Jakarta: KPK, 2013), 52.

⁹⁴ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi, edisi Januari- Februari 2014* (Jakarta: KPK, 2014), 23.

⁹⁵ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi, edisi Mart-APril 2014* (Jakarta: KPK, 2014), 43.

⁹⁶ KPK, *Laporan Tahunan 2010*, (Jakarta: KPK, 2010), 27.

Kabupaten dan Kota adalah ujung tombak dari agenda urus tadbir baik dan anti korupsi di Indonesia.⁹⁷ KPK melakukan pendekatan pada dunia usaha agar hanya mencari keuntungan tanpa melanggar hukum seperti markup.⁹⁸

Apa yang dilakukan oleh KPK adalah sebahagian dari dukungan tahapan lima tahun pertama 2010-2014 yang diharapkan telah berjaya dalam mencapai; penyelenggaraan pemerintahan yang baik, bersih, bebas korupsi, pakatan sulit dan nepotisme, pelayanan publik yang berkualiti, kapasiti dan akauntabiliti kerja birokrasi dan profesionalisme sumber manusia yang didukung oleh sistem pengambilan dan promosi yang berdasarkan kecakapan dan transparent.⁹⁹

Tahun 2014 dari 370 *action plan* yang direncanakan sebanyak 80% atau 296 daripadanya telah dijalankan yang berkaitan dengan keperluan hidup orang ramai.¹⁰⁰ Melalui kaji selidik dan penelitian yang dilakukan, KPK mendapati kenyataan bahawa terciptanya tata kelola pemerintahan yang baik khususnya sektor pelayanan publik merupakan salah satu kunci utama keberhasilan pemberantasan korupsi.¹⁰¹ Dalam rangka pencegahan jenayah korupsi, KPK selalu mendorong upaya-upaya pelaksanaan tata kelola ke pemerintahan yang baik di pelbagai sektor terutama bidang layanan masyarakat.¹⁰²

KPK mengeluarkan buku putih yang berisi delapan agenda anti korupsi Presiden Indonesia periode 2014-2019 yang salah satu agendanya ialah reformasi birokrasi dan perbaikan pentadbiran kependudukan.¹⁰³

Tahun 2014 KPK menyelidiki 80 buah kes korupsi, melakukan 95 penyidikan kes korupsi, 77 kes penuntutan, 40 perkara di antaranya telah memiliki ketentuan hukum yang tetap dan 48 kes telah dilakukan eksekusi. Hampir 100% daripada kes

⁹⁷ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi, edisi Mei-Jun 2014* (Jakarta: KPK, 2014), 33.

⁹⁸ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi, edisi Mei-June 2014* (Jakarta: KPK, 2014), 39.

⁹⁹ *Buku 1 Peraturan Menteri Negara Pendayagunaan Penguatkuasaan Negara dan Reformasi Birokrasi No 7 Tahun 2011*, (Jakarta: Kemenpan, 2011), 1.

¹⁰⁰ KPK, *Laporan Akuntabilitas Kinerja KPK Tahun 2014*, (Jakarta: KPK, 2014), 36.

¹⁰¹ KPK, *Laporan Tahunan 2008*, (Jakarta: KPK, 2008), 15.

¹⁰² KPK, *Laporan Tahunan 2009*, (Jakarta: KPK, 2009), 58.

¹⁰³ KPK, *Delapan agenda anti korupsi bagi Presiden 2014-2019*. (Jakarta: KPK, 2014), 28.

tersebut adalah menyangkut kepentingan hidup orang ramai seperti yang berkaitan dengan infrastruktur dan pelayanan publik.¹⁰⁴

Keadaan birokrasi di Indonesia menurut KPK masih diwarnai oleh pungutan liar, praktik sogokan, pelayanan yang buruk, ketidakpastian hukum, tumpang tindih aturan pusat dan daerah, lemahnya sistem pengawasan, rendahnya akauntabiliti pentadbiran publik sampai kepada masalah keamanan nasional.¹⁰⁵

Penurunan angka korupsi, pakatan sulit dan nepotisme adalah salah satu keberhasilan good governance kerana tujuan good governance adalah untuk mencegah tindak jenayah korupsi sejak dini. Dan pengalaman di Solok membuktikan bahawa good Governance sememangnya dapat mengurangi KKN secara maksimal.¹⁰⁶

KPK melakukan cadangan kepada lingkungan sekolah agar menyelenggarakan urus tadbir baik. Ianya harus mengedepankan karakter, partisipasi, berorientasi konsensus, akauntabiliti, transparent, responsif, efektif, efisien serta sesuai dengan peraturan hukum dengan menjaga nilai-nilai luhur pendidikan.¹⁰⁷

Menurut KPK pada 2013 nilai indeks integriti berada di posisi 6,80. Nilai ini adalah naik dan berada di atas nilai standard minimal yang ditetapkan KPK.¹⁰⁸ Dalam rangka meningkatkan integriti pegawai KPK, KPK telah memberhentikan dengan tidak hormat pegawainya yang melanggar kod etika. Ada yang ditangani Polis dengan penjara 8 tahun denda 200 juta kerana kes pemerasan. Ada yang ditangani sendiri oleh KPK penjara 4 tahun 6 bulan denda 50 juta dalam kes penggelapan.¹⁰⁹ KPK hanya dapat merealisasikan 55% kerja dari 80% target yang ditetapkan tahun 2013 dengan kerja 68,75%.¹¹⁰

¹⁰⁴ KPK, *Laporan Tahunan KPK 2014*, (Jakarta: KPK, 2014), 81.

¹⁰⁵ KPK, *Inovasi Layanan Kesehatan di Pemerintah Daerah Dalam Rangka Pelaksanaan Tata Kelola Pemerintahan Yang Baik*, (Jakarta: KPK, 2008), 1-2.

¹⁰⁶ KPK, *Mengukur Keberhasilan Kabupaten Solok Dalam Pelaksanaan Tata Kelola Pemerintahan Yang Baik*, (Jakarta: KPK, 2006), 85.

¹⁰⁷ KPK, *Inovasi Dalam Sistem Pendidikan Potret Tata Kelola Pendidikan Menengah Kejuruan*, (Jakarta: KPK, 2010), 81.

¹⁰⁸ Integrity h. 14.

¹⁰⁹ KPK, *Penanganan Maklumat Dugaan TPK dari APIP dan dugaan TPK Dalam Rangka KPK*. 19 November 2014.

¹¹⁰ KPK, *Laporan Akauntabiliti Kinerja Tahun 2013* (Jakarta: KPK, 2013), 38.

KPK ikut serta dalam menciptakan pilihan raya 2014 yang bersih jujur tanpa korupsi dengan pelbagai kempen yang dilakukan KPK. Di samping itu KPK menjalankan kaji selidik persepsi masyarakat terhadap integriti pilihan raya 2014. Dari data yang diperoleh menunjukkan bahawa integriti pemilih masih dikira sangat lemah. Kelemahan ini erat kaitannya dengan lemahnya sumber manusia bangsa Indonesia.¹¹¹

KPK menyediakan beberapa bentuk layanan masyarakat iaitu; Datang sendiri ke gedung KPK lantai 1 jalan H.R Rasuna Said Kav. C-1 Jakarta 12920. Melalui surat dengan alamat; Humas KPK Jalan Rasuna Said Kav C-1 Jakarta 12920. Telephon 021-2557 8498/Faks 021-5290 5592. Email; maklumat@kpk.go.id . website dan mobile website www.kpk.go.id / <http://m.kpk.go.id>. Media sosial; Facebook kpk Ri Fanpage; Komisi Pemberantasan Korupsi dan twitter; @KPK_RI. KanalKPK; Radio Streaming [kpk.go.id.streaming](http://kpk.go.id/streaming).¹¹²

KPK melaporkan kewangannya secara bertahap tiap tahun kepada publik. Laporan kewangan KPK di audit oleh team audit luar yang disebut dengan Badan Pemeriksa Kewangan (BPK). Seperti tahun-tahun sebelumnya, untuk tahun 2013 BPK juga menilai bahawa laporan kewangan KPK adalah wajar dan sesuai standard perakaunan pemerintahan.¹¹³

Dalam rangka meningkatkan good governance dalam hal keterbukaan pada KPK, kewangannya perlu di audit secara serentak oleh auditor dalaman, auditor external dan DPR secara bersamaan sebagaimana hasil kajian kaji selidik yang dilakukan oleh Taufeni.¹¹⁴

Adapun sasaran reformasi birokrasi menurut Kementerian Pemberdayaan Aparatur Negara adalah perubahan dari pemerintahan yang korupsi, pakatan sulit, nepotisme menuju kepada pemerintahan yang bersih dari korupsi, pakatan sulit dan

¹¹¹ KPK. *Survey Persepsi Masyarakat terhadap integrity Pilihan Raya Umum 2014* (Jakarta: KPK, 2014), 85.

¹¹² KPK. *Laporan Layanan Maklumat Publik 2013*. (Jakarta: KPK, 2013), 3.

¹¹³ KPK. *Laporan Keuangan Komisi Pemberantasan Korupsi 2013* (Jakarta: KPK, 2014).

¹¹⁴ Taufeni Taufik, *Pengaruh Auditor Dalaman dan Auditor Eksternal dan Dewan Perwakilan Rakyat Daerah Dalam Penegakan Tata Kelola Pemerintahan Daerah yang Baik*, Jurnal Pekbis, (Mart 2010), 252.

nepotisme. Dari pemerintahan yang buruk pelayanan awamnya menuju pemerintahan yang baik pelayanan awamnya. Dari pemerintahan yang rendah kapasitas dan akauntabiliti kerja menuju kepada pemerintahan yang memiliki kapasitas dan akauntabiliti kerja yang tinggi.¹¹⁵

Namun reformasi birokrasi menurut Mudiwati walaupun sudah mengalami kemajuan di beberapa institusi seperti di Kementerian Keuangan, MA, di Kabupaten Jember dan sebagainya. Tetapi keberhasilan itu belum menyeluruh dan belum optimum sesuai dengan tuntutan gerakan pelajar 1998 yang menginginkan perubahan total.¹¹⁶

KPK mendakwa dan memenjarakan ketua Partai Demokrat Anas Urbaningrum sebagai parti berkuasa bersama Menteri Andi Malarangeng yang terlibat korupsi dalam kes Hambalang.¹¹⁷ Andi mengundurkan diri dari jabatan Menteri Pemuda dan Olah Raga dan dituntut penjara 10 tahun, denda 300 subsidair 6 tahun kurungan dan wang pengganti 2,5 Miliar.¹¹⁸ KPK tidak hanya berhenti pada dua orang tersebut tetapi terus memburu dan menahan orang-orang yang terlibat seperti Machfud Suroso.¹¹⁹ Bahkan KPK memburu setiap harta tersangka termasuk kereta yang sudah di alih namakan pada orang lain.¹²⁰

KPK menurut lembaga penelitian dan Pengembangannya sangat mendorong upaya-upaya pemberantasan korupsi melalui perbaikan pelayanan publik. Hasil dari kerja yang dilakukan KPK dapat dilihat dalam kaji selidik integriti yang dilakukan KPK yang menunjukkan ke arah yang positif.¹²¹

KPK pernah memeriksa beberapa orang petinggi polis dalam kes korupsi *simulator* lesen memandu. Antaranya adalah Nanan Sukarna sebagai timbalan ketua

¹¹⁵ Menteri Pendayagunaan Penguat kuasa Negara dan Reformasi Birokrasi. *Peranan Reformasi Birokrasi Dalam Pemberantasan Korupsi* (Jakarta; Menpan, 2014), 2.

¹¹⁶ Mudiwati Rahmatunnisa, *Menyoal Kembali Reformasi Birokrasi di Indonesia*, "Jurnal Governance" (November 2010), 8.

¹¹⁷ "Apa kabar Hambalang?" *Media Indonesia*, Jumaat 5 Julai 2013, 7.

¹¹⁸ Forum Keadilan, *Andi Per tanyakan Tuntutan Jaksas*. 20 Julai 2014, 34.

¹¹⁹ "KPK Tahan Rekan Dekat Anas Urbaningrum, *Kompas*, Sabtu 9 Agustus 2014, 4.

¹²⁰ "Disita KPK, Hadiah Mobil Anas Sudah Ganti Nama", *Jurnal Nasional*, Selasa, 9 Julai 2013, 7.

¹²¹ KPK. *Survei Integriti Publik Pengukuran Pemerintahan yang bersih dan bebas korupsi, pakatan sulit dan nepotisme* (Jakarta: KPK, 2013), 27.

polis Indonesia. Namun setelah diperiksa selama enam jam, yang bersangkutan masih bebas tanpa sebarang dakwaan.¹²² Kes Simulator SIM ini bermula dengan Mantan Kabareskrim Susno Duadji sudah ditahan di penjara Cibinong 3,5 tahun penjara dan diarahkan membayar denda sebanyak Rp. 4.2 Milyar.¹²³ KPK telah menahan Irjen Djoko Susilo yang memiliki tiga orang isteri dan kekayaan yang tidak masuk akal apabila dibandingkan dengan gaji yang dia terima.¹²⁴ Dia juga memiliki rumah mewah dan pelbagai kekayaan lainnya.¹²⁵ Djoko akhirnya dihukum 18 tahun penjara, denda 1 Milyar dan *subsida* 1 tahun kurungan. Dia juga diwajibkan membayar wang pengganti 32 Milyar dan *subsida* 5 tahun penjara.¹²⁶

KPK memburu para hakim yang terlibat dalam kes korupsi berikutan tertangkapnya Setyabudi Tejocahyono yang menurut wakil ketua KPK Busro Muoddas, siapapun yang terlibat akan didalami.¹²⁷

Namun beberapa kenyataan KPK tidak terbukti seperti selesainya kes Century sebelum akhir tahun 2013 tidak terbukti. Padahal kes ini telah dibentuk team pengawas Century oleh DPR namun tetap saja tidak bekerja tepat masa.¹²⁸ Kes Century ini merugikan negara 6,7 Triliyun yang melibatkan banyak orang penting ketika itu. Darmin sebagai mantan Gubernur Bank Indonesia juga telah diminta kesaksiannya.¹²⁹ KPK juga memanggil mantan timbalan Presiden Jusuf Kalla untuk menjadi saksi ahli dalam kes Bank Century ini.¹³⁰

KPK dikritik kerana lambat dalam menangani kes yang ada kaitannya dengan penguasa seperti Andi dan Anas, sementara kes lain yang nilainya lebih sedikit seperti kes import daging sapi Luthfi Hasan dan kes korupsi pengadaan al-Quran yang

¹²² "Nanan Bantah Terima Uang", *Harian republik*, edisi Rabu 10 Julai 2013, 2.

¹²³ "Susno Masih Melawan, Ajukan PK", *Kedaulatan Rakyat*, Khamis 11 Julai 2013, 8.

¹²⁴ "Mengaku Distributor Untuk Samarkan Aset", *Media Indonesia*, Sabtu 6 Julai 2013.

¹²⁵ "Gaji Djoko, Isteri Tercinta, dan Rumah Mewah", *Kompas*, Sabtu 22 June 2013, 3.

¹²⁶ Forum Keadilan, 20 Julai 2014, 34.

¹²⁷ "KPK Bidik Hakim Penerima Suap", *Harian Kompas*, rabu 10 Julai 2013, 3.

¹²⁸ "Century Beres Sebelum Akhir 2013" *Kedaulatan Rakyat*, 11 Julai 2013, 1.

¹²⁹ "Darmin Janji Terbuka", *Kompas*, Rabu, 2 Oktober 2013, 4.

¹³⁰ "KPK Panggil Kalla Sebagai Saksi", *Koran Jakarta*, Khamis 21 November 2013, 3.

melibatkan Zulkarnaen Djabar dan anak kandungnya Dandy¹³¹ dari parti Golkar prosesnya sangat cepat ditangani KPK.¹³² KPK dikritik kerana dinilai lambat dalam menangani kes yang melibatkan Jokowi seperti kes Bus Transjakarta, Megawati dalam kes BLBI, Ahok dalam pelbagai kes seperti Sumber Waras dan korupsi yang melibatkan petinggi parti PDIP lainnya seperti bendahara umum PDIP Olly yang diduga terlibat kes korupsi Rp. 2, 5 Miliyar duit Hambalang dan dijanjikan Abraham Samad akan menjadi tersangka.¹³³ Progres `98 yang diketuai oleh Faizal Assegaf juga telah melakukan aksi untuk mendesak KPK menyelesaikan kes Bantuan Likuiditas Bank Indonesia (BLBI) dan dugaan korupsi Bajet Pendapatan dan Belanja Daerah (APBD Solo, Bus Transjakarta yang melibatkan Megawati dan Jokowi.¹³⁴

Abraham Samad telah berjanji akan mendedahkan hasil penyelidikan kes Bantuan Likuiditas Bank Indonesia (BLBI) yang merugikan negara 138,4 Triliyun itu dan bahkan berjanji akan memanggil Megawati selepas hari raya 2014 kerana sudah sangat lama sejak 2002 prosesnya, namun tetap saja KPK tidak menepati janji.¹³⁵

Menurut Wakil Ketua KPK Busro Muoddas, Standard KPK adalah tidak pernah berhenti pada satu nama dan semua yang terlibat akan diusut. Inilah yang dilakukan oleh KPK yang sering melakukan tangkap tangan terhadap pelaku korupsi.¹³⁶

KPK hanyalah sebuah badan yang mencari bukti dan data kesalahan korupsi. Adapun yang menetapkan hukuman adalah pengadilan. Seringkali hukuman yang diberikan tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan, atau adakalanya juga hukuman tidak adil mengikut besar kecilnya nilai yang di korupsi. Ketua KPK Busro Muqoddas juga menyarankan agar para penjenayah korupsi tidak diberi remisi iaitu

¹³¹ "Tantangan Indonesia 2014", *Kompas*, Jumaat 25 Oktober 2013, 40.

¹³² "Luthfi Sudah Di sidang, Kasus Anas dan Andi Tersendat", *Koran Tempo*, Jumaat 5 Julai 2013, 1.

¹³³ Olly Segera Jadi Tersangka. *Suara Karya* 12 Julai 2014, 4.

¹³⁴ KPK Diminta Tuntaskan Kasus Transjakarta –BLBI. *Seputar Indonesia* 31 Julai 2014, 4.

¹³⁵ Habis Lebaran KPK Ekspose BLBI. *Rakyat Merdeka* 12 Julai 2014, 1.

¹³⁶ "Korupsi Bagai Kanker", *Kompas*, Selasa 17 Disember 2013, 1.

pengurangan masa tahanan yang diberikan pada tahanan setiap hari kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos setiap tahun.¹³⁷

Bukti bahawa KPK benar-benar menegakkan kekuasaan hukum adalah dengan ditangkapnya Akil Mochtar ketua Mahkamah konstitusi secara operasi tangkap tangan di rumahnya. Rentetan dari penangkapan itu adalah ditangkap dan di penjaranya beberapa orang yang terlibat dalam korupsi ketua Mahkamah Konstitusi itu. Akil sendiri telah mendapatkan hukuman tetap dengan penjara seumur hidup. Rentetan penangkapan Akil ialah dengan ditangkapnya Ratu Atut, Wawan beserta kroni-kroninya.¹³⁸ Kes Atut melibatkan kroni dalam penguasaan jawatan dan monopoli penguasaan projek besar kerajaan yang akan dikuasai oleh ahli keluarga dan sahabat dekatnya sahaja.¹³⁹ Di antara mereka adalah adik kandung, ibu tiri, adik ipar dan orang dekat lainnya.¹⁴⁰

Kes korupsi Akil adalah berkaitan dengan sengketa pemilihan kepala daerah di pelbagai tempat dan Akil akan memenangkan orang yang memberinya korupsi.¹⁴¹ Seperti yang diketahui kepala daerah adalah ujung tombak urus tadbir baik, maka dengan penangkapan ini KPK telah menyumbang ke arah urus tadbir baik.

Ada pihak yang menuduh, maraknya korupsi di daerah kerana diperlakukannya undang-undang nombor 12 tahun 2008 tentang autonomi daerah yang menambah suburnya korupsi di daerah. Padahal korupsi sudah marak berlaku di era Soekarno dan Soeharto, jauh sebelum adanya autonomi daerah lagi. Tuduhan di atas juga di bantah oleh Ferry yang mengatakan tidak ada hubungan antara korupsi dengan autonomi daerah.¹⁴²

¹³⁷ "Remisi Pelaku korupsi Dikritik" *Tempo*, edisi 5-11 September 2011, 22.

¹³⁸ "Penyidik KPK Buntuti Akil Sejak Senin", *Republika*, Jumaat 4 Oktober 2013, 9.

¹³⁹ "Keserakahan Pasar Merosak Desentralisasi", *Kompas*, 25 Oktober 2013, 37.

¹⁴⁰ "KPK Bongkar Gurita Bisnes Dinasti Atut", *Koran Tempo*, 14 Oktober 2013, 1.

¹⁴¹ "Tercorengnya Penegakan Hukum", *Republika*, Jumaat 4 Oktober 2013, 6.

¹⁴² Ferry Prasetyia, *Corruption and Decentralisation: Some Evidence In Indonesia*, *Jurnal Of Indonesian Applied Economics*, (May 2010), 41.

KPK merambah sampai ke dunia usaha dengan menjadikan Emir dari parti PDIP menjadi tersangka dalam kes suap senilai 3 Miliar.¹⁴³ Namun akhirnya kes ini berjalan lambat bahkan bagaikan hilang begitu sahaja.

Langkah progresif yang dilakukan oleh KPK di atas mendapat pujian masyarakat kerana dinilai telah berani memenjarakan orang-orang yang dianggap kebal hukum selama ini seperti Ketua MK.¹⁴⁴ Seperti yang diungkap oleh pengamat hukum Refly Harun, pemerasan sering berlaku di MK dalam rangka meminta wang dari peserta pemilihan kepala daerah dengan pelbagai ugutan seperti akan diulangnya pemilihan kembali, akan kalah, akan ada pihak lawan yang menggugat dan akan membatalkan hasil pemilihan kepala daerah.¹⁴⁵

Penangkapan Gayus sebagai seorang pegawai cukai juga telah mengheret para tersangka lainnya ke penjara seperti, Pengusaha, Peguambela, Konsultan cukai.¹⁴⁶ Kebanyakan yang ditangani oleh KPK adalah kepala daerah seperti Wali Kota Bandung Dada Rosada berserta pihak yang terlibat lainnya.¹⁴⁷ Maraknya korupsi di kalangan kepala daerah dinilai dalam rangka mengembalikan modal kempen yang sangat besar. Sementara korupsi kepala daerah adalah berakibat langsung pada pelayanan publik atau urus tadbir baik. Posisi politik di Indonesia dikenal dengan modal besar, penghasilan gaji sedikit.¹⁴⁸

Kepala daerah dan wakil rakyat tidak hanya didorong untuk mengembalikan modal kempen, tetapi juga ada semacam wang mahar kepada parti politik untuk dijadikan calon dan jumlahnya sangatlah besar. Untuk itu ketua KPK Busyro menilai perlunya pimpinan parti masuk kategori penyelenggara negara. Dengan masuknya

¹⁴³ "Emir Akui Pernah Dijamu Alstom", *Koran Tempo*, Jumaat 27 Julai 2013, A2.

¹⁴⁴ "Progresivitas KPK", *Kompas*, Rabu 188 June 2014, 6.

¹⁴⁵ "Praktek Pemerasan di MK dianggap biasa", *Tempo*, Isnin 14 Oktober 2013, A5.

¹⁴⁶ "RA jadi tersangka", *Kompas*, Sabtu 26 Mart 2011, 3.

¹⁴⁷ "4 Kali Diperiksa, Status Dada Belum Pasti", *Kompas*, Khamis 30 Mei 2013, 3.

¹⁴⁸ Wahyudi Kumorotomo. *Campur tangan Parpol, Politik Uang dan Korupsi: Tantangan Polisi Publik Setelah Pilkada Langsung*. Disampaikan dalam Konferensi Pentadbiran Negara di Surabaya Tanggal 15 Mei 2009, 5.

pimpinan parti politik menjadi penyelenggara negara akan memudahkan lagi untuk menjerat mereka dalam kes korupsi.¹⁴⁹

Dalam strategi nasional pemberantasan korupsi, ranah politik belum tersentuh. Risiko pelanggaran integriti adalah sektor politik. Padahal faktor politik penentu maju mundurnya indeks persepsi korupsi di sesebuah negara. Untuk itu diperlukan penguatan penegakan etika, pencegahan korupsi, transparensi dan akauntabiliti politik.¹⁵⁰

Hasil kaji selidik yang dilakukan KPK tahun 2008 menyebutkan bahawa integriti sektor publik di Indonesia masih rendah. Untuk itu KPK mencadangkan agar melakukan peningkatan kualiti layanan dan ikut serta aktif dalam kaji selidik yang dilakukan.¹⁵¹ Korupsi yang berlaku didukung oleh rendahnya upaya anti korupsi yang dilakukan institusi atau layanan publik, rendahnya ketersediaan media dan mekanisme pengaduan masyarakat dan buruknya respons petugas terhadap pengaduan yang disampaikan.¹⁵²

Tahun 2010 integriti layanan sektor publik tingkat institusi pusat memenuhi standart minimal yang ditetapkan KPK 6,0. Sementara di tingkat daerah masih di bawah standard minimal pelayanan publik yang ditetapkan KPK itu.¹⁵³ Namun rata-rata nilai inisiatif anti korupsi tahun 2011 adalah 4.50, ia masih rendah dari standard minimal yang ditetapkan KPK.¹⁵⁴

Sebenarnya banyak putusan pengadilan yang tidak disenangi oleh KPK kerana para pelaku korupsi itu dihukum terlalu ringan. Padahal KPK telah bersusah payah mencari bukti dan mengheret mereka ke mahkamah. Menurut Hikmahanto Juwana Hakim lah yang dapat memastikan arah benar pemberantasan korupsi.¹⁵⁵ KPK bahkan

¹⁴⁹ "Parpol Perlu Hati-Hati", *Kompas*, Sabtu 25 Januari 2013, 3.

¹⁵⁰ Stranas PPK, *Pelaksanaan dan Evaluasi Strategi Nasional Pencegahan dan Pemberantasan Korupsi*. Disampaikan dalam forum anti korupsi Indonesia keempat. Jakarta Bappenas (Jun 2014), 15.

¹⁵¹ KPK, *Integritas Sektor Publik Indonesia Tahun 2008, Fakta Korupsi dalam layanan public*, (Jakarta: KPK, 2009), 54.

¹⁵² KPK, *Integritas Sektor Publik Indonesia Tahun 2009, Fakta Korupsi dalam layanan public*, (Jakarta: KPK, 2010), 116.

¹⁵³ KPK, *Integritas Sektor Publik Indonesia Tahun 2010, Fakta Korupsi dalam layanan public*, (Jakarta: KPK, 2010), 121.

¹⁵⁴ KPK, *Laporan Hasil Penilaian Inisiatif Anti Korupsi Tahun 2011*, (Jakarta: KPK, 2011), 45.

¹⁵⁵ *Seputar Indonesia* 16 Julai 2014, 6.

mendukung jika ada putusan mahkamah yang memberatkan hukuman pelaku korupsi kerana ianya memberi manfaat dalam memberikan kesan jera bagi pelaku korupsi.¹⁵⁶

KPK pernah dikritik kerana dikatakan ingin mengambil penyidik dari TNI. Ini kerana langkah itu akan merosak langkah reformasi TNI sebagai institusi independent yang tidak tunduk pada mana-mana parti politik demi menuju ke arah tentera yang profesional. Namun KPK akhirnya membantah dengan mengatakan tidak ada niat bagi KPK mengambil penyidik dari TNI.¹⁵⁷

Kes besar lainnya adalah yang melibatkan Rudi Rubiandini sebagai bekas kepala kesatuan kerja khusus pelaksanaan usaha hulu minyak dan gas bumi (SKK Migas) yang ditangkap oleh KPK kerana terbukti korupsi. Rudi telah dijatuhi hukuman penjara 7 tahun dan denda 200 juta subsidair 3 bulan penjara.¹⁵⁸ Menurut wakil ketua KPK Zulkarnanin, kerugian negara setiap tahun yang melibatkan royalti pertambangan adalah sehingga 28 Triliyun. Kerugian itu disebabkan oleh buruknya sistem pentadbiran dan per cukaian pada hampir semua pertambangan.¹⁵⁹

Dalam kajian yang dilakukan oleh Badan statistik pusat (Pusat) terhadap Indeks Perilaku Anti Korupsi Masyarakat menemukan perilaku anti korupsi masyarakat cenderung meningkat. Kajian itu juga menemukan bahawa penduduk yang berpendidikan tinggi lebih anti korupsi dibandingkan dengan penduduk yang berpendidikan lebih rendah.¹⁶⁰

Keterbelakangan dari segi pendidikan ini membuat negara mengadakan amendemen keempat UUD 1945 fasal 31 ayat (3) atau dalam UU Nombor 20 tahun 2003 fasal 49 ayat 1 yang telah dijalankan tahun 2008, negara mengutamakan biaya pendidikan sekurang-kurangnya 20 persen dari APBN dan APBD. Dalam kaji selidik

¹⁵⁶ "KPK Beri Respons Positif", *Kompas*, 2 Oktober 2013, 1.

¹⁵⁷ "KPK Harus Batalkan Rekrut Penyidik TNI", *Media Indonesia*, Senin 14 Oktober 2013, 6.

¹⁵⁸ "KPK Incar Sutan Bhatogana", *Koran Tempo*, Rabu 30 April 2014, 8.

¹⁵⁹ "Royalti Tambang Dalam Pantauan KPK", *Koran Tempo*, 30 April 2013, 8.

¹⁶⁰ KPK, *Integriti Membangun Negeri Tanpa Korupsi, edisi Januari- Februari 2013* (Jakarta: KPK, 2013), 21.

yang dilakukan USAID menemukan bahawa majoriti daerah memperuntukkan dana pendidikan sebanyak 34% dan tidak ada yang di bawah 20%.¹⁶¹

Dalam mendorong penerapan Good Corporate Governance, KPK sebagai institusi penegak hukum melakukan sosialisasi peraturan dan perundang-undangan yang berhubungan dengan tindak jenayah korupsi. Penegakan Good Corporate Governance di sektor BUMN/BUMD adalah merupakan salah satu upaya pencegahan korupsi.¹⁶²

Untuk tahun 2013, KPK telah menerima sebanyak 750 permohonan maklumat melalui telefon, 1492 melalui email, 35 melalui surat, 87 melalui datang langsung ke KPK. Di tahun 2013 ini KPK mengklaim telah melayani 100% maklumat yang diminta kepada KPK.¹⁶³ Kewangan KPK tahun 2013 telah diaudit oleh Badan Pemeriksa Kewangan (BPK) dan BPK menyatakan bahawa laporan kewangan KPK adalah sesuai dengan standard akuntansi Negara.¹⁶⁴

KPK mengeluarkan panduan konflik kepentingan yang bermaksud penyelenggara Negara memiliki atau diduga memiliki kepentingan peribadi atas setiap penggunaan wewenang yang dimilikinya sehingga dapat mempengaruhi kualiti dan kerja yang seharusnya. Seperti penerimaan gratifikasi atau hadiah, penggunaan asset Negara untuk peribadi atau golongan, rahsia jabatan digunakan untuk kepentingan golongan atau peribadi, rangkap jabatan yang merugikan institusi asal, memberikan kekhususan pada seseorang tanpa mengikuti prosedur, proses pengawasan yang tidak mengikuti prosedur, tidak objektif, penyalahgunaan jabatan, post penggunaan, menentukan sendiri jumlah gajinya, bekerja lain di luar pekerjaan asas, menerima tawaran pembelian saham pihak masyarakat, penyalahgunaan wewenang.

Menurut KPK, sumber konflik kepentingan adalah kekuasaan dan kewenangan, rangkap jabatan, hubungan afiliasi, gratifikasi, kelemahan sistem organisasi, kepentingan peribadi. Sementara penyelesaian yang diberikan adalah; mengutamakan

¹⁶¹ Kinerja, *Laporan Analisis Bajet Daerah Tahun 2008-2011*, Jakarta: USAID (Mai, 2012), 49.

¹⁶² KPK. *Studi Pelaksanaan Good Corporate Governance di Sektor Swasta, BUMN dan BUMD*. Jakarta: KPK, 2012 3.

¹⁶³ KPK. *Layanan Maklumat Publik 2013*. (Jakarta: Penerbit KPK, 2013), 4.

¹⁶⁴ KPK. *Laporan Keuangan KPK 2013*. (Jakarta: Penerbit KPK, 2014), 1.

kepentingan public, menciptakan keterbukaan penanganan dan pengawasan konflik kepentingan, mendorong tanggungjawab peribadi dan sikap teladan, mencipta dan membina budaya organisasi yang tidak toleran terhadap konflik kepentingan.¹⁶⁵

Menurut wakil ketua KPK Bambang, reformasi adalah titik balik untuk memastikan terjadinya kekuasaan undang-undang, pemberantasan korupsi dilakukan secara konsisten dan tanpa pandang bulu khususnya pada kekuasaan, perubahan konstitusi untuk membatasi kekuasaan presiden dan menjadikan parlimen agar tidak menjadi rubber stamp, mengawal alat kekuasaan agar tidak mengalami instrumentasi dan terlalu korporat. Mengubah kekuasaan menjadi demokratis serta mengawal kekuasaan agar tidak melakukan korupsi, pakatan sulit, nepotisme. Berkat perjuangannya selama ini pada tahun 2013, KPK mendapat nilai tertinggi opinion penegakan hukum yang dilakukan media Kompas iaitu; 81, 4% dibandingkan Kehakiman yang hanya 34.1%, Kepolisian 27.1% dan Kejaksanaan yang hanya 25.9%.¹⁶⁶

Peningkatan pelayanan publik dapat dilakukan melalui; peningkatan keberkesanan, penetapan standard pelayanan dasar masyarakat, proses perbaikan pelayanan yang mudah, penetapan dan penerapan standard pelayanan publik dan maklumat pelayanan, pengelolaan pengaduan masyarakat, penanganan gratifikasi, konflik kepentingan dan whistle blowing sistem., pengangkatan pangkat, pengawasan dalaman, bajet dan kerja yang sederhana dan terintegrasi, peningkatan nilai akauntabiliti kerja.¹⁶⁷

Pencegahan yang terintegrasi dilakukan KPK diawalkan dengan kajian komprehensif terhadap sistem dan peraturan atau lokasi rawan korupsi. Pendidikan, kempen juga dilakukan. Penguatkuasaan yang terintegrasi dilakukan dengan fokus pada

¹⁶⁵ KPK. *Panduan Penanganan Konflik Kepentingan Bagi Penyelenggara Negara*. (Jakarta: Penerbit KPK, 2009), 14.

¹⁶⁶ Bambang Widjojanto Wakil Ketua KPK. *Pemberantasan Korupsi dan Penegakan Hukum; Analisis Reformasi dan Konstitusionalitas*. Disampaikan dalam Pertemuan Forum Anti Korupsi 2014, di Jakarta 9-12 June 2014. h, 24.

¹⁶⁷ Menteri Pendayagunaan Penguat kuasa Negara dan Reformasi Birokrasi. *Peranan Reformasi Birokrasi Dalam Pemberantasan Korupsi*. Dalam forum anti korupsi 2014, h. 11.

korupsi yang besar. Sementara pencegahan dan penguatkuasaan yang terintegrasi iaitu dengan melakukan peningkatan khas pada tempat yang belum berhasil.¹⁶⁸

KPK melihat kondisi korupsi dalam pelayanan publik adalah terkait dengan transparansi, suap, pungutan liar, gratifikasi, sistem pentadbiran, perilaku individu, lingkungan kerja dan upaya-upaya pencegahan korupsi yang dilakukan juga dalam upaya meningkatkan keberkesanan pemberantasan korupsi yang dilakukan KPK terutama di sektor layanan publik.¹⁶⁹ Untuk itu KPK menyediakan klinik gratifikasi yang bertujuan untuk menjawab pertanyaan masyarakat terkait gratifikasi yang membabitkan penjawat awam seperti penjawat urusan agama dan sebagainya.¹⁷⁰

KPK juga telah menerbitkan sosialisasi gratifikasi yang memuat dasar undang-undang gratifikasi seperti Keputusan Presiden Nombor 10 Tahun 1974 pasal 7. PP Nombor 53 Tahun 2010 tentang disiplin pegawai negeri sipil fasal 4 butir delapan. Fasal 16 UU No 2 Tentang Komisi Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi. UU Nombor 20 Tahun 2001 fasal 12 B ayat 1 Tentang gratifikasi. Semua undang-undang tersebut melarang kaki tangan awam dan pegawai negara menerima hadiah yang berkaitan dengan konflik kepentingan dan wajib melaporkan kepada KPK sebelum 30 hari sekiranya menerima hadiah.¹⁷¹

Secara berkala KPK mengadakan konferensi nasional pemberantasan korupsi yang melibatkan para menteri, governor, kepala daerah dan pihak yang terkait dalam pelayanan masyarakat dan pengelolaan kewangan Negara untuk membentangkan kertas kerja mereka. Konferensi ini semacam monitor KPK terhadap institusi terkait tentang apa yang telah mereka lakukan dalam usaha membanteras korupsi di institusi yang mereka pimpin.¹⁷²

¹⁶⁸ KPK. *Road MAP KPK Dalam Pemberantasan Korupsi di Indonesia Tahun 2011-2023*, (Jakarta: KPK, 2011), h. 9.

¹⁶⁹ KPK. *Survei Integritas Publik 2013, Pengukuran Pemerintah Yang Bersih dan Bebas KKN*. (Jakarta: Penerbit KPK, 2013), 27.

¹⁷⁰ KPK. *Integritas vol 43/VII-Januari-Februari 2015*, (Jakarta: KPK, 2015), 45.

¹⁷¹ KPK, *Sosialisasi Gratifikasi*, (Jakarta: KPK), 5.

¹⁷² Konferensi Nasional Pemberantasan Korupsi Jakarta 2 Disember 2014.

Walaupun masa jawatannya hampir berakhir, namun Abraham Samad menolak jabatan Menteri yang ditawarkan kepadanya. Bagi Abraham menjadi ketua KPK lebih merdeka daripada menjadi Menteri. Kerana baginya menjadi ketua KPK dia boleh menangkap Presiden dan Wakil Presiden.¹⁷³

KPK bertindak mengawasi jalannya pilihan raya dan pemilihan kepala daerah dengan mengawasi Komisi Pemilihan Umum (KPU) dan Badan Pengawasan Pilihan Raya Umum. Ini kerana, budaya korupsi dan urus tadbir baik bermula dari pemimpin. KPK menurut Johan Budi tidak tidur terhadap kemungkinan suap dalam penghitungan suara.¹⁷⁴ Menurut juru cakap KPK Johan Budi, KPK telah mengungkap penyelewengan haji yang melibatkan soal catering, pemondokan, pengangkutan dan kuota. Menteri Agama Suryadharma Ali telah di penjara dalam kes korupsi ini.¹⁷⁵

KPK melakukan operasi tengah malam dalam rangka mengungkap pelbagai macam penindasan dan kezaliman terhadap tenaga kerja Indonesia TKI yang baru pulang ke tanah air. Bahkan setelah tertangkap tangan, dua dari mereka adalah anggota polisi dan tentera.¹⁷⁶

Pada 30 Julai 2014 sebanyak 31 pelaku korupsi di lembaga pemasyarakatan Sukamiskin mendapat remisi. Padahal pemberian remisi menurut Prof. Dr. HM Norsanie Darlan MS dari Universitas Palangkaraya tidak mendidik dan hanya membuat koruptor semakin berani dan akan menyuburkan tumbuhnya pelaku korupsi-pelaku korupsi baru.¹⁷⁷ Rentetan dari pelbagai macam penemuan seperti saat uji KIR dan pemeriksaan TKI di airport, menurut wakil ketua KPK Bambang, KPK akan melakukan pemeriksaan yang kerap untuk menindak lanjut pelbagai masukkan dari masyarakat.¹⁷⁸

KPK telah menuntut komitmen pemerintahan Jokowi-JK untuk mendukung KPK dalam pemberantasan korupsi. Satu dari tujuh janji yang telah ditandatangani itu

¹⁷³ Indo Pos 13 Julai 2014, h.8 Samad: Saya Bisa Tangkap Presiden.

¹⁷⁴ Suara Pembaruan 11 Julai 2014, A6 KPK Tidak Tidur.

¹⁷⁵ Seputar Indonesia, 18 Julai 2014 Saksi Ungkap Modus penyimpangan makanan Haji.

¹⁷⁶ Pungli Harus Di berantas Sampai Ke Akarnya. Suara Pembaruan 27 Julai 2014, A24.

¹⁷⁷ Remisi Pelaku korupsi Tidak Mendidik. Media Indonesia, 31 Julai 2014, 6.

¹⁷⁸ KPK Persering Sidak di Tempat Pelayanan Publik. Koran Jakarta, 5 Ogos 2014, 2.

adalah bahawa Jokowi akan menentang pelemahan pemberantasan korupsi. Menurut wakil ketua KPK Adnan Pandu Praja, walaupun perjanjian itu adalah sebuah ikatan moral, namun jika diabaikan dapat berpengaruh besar terhadap pemerintahan mereka.¹⁷⁹

Dalam Konferensi Nasional: Islam Good Governance dan Pengentasan Kemiskinan, yang diadakan oleh Maarif Institute dan The Asia Foundation mencadangkan agar NGO mendorong pemerintah Indonesia untuk lebih amanah dalam pengelolaan pemerintahan melalui transparansi bajet, penegakan akauntabiliti public, dan penglibatan publik dalam pengambilan kebijakan awam.¹⁸⁰

Dalam rangka merealisasikan urus tadbir baik di Indonesia, KPK melakukan pelbagai kajian yang diterbitkan setiap tahun seperti; Integriti sektor publik yang berisi kajian tentang bagaimana pelayanan awam setiap tahun. KPK juga melakukan laporan akauntabiliti setiap tahun yang berisi penilaian terhadap kerja yang dilakukan oleh KPK. Laporan pelayanan informasi dan komunikasi publik yang berisi bagaimana tindak balas masyarakat terhadap usaha yang dilakukan oleh KPK. KPK juga melakukan survey integriti publik yang bertujuan menilai kerajaan yang bersih dari korupsi, kolusi dan nepotisme. Buku saku memahami untuk membasmi juga dikeluarkan dalam rangka sosialisasi pemberantasan korupsi. KPK juga mengeluarkan buku pelaksanaan tata kelola pemerintahan yang baik yang berisi tentang beberapa daerah contoh yang berjaya menerapkan asas urus tadbir baik.

6.4 Kekuatan Komisi Pemberantasan Korupsi

Kekuatan KPK terletak pada dasar hukumnya iaitu Undang-undang Nombor 30 Tahun 2002 Tentang Komisi Pemberantasan Tindak Jenayah Korupsi. Undang-undang 14 Tahun 2008 tentang keterbukaan maklumat publik, UU No 8 Tahun 1999 tentang penyelenggaraan negara yang bersih dan bebas dari korupsi, pakatan sulit dan

¹⁷⁹ KPK Minta Jokowi-JK Penuhi Komitmen Anti-Korupsi. Rakyat Merdeka, 8 Ogos 2014, 6.

¹⁸⁰ A. Syafi'i Maarif et. al. *Islam, Good Governance dan Pengentasan Kemiskinan*. (Jakarta: Penerbit Maarif Institute, 2007), 147.

nepotisme, UU No 8 Tahun 2010 tentang pencegahan dan pemberantasan tindak jenayah pencucian wang, UU No 46 tahun 2009 tentang pengadilan tindak jenayah. Ketetapan MPR Nombor XI/MPR/1998 tentang Penyelenggaraan Negara yang Bersih dan Bebas Korupsi, Pakatan sulit, dan Nepotisme; Instruksi Presiden Nombor 7 Tahun 1999 tentang Akuntabilitas Kerja Institusi Pemerintah; Keputusan Pimpinan Komisi Pemberantasan Korupsi Nombor 124A/01-52/02/2012 tanggal 29 Februari 2012 tentang Road Map KPK dalam Pemberantasan Korupsi di Indonesia Tahun 2011-2023; Keputusan Pimpinan Komisi Pemberantasan Korupsi Nombor 124B/01-52/02/2012 tanggal 29 Februari 2012 tentang Rencana Strategis Komisi Pemberantasan Korupsi Tahun 2011- 2015; Peraturan Komisi Pemberantasan Korupsi Nombor 02 Tahun 2013 tentang Perubahan atas Peraturan Komisi Pemberantasan Korupsi Nombor 03 Tahun 2010 tentang Organisasi dan Tata Kerja Komisi Pemberantasan Korupsi; Keputusan Kepala LAN Nombor: 239/ IX/6/8/2003 tentang Perbaikan Pedoman Penyusunan Pelaporan Akauntabiliti Kerja Institusi Pemerintah.¹⁸¹

Tanpa kekuatan undang-undang di atas tentu sahaja KPK tidak mampu berbuat apa-apa kerana landasan hukum dan kekuatan undang-undangnya lemah. Kekuatan ini beberapa kali cuba dilemahkan seperti idea agar KPK fokus pada pencegahan bukan pada pemberantasan seperti yang ditulis oleh Saldi Isra.¹⁸² Dengan kekuatan undang-undang inilah KPK mampu dan berani menjerat beberapa petinggi negara dalam skandal kes korupsi ke mahkamah seperti wakil rakyat, Menteri, Gabenor dan sebagainya.¹⁸³

Melalui undang-undang yang ada KPK dan Pengadilan Tindak Pidana Korupsi dijamin untuk menyediakan mekanisme kelembagaan yang efektif untuk menyelidiki,

¹⁸¹ KPK, *Laporan Akuntabilitas Kinerja KPK 2014*, (Jakarta: KPK, 2015), 4.

¹⁸² Saldi Isra, *Kekuasaan dan Perilaku Korupsi*, 190.

¹⁸³ Laporan tahunan 2013, 84.

menuntut dan mengadili sejumlah kes korupsi tingkat tinggi yang terpisah dari proses hukum dan peradilan biasa.¹⁸⁴

Menurut ketua pemuda Muhammadiyah Dahnil Anzar Simajuntak mengatakan bahawa kekuatan KPK terletak pada penyidiknyanya yang memiliki semangat juang dan keikhlasan yang tinggi yang didukung oleh profesionalisma dan kepakaran mereka.¹⁸⁵ Menurut Bobot, KPK adalah lembaga yang diberi kewenangan lebih dan memiliki integriti handal, mengganjar yang lebih baik, kawalan yang ketat, dan kod etika yang dapat menciptakan budaya taat pada hukum yang baik.¹⁸⁶

Kekuatan KPK lainnya terletak pada strategi institusi ini dalam memelihara dukungan masyarakat. Namun dukungan masyarakat memerlukan dukungan media yang setiap hari harus memberitakan positif institusi ini. Sementara media konvensional dalam pilihan raya 2014 telah tercalar oleh kepentingan individu dan parti tertentu. Sistem kerja KPK yang profesional turut memperkuat lembaga ini. Ia dimulai dengan perancangan seperti arah dan polisi pimpinan, peta strategi, target kerja, inisiatif strategis. Kawalan hasil kerja, pelaporan dan penilaian.¹⁸⁷

6.5 Kelemahan Komisi Pemberantasan Korupsi

Beberapa orang tokoh popular tanah air mengkritik dan memberi saranan kepada KPK sebagai berikut;

Bagi Amien Rais, KPK memiliki tiga kelemahan; 1. Tebang pilih dalam menangani kes yang hanya memproses atas tekanan kendali politik. 2. Yang ditangani hanya kes kecil seperti mesin jahit, sarung, pemadam kebakaran. sementara kes besar

¹⁸⁴ Christopher Barr et. al., *Tata Kelola Kewangan dan Dana Reboisasi Selama Periode Soeharto dan Pasca Soeharto, 1989-2009*, (Bogor: Cipor, 2011), 53.

¹⁸⁵ Wawancara di sekretariat Muhammadiyah jalan Gombak Kuala Lumpur pada 28 Januari 2017 jam 9 malam.

¹⁸⁶ Bobot S. Rianto, *Pelaku korupsi Go To Hell Mengupas Anatomi Korupsi di Indonesia*, (Jakarta: Hikmah, 2009), 23.

¹⁸⁷ KPK, *Laporan Akuntabilitas Kinerja KPK 2014*, (Jakarta: KPK, 2015), 8.

seperti Century, Gayus besar, BLBI, pertambangan mundur. 3. Diduga KPK adalah sarang calo kes berdasarkan beberapa kes. Ini juga kerana menurut Amien Rais bahawa 80% kaki tangan KPK adalah berasal dari Kejaksanaan dan Kepolisian. Padahal kedua institusi ini bobrok dan itulah yang menjadi penyebab didirikannya KPK. Tidak mungkin dua lembaga yang bobrok apabila digabungkan jadi baik menurut Amien.¹⁸⁸

Mahfud MD sebagai mantan ketua mahkamah konstitusi mengkritik KPK yang dinilai memiliki produktiviti lemah dalam menangani laporan dan masyarakat. Antara 160.000 laporan masyarakat hanya 16.000 yang ditangani. Mahfud juga menilai KPK menebang pilih kes yang mudah dibuktikan dan mendapat perhatian masyarakat sahaja.¹⁸⁹

Menurut Sri Bintang kelemahan KPK terletak pada penyidiknyanya yang masih meminjam dari Institusi lain. Ia akan menyebabkan berlakunya konflik kepentingan apabila para penyidik itu berhadapan dengan institusi asal atau mantan komandannya. Sekitar 120 orang penyidik KPK berasal dari Polis dan 60 orang berasal dari Kejaksanaan menurut Bintang.¹⁹⁰

Para pimpinan KPK di dominasi oleh orang-orang tua generasi orde lama dan orde baru. Mereka tidak memiliki semangat juang sebagaimana yang dimiliki oleh darah muda. Padahal menduduki posisi sebagai pimpinan KPK memerlukan semangat juang berani mati dan tekad yang kental dalam menghadapi pelaku korupsi tegar yang sudah profesional dalam bidang korupsi selama ini. Sementara orang-orang tua memiliki daya semangat kreativiti, idea, gagasan dan lemah bila dibandingkan dengan orang-orang muda.

KPK nampak lemah di saat berhadapan dengan Presiden dan wakil Presiden aktif berserta keluarganya. Banyak kes yang melibatkan semasa kepimpinan Presiden Megawati, Presiden SBY, Presiden Joko Widodo yang tidak mampu ditangani KPK.

¹⁸⁸ <http://www.riaupos.co/1138-berita-amien-rais-beberkan-tiga-kebobrokan-kpk.html> , 1 Julai 2015

¹⁸⁹ <http://nasional.tempo.co/read/news/2013/06/01/063485033/mahfud-md-kritik-kpk-lewat-twitter>

¹⁹⁰ Sri Bintang Pamungkas, *Ganti Rejim Ganti Sistem; Pergulatan Menguasai Nusantara*, (Jakarta: El-Bisma, 2014), 199.

Entah apa alasannya banyak kes yang melibatkan mereka jadi senyap begitu sahaja. Sering kali masyarakat menilai KPK melakukan tebang pilih dalam menangani kes korupsi. Walaupun kecenderungan KPK pada parti politik tidak terlihat, namun kecenderungan KPK untuk membela dan menutup-nutup kes korupsi yang melibatkan Presiden beserta keluarganya cukup jelas kelihatan. Dengan itu KPK dinilai lemah Tidak berani melakukan *shock therapy* dengan membongkar kes yang melibatkan Presiden atau keluarganya menjadi tersangka. Sebab dalam budaya KPK seorang yang menjadi tersangka sudah dapat dipastikan akan dihukum penjara. Diharapkan ke hadapan KPK akan berani melakukan itu seperti yang dilakukan oleh Cina.

Kebergantungan pada media mainstream dinilai sebagai kelemahan KPK. Korupsi yang melibatkan parti PDIP dan calon Presiden Jokowi tidak mendapat liputan sehebat korupsi yang dilakukan oleh parti lain seperti PKS, PAN, Golkar, PD walaupun jumlah korupsi yang dilakukan oleh anggota parti PDIP itu jumlahnya berlipat kali ganda besarnya. Hal ini terlihat besarnya liputan kes century yang melibatkan kerugian negara sebesar 6,7 Triliyun¹⁹¹ yang melibatkan SBY bila dibandingkan dengan kes BLBI yang merugikan negara sebesar 138,4 Triliyun yang melibatkan Megawati.¹⁹² Korupsi yang melibatkan parti PKS yang melibatkan wang ratusan juta menjadi lebih popular di mata media dibandingkan dengan korupsi pada projek bus Transjakarta yang melibatkan Jokowi yang merugikan negara triliyunan rupiah jumlahnya. KPK memang sangat memerlukan media, namun kebergantungan sepenuhnya pada media juga tidak dapat diandalkan kerana objektifiti media adalah keuntungan dan pasar. Ini terlihat dalam kes kriminalisasi pimpinan KPK yang tidak mendapatkan liputan media mainstream heboh seperti seorang kader parti PKS mengkritik KPK.

KPK gagal menangani kes korupsi besar seperti BLBI yang melibatkan mantan Presiden Megawati dan Century yang melibatkan mantan Presiden Susilo Bambang

¹⁹¹ "Darmin Janji Terbuka", *Kompas*, Rabu, 2 Oktober 3023, 4.

¹⁹² Habis Lebaran KPK Ekspose BLBI. *Rakyat Merdeka* 12 Julai 2014, 1.

Yudhoyono. Padahal kesempatan ini dapat dijadikan KPK sebagai *shock therapy* dalam membanteras korupsi di Indonesia. Dengan menghadapkan Presiden, wakil presiden aktif, beserta keluarganya pada mahkamah korupsi dinilai akan dapat menakutkan pelaku korupsi lainnya daripada melakukan kejahatan itu.

KPK dinilai gagal memberikan kesan jera yang membuat para pelaku korupsi dan calon pelaku korupsi untuk takut melakukan perbuatan itu. Kegagalan ini dapat dinilai dari sedikitnya peningkatan nilai indeks prestasi korupsi dalam indeks transparansi International. Sering kali hukuman mahkamah yang ditimpakan terhadap pelaku korupsi terlalu ringan bila dibandingkan dengan tuntutan jaksa dan KPK. Dan sering kali seorang penjenayah korupsi dihukum lebih ringan dari pencuri ayam kampung.

KPK juga dinilai kekurangan anggota dan tidak seimbang dengan keluasan dan banyaknya warganegara Indonesia. Jumlah anggota KPK juga tidak sebanding dengan jumlah anggota Polis dan Tentera walaupun KPK bertugas menjaga keselamatan negara di bidang korupsi tidak kurang pentingnya dengan apa yang dilakukan oleh tentera dan Polis. Padahal KPK memiliki anggaran yang tinggi dan cukup untuk membayar gaji pegawai baru demi tercapainya target anti korupsi yang lebih baik.

KPK tidak melakukan pemantauan secara berkala terhadap kehidupan pegawainya yang mungkin sahaja telah menjadi orang kaya baru setelah bekerja di KPK. AKP Suparman sang penyidik hitam KPK dari kepolisian yang memeras mangsa sebanyak 439.000.000 dan sejumlah Hand phone dan barang lainnya luput dari pemantauan itu. Suparman akhirnya dipenjara 8 tahun dan denda Rp. 200.000.000.¹⁹³ Untuk itu penulis setuju dengan usulan Wahyudi agar dibentuk komisi kod etika KPK sebagai institusi yang mengawasi pelaksanaan kod etika pimpinan KPK. Komisi kod

¹⁹³ Diana Napitupulu, *KPK In Action*, 97.

etika ini beranggotakan wakil masyarakat, ahli akademik, penasihat KPK, dan mantan komisioner KPK untuk menyelamatkan KPK dari musuh dari dalam menurut Wahyudi.¹⁹⁴

KPK dianggap lemah jika berhadapan dengan kes yang melibatkan penguasa besar, penegak hukum yang memiliki posisi kuat serta kelompok ahli perniagaan yang bekerja sama dengan elit politik, kes Century yang belum jelas, kes *rekening gendut* mantan petinggi Polis, kes suap Miranda Gultom, sembilan naga dan sebagainya.¹⁹⁵

Cara pandang masyarakat terhadap gratifikasi masih tidak menggembirakan. Ini kerana 10,7% responden menganggap hadiah sebagai sesuatu yang boleh dilakukan jika terpaksa dan 4.5 % menganggap boleh asal tidak selalu serta 0,8 % menganggap harus dilakukan serta 0,1% menganggap boleh dan sering dilakukan.¹⁹⁶ Tentu sahaja ini diakibatkan oleh kurangnya sosialisasi yang dilakukan oleh KPK.

Tahun 2014, KPK hanya dapat 10% laporan tindak jenayah korupsi, 20% kes penyelidikan yang naik menjadi penyidikan, 30% penyidikan menjadi tuntutan, 30% tuntutan yang menjadi putusan tetap dan hanya 10% yang memiliki kekuatan hukum.¹⁹⁷ Data ini tentu sahaja memberi persepsi yang negatif kepada KPK kerana prestasi mereka kurang memberangsangkan.

Pengalaman penulis apabila menghubungi pegawai dan mantan pimpinan KPK melalui email dan telefon membawa kesan bahawa KPK masih terkesan birokratik. Padahal seharusnya KPK sebagai institusi yang dilahirkan oleh rakyat ia harus merakyat. KPK hanya diperlukan tegas terhadap pelaku korupsi sahaja, sedangkan peratusan jumlah rakyat Indonesia yang melakukan korupsi hanya sedikit. Konsep pengamalan tegas terhadap koruptor dan berkasih sayang dengan bukan koruptor

¹⁹⁴ EEP Syaifullah Fatah, *Jangan Bunuh KPK*, 107.

¹⁹⁵ ICW, *Evaluasi dan Roadmap Penegakan Hukum KPK*, (Jakarta: ICW, 2011), 18.

¹⁹⁶ KPK, *Integritas Sektor Publik 2013*, (Jakarta: KPK, 2013), 51.

¹⁹⁷ KPK, *Laporan Akauntabilitas 2014*, (Jakarta: KPK, 2014), 25.

haruslah diamalkan sebagaimana yang diajarkan al-Quran untuk bersikap tegas terhadap orang kafir (jahat) dan berkasih sayang terhadap sesama orang baik.

6.6 Langkah-Langkah Penambahbaikan Oleh KPK Tahun 2013-2014

KPK telah berhasil merumuskan dan mengeluarkan surat edaran gratifikasi serta melakukan pembentukan unit gratifikasi di pelbagai Kementerian, Lembaga dan Organisasi pemerintah.¹⁹⁸ KPK melakukan kerjasama dengan BPKP, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendayagunaan Aparatur Negara dan Reformasi Birokrasi, Ombudsman dalam rangka mengatasi korupsi di pelbagai pelosok negeri.¹⁹⁹ Meningkatkan upaya penegakan hukum dan menimbulkan kesan jera pada pelaku korupsi seperti mencabut hak politik, operasi kejut lewat operasi tangkap tangan, hukuman tambahan dan pengungkapan kes baharu.²⁰⁰ KPK turut memantau dan mendesak transparansi bidang tambang Indonesia yang kaya dengan hasil bumi seperti emas, perak, minyak, gas, batu bara sebagainya tetapi bocor di tangan para penjahat yang menyebabkan kerugian yang amat besar bagi warganegara.²⁰¹

KPK juga berjuang untuk melahirkan politik yang bersih dari korupsi, pakatan sulit dan nepotisme antara lain melalui akauntabiliti dan integriti parti politik seperti dalam memerangi politik wang.²⁰² Dalam menyalurkan informasi sendiri, KPK juga memiliki Cannel radio anti korupsi yang boleh dilayari dari pelbagai pelosok Indonesia dari Sabang hingga Merauke. Siaran anti korupsi dikemas dengan ringan dan santai yang membuat ia mudah dicerna oleh seluruh lapisan masyarakat.²⁰³ Di samping

¹⁹⁸ KPK. Annual Report 2013, (Jakarta: KPK, 2014), 8.

¹⁹⁹ KPK. Annual Report 2013, (Jakarta: KPK, 2014), 16.

²⁰⁰ KPK. Annual Report 2014, (Jakarta: KPK, 2015), 37.

²⁰¹ KPK. Annual Report 2013, (Jakarta: KPK, 2014), 20.

²⁰² KPK. Annual Report 2013, (Jakarta: KPK, 2014), 25.

²⁰³ KPK. Annual Report 2013, (Jakarta: KPK, 2014), 27.

publikasi, workshop, dialog, untuk tahun 2014 KPK melancarkan channel TV yang berisi pelbagai program menarik pemberantasan korupsi.²⁰⁴

KPK berhasil bergerak bersama 2000 orang pensyarah dalam rangka pelaksanaan pendidikan anti korupsi di pelbagai perguruan tinggi. Pendidikan anti korupsi ini bertugas menyebarkan budaya anti korupsi di Indonesia.²⁰⁵ Tahun 2013 KPK melakukan kempen dalam bentuk film pendek berbentuk film animasi yang ditujukan kepada anak-anak. Mesej yang dibawa adalah nilai kejujuran, integriti, transparansi dan perlawanan terhadap korupsi.²⁰⁶ KPK juga melakukan pekan anti korupsi yang bertujuan untuk membudayakan gerakan perlawanan terhadap korupsi di tanah air.²⁰⁷ Pendidikan, kempen dan sosialisasi anti korupsi juga sering dilakukan dalam pelbagai bentuk media yang ada²⁰⁸. Tuntutan perempuan dalam rumah tangga dikatakan sering menjadi penyebab suami melakukan korupsi, untuk itu tahun 2014 KPK melibatkan peranan aktif perempuan dalam pemberantasan korupsi. Dunia usaha juga dilibatkan dalam pemberantasan korupsi.

Mereka dibenarkan untuk mengambil keuntungan tetapi tidak dengan cara menipu seperti markup dan markdown harga sesebuah transaksi²⁰⁹. KPK memperkuat lagi hubungan dengan Komisi Yudikatif, Kejaksaan dan Kepolisian yang selama ini selalu berlaku ego antar institusi yang kerap kali menimbulkan masalah dalam pemberantasan korupsi. Kerjasama antara institusi ini bertujuan untuk koordinasi dalam penerapan praktik good governance sebagai upaya pencegahan jenayah korupsi yang terintegrasi.²¹⁰

²⁰⁴ KPK. Annual Report 2014, (Jakarta: KPK, 2015), 17.

²⁰⁵ KPK. Annual Report 2013, (Jakarta: KPK, 2014), 29.

²⁰⁶ KPK. Annual Report 2013, (Jakarta: KPK, 2014), 31.

²⁰⁷ KPK. Annual Report 2013, (Jakarta: KPK, 2014), 33.

²⁰⁸ KPK. Annual Report 2013, (Jakarta: KPK, 2014), 155.

²⁰⁹ KPK. Annual Report 2014, (Jakarta: KPK, 2015), 21.

²¹⁰ KPK. Annual Report 2013, (Jakarta: KPK, 2014), 34.

KPK memantau secara langsung pelayanan birokrasi dan pelaksanaan urusan tadbir baik pelbagai institusi. Ini antara lain bertujuan untuk menciptakan pelayanan awam yang profesional, jujur dan adil serta bebas dari pungutan liar. seperti dalam pelayanan pada tenaga kerja Indonesia, waktu pembuatan cukai jalan, bidang kesihatan, BPJS, dana pendidikan, mineral dan batu bara, pengelolaan hasil hutan dan sebagainya.²¹¹

Dalam rangka mempersempit ruang gerak pelaku korupsi, KPK melakukan kerjasama dengan dunia international dengan membentuk jalinan international di mana setiap negara berjanji untuk tidak akan menjadikan negara mereka sebagai tempat berkumpulnya para pelaku korupsi dan wang hasil korupsi.²¹² Kualiti kakitangan KPK juga selalu ditingkatkan seiring dengan tuntutan zaman. Fokus KPK adalah mencari sumber manusia yang berintegriti.²¹³ Sumber manusia yang sedia ada selalu dipertingkatkan dalam bentuk kegiatan pelatihan.²¹⁴ Pengawasan dalaman KPK juga sering dilakukan dalam pelbagai bentuk untuk mengatasi berlakunya penyalahgunaan kuasa oleh kaki tangan KPK.²¹⁵ Tidak hanya sumber manusia, tetapi penguatan peralatan, teknologi maklumat juga dipertingkatkan sesuai tuntutan semasa.²¹⁶ Tahun 2014 KPK memperkenalkan aplikasi Android dan iOS sebagai penyelesaian dalam mengatasi gratifikasi.²¹⁷

Tahun 2014 KPK menceburkan diri dalam perjuangan untuk melahirkan proses pilihan raya yang bersih, jujur dan adil. KPK menerbitkan buku delapan agenda anti korupsi bagi Presiden 2014-2019 yang ditanda tangani oleh setiap calon Presiden dan calon Wakil Presiden.²¹⁸

²¹¹ KPK. Annual Report 2014, (Jakarta: KPK, 2015).

²¹² KPK. Annual Report 2013, (Jakarta: KPK, 2014), 36.

²¹³ KPK. Annual Report 2013, (Jakarta: KPK, 2014), 38.

²¹⁴ KPK. Annual Report 2013, (Jakarta: KPK, 2014), 131.

²¹⁵ KPK. Annual Report 2013, (Jakarta: KPK, 2014), 70.

²¹⁶ KPK. Annual Report 2013, (Jakarta: KPK, 2014), 176.

²¹⁷ KPK. Annual Report 2014, (Jakarta: KPK, 2015), 11.

²¹⁸ KPK. Annual Report 2014, (Jakarta: KPK, 2015), 5.

Untuk tahun 2014 KPK menyediakan beberapa saluran pelayanan maklumat sebagai berikut:

Layanan Langsung; pada petugas Pelayanan Maklumat Publik Gedung KPK lantai 1 Jln. H.R Rasuna Said Kav. C-1 Jakarta 12920. Surat; Pengiriman surat dialamatkan kepada Biro Humas, Gedung KPK Jln. H.R Rasuna Said Kav. C-1 Jakarta 12920. Kontak; No. telp. 021-2557 8498 dan Fax: 021-5290 5592. Email; maklumat@kpk.go.id. Website; www.kpk.go.id dan <http://m.kpk.go.id>, - <http://acch.kpk.go.id> dan -<http://perpustakaan.kpk.go.id>. Media Sosial; Twitter : @KPK_RI dan Facebook : Komisi Pemberantasan Korupsi. Kanal KPK; -Radio : www.kpk.go.id/kanalkpk/radio dan -TV : www.kpk.go.id/kanalkpk/tv²¹⁹

KPK bekerja secara berpasukan dan kerjasama. Walaupun masing-masing memiliki sub bidang yang memiliki pimpinan tersendiri, namun semuanya diperuntukkan untuk mencapai tujuan KPK secara keseluruhan. Kebaikan individu dan sub bahagian adalah untuk kebaikan KPK dan kebaikan KPK adalah untuk kebaikan pada bangsa dan negara bukan untuk kebaikan KPK secara institusi.²²⁰

6.7 Perkembangan Urus Tadbir Baik Dalam Pengamatan

Sepanjang pengamatan yang penulis lakukan selama ini, pengkaji menemukan bahawa terdapat perkembangan yang bererti dalam urus tadbir baik di Indonesia. Walaupun tentu sahaja belum mampu menandingi Malaysia dari segi ketepatan waktu, biaya murah, infrastruktur yang memadai dan pelayanan yang ramah lainnya.

Perubahan itu pengkaji alami dan lihat di pelayanan Kedutaan Besar Republik Indonesia Kuala Lumpur yang jauh lebih baik dari sebelumnya iaitu dengan adanya dinyatakan jumlah bayaran pasti dan waktu lamanya layanan.

²¹⁹ KPK. *Laporan Pelayanan Maklumat dan Komunikasi Publik KPK 2014*, (Jakarta: KPK, 2014), 2.

²²⁰ KPK, *Laporan Akauntabilitas Kinerja Tahun 2013*, (Jakarta: KPK, 2013), 12.

Pengkaji juga melihat secara langsung dalam proses pembuatan lesen memandu (SIM) kenderaan yang telah ada tarif bayaran tetap dan layanan yang tepat waktu yang menutup adanya pungutan liar seperti yang banyak berlaku selama ini.

Di beberapa lapangan terbang juga menyediakan kotak aduan dan juga di beberapa pelayanan awam lainnya yang sudah lebih baik dari sebelumnya walaupun tentu sahaja masih jauh di bawah standart negara maju.

Semua itu menurut analisa penulis disebabkan adanya gerakan pelajar 1998 yang melahirkan negara demokrasi yang menghargai hak asasi manusia dan menuju ke arah tercapainya cita-cita urus tadbir baik di Indonesia.

6.8 Analisa dan Kesimpulan

KPK periode 2013-2014 adalah institusi pemberantasan korupsi terbaik yang pernah ada di Indonesia. Predikat terbaik ini kerana institusi itu menjalankan ciri-ciri urus tadbir baik dalam menjalankan tugas mereka. Predikat terbaik juga diberikan oleh masyarakat melalui pelbagai laporan media dan kaji selidik masyarakat.

Kunci keberhasilan KPK terletak pada undang-undang yang mengharuskan mereka bekerja secara profesional, berintegriti dan berkualiti, adanya peraturan yang jelas seperti pengamalan falsafah ISO; "*Tulis apa yang akan dilakukan dan lakukan apa yang ditulis*" dan komitmen jajaran kepengurusan yang berani dalam menjalankan tugas mereka.

Namun demikian, Walaupun Komisi Pemberantasan Korupsi telah melakukan pelbagai daya dan upaya untuk pemberantasan penyakit korupsi di Indonesia, namun ianya tidak begitu berkesan dalam perbaikan daftar indeks prestasi korupsi yang dikeluarkan oleh Transparensi International. Masalah utama adalah ketiadaan contoh tauladan oleh pemimpin tertinggi negara. Gaya hidup mewah hedonisme pemimpin

atasan negara menjadi penghambat sosialisasi gerakan anti korupsi ke kalangan pegawai bawahan. Untuk itu diperlukan kepimpinan contoh sebagaimana yang di praktik kan oleh Nabi Muhammad SAW yang hidup sederhana walaupun kekuasaan dan kekayaan Islam telah luas waktu itu. Keadilan, hukum yang tidak memandang bulu, amanah, jujur, benar harus sentiasa dicontohkan dari atas untuk kemudian menjadi teladan bagi orang lain.

Asas KPK tentang urus tadbir baik tidak bertentangan dengan ajaran Islam sebagai *rahmatanlilalamin*. Kekuatan KPK terletak pada adanya undang-undang yang memberi wewenang dan kuasa yang luas dan besar pada KPK untuk membanteras korupsi.

Namun kelemahan KPK juga sangat banyak antara lain tidak melantik pemimpin sesuai dalam konsep Islam. KPK juga dikritik kerana majoriti anggotanya terdiri dari anggota Polis dan Peguam Negara padahal keberadaan KPK disebabkan oleh masyarakat yang hilang kepercayaan terhadap dua institusi itu dalam membanteras korupsi. KPK juga dikritik kerana tebang pilih dalam menangani kes yang berdasarkan pada tekanan. Lambat dalam menangani kes besar yang melibatkan petinggi negara aktif. KPK juga lambat menindak aduan masyarakat. KPK juga sedikit sekali membelanjakan bajet yang mereka ada padahal sebahagian dari kelemahan KPK dapat di atasi dengan bajet yang sedia ada. Ibarat ombak laut yang pasang surut, KPK periode awal adalah periode uji coba, diwaktu SBY mengalami peningkatan dan di era Jokowi kualiti KPK mengalami penurunan.

BAB 7: KESIMPULAN DAN PENUTUP

7. 1. Kesimpulan

Kelahiran KPK disebabkan oleh gerakan reformasi 1998 yang berjaya menjatuhkan orde baru di bawah kepimpinan Soeharto ketika itu. Orde baru memiliki identiti kerajaan yang korupsi, kolusi, nepotisme dan penyalahgunaan kuasa. Penyebab kelahiran KPK lainnya juga adalah kerana hilangnya kepercayaan masyarakat pada institusi Kejaksaan dan Polis dalam membanteras korupsi di Indonesia. Namun dalam perjalannya kepimpinan KPK didominasi oleh Polis dan Jaksa pencen. Ia ibarat keluar dari lobang buaya masuk sarang harimau.

Ada sembilan pendekatan KPK untuk memastikan bahawa ianya menjalankan urus tadbir baik dalam bidang pengembangan pengurusan sumber manusia iaitu; 1. Pemilihan pengambilan pekerja yang berkualiti, 2. Penataan semula posisi pegawai, 3. Penyempurnaan data persaingan, 4. Menata ulang sistem penggajian baharu, 5. Penyempurnaan pengurusan kerja pegawai melalui aplikasi *performance pengurusan system*, 6. Pembuatan *desain knowledge* pengurusan, 7. Pembuatan desain talent pengurusan, 8. Pelaksanaan evaluasi sistem sumber manusia KPK dan 9. Human resources information system. Namun dalam proses pemilihan kepimpinan KPK sering terperangkap dalam melahirkan kepimpinan yang tidak berkualiti, sementara calon pemimpin KPK yang berkualiti sering kali kalah kerana proses dalam sistem pemilihan yang tidak dapat menjamin akan lahirnya pemimpin yang berkualiti. Pendekatan KPK pula dijalankan mengikut `angin` pemimpin negara dan pemimpin KPK.

Dalam membanteras korupsi, KPK melakukan empat pendekatan yang agak lain dibandingkan dengan Kejaksaan dan Polis selama ini. Pendekatan itu adalah;

pembangunan kelembagaan, Pencegahan, Penguatkuasaan dan Mengikutsertakan masyarakat sebagaimana yang dijelaskan di bawah;

